

DR.25.10.2017

**Naskhah belum disemak**

# **PARLIMEN KETIGA BELAS**

## **PENGGAL KELIMA**

### **MESYUARAT KETIGA**

Bil. 35

Rabu

25 Oktober 2017

## KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

## **USUL-USUL:**

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 28)

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 202)

## RANG UNDANG-UNDANG:

## Rang Undang-undang Perbadanan Harta Intelek Malaysia

(Pindaan) 2017 (Halaman 29)

Rang Undang-undang Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia  
(Pindaan) 2017 (Halaman 65)

Rang Undang-undang Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Halaman 131)

**MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL KELIMA  
MESYUARAT KETIGA  
Rabu, 25 Oktober 2017**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said)  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. **Datuk Aaron Ago Anak Dagang [Kanowit]** minta Menteri Kewangan menyatakan anggaran jumlah GST yang dapat dikutip pada tahun 2017 ini dan untuk tahun-tahun akan datang. Apakah masalah yang dihadapi dalam melaksanakan kutipan cukai ini?

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wira Othman bin Aziz]:** Terima kasih. *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan-soalan daripada tiga lagi Ahli Yang Berhormat yang bertanyakan soalan yang sama iaitu daripada Yang Berhormat Ipoh Timur pada 15 November, daripada Yang Berhormat Kuala Terengganu 23 November dan Yang Berhormat Pagoh pada 28 November. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua soalan ini mempunyai persamaan iaitu berkisar kepada pelaksanaan GST ataupun Cukai Barang dan Perkhidmatan.

Seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, GST telah mula diperkenalkan sejak 1 April 2015 dan merupakan salah satu langkah kerajaan dalam menyusun semula struktur perkuatuan negara supaya lebih telus, efisien dan mesra peniaga. GST telah pun menggantikan cukai lama iaitu SST yang telah diperkenalkan, dilaksanakan sejak tahun 1972. GST dilaksanakan merangkumi lebih daripada 160 buah negara lain dan Malaysia telah pun mengenakan enam peratus kadar cukainya iaitu antara yang terendah di negara-negara ASEAN. Sehingga 30 September 2017, bilangan peniaga yang berdaftar dengan GST adalah sebanyak 454,609 orang.

Jabatan Kastam sering berdepan dengan cabaran-cabaran bagi memastikan pelaksanaan GST ini dapat berjalan dengan licin dan lancar. Antaranya termasuk hal-hal berkaitan dengan pengikrarann (*declaration*) supaya maklumat yang diberikan itu hendaklah tepat dan lengkap serta pembayaran dibuat dalam tempoh yang ditetapkan. Maklumat yang lengkap ini sangat penting bagi kita atasi masalah ketirisian dan sebagainya. Jadi kita hendak juga supaya peniaga-peniaga ataupun pengguna mengikut undang-undang yang telah pun ditetapkan. Antara langkah yang telah diambil untuk

mengatasi masalah-masalah ini adalah pendekatan *Customs Blue Ocean Strategy* (CBOS) di mana jabatan dalaman di peringkat Jabatan Kastam Diraja Malaysia iaitu Bahagian GST, Pematuhan dan juga Bahagian Penguatkuasaan dapat bekerjasama dari segi pengauditan, penguatkuasaan bagi kita optimumkan (*optimize*) sumber tenaga kerja dan sebagainya bagi meningkatkan bilangan audit yang dibuat.

Kerajaan juga telah pun meluluskan tambahan sebanyak 1,642 waran perjawatan baru untuk memantapkan lagi Jabatan Kastam ini sendiri. Selain daripada itu, sudah tentulah di peringkat awal kita menghadapi cabaran tentang kefahaman masyarakat berkaitan dengan GST jadi kita telah pun mengambil pelbagai langkah untuk memastikan rakyat dan juga masyarakat dapat memahami sistem perculaian yang baru ini. Akan tetapi berdasarkan kepada rekod Jabatan Kastam yang kita buat, yang kita terima melalui aduan-aduan ataupun masalah-masalah yang diterima, di mana pada tahun 2015, kita telah menerima sebanyak 6,830 buah aduan. Pada tahun 2016, telah turun kepada 1,235 dan sehingga Julai 2017 hanya 185 buah aduan sahaja diterima oleh Jabatan Kastam. Ini menunjukkan bahawa tahap kefahaman daripada masyarakat dan juga peniaga yang terlibat telah pun meningkat, maka sebab itulah masalah dan juga aduan yang diterima pun makin berkurangan.

Kita meneruskan usaha-usaha kempen, program publisiti dan untuk menyedarkan masyarakat secara inklusif. Antara program yang kita buat adalah program *Hand Holding*, kesedaran dan latihan, platform perbincangan isu berkaitan GST. Berkaitan dengan pematuhan, pentadbiran dan penguatkuasaan GST, kita telah pun meningkatkan lagi penambahbaikan sistem pengkomputeran sistem GST ini. Kemudian hal-hal berkaitan dengan penghantaran borang retan GST dan juga pembayaran dibuat secara atas talian. Jadi ini merupakan – kita harapkan dapat meningkatkan lagi kemudahan dan keberkesanan, dan mesra pelanggan dari semasa ke semasa.

Kemudian kita juga memperkenalkan satu lagi *GST Electronic Information System* (GEIS) untuk kita tengok secara – kita buat *pilot project* untuk melihat bahawa antara pengikrar yang dibuat dan juga kutipan sebenar supaya tidak ada varian yang terlalu besar. Sebanyak 2,212 buah premis telah kita mulakan program ini. Selain daripada itu, kita juga menjalankan pelbagai kerjasama dengan agensi-agensi lain seperti Lembaga Hasil Dalam Negeri, SSM dan sebagainya lah. Jadi, itu antara jawapan yang kita bagi untuk ketika ini. Terima kasih.

**Datuk Aaron Ago Anak Dagang [Kanowit]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih ke atas jawapan Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, pada prinsipnya kita melihat GST ini sebenarnya tidak melibatkan kos kepada peniaga ataupun *business* sebab ia dibayar ke atas input yang boleh dituntut balik oleh peniaga-peniaga, yang membayar GST ini kita tahu adalah *the final consumer*.

**■1010**

Kedua, melalui GST ini, kita juga boleh sepatutnya mengelakkan daripada *double taxation* seperti apa yang telah terjadi pada sistem lama SST, dan ketiga, banyak juga barang-barang keperluan tiada GST. Jadi, kalau dibandingkan dengan sistem yang lama iaitu SST, maka GST ini sepatutnya memberi kos yang lebih murah kepada peniaga-peniaga dan seterusnya itu barang-barang sepatutnya lebih murah. Tetapi peniaga-peniaga sekarang ini, dan dahulu juga, mengambil peluang dan membuat GST ini sebagai satu alasan untuk menaikkan harga-harga. Jadi, Yang Berhormat Menteri, apakah masalah ini dan adakah ini disebabkan masalah *profiteering*?

Kedua, soalan saya Yang Berhormat Menteri, berapakah kes *non compliance* semenjak GST ditubuhkan dan jumlah kompaun terhadap kes ini? Terima kasih.

**Dato' Wira Othman bin Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat Kanowit, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak berbalik juga kepada soalan asal iaitu berkaitan dengan kutipan yang telah dibuat.

Untuk makluman Dewan, bagi tahun 2015, sebanyak RM27.01 bilion telah dikutip dan bagi tahun 2016 sebanyak RM41.2 bilion. Bagi tahun 2017, berdasarkan kepada pembentangan bajet yang telah dibuat melihat kepada keadaan ekonomi semasa ketika itu, kerajaan meramalkan kutipan GST sekitar RM40 bilion manakala bagi tahun 2018 dan mendatang, ianya akan bergantung juga pada keadaan ekonomi dan sebagainya baru kita dapat tetapkan.

Merujuk kepada soalan tambahan yang telah pun dibuat oleh Yang Berhormat Kanowit, kita sedar bahawa semasa permulaan GST diperkenalkan, kita ini adalah satu negara yang pelik dan unik juga dalam pelaksanaan sistem GST kerana kita ada kategori-kategori barang dan juga perkhidmatan yang kita tidak kenakan GST—*exempted*— dan juga ada yang *zero rate*. Contohnya, kategori *zero rate* ini, barang makanan dan sebagainya ada 30 kategori, *services* atau perkhidmatan ada 19 kategori. Yang di-*exempted* ataupun dikecualikan langsung, barang ada tiga kategori, *services* ada 10 kategori. Yang ini juga sebenarnya menjadikan sistem kutipan pada peringkat awal itu macam kelam kabut dan juga mendatangkan masalah kepada pengguna sebenarnya.

Jadi sebab itulah kita sedar ada ketika-ketika tertentu terdapat juga peniaga ini juga mengambil kesempatan— soalan berkaitan dengan *profiteering* tadi— sebab pada masa itu ada di kalangan peniaga dengan mudahnya meletakkan semua kategori barang itu dengan memasukkan enam peratus GST. Jadi di sutilah terdapat *loophole*, lompongnya yang telah pun kita sedar dan telah pun kita ambil tindakan tertentu supaya kita hendak rakyat tidak dikenakan tambahan perbelanjaan walaupun barang-barangan ini telah pun dimasukkan dalam kategori sebagai *zero rate* ataupun *exempted*.

Kedua, berkaitan dengan kes *non compliance*. Memang kita tahu bahawa pada peringkat awal banyak di kalangan peniaga yang memang pada masa itu kurang faham cara pembayaran tiga bulan sekali, ada yang kena bayar sebulan sekali dan sebagainya,

tetapi kita membuat *coaching* ataupun membuat *engagement* dengan mereka dari semasa ke semasa. Namun, ada juga yang langsung tidak ambil peduli, tidak kesah.

Maka, berdasarkan kepada laporan yang kita dapat daripada 1 April 2015 sehingga 15 Julai 2017, sebanyak 14,578 kertas siasatan telah dibuka oleh Jabatan Kastam. Ini yang telah sampai peringkat *last*, kita bukakan kertas siasatan. Kemudian, ia melibatkan pelbagai kesalahan *tax evasion* di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 ataupun Akta 762. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 2,097 kes telah dibawa ke mahkamah dan sebanyak 928 kes telah pun diputuskan dan dijatuhkan hukuman denda. Saya tidak dapat beritahu jumlah kompaun yang diberikan buat masa ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada 3 April 2015, selepas tiga hari GST dikenakan, Timbalan Menteri Kewangan pada ketika itu, Yang Berhormat Pontian, telah mengeluarkan satu kenyataan mengatakan bahawa GST boleh turunkan harga barang. Saya hendak tahu dan bertanya kepada pihak kementerian, selepas GST diperkenalkan dan dilaksanakan selama 30 bulan, sama ada Kementerian Kewangan ada membuat kajian berapakah jenis barang yang telah turun harga? Kalau ada, tolong senaraikan jenis barang ini yang telah turun harga.

Sepatunya harga barang ini perlu dibuat untuk meyakinkan rakyat bahawa GST ini telah menurunkan harga tetapi hakikatnya pada hari ini, rakyat Malaysia mengalami kos sara hidup yang semakin tinggi dan membebankan kerana pelaksanaan GST dan bukannya seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan pada ketika itu bahawa GST boleh turunkan harga. Jadi ini adalah tidak betul sama sekali. GST ini membebankan rakyat Malaysia. Rakyat tahu bahawa kalau terus pangkah BN, GST terus dikenakan. Kalau PH menjadi kerajaan, GST dihapuskan. Terima kasih. *[Dewan riuh]*

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Ada soalan kah tiada soalan ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Jawab yang berkaitan sahaja Yang Berhormat.

**Dato' Wira Othman bin Aziz:** Yang Berhormat Seremban, saya tidak tahu lah dakwaan pada masa itu. Cuma, saya hendak maklumkan di Dewan yang mulai ini, kita tidak bolehlah hendak kata oleh sebab GST sahaja maka harga naik. Kita kena ingat bahawa input barang ataupun kos barang itu bukan sekadar di atas cukai. Ianya juga melibatkan berkaitan dengan *forex* ataupun pertukaran mata wang asing, berkaitan dengan kos pengangkutan, adakah minyak naik turun atau sebagainya. Kemudian ada kos-kos input tambahan dan sebagainya—*distribution channel, marketing channel* dan sebagainya lah.

Jadi untuk makluman Yang Berhormat, kita di peringkat Kementerian KPDKKK sedang juga memantau berkaitan kenaikan harga barang dan sebagainya, kita menyedari bahawa kalaupun ada naik— tetapi dalam masa yang sama, Kerajaan Barisan Nasional

yang bertanggungjawab juga memberi kompensasi sikit dalam bentuk bantuan-bantuan lain, bantuan *direct*, *indirect* dalam bentuk bantuan BRIM, bantuan-bantuan kepada pekebun-pekebun kecil, bantuan kepada nelayan, kepada orang yang bertani dan sebagainya.

Jadi semua ini adalah untuk mengimbangkan kenaikan harga tersebut supaya ia tidak terlalu membebankan mereka. Saya boleh katakan bahawa kenaikan harga barang itu bukan hanya kerana GST tetapi ada komponen lain yang menyebabkan kenaikan tersebut. Terima kasih.

**2. Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah pesakit dialisis sejak tahun 2010 sehingga sekarang di Sarawak mengikut lokasi bagi setiap pusat, swasta mahupun kerajaan; dan
- (b) apakah pelan yang ada dari pihak kerajaan untuk menangani masalah kekurangan tempat dialisis di hospital dan klinik-klinik kerajaan dengan penambahan jumlah pesakit dialisis terutamanya di kawasan luar bandar.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Stampin. Tuan Yang di-Pertua, ini berkenaan dialisis di Sarawak. Pada tahun 2010, terdapat 1,588 kes dialisis di Sarawak dan angka ini telah meningkat pada tahun 2015 pada 2,233 kes dan pada tahun 2016 meningkat kepada 2,722 kes.

Tuan Yang di-Pertua, di Sarawak, terdapat 24 pusat dialisis awam, 13 pusat dialisis swasta dan tujuh pusat dialisis NGO. Tuan Yang di-Pertua, yang awam punya terletak di hospital kerajaan dan juga di klinik-klinik kesihatan di Sarawak, contohnya Klinik Kesihatan Song Sarawak, Klinik Kesihatan Debak Sarawak, Klinik Kesihatan Batu Niah Miri dan Klinik Kesihatan Tatau di Bintulu, Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada usaha untuk mengadakan pusat dialisis, kita juga menggalakkan supaya pesakit-pesakit tukar kepada apa yang disebut sebagai *continuous ambulatory peritoneal dialysis* (CAPD) yang mana dibuat *fistula* di perut dia, kemudian cuci buah pinggang melalui perut dia. Dalam hal ini, pesakit tidak perlu pergi ke pusat dialisis seminggu tiga kali tetapi dia boleh buat di rumah tetapi dia kena cuci sehari empat kali, sekali buat setengah jam. Tetapi yang pentingnya dia tidak perlu pergi ke hospital tiap-tiap minggu. Dia pergi sebulan sekali ataupun dua bulan sekali hendak *check* sahaja. Dia akan diberi dia punya *solution* semua dan kemudian selepas itu dia boleh buat di rumah

**■1020**

Ini perlu kebersihan yang teliti, makna kita akan latih mereka supaya mereka boleh buat sendiri di rumah. Dengan cara ini dapat menjimatkan kos, terutama sekali di Sabah,

Sarawak, ada kos pengangkutan yang tinggi hendak pergi daripada pedalaman sampai ke Kapit, sebab itu Kapit kosnya tinggi, berjam-jam barulah sampai dengan bot dan sebagainya, jadi sebab itu kita menggalakkan hemodialisis.

Akan tetapi di Sarawak Tuan Yang di-Pertua, CAPD ini, yang sekarang ini cuma ada 155 pesakit. Daripada 2,722 ada 155 pesakit yang membuat CAPD ini. Kalau banding dengan perangkaan di seluruh Malaysia, di hospital kerajaan terdapat hampir setengah 50% yang buat CAPD ini. Ini sebenarnya menyebabkan kos kepada kerajaan dan kepada pesakit itu sendiri. Kalau dibandingkan kos hemodialisis setahun lebih kurang RM50,000, RM40,000 tetapi kalau CAPD ini cuma RM25,000 seorang setahun, Tuan Yang di-Pertua.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, untuk menggalakkan lagi pihak swasta dan NGO menubuhkan pusat hemodialisis, pihak kerajaan, pihak kementerian mengeluarkan dana *one-off*. Setakat yang sudah minta tahun ini 150, yang sudah lulus 81 dan kita telah membelanjakan RM20 juta setakat ini. Ia mengikut keperluan masing-masing, ada yang sampai RM200,000 kita bagi Tuan Yang di-Pertua, bagi setiap unit. Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, kita juga memberi subsidi RM50 kepada pusat-pusat dialisis swasta dan NGO, kita bagi tiap-tiap kali dialisis bagi mereka yang tidak mampu. Juga kita bagi *erythropoietin injection*, seminggu maksimum tiga kali Tuan Yang di-Pertua, bergantung kepada keperluan dia. Di mana kita buat yang terbaik Tuan Yang di-Pertua, untuk rakyat. Terima kasih.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, apakah rancangan kerajaan yang kukuh dari segi penambahan tempat *dialysis center*? Ini kerana kekurangan di Kuching sahaja sudah sampai ke tahap kritikal bagi mereka yang tidak mampu Tuan Yang di-Pertua, contohnya. Bagi AVF *insertion* contohnya, kebanyakan mereka menunggu sampai nyawa mereka terkorban. Begitu juga kes-kes di luar bandar, di mana seperti Yang Berhormat katakan, di mana pengangkutan itu adalah satu masalah. Bagi yang tidak mampu pergi ke swasta, di mana kos mereka boleh sampai RM5,000 sebulan. Jadi, *in Kuching alone, dengan izin, is already reached a critical limit*. Jadi, soalan saya ialah saya harap kerajaan boleh membuat sesuatu dengan secepat mungkin dari segi menambahkan lagi tempat-tempat mengatasi kekurangan dari segi *dialysis center* serta penyakit tersebut. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, memang kementerian sedang berusaha untuk terus meningkatkan lagi pusat-pusat dialisis ini. Saya tahu, saya sudah pergi melawat banyak tempat, termasuk baru-baru ini pergi ke Kapit dan pedalaman melihat keadaan itu sendiri, memang rungutannya adalah masalah pengangkutan. Di sana tiga jam, sejam, dua jam, tiga jam hendak sampai ke pusat dan kos kadang-kadang sampai RM200. Memang kos tinggi untuk hendak bayar dialisis itu dan untuk *transport* sebab kos tinggi. Bayangkan seminggu tiga kali kena pergi. Oleh sebab itu kita menggalakkan supaya mereka membuat CAPD ini Tuan Yang di-Pertua.

Buat sendiri di rumah dan cuma perlu pergi ke klinik sebulan ataupun dua bulan sekali tetapi yang penting mereka mestilah pandai menjaga kebersihan, Tuan Yang di-Pertua.

Memanglah kita— saya sebut tadi di Sarawak ada empat klinik yang sudah pun ada pusat dialisis dan kita sedang mengkaji lagi mana-mana kawasan yang perlu ditambah mesin ataupun ditambah pusat, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bintulu.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, bagi sama saya peluang tanya soalan tambahan untuk Kementerian Kesihatan. Tuan Yang di-Pertua, ini mengenai isu dialisis, kita sudah berbincang panjang lebar di Dewan yang mulia ini. Akan tetapi sampai hari ini rakyat tidak berpuas hati pasal kita belum apa-apa lagi *concrete* cadangan ataupun *proposal* untuk menyelesaikan ataupun mengurangkan kesusahan rakyat yang hendak pergi buat dialisis. Sampai hari ini kita cerita ini masih lagi syok sendiri, sama kongkalikung kita sendiri sahaja.

Kita sampai hari ini, adakah satu cadangan? *We must open up our mind*, dengan izin. Kita punya *dialysis center* sekarang masih lagi satu tingkat. Kita boleh buat dua tingkat, tiga tingkat dalam hospital. Lima tingkat pun boleh buat, satu tingkat taruhlah 30 mesin. Lima tingkat berapa mesin sudah boleh taruh? Satu kali simpan berapa mesin sudah? Kalau satu kali jalan, boleh 100 lebih orang jalan. Kenapa kita masih lagi satu tingkat? Tempat itu kecil. Contoh macam Bintulu, dari masa mereka mula bina ini *dialysis center* saya sudah beritahu pandangan saya, saya kata kalau boleh kita buat *piling* dahulu, *set for* dua kah, tiga tingkat, lain kali boleh buat *extension*. Akan tetapi dia punya konsultan pun kongkalikung punya, pegawai dari sana kementerian pun kongkalikung punya. Cakap sudah dia kata, '*Jangan susah YB, kita tahu macam mana rancang*'.

Hari ini tidak mencukupi, bila orang hendak pergi dialisis, dia kata bagi peluang pegawai kerajaan dahulu, rakyat kita pergi luar. Rakyat marah. Rakyat kata, '*Oh, macam ini pegawai kerajaan tidak boleh mati, rakyat boleh mati*'. Jadi satu isu, memberi peluang pembangkang balun sama kita. Akan tetapi sampai hari ini, kita ada orang derma dialisis mesin kasi sama hospital tetapi tidak ada tempat, tempat sudah penuh. Muah bina satu bangunan lagi, tidak ada tanah lagi, sudah penuh pun. Kalau sebegini, macam mana kementerian hendak menyelesaikan isu ini? Apakah cadangan betul-betul mengadakan satu konkrit punya untuk menyelesaikan dialisis ini, isu ini? Minta Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab betul-betul, jangan kongkalikung punya.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Bintulu. Mesti sebut punya, kongkalikung kena sebut, setiap kali bangun mesti sebut. Terima kasihlah di atas keprihatinan Yang Berhormat Bintulu.

Memang ini adalah agenda kita sebenarnya, agenda kementerian. Nombor satu, kita kena lihat bagaimana kita boleh mengurangkan jumlah penyakit diabetes, sekarang sudah 3.6 *million* orang yang berpenyakit diabetes ini. Mereka akhirnya akan dapat *kidney*

*failure stage kelima.* Ia ada *stage* satu, dua, tiga, empat dan kelima, yang kelima *end stage kidney failure*, yang itu yang kena buat dialisis. Ini memang kita lebih banyak tumpu kepada *prevention*, Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab itu kita buat, kita galakkan atau kita bagi tumpuan kepada *primary care*, Tuan Yang di-Pertua, *prevention*. Oleh sebab itu kita buat *course plan* dan sebagainya, kita hendak kesan kalau ada kes-kes yang gula dia tinggi, kita rujuk terus kepada klinik atau hospital. Kita hendak buat *intervention* awal supaya jangan sampai dia dapat kencing manis dan akhirnya, dapat *end stage kidney failure*.

Memang ini satu perkara yang— dia tidak akan selesai dalam jangka masa yang pendek, Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab itu saya kata *we have-* kita kena— kos tinggi, Tuan Yang di-Pertua. Sekarang ini kos kepada kerajaan yang saya tahu, tiap-tiap *cycle dialysis* RM156. Ini termasuklah kita beli perkakasan, *depreciation, maintenance* dan sebagainya dan juga staf dan *consumables* semua dan juga *solution*, lebih kurang RM156 satu *cycle* seorang. Seminggu tiga kali, sebulan 12 kali, setahun 156 kali dan termasuk ubat-ubatan yang lain, lebih kurang RM40,000 sebulan. Berbanding dengan kos yang saya sebut CAPD tadi RM25,000— sorry, tadi yang hemodialysis tadi RM40,000 setahun seorang tetapi kalau CAPD yang saya sebut tadi melalui perut itu, dalam RM25,000 setahun. Oleh sebab itu yang pertama, kita hendak menggalakkan supaya ramai yang *graduate* ataupun tukar kepada CAPD supaya kita tidak perlu banyak sangat pusat dialisis, hendak beli mesin mahal, sampai RM50,000.

#### ■1030

Setakat ini, Tuan Yang di-Pertua seperti yang saya sebut tadi, kita sentiasa *identify* keperluan di mana sama ada di klinik ataupun di hospital. Sekarang ini kita banyak juga pergi ke klinik. Seperti yang saya sebut tadi, sekarang ini terdapat pusat dialisis di seluruh Malaysia 12 pusat – 12 klinik yang telah pun mempunyai pusat dialisis dan setiap klinik kita bagi tiga mesin dan cuma satu sahaja di Bachok kita bagi lima mesin kerana *demandnya* tinggi, Tuan Yang di-Pertua. Jadi proses ini berterusan dan kos tinggi untuk hendak beli mesin dan *Maintain* memang tinggi.

Oleh sebab itu, kita kena *approached* cara lain, *prevention* Tuan Yang di-Pertua. Juga *graduate* daripada *hemodialysis* kepada CAPD yang lebih murah dan kalau ikut perangkaan yang saya sebut tadi sudah hampir setengah di pusat-pusat di Kementerian Kesihatan lebih setengah sudah buat CAPD, Tuan Yang di-Pertua. Kita akan galakkan perkara itu, Tuan Yang di-Pertua.

3. **Dato' Dr. Noraini Binti Ahmad [Parit Sulong]** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan proses sesuatu organisma diubahsuai yang hidup (*living modified organism, LMO*) dilaksanakan bagi menjamin keselamatan kesihatan manusia, kesihatan haiwan dan tumbuhan serta biodiversiti negara.

**Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:**

Terima kasih Tuan, Yang di-Pertua. Kerusi ini ganggu saya ya. Tuan Yang di-Pertua, kemajuan teknologi kejuruteraan genetik telah menyebabkan bidang bio-keselamatan mendapat perhatian masyarakat. Bidang teknologi kejuruteraan genetik ataupun dikenali sebagai bioteknologi moden telah membolehkan gen dari satu organisma dipindah kepada organisma yang lain. Dalam memastikan risiko yang mungkin terhasil daripada aplikasi bioteknologi moden ini pada paras yang boleh diterima, analisis biokeselamatan ke atas produk-produk yang termasuk pasaran negara adalah penting dilaksanakan.

Satu tatacara proses permohonan aplikasi organisma diubahsuai yang hidup ataupun apa yang dipanggil *living modified organism* (LMO) dengan ringkas telah diwujudkan di bawah Akta Biokeselamatan 2007. Di mana LMO yang diluluskan sahaja dibenarkan untuk dilepaskan ke sekitar alam Malaysia. Proses penilaian risiko dilaksanakan oleh Jawatankuasa Penasihat Perubahan Genetik ataupun *Genetic Modification Advisory Committee* (GMAC) yang terdiri daripada pakar-pakar pelbagai bidang yang dilantik oleh Lembaga Biokeselamatan Kebangsaan. Hanya LMO yang mempunyai risiko yang rendah dapat didapati selamat khususnya dari aspek impak terhadap kesihatan manusia, haiwan dan tumbuhan serta ekosistem dan biodiversiti akan diperakui untuk diluluskan oleh Lembaga Biokeselamatan.

Aspek utama penilaian risiko sesuatu LMO yang dilaksanakan oleh GMAC adalah satu, menilai kesan LMO terhadap kesihatan manusia yang mana penilaian risiko dilaksanakan oleh tujuh perkara berikut iaitu terhadap ketoksikan, *toxicity*, alahan ataupun apa bahasa Inggerisnya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Allergy?**

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Kemungkinan pemindahan *gene resistance* terhadap antibiotik dalam saluran pencemaran, kandungan nutrisi LMO, produk LMO, potensi *protogenic* dan organisma penderma gen. Kedua, menilai kesan LMO terhadap kesihatan haiwan di mana penilaian risiko dilaksanakan untuk lima perkara iaitu terhadap *toxicity* juga, alahan juga iaitu kadang-kadang terlupa ni...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Is that allergy?**

Alahan? *Allergy*?

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** *Allergy*, ya. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *Survivality* -- panjang hidup dia *lah* dan pencemaran produk haiwan. Ketiga ialah, menilai kesan LMO terhadap alam sekitar di mana penilaian risiko dilaksanakan untuk lapan perkara. Perkara antara seperti perlepasan tanpa sengaja, tumbuhan biji benih semasa pengikutan, tumbuhan pokok transgenetik tanpa sengaja daripada biji benih yang tumpah, pertumbuhan pokok transgenetik tanpa sengaja tumpah menjadi *inversive*, perhubungan kacuk andai tumbuh pokok transgenetik, penambahan pokok transgenetik untuk petani kecil yang tidak ada LMO, kemungkinan pemindahan

*transgene LMO* ke flora bakteria khusus haiwan yang memakannya, kemungkinan *transgene* dipindahkan ke bakteria tanah dan kesan toksik kepada organisma bukan sasaran.

Jadi untuk memaklumkan Ahli Yang Berhormat, GMAC melaksanakan penilaian risiko LMO berpandukan kepada dokumen berikut, dengan izin Tuan Yang di-Pertua dalam bahasa Inggeris,

- (i) *coded guideline for the conduct foods, safety assessment of food derive and recombinant DNA plants;*
- (ii) *road map for risk assessment of living modified organism, risk assessment for risk management of the convention on biological diversity; dan*
- (iii) *risk assessment on risk management plant submitted by the applicant dan recommendation which in the AHTGG guideline.*

Semasa penilaian risiko terlaksana GMAC juga akan mengenal pasti isu-isu yang mungkin timbul penggunaan LMO ataupun *living modified organism* dalam jangka masa yang panjang serta mengenal pasti pertimbangan pengawal seliaan yang lain. Hasil daripada penilaian risiko tersebut, LMO tersebut, GMC akan menyediakan cadangan terma dan syarat untuk pertimbangan Lembaga Biokeselamatan Kebangsaan semasa membuat keputusan. Dengan ringkasnya Yang Berhormat ialah bahawa kalau barang itu diimport dia mesti proses penilaian dahulu sebelum dibenarkan dijual atau diproses ataupun buat pencarian, ataupun ditanam. Begitu juga pihak-pihak universiti yang membuat *research* sebelum perkara itu dibolehkan untuk ditanam atau dipasarkan dia juga perlu melalui proses-proses yang sama. Terima kasih.

**Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih dan juga terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Menteri yang memberikan jawapan yang saya kira begitu komprehensif. Akan tetapi ada soalan tambahan yang saya hendak utarakan juga kepada Yang Berhormat Menteri. Apakah sebenarnya langkah-langkah yang dijalankan oleh pihak kementerian dalam usaha untuk meningkatkan kefahaman dan juga terutamanya kefahaman orang ramai terhadap manfaat dan juga risiko kepada makanan dan juga produk yang dihasilkan berasaskan kaedah LMO ini dan apakah jenis aktiviti pengawal seliaan yang telah dijalankan oleh pihak kementerian berkaitan LMO ini di peringkat agensi di bawah seliaan Yang Berhormat? Terima kasih.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih, Yang Berhormat Parit Sulong. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya suka ini betul-betul soalan. Dalam Dewan bukan untuk berhujah Yang Berhormat. Soalan itu cantik. Ini barulah Ahli Parlimen betul-lah tu. Saya puji sebagai bekas Timbalan Yang di-Pertua saya mengetahui peraturan dia. Jadi Yang Berhormat tiga soalan yang dibangkit walaupun peraturan kata satu sahaja tetapi bertali.

Pertama ialah berhubung dengan kesedaran kepada masyarakat umum. Sebenarnya soalan LMO dan GMO ataupun *genetically modified organism* ini dia adalah satu perkara yang amat teknikal, amat saintifik. Amat payah untuk dikenal pasti dan diketahui oleh masyarakat umum keseluruhannya. Itulah kita mengatakan satu proses kawal seliaan kepada satu badan-badan yang membuat *research*. Badan-badan yang membuat pengeksportan barang daripada luar negara. Kita menerusi *research* ini, ada 47 badan termasuk universiti-universiti tempatan yang buat kajian kepada semua bahan-bahan. Sama ada dia pokok-pokok, buah-buahan, binatang, *plant* dan sebagainya supaya mereka sebelum membuat *research* itu kalau ada bahan diimport daripada luar negara ia mestilah menerusi proses kelulusan dulu oleh Lembaga Biokeselamatan.

#### ■1040

Kedua ialah *research* mereka, apabila setelah satu penemuan didapati, pihak saintis, *researchers*, *technician* dan sebagainya mungkin dia mirip kepada penemuan sahaja. Daripada sudut keselamatan sebagaimana yang saya telah sebut tiga garis panduan tadi, mungkin adalah satu agenda yang di bawah daripada penemuan itu sendiri. Dalam keadaan sedemikian, maknanya sebelum perkara ini boleh ditanam, boleh disebar, boleh diguna pakai oleh masyarakat keseluruhannya, dia mestilah melalui proses penilaian oleh Lembaga Biokeselamatan itu dahulu supaya sama ada kalau dia binatang mengikut garis panduan, mengikut binatang ataupun *animals*, *assessment* sama ada dia boleh diklon, dipakai oleh orang luar, masyarakat ataupun tidak. Begitu juga tanaman. Sama ada tanaman ini dia menjadi satu *invasive* tanaman yang boleh meranapkan, membunuh tanaman-tanaman jenis yang sama di alam sekitar kita. Begitu juga makanan.

Jadi dengan keadaan sedemikian, kita hanya boleh mengawal selia daripada institusi dan pengeksportan. Pengeksportan juga berlaku apabila seseorang itu memasukkan barang makanan ataupun bijirin yang untuk makanan binatang ataupun makanan itu *direct* untuk makanan manusia sebelum dibolehkan, ini melalui proses oleh jawatankuasa ini supaya menilai pihak-pihak ini. Tiap-tiap institusi, ada 47 buah institusi yang kita senaraikan mempunyai jawatankuasa sendiri yang mana mereka mestilah melapor dan mendaftar kepada Lembaga Biokeselamatan.

Mereka ini mestilah melalui proses-proses yang sama dan memaklumkan perkara-perkara yang mereka buat dan kawalan seliaan kita di situ. Jadi sebelum dia masuk dalam tin, masuk dalam guni, masuk dalam paket dan sebagainya itu, sudah menjadi satu proses, telah dilalui, telah dibuat dan diterima oleh Lembaga Biokeselamatan ini walaupun saya masih menerima hakikat bahawa *entry point* kita, berapa banyak *entry point* di seluruh negara, laut, darat dan udara. Ada kemungkinan perkara ini masuk tanpa pengetahuan kita. Ini pernah berlaku Yang Berhormat, di Cameron Highlands. Orang tanam pokok selepas itu berbuah, dia eksport negara China, negara China *concern*, dia *check*, dia dapati bahawa perkara itu ada hasil daripada *Living Modified Organism* (LMO). Bijinya ditanam dan dieksport dan di-reject. Akhirnya kita ambil tindakan, kembali menyusul

daripada buah yang dijumpai di negara China, balik ke Cameron Highlands, kita beritahu dengan kita punya *planters, please don't plant this anymore. Thank you.* Terima kasih Yang Berhormat.

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya memang kurang arif. Saya hendak mendapat penjelasan. Pertama, minta Yang Berhormat Menteri beri contoh apakah produk-produk yang telah pun dihasilkan dalam negara kita melalui proses LMO. Kedua, apa kaitan *Cartagena Protocol on Biosafety* itu dengan LMO ini? Terima kasih.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih Yang Berhormat. Pertama, saya tidak ada senarai produk-produk yang— Kalau pegawai saya, dia boleh bagi senarailah. Akan tetapi banyak. Daripada bijian jagung, padi, beras dan sebagainya yang mana sebelum kita membenarkan padi, jagung, beras— jagung umpamanya makanan untuk binatang sebelum diproses, sebelum ia dimasuk dan diterima pakai oleh pihak-pihak pengilang, beras sebelum ia dipek diberi kepada masyarakat, dijual kepada masyarakat, ia mesti menerusi proses-proses pengenalpastian oleh pihak kita. Begitu juga kalau ada barang-barang bijirin dan sebagainya dan import untuk *research purposes* pun, ia mesti menerusi proses pengenalpastian oleh pihak Lembaga Biokeselamatan. Jadi itu proses kita, Yang Berhormat. Jadi banyak barang makanan, jenis makanan ini telah melalui proses-proses ini khususnya daripada biji-bijian, beras, padi, buah-buahan dan sebagainya. Semua kita sudah ada proses tetapi pengeluaran daripada ini, sudah juga melalui proses tetapi saya tidak ada senarai yang penuh. Secara umum sahajalah, beras, jagung, biji-bijian dan sebagainya.

Kedua, berhubung dengan protokol tadi. Sebenarnya semua ini di bawah *Convention on Biological Diversity* yang mana kita *party* itu kepada konvensyen tersebut. Di bawah CBD ini, ada dua protokol Yang Berhormat, iaitu Protokol Cartagena dan Protokol Nagoya. Protokol Nagoya itu berhubung dengan akses *benefit sharing*, yang baru undang-undang ini, Yang Berhormat telah luluskan di Dewan ini dan sekarang kita hendak daftarkan supaya kita boleh *endorse* ataupun kita boleh *ratify Nagoya Protocol* setelah undang-undang kita itu direstukan oleh Yang di-Pertuan Agong. *Insya-Allah* dalam masa yang terdekat kita akan *ratify Nagoya Protocol*.

Yang tinggal ini ialah *Cartagena Protocol* iaitu di mana *biosafety* ini bertapak. Kita dikehendaki untuk mewujudkan undang-undang kerana sekarang pemindahan barang-barang macam *highly modified, by-technologically modified*, LMO, GMO ini, *across national boundary*. Jadi itulah kenapa protokol ini jadi penting dan kenapa undang-undang *biosafety* ini jadi penting. Jadi khususnya ialah *Covention on Biological Diversity* (CBD) dan *Cartagena Protocol* dan kita diperlukan. *Every nation must produce* undang-undang yang sama supaya mengawal dan memastikan pengeluaran barang-barang yang masuk ke negara kita ini selamat untuk manusia, binatang dan untuk alam sekitar. Yang Berhormat, terima kasih.

**4. Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]** minta Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan usaha kerajaan dalam memastikan keselamatan bangunan sekolah tahfiz di seluruh negara selepas insiden kebakaran di Sekolah Tahfiz di Jalan Dato Keramat, Kuala Lumpur.

**Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tan Sri Haji Noh bin Omar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya menjawab soalan ini bersekali dengan lapan soalan yang lain iaitu soalan daripada Yang Berhormat Shah Alam bertarikh 23 Oktober 2017, Yang Berhormat Tanah Merah bertarikh 31 Oktober, Yang Berhormat Merbok bertarikh 14 November, Yang Berhormat Kuala Krai bertarikh 16 November, Yang Berhormat Tebrau bertarikh 21 November, Yang Berhormat Kuala Kedah bertarikh 23 November, Yang Berhormat Rantau Panjang bertarikh 28 November, Yang Berhormat Kota Raja bertarikh 30 November kerana semua Ahli-ahli Yang Berhormat ini membangkitkan isu yang sama iaitu berkaitan keselamatan bangunan terutamanya sekolah tahfiz.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Baik, Yang Berhormat.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan saya juga ucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang begitu prihatin mengenai isu kebakaran sekolah tahfiz dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi meningkatkan aspek pencegahan kebakaran di sekolah-sekolah tahfiz yang kita kenal sebagai pusat tahfiz, kerajaan melalui mesyuarat *high level committee* mengenai *task force* sekolah-sekolah tahfiz yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah mengarahkan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) untuk melaksanakan pemeriksaan ke atas semua pusat tahfiz di seluruh negara.

Mulai 26 September hingga 17 Oktober, Jabatan Bomba dan Penyelamat telah pun memulakan pemeriksaan ke atas 1,238 buah pusat tahfiz. Pusat tahfiz ini Tuan Yang di-Pertua, ada dua. Satu pusat tahfiz yang berdaftar dengan Majlis Agama Negeri ataupun JAKIM. Ia ada sebanyak 910 ataupun 73.5 peratus dan ada juga tahfiz yang tidak berdaftar dengan mana-mana pihak iaitu sebanyak 328 buah ataupun 26.5 peratus. Hasil daripada pemeriksaan yang dibuat, kita dapat bahawa pusat tahfiz yang mematuhi piawaian kebakaran ataupun piawaian keselamatan kebakaran hanya 986 sahaja di mana terdiri daripada 748 tahfiz yang berdaftar dan 238 yang tidak berdaftar. Ini bermakna yang tidak berdaftar pun dia memenuhi piawaian keselamatan.

#### ■1050

Pusat tahfiz yang tidak mematuhi standard keselamatan kebakaran ada sebanyak 252 iaitu 169 yang berdaftar dan 83 yang tidak berdaftar. Ini ertiinya yang berdaftar pun tidak sampai standard kita. Bilangan pusat tahfiz yang mendapat kelulusan daripada kelulusan bangunan daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat hanya 80 sahaja iaitu 73

tahfiz yang berdaftar dan ada juga tahfiz yang tidak berdaftar iaitu sebanyak tujuh buah tetapi mendapat kelulusan bangunan daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat.

Setelah kita siasat, kita telah pun mengambil tindakan dengan mengeluarkan notis menghapuskan bahaya kebakaran sebanyak 367 notis yang melibatkan sejumlah 83 pusat tahfiz. Notis ini banyak sebab ia melibatkan banyak aspek keselamatan. Dalam notis tersebut, kita memberikan tempoh pematuhan iaitu notis di antara 90 sehingga 180 hari iaitu untuk hendak pastikan mereka memenuhi arahan yang telah kita beri di mana tempoh 90 hari ini ialah yang melibatkan tahfiz yang *structure*-nya, yang melibatkan struktur utama seperti alat pengesan asap serta pemadam api. Itu kita bagi 90 hari untuk mereka mematuhi. Akan tetapi untuk yang melibatkan struktur utama seperti tangga, dinding pemisah, ini kita bagi 180 hari. Cukup tempoh ini, pasukan bomba akan datang balik melihat sama ada mereka memenuhi ataupun tidak dengan notis yang telah pun diberi.

Oleh itu, saya meminta kerjasama daripada semua rakan-rakan Ahli Yang Berhormat supaya kalau boleh turun ke padang di kawasan Parlimen masing-masing dan bawalah pasukan bomba. Kalau-kalau ada lagi pusat-pusat tahfiz dan juga bukan pusat tahfiz tetapi ia rumah warga emas, rumah anak-anak yatim, mungkin rumah kebajikan yang ada terutamanya yang tinggal di asrama-asrama yang disediakan oleh pihak-pihak penaja ini, supaya kita hendak memastikan keselamatan anak-anak kita ini terjamin daripada berlakunya kebakaran.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut undang-undang yang ada di bawah Jabatan Bomba, ada tiga peraturan yang kita boleh ambil iaitu pertama, untuk pastikan semua pusat tahfiz mematuhi keperluan keseluruhan kebakaran, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia akan mengenakan Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 ataupun UBBL 1984. Kedua, kita juga boleh menguatkuasakan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974. Dan yang ketiga, kita juga menguatkuasakan Akta Penyelamatan Bomba 1988 ataupun Akta 341 di mana bomba boleh melakukan pemeriksaan menghapuskan bahaya kebakaran dan juga boleh mengeluarkan notis dengan boleh mengenakan denda sehingga RM5,000 dan juga mendapat arahan mahkamah untuk menutup pusat tahfiz-tahfiz yang tidak memenuhi syarat-syarat yang telah kita kenakan.

Namun demikian, tujuan bomba turun ke padang memeriksa pusat-pusat tahfiz ini bukan dengan niat menutup tetapi adalah untuk menasihati. Kita hendak *win-win situation* supaya— pusat tahfiz ini mungkin mereka juga terlalai— kita berikan nasihat dan *alhamdulillah*, daripada nasihat-nasihat yang kita beri, kita dapat banyak juga pusat-pusat tahfiz yang telah pun mengikuti nasihat-nasihat yang telah bomba berikan. Terima kasih.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan takziah kepada 21 pelajar dan juga dua warden yang meninggal di Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah, Jalan Dato' Keramat, Kuala Lumpur, dan salah satu adik arwah Muhammad Aiman umur 12 tahun berasal daripada Taman Medan J4 di kawasan saya, Petaling Jaya Selatan.

Untuk makluman, Yang Berhormat, ini merupakan insiden yang ke-212 sejak tahun 2015 iaitu tidak sampai tiga tahun, ada insiden kejadian bukan setakat kebakaran tetapi masalah lain yang berlaku di tahfiz di seluruh negara kita ini. Saya haraplah tindakan yang serius ini kena diadakan sebab kita tidak boleh mengambil tidak serius terhadap keselamatan bangunan tahfiz di Malaysia ini.

Soalan saya, adakah kementerian sudi untuk membantu sekolah-sekolah tahfiz ini supaya memberi alat pemadam api secara percuma kepada mereka supaya mereka dapat menggunakan alat pemadam api ini segera kalau berlaku kebakaran? Terima kasih.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat simpati, takziah tetapi pada kebakaran tersebut, semua pemimpin turun termasuklah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri—balik daripada Amerika, pergi ke Kedah, tidak balik rumah, terus pergi ke tempat kejadian—Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri daripada Miri, Sarawak bergegas datang. Jadi semua pihak amat ambil perhatian dan kita juga ucapkan takziah dan simpati dengan apa yang telah pun berlaku.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, bomba, kita melihat— langkah-langkah pencegahan, apakah yang mesti kita ambil? Dalam kita menentukan langkah-langkah pencegahan ini, ia bukan sahaja mengenai alat pemadam api tetapi ia juga melibatkan mempunyai pintu keluar. Kita hendak tengok pintu keluar mencukupi atau pun tidak. Kita juga melihat tangga. Kalau daripada kajian yang kita lihat, yang mempunyai pintu keluar yang mencukupi hanya 97 peratus, yang mempunyai tangga keselamatan mencukupi 51 peratus. Pintu cukup, tangga tidak cukup pun dia ada *problem*. Itu yang berlaku dia terjun. Terjun pun dia akan cedera juga.

Kemudian pendawaian elektrik yang selamat, ini ada 82 peratus yang selamat. Mengadakan alat pemadam api, itu yang Yang Berhormat cadang tadi, 74 peratus mempunyai alat pemadam api. Mengadakan alat pengesan asap— alat pengesan asap ini yang penting—*smoke detector*. Yang ini tidak banyak. Yang ada hanya sembilan peratus. Kemudian kemudahan bekalan air pemadam— ini pun bekalan air, paip, pili bomba dan sebagainya— ini 73 peratus. Mengadakan jalan masuk jentera bomba— ini pun bila berlaku kebakaran, kita perlukan bomba, laluan bomba— ini 96 peratus sahaja yang ada. Kelapan, mengasingkan tempat memasak. Ini pun kadang-kadang situ hendak memasak, situ hendak belajar. Ini 64 peratus.

Jadi untuk makluman Yang Berhormat, kita sedia maklum bahawa Kerajaan Federal telah pun memberikan peruntukan, kalau tidak silap saya, RM30 juta kepada sekolah-sekolah tahfiz ini. Di Selangor pun bagi. Saya sendiri yang bagi ke beberapa sekolah tahfiz di dalam negeri Selangor. Akan tetapi, kemungkinan, kemungkinan bantuan yang diberikan oleh pihak kerajaan kepada sekolah tahfiz ini mungkin, saya tidak tahu, mungkin bila masuk tabung mereka, mungkin mereka menggunakan untuk membayar gaji, mungkin berlaku. Jadi, tidak mengambil berat aspek-aspek keselamatan.

Jadi kerana itu, seperti yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di mana Kabinet telah membincangkan perkara ini, dan setelah laporan lengkap akan saya bawa dalam Kabinet yang akan datang, untuk dilihat bentuk yang perlu kita bantu. Kali ini kerajaan ada lagi menyediakan RM30 juta untuk kita hendak membantu sekolah-sekolah tahfiz ini, tetapi bukannya memberikan bentuk wang tunai seperti yang dulu. Kita akan membuat kerjasama. Senarai tahfiz kita sudah ada, mungkin kita akan kerjasama dengan Giat Mara, kerjasama dengan kolej komuniti dan beberapa badan-badan yang lain supaya kita dengan kos yang terhad ini, kita dapat mengatasi lapan perkara yang saya sebut tadi, termasuklah Yang Berhormat kata pemandam api dan sebagainya. Jadi dengan ada kerjasama seperti ini, kita harap bahawa akan dapat memberikan, meringankan beban sekolah tahfiz dan juga kita dapat mencegah kebakaran.

■1100

Tetapi saya hendak menyatakan bahawa, bahawa apa pun kita buat kita memang tidak dapat mencegah kebakaran ini tetapi langkah kita mencegah. Kalau berlaku juga, apa tindakan yang mesti diambil apabila kebakaran berlaku? Pintunya, jalan keluar dan sebagainya. Seperti baru-baru ini kita melihat berlaku kebakaran tetapi kita lihat ada juga yang *Alhamdulillah* selamat kerana mereka mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Jadi latihan-latihan kebombaan sebagai contoh, juga mesti dipergiatkan. Saya ambil satu contoh, Hospital Tanjung Karang, sepatutnya sudah terbakar tetapi kerana latihan telah dibuat dengan Pasukan Bomba, langkah-langkah awal diambil oleh pihak pengurusan Hospital Tanjung Karang dan *alhamdulillah* kita dapat mengelakkan kebakaran. Jadi kita jangan pandang ringan isu-isu kebakaran ini. Terima kasih banyak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sungai Besar.

**Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar]:** Tuan Yang di-Pertua, insiden yang berlaku ini memang benar-benar memilukan dan insiden kebakaran Maahad Tahfiz ini dia merentas soal agama dan juga bangsa. Pada saya tiada seorang pun di kalangan kita yang tidak rasa pilu di atas kebakaran Maahad Tahfiz ini. Mungkin ada elemen kecuaian, mungkin ada elemen ketidakpatuhan dan mungkin ada elemen khianat yang mesti dikenal pasti untuk menentukan punca kepada kebakaran tersebut.

Saya pohon penjelasan daripada pihak kementerian sebenarnya, statistik sebenar sebab kita hendak melihat dalam tempoh dua tahun ini. Tadi disebut 215 oleh Yang Berhormat Petaling Selatan tadi. Adakah benar statistik itu? Kerana statistik ini sangat penting supaya kita dapat melihat betapa seriusnya kebakaran dan langkah pencegahan yang telah pun diambil. Tadi disebut pula oleh pihak kementerian, peningkatan strategik dan juga NBOS terutama yang melibatkan kerjasama kerajaan negeri dan juga kementerian-kementerian lain.

Apakah sebenarnya tindakan-tindakan segera tuntas yang telah diambil untuk mengelakkan perkara seperti ini berlaku dan juga kita hendak melihat daripada segi elemen apakah sebenarnya kepayaan pihak Maahad Tahfiz dalam mematuhi SOP yang disediakan oleh pihak berkuasa kebakaran tempatan? Pada saya kalaupun kita buat begitu banyak SOP, tetapi di peringkat Maahad Tahfiz mereka gagal, keduanya mereka juga kita tidak tahu kenapakah yang menyebabkan mereka tidak dapat mematuhi, jadi ini juga perkara yang mesti diambil kira.

Akhirnya saya melihat pemikiran kita terhadap sesuatu perkara menentukan sikap dan juga tindakan kita. Saya ingat dalam kes Maahad Tahfiz ini, saya masih ingat lagi bagaimana Yang Berhormat Gelang Patah akhirnya menuding jari kepada kementerian dan arahkan Yang Berhormat Menteri Tanjung Karang supaya dipecat ataupun letak jawatan sebagai Menteri akibat daripada insiden kebakaran Maahad Tahfiz ini. Akan tetapi insiden yang berlaku, Tanjung Bungah juga berlaku. Jadi saya melihat khidmat daripada pihak kementerian, adakah patut Yang Berhormat Gelang Patah pujuk Ketua Menteri dia supaya letak jawatan. Terima kasih

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Terima kasih Yang Berhormat Sungai Besar yang juga prihatin mengenai kebakaran Maahad Tahfiz. Daripada perangkaan yang telah pun ada pada saya mulai daripada 2013 sehingga 2017, dalam tempoh lima tahun ada berlaku 125 kebakaran. Akan tetapi alhamdulillah, 2015 – 34 tetapi 2016 dan 2017 ia telah pun menurun, hanya 16. Begitu juga angka kematian 24, yang melibatkan kecederaan enam.

Oleh sebab kebakaran ini kita tahu memang kerap berlaku di pusat-pusat tahfiz kerana itu kementerian mengambil langkah-langkah proaktif dengan kita melancarkan projek yang dinamakan Skuad Tahfiz. Ini kita lancar bulan Mei yang lepas oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bersama dengan sekolah-sekolah tahfiz seluruh negara. Kita telah pun berjaya mewujudkan sebanyak 299 Skuad Bomba Tahfiz telah kita tubuhkan yang melibatkan 3,190 orang ahli yang telah pun kita tubuhkan. Kita harap dengan adanya Skuad Tahfiz Bomba ini akan dapat membantu pihak sekolah tahfiz ini jika berlaku apa-apa kebakaran.

Dalam masa yang sama kita menyiaran aktiviti pembelajaran awam seperti ceramah, seminar, demonstrasi keselamatan dan sebagainya. Kita telah pun menganjurkan program kesedaran awam ini untuk 528 pusat tahfiz seluruh negara. Langkah-langkah ini kita pun telah ambil. Dalam masa yang sama kita juga banyak risalah-risalah kebakaran ini telah pun kita buat. Jadi seperti biasalah kalau benda ini tidak berlaku semua orang tidak ambil berat bila berlaku barulah masing-masing mencari ada atau tidak buku panduan dan sebagainya. Walaupun kita telah edarkan dan latihan-latihan kita galakkam supaya ia diadakan.

Jadi apabila berlaku kejadian yang besar seperti yang berlaku baru-baru ini, maka berbagai-bagai isu yang telah ditimbulkan. Maka, ada jugalah masuk isu-isu politik, yang mencari salah, mencari salah pihak kerajaan, mencari salah semua pihak. Ada yang cuba

mencari salah di mana puncanya sehingga Yang Berhormat Gelang Patah suruh saya letak jawatan. “*Menteri KPKT ini bertanggungjawab, kena pecat!*” katanya ataupun tukar kementerian lain. Namun itu lah saya kata seperti Yang Berhormat kata, di Tanjung Bungah ini berlaku, NRE pun tidak sokong.

Kementerian saya, semalam saya hubungi Pengarah Pelan Malaysia. yang merupakan ahli jawatankuasa teknikal mengenai penubuhan, membuat bangunan tersebut. Daripada Pengarah Pelan Malaysia bagi tahu, Pelan Malaysia pun tidak menyokong projek yang terlibat dalam tanah runtuh. Bukan sahaja NRE, Pelan Malaysia pun tidak menyokong tetapi macam mana projek itu tetap diteruskan. Sebab itu lah saya kata pembangkang jangan cari salah orang. Waktu rumah terbakar disuruh saya dipecat. Hari ini saya hendak cabar Yang Berhormat Gelang Patah. Ini ramai DAP, cabarlah! Sudah tentu lah itu NRE tidak sokong, Pelan Malaysia tidak sokong. Kita hendak tengok apa tindakan Yang Berhormat Gelang Patah. Anak dia. Suruhlah anak dia letak jawatan. Kalau anak dia tidak mahu letak jawatan, ini mungkin anak derhalah barangkali. Tidak mahu dengar nasihat ayah dia. Jangan tengok anak orang, anak sendiri tengok, suruh letak jawatan. Terima kasih.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Jangan putar belit lah NRE tidak sokong, jangan putar belit Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Siapa putar belit?

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Fokus pada isu yang kita sedang bincang. Kalau hendak tukar isu lain sekalipun pastikan faktanya betul!

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Siapa putar belit? Siapa yang putar belit?

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Saya tengah bercakap dengan Yang Berhormat Menteri!

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Eh DAP yang putar belit! Piirah!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Duduk Yang Berhormat Bukit Mertajam dan Pendang.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Yang Berhormat, saya bercakap dalam Dewan. Kalau saya cakap tidak betul, bawa usul pada saya. Saya hendak bagi tahu sebagai Menteri KPKT, yang di mana Pengarah Pelan Malaysia ialah pegawai saya. Saya sendiri telefon beliau semalam. Beliau mengesahkan dalam Minit Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal, Jabatan Pelan Malaysia tidak menyokong projek itu ditambah dengan bangunan yang tinggi. Kalau tidak betul bawa usul pada saya. Terima kasih banyak.

**5. Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd Harun Narrashid [Kota Tinggi]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan :-

- (a) usaha-usaha untuk memberi pendedahan kepada generasi muda mengenai kerjaya dalam bidang saintifik dan kejuruteraan; dan
- (b) panduan untuk meneroka kerjaya dalam bidang STEM, dan kerjasama dengan pihak swasta dalam membangunkan tenaga kerja berkemahiran tinggi di Malaysia

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Wira Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan Salam Negaraku Malaysia. Tuan Yang di-Pertua soalan daripada Yang Berhormat Kota tinggi ini memang dia meminati bidang STEM ini. Dalam persidangan yang lepas dia menegur saya. Dulu saya kata saya silap sebut STEM ini STEAM. Jadi dia kata bukan STEM. Adakah STEAM itu bidang baru? Jadi hari ini saya *make sure pronunciation* saya itu betul - STEM.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi melaksanakan pelbagai program pembudayaan untuk pendedahan kepada masyarakat termasuk generasi muda untuk meningkatkan minat mereka terhadap bidang sains, teknologi kejuruteraan dan matematik atau STEM dan seterusnya memilih kerjaya nya dalam bidang STEM. Antara program yang dilaksanakan oleh MOSTI ialah *National Innovation and Creative Economy Expo 2017* (NICE2017) yang telah pun berlangsung pada 12 hingga 16 Oktober 2017 di Taman Teknologi Malaysia, Pusat Sains Negara dan Planetarium Negara.

#### ■1110

Penganjuran NICE 2017 adalah satu acara tahunan terbesar yang mempamerkan teknologi R&D tempatan supaya ia dihargai di samping menyemarakkan dan membudayakan budaya sains, teknologi dan inovasi (STI) di dalam segenap lapisan masyarakat. Expo NICE 2017 diisi dengan program-program yang merangkumi aktiviti berbentuk forum, pertandingan, pameran dan *edutainment*.

Antara program-program kesedaran mengenai bidang STEM yang telah dianjurkan adalah seperti pertandingan *drone*, *KL Science Fiction*, *Science Show*, *Micro Space* dan *Inquiry-Based Science Education* (IBSE) dan mini karnival. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, selama lima hari Expo NICE 2017 yang berlangsung, ia telah berjaya menarik seramai 300,000 orang pengunjung.

Usaha MOSTI tidak hanya tertumpu kepada acara NICE sahaja pada 2017 malah MOSTI juga giat melaksanakan program pembudayaan yang menerapkan elemen STEM menerusi program Karnival Kreativiti dan Sains 4U, *Science Fest*, *National Science Challenge*, *National Space Challenge* dan pertandingan robot tempur. Program ini dilaksanakan secara Strategi Lautan Biru Kebangsaan ataupun NBOS bersama dengan kementerian dan jabatan seperti Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian

Pendidikan Tinggi, Kementerian Belia dan Sukan dan badan-badan bukan kerajaan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menghadapi cabaran revolusi, pengisian keempat penguatkuasaan bidang STEM adalah penting untuk memastikan negara kita mampu dan berdaya saing dan kemajuan teknologi telah pun mengubah bidang kerjaya masa hadapan yang kebanyakannya berlandaskan kepada STEM.

Oleh itu MOSTI mempunyai program *outreach* yang dilaksanakan dan telah memberi kesedaran dan pemahaman kepada orang ramai terutamanya generasi muda berkenaan dengan pekerjaan baru yang bakal diwujudkan pada masa yang akan datang. Kalau dulu kita tidak pernah dengar bidang-bidang kerja seperti yang akan muncul. Dipanggil *cyber expert, data waiver, data analysis, exco biologist, sustainable engineer, avatar developer, digital image consultant* dan *drone pilot*. Semua ini adalah bidang-bidang baru yang akan diperkenalkan apabila STEM ini – peluang-peluang pekerjaan dalam bidang STEM ini.

Oleh itu MOSTI telah memberi kesedaran dan pemahaman kepada orang ramai terutama generasi muda berkenaan dengan pekerjaan baru yang bakal diwujudkan pada masa akan datang. Ini untuk membolehkan perancangan jangka panjang dibuat bagi menyediakan laluan kerjaya yang bersesuaian dengan perkembangan teknologi masa hadapan seperti *artificial intelligence, robotic, internet of thing, blockchain* dan *adaptive manufacturing* dan lain-lain lagi.

Oleh kerana itu, MOSTI telah pun bekerjasama dengan pihak industri seperti Microsoft untuk memberi penerangan berkenaan dengan pekerjaan baru yang diperlukan pada pihak industri pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tahniah kepada kementerian dan sahabat saya kerana cakap betul tadi. STEM. Dalam usaha-usaha kementerian, dalam usaha-usaha pembudayaan. Berkaitan dengan pembudayaan ini amat besar. Pembudayaan sains, teknologi dan inovasi di kalangan generasi muda. Usaha-usaha ini pastinya akan membina keupayaan negara untuk menyediakan tenaga muda, profesional dan berkemahiran tinggi yang berasaskan sains, teknologi dan inovasi kepada ekosistem ekonomi negara yang akan menjadi pertimbangan utama dalam menarik pelaburan domestik atau antarabangsa.

Jadi ini amat baik untuk golongan muda dan amat baik untuk negara pada masa depan. Jadi saya hendak tanya. Soalan tambahan saya, apakah usaha-usaha kementerian ini untuk memastikan tenaga pengajar STEM ini atau STI ini mempunyai skil yang terkini dan modul-modul terkini yang sama ada secara interaktif ataupun *experiential*. Seperti mana yang disebut tadi, contohnya *drone*. Cakap *drone* ini, nanti Yang Berhormat Stampin mesti minat. Mempunyai elemen telemetri, *remote sensing, robotic, artificial intelligence* dan juga *gesture technology* yang terkini yang boleh kita terapkan dalam tenaga pengajar.

Soalan tambahan kedua ialah apakah kementerian bercadang untuk mempunyai satu kayu pengukur ataupun indeks ataupun *anything like that* dengan izin, yang boleh kita guna sebagai penterjemahan pembudayaan ini kepada tenaga kerja profesional dan berkemahiran tinggi. Terima kasih.

**Datuk Wira Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita telah pergi lebih ke hadapan dari itu. Itu pasal nya kalau kita tengok persediaan untuk menerap karier mereka ini, kita pada Dewan ini selaras dengan fungsi dan peranan selaku peneraju agensi STI negara, MOSTI telah pun membentangkan apa yang dipanggil Rang Undang-undang Teknologis dan Juruteknik 2014 yang telah pun dipersetujui oleh Dewan pada 2 April 2015. Undang-undang ini di bentang di Dewan Negara dan itu adalah untuk mewujudkan Akta Teknologis di mana Akta Teknologis ini dijangka akan memberi peluang pengiktirafan. Yang pentingnya pengiktirafan.

Apabila anak kita belajar dalam sesuatu bidang, dia akan tanya sama ada bidang yang dia belajar itu adalah mendapat pengiktirafan. Oleh sebab itu, kita pergi lebih awal daripada itu di mana MBOT ini akan bagi pengiktirafan kepada pelajar termasuk di politeknik dan universiti di mana akan memberi manfaat kepada 400,000 orang graduan teknologi kejuruteraan yang bakal dihasilkan oleh *Malaysia Technical University Network* menjelang tahun 2020.

Selain daripada itu, 400,000 orang lulusan politeknik juga turut mengambil peluang pengiktirafan bagi program kemahiran seperti SKMM tahap tiga, diploma kemahiran dan juga diploma lanjutan. Yang ini adalah *preparation*, persediaan kita supaya bidang yang mereka pelajari ini diiktiraf dan akhirnya mereka boleh mengajar kepada bakal-bakal graduan yang mengambil bidang STEM sesuai dengan persediaan teknologi kita pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang memandang ke arah sebelah kiri. Saya dengan khusyuk dan tawaduk mendengar penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan iltizam yang akan mencetuskan pekerja-pekerja dalam pihak swasta untuk membangunkan tenaga kerja berkemahiran tinggi dalam negara ini.

Saya ingin merungkai sedikit, membawa kepada statistik yang saya dapat daripada maklumat luar sana. Mengikut laporan yang saya dapat, pegawai dagangan aktif mengikut warganegara sehingga Februari 2017, jumlah pekerja asing yang terlibat secara proaktif daripada pembangunan tenaga kerja kemahiran di Malaysia ini begitu jauh meninggalkan pekerja tempatan. Ini memberikan satu kerisauan yang berlebihan daripada pihak-pihak tertentu terutama sekali bila melihat wang dikeluarkan RM34 bilion keluar negara serta penambahan pekerjaan. Bangladesh sendiri Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri, berjumlah 62,609 orang. Ini memberikan satu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, jangan tergelincir daripada MOSTI, Yang Berhormat.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Jangan terlari daripada MOSTI.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Tidak lari, tidak lari. Ini hendak kaitkan balik dengan kemahiran.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Kait cepat, Yang Berhormat. Kait cepat-cepat.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Itu tawaduk itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Kaitkan dengan segera, Yang Berhormat.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Ya, ya. Persoalan saya hari ini ialah tatkala kita hendak membawa tenaga kerja berkemahiran tinggi dalam negara ini, kita jangan lupa bahawa persaingan yang akan kita hadapi. Jadi apakah? Ini baru soalan saya, Tuan Yang di-Pertua. Apakah yang akan dilakukan oleh kementerian untuk memastikan bahawa kemahiran tertinggi ini betul-betul melahirkan anak-anak tempatan dan tidak mengheret pekerja tempatan dalam arus kemajuan kemahiran tinggi ini? Itu yang saya hendak tanya dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Wira Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Tuan Yang di-Pertua, saya mendengar dengan penuh khusyuk dan tawaduk juga soalan itu. Sebenarnya soalan ini soalan yang telah pun saya jawab pada awalnya. Kita sudah kata tadi persediaan yang kita buat. Kita akan mengadakan pengiktirafan bidang-bidang ini. Kita semua telah bersedia menuju ke arah itu. Jadi sebenarnya saya ingat Yang Berhormat baru masuk dalam Dewan kot dan tidak mendengar dengan penuh tawaduk jawapan saya sebentar tadi.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Khusyuk dan tawaduk.

**Datuk Wira Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Bidang-bidang yang saya kata tadi adalah bidang-bidang yang telah pun membuat persediaan ke arah itu. Setahu saya yang banyak masuk ke dalam negara ini orang yang bukan bidang-bidang yang itu. Bidang-bidang itu boleh ditanyakan kepada kementerian lain pada satu ketika nanti. Terima kasih. Saya daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Terima kasih.

■1120

6. **Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan apakah langkah yang diambil untuk membela nasib anak-anak yang dipelihara di institusi kanak-kanak dan adakah wujud kes anak Muslim yang dijadikan anak angkat kepada keluarga bukan Islam.

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun]:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim.*

*Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaaatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Rantau Panjang. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) amat prihatin dan sentiasa memastikan kebajikan terhadap kanak-kanak yang dipelihara di institusi kanak-kanak diberikan pembelaan yang sewajarnya. Sepanjang kanak-kanak ditempatkan di dalam institusi, antara perkhidmatan yang disediakan kepada mereka adalah seperti berikut:-

- (i) pemeliharaan dan perlindungan - bertujuan untuk memberikan pemeliharaan dan perlindungan yang menggalakkan, perkembangan jasmani, mental dan emosi yang sihat secara holistik kepada kanak-kanak;
- (ii) bimbingan dan kaunseling – perkhidmatan bimbingan dan kaunseling diberi kepada kanak-kanak untuk membantu mereka mengatasi masalah emosi dan psikologi serta membentuk perangai dan tingkah laku yang sesuai. Kaunselor dan pegawai psikologi ditempatkan di institusi, membantu dan memberi sokongan psikologi kepada kanak-kanak;
- (iii) pendidikan – kanak-kanak dalam lingkungan umur persekolahan di antara sekolah-sekolah aliran perdana bagi menjamin mereka mendapat pendidikan formal serta peluang untuk bergaul dengan kanak-kanak yang lain. Kanak-kanak yang berusia 4 hingga 6 tahun menghadiri tadika di luar institusi, manakala kanak-kanak di bawah usia 4 tahun menghadiri taska di dalam institusi;
- (iv) latihan kemahiran vokasional – kanak-kanak yang tidak dapat meneruskan pelajaran mereka di sekolah-sekolah formal, institusi menyediakan latihan kemahiran vokasional. Latihan kemahiran vokasional ini diharap dapat melengkapkan kanak-kanak dengan kemahiran asas sejajar dengan kebolehan dan potensi mereka apabila mereka keluar dari institusi kelak. Antara bidang kemahiran yang disediakan adalah seperti bakeri, jahitan, kraf tangan, automotif, elektrik dan pertukangan;
- (v) pendidikan agama dan moral – perkhidmatan ini adalah untuk menjamin pertumbuhan rohani dan akhlak kanak-kanak di bawah jagaan. Semua kanak-kanak diberi peluang untuk mengamalkan agama ibu bapa mereka. Kanak-kanak yang beragama Islam disediakan surau untuk sembahyang, hal-hal agama seperti membaca Al-Quran dikendalikan oleh guru-guru agama terlatih. Kemudahan-kemudahan dan galakan juga diberi kepada kanak-kanak yang bukan beragama Islam untuk mengamalkan agama

- masing-masing, di mana kanak-kanak ini dibenarkan untuk ke kuil, gereja dan tokong;
- (vi) riadah dan rekreasi – aktiviti riadah dan rekreasi ada bagi menjamin kesihatan dan pertumbuhan jasmani kanak-kanak. Kanak-kanak digalakkan untuk turut serta dalam pelbagai jenis permainan luar dan dalaman. Mereka diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam pertandingan olahraga dan sukan di dalam dan di luar institusi. Kanak-kanak yang besar digalakkan menjadi ahli dalam pertubuhan sukarela berpakaian seragam. Kanak-kanak juga dibawa berkelah dan melawat tempat-tempat menarik dari semasa ke semasa;
- (vii) rawatan dan perubatan – kanak-kanak turut juga menerima khidmat perubatan dan kesihatan yang rapi. Pegawai-pegawai perubatan daripada hospital yang berdekatan juga akan melawat RKK ataupun Rumah Kanak-kanak untuk memberi rawatan dan bimbingan mengenai penjagaan kesihatan kanak-kanak;
- (viii) pendapatan anak pelihara – bagi kanak-kanak yang tidak mempunyai ibu bapa atau penjaga yang telah terbuang yang diletakkan di bawah pemeliharaan dan jagaan institusi kanak-kanak di bawah seksyen 30(1e), Akta Kanak-kanak, pendapatan kanak-kanak ini kepada ibu bapa pelihara yang layak akan dibuat melalui Mesyuarat Panel Pendapatan Anak Pelihara yang diadakan dari semasa ke semasa. Proses pemanfaatan kanak-kanak ini dengan ibu bapa pelihara yang layak adalah melalui senarai permohonan anak pelihara yang telah dikemukakan daripada Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah. Penempatan anak pelihara kepada keluarga pelihara dibuat agar kanak-kanak mendapat kasih sayang dan penjagaan yang secukupnya dalam persekitaran-persekitaran keluarga;
- (ix) *job matching* – kanak-kanak yang menerima latihan kemahiran vokasional semasa di institusi akan dibantu pula untuk mendapatkan latihan lanjutan ataupun penempatan kerja yang sesuai dengan bidang kemahiran vokasional yang diperolehi semasa di institusi. Sehubungan itu, kolaborasi bersama agensi-agensi bagi latihan kemahiran dan syarikat telah diadakan bagi bertujuan penempatan kerja serta latihan kepada kanak-kanak institusi apabila keluar daripada institusi kanak-kanak. Antara syarikat yang telah bekerjasama dengan jabatan untuk tujuan ini

ialah Amway seramai 15 orang, Malaysian Automotive Institute (MIA) seramai 134 orang dan McDonalds seramai 40 orang.

Selain dari itu, bagi kanak-kanak yang tidak mempunyai dokumen diri pula semasa kemasukan ke institusi, urusan permohonan daftar lewat kelahiran akan diuruskan di Jabatan Pendaftaran Negara. Bagi kanak-kanak yang belum ditentukan kewarganegaraan mereka, permohonan turut dipanjangkan kepada Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Pendaftaran Negara. Walau bagaimanapun, pemberian kerakyatan seorang kanak-kanak adalah tertakluk kepada Perkara 15A, Perlembagaan Persekutuan di bawah bidang kuasa kementerian tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat turut bertanggungjawab dalam membantu menguruskan kanak-kanak yang ditempatkan di institusi untuk ditawarkan sebagai anak pelihara sebelum diangkat sebagai anak angkat. Bagi kanak-kanak yang beragama Islam, mereka akan ditawarkan kepada keluarga yang beragama Islam. Dalam hal ini, pendaftaran pengangkatan adalah mengikut Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 yang boleh dibuat di pejabat Jabatan Pendaftaran Negara yang berhampiran dengan tempat tinggal keluarga tersebut.

Bagi kanak-kanak bukan Islam, mereka akan ditawarkan kepada keluarga atau penjaga bukan Islam, di mana proses pengangkatan boleh dibuat berdasarkan sama ada mengikut Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 seperti keluarga Islam tadi atau Akta Pengangkatan 1952 yang boleh dibuat di Mahkamah Sesyen yang menggunakan khidmat peguam. Sehingga kini, tiada kanak-kanak yang beragama Islam atau Muslim yang ditempatkan di institusi kanak-kanak Jabatan Kebajikan Masyarakat diserah kepada keluarga bukan Islam untuk dijadikan sebagai anak angkat. Terima kasih.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri yang telah memberi jawapan yang begitu panjang lebar. Kita berterima kasih di atas pelbagai usaha yang telah dibuat oleh kerajaan untuk membela nasib kanak-kanak yang terabai ini. Apa yang kita bimbangkan ialah masa depan mereka. Jadi, saya ingin tahu setakat ini berapa jumlah sebenarnya keseluruhan anak-anak yang telah dipelihara di bawah pusat perlindungan kanak-kanak? Berapa orang kanak-kanak yang telah diambil oleh keluarga untuk menjadi anak peliharaan ataupun anak angkat? Adakah pemantauan dibuat terhadap pusat-pusat penjagaan ini supaya tidak berlakunya kes buli ataupun kes penganiayaan sesama mereka? Supaya untuk memastikan tidak ada kanak-kanak yang menjadi mangsa ataupun terabai di pusat-pusat perlindungan, minta penjelasan.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Terima kasih kepada Yang Berhormat di atas soalan tambahan. Setakat ini, kita mempunyai sejumlah 2,565 orang kanak-kanak di institusi-institusi kanak-kanak di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat. Daripada jumlah itu, saya nanti akan bagi kepada Yang Berhormat berapa ramai yang telah diberi kepada keluarga pelihara. Saya juga- tetapi saya juga ingin

memberitahu kepada Yang Berhormat bahawa kepada kanak-kanak yang telah melebihi umur 18 tahun yang terpaksa keluar daripada institusi-institusi kita kerana telah mencapai umur bukan kanak-kanak lagi, kita menyediakan rumah transit untuk mereka. Setakat ini, kita sudah mempunyai empat rumah transit yang mana satunya untuk kanak-kanak lelaki di Datuk Keramat. Ini merupakan rumah perantaraan, pada masa ini ada seramai 20 orang yang telah pun berada di sana. Kita juga mempunyai tiga lagi rumah kanak-kanak di Tengku Budriah di Flat Sri Sabah, Kuala Lumpur bagi yang perempuan dan kita ada di Kuarters RBS di Durian Daun, Melaka untuk lelaki dan di Kuarters RKK Arau, Perlis untuk perempuan.

Kita juga telah membantu menubuhkan pertubuhan bekas penghuni institusi di bawah JKM yang dinamakan JKEB. Ini dipengerusikan oleh bekas yang ada dalam institusi kita dan mereka ini dibantu pula oleh JKM secara berterusan. Ada juga pihak swasta dan individu yang membantu mereka untuk terus memastikan kanak-kanak yang telah keluar daripada institusi kita tidak terbiar, tidak terlantar dan tidak teraniaya. Oleh kerana ada ramai di antara mereka ini telah pun menyambung persekolahan mereka sampai ke peringkat diploma, sampai ke peringkat *degree*. Jadi, mereka tidak mempunyai keluarga kerana mereka dari institusi, maka melalui rumah-rumah transit inilah tempat mereka akan kembali semasa bercuti dan sebagainya. Ini adalah usaha kita yang berterusan bagi memastikan kanak-kanak yang sebagai merupakan keluarga kita daripada institusi, daripada JKM tidak terbiar bersendirian.

#### ■1130

Untuk tujuan mereka yang dihantar atau diberikan kepada keluarga untuk dipelihara ini, memanglah kita membuat pemantauan secara berterusan. Bilangannya nanti saya akan berikan kepada Yang Berhormat, *insya-Allah*.

**7. Dato' Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan adakah pihak kementerian bercadang untuk menaikkan kelayakan umur pencarum PERKESO membuat tuntutan daripada 60 tahun ke tiada had umur kerana masih ramai lagi pekerja yang masih bekerja selepas umur 60 tahun.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam 1Malaysia, salam Negaraku Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk pertamanya hendak mengucapkan tahniah kepada Timbalan Menteri Komunikasi di atas anugerah pingat SSAP yang membawa gelaran Dato' Sri sempena Keputeraan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang semalam.

Yang kedua, saya hendak mengucapkan selamat datang kepada guru, pemimpin pelajar dan pelajar Sekolah Menengah Tinggi Agama Tengku Ampuan Rahimah, Kuala Langat—oh, dah keluar. [*Tepukj*]

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Pasir Gudang. Untuk makluman Dewan yang mulia, perlindungan PERKESO untuk pekerja selepas umur 55 tahun tertakluk kepada Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2012 atau Akta A1445 yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2013 di mana had kelayakan permohonan di bawah Skim Keilatan dinaikkan daripada had umur 55 tahun kepada 60 tahun selaras dengan Akta Umur Persaraan Minimum 2012.

Bagi pekerja yang masih bekerja selepas umur 60 tahun, mereka layak dilindungi di bawah Skim Bencana Pekerjaan sahaja dan tiada had kelayakan umur yang terpakai di bawah perlindungan skim ini mengikut Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1999 selagi masih bekerja.

Kementerian Sumber Manusia setakat ini tidak bercadang untuk menaikkan lagi had umur selepas 60 tahun bagi kelayakan permohonan di bawah Skim Keilatan. Sekiranya cadangan ini dilaksanakan, ia akan memberi kesan dan implikasi kepada beberapa pihak ataupun aspek termasuklah daripada segi perundangan, daripada segi kewangan dan sebagainya. Setakat ini, kementerian melalui PERKESO dan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan ingin berusaha untuk mengurangkan kadar kemalangan sama ada di tempat kerja dan semasa ulang-alik bekerja yang melibatkan pekerja-pekerja kita supaya faedah daripada PERKESO ini akan dapat kita alirkan bagi kepentingan-kepentingan yang lain termasuklah pendidikan, kebajikan dan sebagainya. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, apakah cadangan daripada pihak kementerian untuk merombak syer caruman PERKESO untuk pekerja dan majikan dalam masa terdekat ini? ini kerana dengan liputan yang sangat luas yang diberikan oleh PERKESO, kita melihat perkara ini satu keperluan yang mungkin patut dilihat secara *detail*. Terima kasih.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Pasir Gudang. Seperti mana yang saya sebutkan tadi, sebenarnya isu yang dibawa oleh Yang Berhormat Pasir Gudang ini memang isu yang baik untuk memberikan faedah kepada mereka yang bekerja lebih daripada umur 60 tahun. Setakat ini, kementerian melalui PERKESO hanya memberikan faedah Skim Bencana Pekerjaan kepada pekerja-pekerja yang berumur sehingga 60 tahun ini. Faedah-faedah yang disediakan di bawah Skim Bencana Pekerjaan tertakluk kepada kelayakan dan syarat-syarat yang ditetapkan seperti berikut iaitu faedah perubatan, faedah hilang upaya sementara—banyak ini, Tuan Yang di-Pertua, faedah yang cukup baik yang diterima oleh pekerja-pekerja kita walaupun mereka telah berumur sampai kepada umur 60 tahun—faedah hilang upaya kekal, elaun layanan sentiasa, faedah orang tanggungan, faedah

pengurusan mayat, faedah pendidikan, kemudahan pemulihan jasmani, vokasional dan program *Return To Work* yang dilaksanakan oleh PERKESO.

Manakala cadangan untuk mengubah kadar caruman dan sebagainya, ini memanglah baik. Sebab itulah saya sebutkan tadi, kalau kita tingkatkan umur lebih daripada 60 tahun, kita memberikan faedah kepada pekerja-pekerja kita, banyak implikasi kewangan yang akan dihadapi bukan sahaja oleh majikan yang terpaksa *contribute* kepada SOCSO bahkan juga kepada pekerja-pekerja itu sendiri.

Namun demikian, cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Pasir Gudang, *insya-Allah*, akan kita ambil kira, Tuan Yang di-Pertua, dan yang penting ialah bagaimana kita boleh meningkatkan lagi faedah kepada pekerja-pekerja kita dan akan memberikan sumbangan kepada pembangunan dan ekonomi negara. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, setakat itu sesi Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan untuk pagi ini.

*[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]*

### USUL

#### **WAKTU MESUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESUARAT**

**11.35 pg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahas dan diputuskan Rang Undang-undang Perbadanan Harta Intelek Malaysia (Pindaan) 2017, Rang Undang-undang Agensi Pengukuasaan Maritim Malaysia (Pindaan) 2017 dan Rang Undang-undang Sistem Insurans Pekerjaan 2017 seperti yang tertera di No. 1 hingga No. 3 dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Khamis, 26 Oktober 2017.”

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG PERBADANAN HARTA  
INTELEK MALAYSIA(PINDAAN) 2017****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” **[24 Oktober 2017]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Selangor.

**11.36 pg.**

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam negaraku Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang dan ruang kepada saya untuk turut sama membahaskan usul Rang Undang-undang Perbadanan Harta Intelek Malaysia (Pindaan) 2017.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang kita sedia maklum, harta intelek ini merujuk kepada beberapa jenis hasil daripada idea-idea atau minda seperti ciptaan, dengan izin, *invention*, hasil karya seni, simbol-simbol, nama-nama, imej dan rekaan dalam perniagaan yang hak eksklusifnya diakui di bawah undang-undang yang berkait.

Hak eksklusif bermaksud hak untuk memiliki dan juga hak untuk mengeksloitasi sesuatu harta intelek tanpa sebarang, khususnya ancaman, daripada pihak yang lain. Ancaman yang dimaksudkan di sini termasuklah cetak rompak, barang tiruan, penyalahgunaan, penggunaan tanpa kebenaran dan sebagainya. Hakikatnya, harta intelek merupakan salah satu komponen penting khususnya dalam pembangunan ekonomi negara yang mana daripada segi penghasilan harta intelek yang berterusan daripada semasa ke semasa akan meningkatkan lagi pelaburan dan juga perdagangan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, bila merujuk kepada angka, sehingga Julai 2017, saya melihat jumlah permohonan dan pendaftaran harta intelek dalam MyIPO menunjukkan suatu angka yang sangat memberangsangkan. Permohonan untuk kategori cap dagangan bagi permohonan dari Malaysia dan dari luar negara adalah sebanyak 640,448 manakala pendaftaran bagi kategori ini pula direkodkan sebanyak 398,765. Merujuk kepada kategori permohonan dan pendaftaran paten dari Malaysia dan juga luar negara, jumlah permohonan sehingga Julai 2017 adalah sebanyak 155,318 manakala jumlah pendaftaran adalah sebanyak 63,052. Seterusnya untuk permohonan dan pendaftaran harta intelek dalam MyIPO bagi kategori reka bentuk dan perindustrian pula menunjukkan jumlah

permohonan yang dicatatkan dari Malaysia dan juga luar negara adalah sebanyak 24,408 dan jumlah pendaftaran mencatatkan jumlah sebanyak 24,920.

■1140

Tuan Yang di-Pertua, bila melihat kepada angka-angka seperti permohonan dan pendaftaran, sebagaimana yang telah saya nyatakan sebentar tadi dapat dilihat bahawa pemilik-pemilik produk semakin sedar akan kepentingan untuk melindungi harta intelek mereka. Sebagaimana yang telah saya nyatakan tadi, sistem perlindungan harta intelek memberi hak eksklusif kepada pemiliknya untuk mengawal dan mengeksplotasi harta intelek mereka. Ini termasuklah hak untuk membuat, menggunakan, mengedarkan dan juga menjual serta mengimport produk masing-masing.

Sehubungan dengan itu, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan di atas segala usaha-usaha yang telah dilaksanakan melalui MyIPO dalam meningkatkan kesedaran khususnya kesedaran rakyat terhadap harta intelek. Usaha-usaha ini termasuklah melalui Hari Harta Intelek Malaysia yang telah diisytiharkan pada 26 April setiap tahun bermula daripada tahun 2005, *IP Mobile Clinic* yang dilancarkan pada tahun 2009, jaringan media sosial sebagai medium alternatif untuk menyebarkan maklumat, menganjurkan *IP summer camp* di peringkat sekolah untuk memberikan pendedahan khususnya kepada pelajar mengenai kepentingan dan usaha mereka terhadap perlindungan harta intelek dan lain-lain inisiatif yang diambil oleh pihak kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, bila merujuk kepada pindaan ini, saya ingin menjurus kepada keperluan dan rasional meminda Rang Undang-undang Perbadanan Harta Intelek Malaysia (Pindaan) 2017 ini. Pada hemat saya seksyen baru 35A memberikan manfaat kepada perbadanan selari dengan fungsi-fungsinya yang tersenarai dalam seksyen 17(e), (f) dan (i) Akta 617. Fungsi-fungsi tersebut adalah untuk menggalakkan dan meningkatkan latihan dan penyebaran pengetahuan dan maklumat mengenai harta intelek dan untuk menggalakkan dan menyediakan program kerjasama di peringkat kebangsaan dan juga antarabangsa mengenai isu atau perkara yang berhubungan dengan harta intelek untuk menjalankan penyelidikan dan untuk mengkomersialkan kajian mengenai isu atau perkara yang berhubungan dengan harta intelek.

Penubuhan syarikat ini akan membolehkan MyIPO mempelbagaikan sumber pendapatan tanpa menjaskan misi dan objektif MyIPO sebagai badan berkanun yang bertanggungjawab ke atas pentadbiran dan penguatkuasaan perundangan harta intelek. Dengan ini, MyIPO dapat menjana pendapatan bagi kelestariannya untuk jangka masa yang panjang serta boleh meningkatkan keupayaan kawalan ke atas pengurusan hasil MyIPO. Tambahan lagi MyIPO akan mempunyai sumber pendapatan baru pada hemat saya dan tidak hanya bergantung kepada sumber pendapatan utama daripada fi dan caj yang diterima bagi setiap permohonan dan pendaftaran harta intelek sedangkan pendaftaran harta intelek itu pada awalnya adalah tidak wajib.

Kepelbagai sumber pendapatan ini juga akan dapat membantu MyIPO khususnya dalam menanggung kos bagi menjalankan fungsi lain seperti mengadakan program-program kesedaran awam dan latihan harta intelek secara meluas seluruh negara hatta dan memerlukan kos yang tinggi dan keupayaan MyIPO untuk menjana pelbagai sumber pendapatan akan mengurangkan beban kewangan kerajaan secara tidak langsung dari segi kos latihan, promosi dan program kesedaran awam.

Tuan Yang di-Pertua, justeru itu bagi menambah baik pelaksanaan terhadap rang undang-undang ini, saya ingin mengemukakan beberapa cadangan. Antaranya ialah untuk mewujudkan satu koordinasi ekonomi digital yang mapan di antara MyIPO dengan para industri dan agensi terlibat agar ianya berupaya untuk menghalang dari berlakunya gejala peniruan produk atau cetak rompak dengan mewujudkan kerjasama digital bagi mengenal pasti produk tiruan di pasaran.

Pada hemat saya koordinasi kerjasama ini yang berteraskan ekonomi digital sangat penting kerana sejak kebelakangan ini terdapat banyak produk tiruan berada di pasaran hingga agak sukar untuk dikenal pasti kerana ianya hampir 100 peratus menyerupai produk asli. Hal ini disebabkan atas pengalaman saya sendiri sebagai contoh, sebagai Penggerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, LKIM telah berusaha untuk mengurangkan impak peningkatan kos sara hidup pengguna dengan memperkenalkan produk ikan sejuk beku iaitu *Q'Fish* yang berupaya untuk dikomersialkan menjadi pilihan utama rakyat.

Namun demikian Tuan Yang di-Pertua, apa yang menjadi kerisauan saya ialah produk *Q'Fish* tersebut boleh ditiru oleh pihak yang tidak bertanggungjawab sehingga mutu dan kualiti asalnya boleh terjejas hingga meruntuhkan kepercayaan rakyat terhadap peranan dan agensi kerajaan termasuk juga Persatuan Nelayan Kebangsaan. Justeru itu Tuan Yang di-Pertua, apabila saya mencadangkan supaya koordinasi ekonomi digital ini dapat diwujudkan, ianya secara tidak langsung berupaya untuk meningkatkan kerjasama di antara pihak industri dan agensi dengan KPDKKK. Bak kata pepatah iaitu “*bak aur dengan tebing*” bagi membanteras produk tiruan yang terdapat di pasaran.

Selain daripada itu ekonomi digital ini juga seharusnya dipantau oleh pihak berkuasa dari segi aliran tunai dan transaksi urus niaga yang mencurigakan agar tidak ada sebarang syarikat yang menerima dana asing dengan niat untuk menimbulkan keganasan dan juga kekacauan di dalam dan di luar negara. Pada pandangan saya ianya perlu memandangkan beberapa kes serius Tuan Yang di-Pertua melibatkan Daesh yang menerima dana menerusi syarikat yang sah didaftarkan dan ditambah pula apabila siasatan polis terhadap kes pembunuhan berprofil tinggi menunjukkan terdapat syarikat tempatan mempunyai hubung kait dengan transaksi yang mencurigakan khususnya kes-kes yang sedang dibentangkan di mahkamah ketika ini.

Tuan Yang di-Pertua, justeru itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga ingin mencadangkan agar bagi merancakkan selaras dengan pindaan rang undang-undang ini

dan pertumbuhan ekonomi digital di negara kita, agar geran khas dapat diwujudkan untuk memberikan galakan kepada usaha dan menubuhkan syarikat-syarikat yang berteraskan ekonomi digital dengan tumpuan diberikan kepada usahawan-usahawan baru khususnya usahawan di kalangan generasi muda. Namun demikian, merujuk kepada pindaan rang undang-undang ini juga, kekhawatiran timbul dalam diri saya mengenai beberapa perkara khususnya dari segi adat, budaya dan warisan misalnya yang mempunyai persamaan dengan negara jiran kita iaitu Indonesia yang sering kali berlaku perdebatan berkenaan dari mana asal sebenar adat, budaya dan warisan tersebut sehingga mereka bertegang urat dengan kita, bercakaran persis anjing dan juga kucing. Daripada hemat saya perkara ini harus diambil perhatian serius kerana isu ini tidak akan mengganggu gugat hubungan diplomatik kedua negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bertanyakan pada pihak kementerian, apabila saya memberikan contoh sebentar tadi, apakah usaha di peringkat MyIPO dalam menangani isu permasalahan ini kerana pada hemat saya ianya sangat penting kerana walaupun kita mewujudkan satu pindaan undang-undang ini, ada kemungkinan ianya boleh disalah gunakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan untuk memuji pihak KPDKKK dalam usaha untuk membanteras orang tengah khususnya dalam urusan perniagaan sehingga pengguna sering tertindas disebabkan kenaikan harga disebabkan tindakan mereka.

#### ■1150

Namun demikian saya mohon agar tindakan orang tengah yang sering kali “menangguk di air keruh” ini harus diperhalusi lagi dari segi pelaksanaan dan juga hukuman agar ia nya dapat memberikan pengajaran yang setimpal kepada mereka. Di mana masa sama saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak kementerian yang memperkenalkan aplikasi *Friends of KPDKKK* yang menjadi penghubung kepada pengguna untuk memaklumkan aduan dengan kadar segera.

Namun demikian, saya amat berharap agar pihak KPDKKK dapat mempergiatkan lagi segala bentuk informasi mengenai *Friends of KPDKKK* agar setiap masyarakat mengetahui mengenainya. Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak kementerian yang mengusulkan pindaan ini dan akhir kata Kuala Selangor mohon menyokong, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, saya ingin mendapat kepastian ramai lagi yang berminat? Satu, dua, tiga lagi enam ya?. Boleh 10 minit seorang?

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Sikit saja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih, sila Yang Berhormat Bukit Gantang.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian di dalam perbahasan berkenaan dengan Akta Perbadanan Harta Intelek Malaysia (Pindaan) 2017, untuk kita membincangkan bagi membolehkan kuasa supaya perbadanan ini dapat menubuhkan syarikat.

Sebagaimana yang kita maklum bahawa kewujudan akta ini ialah sebagai satu penghormatan terutama kepada mereka yang mencipta dan mereka yang memulakan menghasilkan sesuatu jenama atau pun produk. Ia merupakan satu bentuk pembelaan kepada mereka yang memulakan ini dan kita tengok kadang-kadang perkara ini banyak berlakunya tentang ciplak atau pun peniruan yang menguntungkan pihak kedua atau pun pihak ketiga. Sedangkan orang yang mencipta ataupun mereka yang memulakan ciptaan ini tidak mendapat apa-apa keuntungan.

Contohnya seperti banyak kadang-kadang kita lihat seperti mana buku, apabila buku yang ditulis merupakan pasaran yang dianggap sebagai *bestseller*. Maka di situ adalah di kalangan mereka yang bertindak untuk melakukan sesuatu jenayah iaitu melakukan perbuatan yang tidak sepatutnya berlaku. *Alhamdulillah* pada hari ini kita hendak bincang berkenaan dengan bagaimana untuk membolehkan perbadanan ini menubuhkan syarikat. Persoalan saya di sini timbul beberapa perkara yang boleh dibincangkan, apakah selama ini apabila ditubuhkan syarikat sudah tentu yang kita fikirkan ialah kos yang akan melibatkan terutama untuk memberi kepada elauh-elaun, kepada *director* dan sebagainya yang saya bimbangnya ialah ia akan membebankan kepada kerajaan.

Ini satu perkara yang perlu difikirkan kerana selama ini ia trend yang berlaku, syarikat apabila ditubuhkan ketika rugi maka ia akan kembali kepada kerajaan. Waktu untung maka ada pula individu-individu yang berminat seperti mana kes PLUS pada hari ini yang kita tengok sudah ada individu-individu yang berminat untuk mengambil alihnya tadi. Sebab itu kita tidak hendak apabila penubuhan syarikat ini juga ia mengulang kes yang sama.

Kedua, apakah dengan tidak menubuhkan syarikat ini, sekarang ini apakah tidak adanya *efficiency* dari kalangan pegawai-pegawai yang untuk nak mengawal harta intelek daripada dicerobohi.

Ketiga ialah apakah apabila tubuhnya syarikat ini, saya bimbangnya apabila matlamat penubuhan syarikat ini ialah untuk membolehkan tidak bergantung banyak kepada kerajaan. Saya bimbang apabila tubuhnya syarikat ini pula, kos untuk pendaftaran, paten dan juga dagangan ini akan meningkat kerana sekarang ialah di antara RM700 saja sahaja untuk dalam masa 10 tahun yang didaftarkan. Kita bimbang apabila tubuhnya syarikat untuk menghasilkan keuntungan itu sendiri maka menjadi beban kepada pihak yang hendak mengambil paten ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang akhir sekali ialah apakah bentuk kesedaran yang telah ditanam terutama saya bimbang kerana kita lihat banyak usahawan-usahawan kecil yang ada pada hari ini mereka mencipta seperti contohnya ada kita lihat di setengah-setengah di kampung-kampung mereka membuat ciptaan seperti mana pedang ataupun pisau ataupun parang dan sebagainya yang mereka lakukan dengan secara tersendiri dengan harta daripada kemahiran warisan mereka. Tapi malangnya mereka tidak tahu bagaimana untuk nak paten ini didaftarkan. Mungkin atas kesedaran yang tidak ada kepada mereka dan sebab itu perlukan kepada pihak kementerian supaya memberikan kesedaran terutama dari kalangan usahawan-usahawan kecil kita.

Akhir sekali ialah seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kuala Selangor tadi yang saya tengok hari ini banyak kes-kes yang melibatkan orang yang meniru ataupun yang telah pun menceroboh paten dan juga *trademark* contohnya seperti mana Kopi Radix. Kopi Radix yang ada di pasaran hari ini sudah pun ada yang ditiru sebiji dari segi bungkusannya tapi dari segi kualitinya berbeza. Persoalannya adakah perkara ini telah diambil tindakan oleh pihak kementerian terhadap mereka yang telah melakukan pencerobohan terhadap perniagaan orang lain. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kuala Kangsar.

#### 11.57 pg.

**Datin Mastura binti Tan Sri Dato' Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab dan menerima bahawa sesuatu industri itu harus serentak dengan usaha dan polisi dan dasar negara, maka usaha yang lebih ke terhadapan dan realistik harus diambil kira pembangunan yang pesat di peringkat global.

Pindaan ini adalah satu usaha kerajaan yang berpandangan jauh dan realistik yang menuntut penyelarasan seiring ekonomi global demi meletakkan keupayaan inovasi negara antara pemangkin kepada pembangunan mampan. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kementerian kerana daripada 127 negara, Malaysia diletakkan di kedudukan yang ke-37 di *Global Innovation Index* setelah 81 *indicators* digunakan untuk menentukan *ranking* tersebut.

Di antara *indicators* tersebut ialah *political environment* (keadaan politik), *education* (pendidikan), *infrastructure* (prasaranan) dan kecanggihan perniagaan. Di *ranking* teratas adalah New Zealand, Sweden dan Netherlands dan terangkup yang teratas dari segi ekonomi dari hasil-hasil inovasi adalah USA, Jepun, Switzerland, Jerman dan United Kingdom.

Malaysia terletak di dalam *band upper middle economy* bersama dengan izin, bersama China, Bulgaria dan Romania. Tahniah Malaysia, daripada *report* edisi ke-10 *Global Innovation Index* ini, satu ombak inovasi dijangka akan melanda di kalangan negara

berpendapatan tinggi dan pertengahan di mana Malaysia tergolong dalam kumpulan negara berpendapatan pertengahan. Oleh kerana itu, kita dalam lingkungan tersebut harus belajar dan membawa kepakaran-kepakaran yang boleh dibantu oleh syarikat yang bakal ditubuhkan berikutnya dari pindaan tersebut.

Moga dari sini kita akan dapat satu lonjakan yang lebih menentu dan yang lebih membantu. Saya seperti juga rakan-rakan di Dewan ini memohon kementerian untuk memberi penjelasan pada spesifikasi mengenai fungsi dan skop syarikat yang akan ditubuhkan melalui kuasa perbadanan ini supaya ia nya tidak disalah tafsirkan di Dewan ini dan oleh rakyat sebagai *conflict of interest* mengenai fungsi perbadanan itu sendiri dan supaya pelaksanaannya menampakkan seperti di bawah perenggan 17(e), (f) atau (i) Akta 617.

#### ■1200

Tuan Yang di-Pertua, kita harus menerima hakikat bahawa kita mempunyai inovasi tradisi yang begitu banyak dan telah menggamit dan menarik perhatian industri dan pemain di dalam hal-hal-hal berkaitan warisan dan inovasi dari luar negara. Inovasi dan warisan ini telah berada di setiap lapisan generasi beratus tahun lamanya tetapi tidak pernah dihargai nilai tambahnya yang boleh menjadi aset dan harta negara kepunyaan rakyat Malaysia.

Masyarakat yang memiliki warisan dan inovasi ini adalah kumpulan-kumpulan masyarakat yang tidak mungkin mengetahui secara terus kelebihan harta intelek negara dan kenapa ia harus menjadi satu kemestian dan keperluan sektor ini. Dengan adanya satu syarikat yang menggalakkan dan meningkatkan latihan penyelarasaran pengetahuan dan maklumat mengenai harta intelek, maka kumpulan-kumpulan ini dapatlah kita bantu dari segi pelaksanaan pendaftaran dan juga mungkin membantu kos-kos yang terlibat.

Sayangnya sekiranya Labu Sayong di Kuala Kangsar didaftar dan menjadi kepunyaan orang di Perancis sedangkan beratus-ratus tahun lamanya inovasi warisan ini sudah lama berada di Sayong, Kuala Kangsar. Sekiranya ia telah didaftar di bawah rekaan susunan bentuk litar bersepodu, ia sememangnya dapat menjadi pelindung bagi harta orang kampung di Kuala. Kita tidak mahu kerana tidak adanya usaha pemberi maklumat dan juga ilmu kepada kumpulan ini, mereka dirompak idea setelah melahirkan satu idea dan aset yang terbaik.

Pindaan ini juga sangat realistik kerana ia mengambil kira industri yang melibatkan penyelarasaran, pendaftaran sesuatu inovasi dengan peredaran ekonomi inovasi tersebut. Kita tidak boleh memisahkan kepantasan pengeluaran sesuatu barang dan saingen yang ada di pasaran global. Sesuatu inovasi yang bijak dan menepati cita rasa pengguna akan menjadi sasaran sekiranya tidak dilindungi.

Tuan Yang di-Pertua, fungsi menggalakkan dan menyediakan program kerjasama di peringkat kebangsaan ataupun antarabangsa mengenai isu atau perkara yang

berhubung dengan harta intelek dapat dilaksanakan demi melangkaui saingan yang akan berlaku setelah inovasi itu dicernakan.

Saya mohon kepada kementerian untuk memberitahu dewan apakah kerjasama yang sedia ada dan yang akan diusahakan G2G berkaitan harta intelek di peringkat antarabangsa. Ini penting kerana ia melibatkan polisi-polisi negara berkaitan harta intelek yang mungkin harus ditambah baik dan mendapat input yang lebih fleksibel berdasarkan kerjasama dengan negara-negara tertentu.

Pindaan ini juga selaras dengan harta intelek negara yang menyatakan... Dasar Harta Intelek Negara yang menyatakan manfaat harta intelek sebagai enjin pertubuhan yang baru untuk meningkatkan kemakmuran ekonomi dan sosial. Sebagai enjin pertubuhan yang baru, seharusnya kementerian berfikir cara-cara baru untuk memastikan produk-produk inovasi ini dapat diantarabangsakan dan dilindungi untuk jangka masa yang panjang.

Kita telah lama sedari kepentingan harta intelek untuk pertumbuhan ekonomi untuk memastikan pengurusan yang lebih strategik harus diadaptasikan mengikut peredaran ledakan inovasi peringkat global. Dengan adanya pindaan ini, syarikat ini akan dapat menanamkan budaya harta intelek di kalangan masyarakat, perniagaan dan juga orang awam. Kita juga harus memastikan objektif Akta Jaminan, *Bills of Guarantees* bersama Koridor Raya Multimedia menjadi pelindung harta intelek dan undang-undang siber, daya ketahanan teknologi, daya ketahanan biodiversiti dan lain-lain perkara yang berkaitan dengan harta intelek.

Saya juga memohon kementerian setelah mengkaji proses pendaftaran harta intelek yang lazimnya mengambil masa yang begitu lama dapat dipermudahkan dan dipercepatkan. Ini akan membantu ketirisan dan mengurangkan eksplotasi terhadap empunya inovasi tersebut. Saya faham, di mana sahaja di dunia ini tempoh pendaftaran mengambil masa yang begitu lama. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada kementerian dan MyIPO di atas usaha untuk meningkatkan kesedaran di kalangan orang awam, malah ada lebih dari tujuh inisiatif yang telah disenaraikan dan saya rasa ada lagi yang boleh diusahakan.

Saya ingin menambah satu cadangan atau inisiatif yang saya rasa belum lagi tersenarai. Memasukkan satu modul pelajaran dari peringkat tadika bagi memulakan budaya inovasi di peringkat ini. Saya pasti sekiranya ia dibuat dari peringkat begitu awal, seluruh rakyat akan menganggap ianya menjadi cara hidup rakyat Malaysia. Modul pelajaran ini harus melibatkan bahan-bahan di persekitaran dan budaya bangsa yang menjadi warisan berkurun-kurun lamanya.

Tuan Yang di-Pertua, anugerah-anugerah harus diwujudkan di semua peringkat dan dalam semua kategori. Anugerah sedia ada memang telah dilaksanakan dengan jayanya tetapi harus diusahakan, dilebarkan dengan pencarian calon-calon inovasi di seluruh pelosok negara. Saya pasti ada ramai lagi pencipta-pencipta handalan yang kita terlepas

pandang di dalam proses pencarian bakat baru. Saya juga berharap perbadanan, ketika memulakan satu modul latihan atau pendedahan yang melibatkan harta intelek mestilah menepati keperluan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, saya harap dengan adanya pindaan ini kementerian akan mempertingkatkan lagi penglibatan MaGIC atau Malaysian Global Innovation and Creativity Centre secara NBOS di bawah Kementerian Kewangan dengan segala sektor yang ada di negara ini bagi melahirkan inovasi-inovasi bertaraf antarabangsa. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Perdana Menteri kerana menujuhkan Agensi Pembangunan Ekonomi Kebudayaan yang dikenali sebagai CENDANA bagi menerajui pembangunan ekonomi industri seni budaya Malaysia.

Ini adalah satu lagi NBOS yang harus dilakukan oleh kementerian demi mengambil kira harta intelek yang akan diperluaskan setelah lebih ramai bakat dan sumber baru dari usaha ini. Setiap hasil karyawan muzik seni, filem, skrip drama, lukisan dan ukiran, wajib didaftarkan sebaik sahaja hasil tersebut dikeluarkan. Budaya harta intelek yang kita sebut berkali-kali ini harus menjadi budaya di peringkat CENDANA.

Saya mohon kepada kementerian, apa juga latihan atau pendedahan dan ilmu yang melibatkan harta intelek, wajib menepati keperluan tempatan dan budaya bangsa supaya ia menjadi sumber baru, ada kelainan bagi mempertingkatkan aspirasi jati diri negara yang akan menjadi kebanggaan generasi akan datang. Kuala Kangsar menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Bukit Katil.

#### 12.07 tgh.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** *Bismillahir rahmanir rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada bulan September 2015, kerajaan telah pun mengumumkan bahawa *intellectual property* dengan izin, harta intelek ini mesti ataupun boleh dianggap sebagai satu sumber ekonomi, sumber kekayaan. Kita semua sedia maklum bahawa harta intelek ini boleh dijadikan sebagai suatu alat yang penting untuk pertumbuhan ekonomi.

Saya amat terkejut apabila mendengar perbahasan Yang Berhormat Kuala Kangsar sebentar tadi yang menyatakan bagaimana Labu Sayong itu kita boleh terlepas paten kepada negara Perancis. Ini satu perkara yang membimbangkan kita. Mungkin juga selepas ini saya takut ikan bakar ataupun masak lemak cili padi dan sebagainya yang terlepas daripada negara kita.

**Datin Mastura binti Tan Sri Dato' Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kuala Kangsar bangun.

**Datin Mastura binti Tan Sri Dato' Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** Yang Berhormat Bukit Katil, boleh saya bagi penerangan pasal perkara itu?

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Ya, silakan.

**Datin Mastura binti Tan Sri Dato' Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** Yang Berhormat Bukit Katil, sebenarnya saya hanya menyatakan sesuatu yang mungkin berlaku kalau tidak kita mengusahakan perkara itu. Sebenarnya ada pengusaha di peringkat Sayong yang sedang memohon pendaftaran Labu Sayong tersebut. Terima kasih.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Terima kasih atas penjelasan kerana saya dengar tadi seolah-olah sudah terlepas. Jadi saya harap perkara ini kita kena ambil serius. Misalnya saya di Melaka terkenal dengan Asam Pedas. Esok mungkin ada orang yang paten, negara lain pula yang dapat hak itu.

Saya hendak nyatakan begini Tuan Yang di-Pertua. Sementara kita akui bahawa Perbadanan Harta Intelek diwujudkan hasil daripada undang-undang yang digubal pada tahun 2002, sepanjang 15 tahun atau 16 tahun selepas itu kita sedia maklum bahawa kalau kita tengok objektif MyIPO, Perbadanan Harta Intelek ini antaranya ialah untuk mewujudkan satu sistem pentadbiran yang cekap. Kemudiannya hendak memberikan khidmat nasihat, memberikan maklumat, *create* ataupun memulakan program kesedaran awam mengenai kepentingan harta intelek.

Saya tertarik tadi apabila mendengar perbahasan Yang Berhormat Kuala Selangor yang menyatakan seolah-olah kesedaran rakyat atau pengusaha tentang harta intelek ini memberangsangkan.

#### ■1210

Saya ingin berbeza pendapat dengan beliau kerana kalau kita tengok laporan-laporan berita misalnya, kalau boleh saya *quote* di sini Tuan Yang di-Pertua, laporan berita yang dikeluarkan oleh *Awani* misalnya, masih lagi menunjukkan bagaimana permohonan harta intelek tempatan itu masih lagi rendah. Pada tahun 2017, setakat Jun tahun ini, hanya 42 peratus sahaja daripada permohonan harta intelek ini datangnya daripada rakyat negara kita. Untuk tahun 2016, MyIPO menerima 6,176 permohonan. Rakyat Malaysia berapa? Hanya 1,200 sahaja. Begitu sedikit walaupun telah pun ditubuhkan selama berbelas-belas tahun MyIPO ini. Jadi saya ingin tanya kepada kementerian, *what went wrong?* Apa dah jadi? Di mana silapnya?

Selepas itu, dengan pindaan ini, kita diberi maklum bahawa pindaan ini akan pula memberikan kebenaran kepada Perbadanan untuk menubuhkan syarikat. Saya tidak tahukah sama ada sekarang ini dah jadi satu trend oleh kerajaan untuk menubuhkan syarikat-syarikat. Misalnya kita tengok, ini bukan satu perkara baru, kita lihat bagaimana pada tahun 2015 sahaja kita ada Akta Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam pun ditubuhkan satu syarikat, Akta Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia, seksyen 30 pun nak tubuhkan satu syarikat, Akta Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia pun

nak tubuh satu syarikat dan banyak lagi. Saya tengok Rang Undang-undang Sistem Insurans Pekerjaan pun, fasal 82 pun hendak tubuh atau hendak ambil syarikat.

Jadi persoalan yang kita ingin tahu, apakah kerajaan membenarkan pelbagai syarikat untuk menjana pendapatan, adakah kerana Kerajaan Persekutuan sekarang ini berdepan dengan krisis kekurangan dana negara? Saya tidak nampak apa relevannya syarikat-syarikat ini ditubuhkan kerana dengan objektif yang saya sebutkan di awal perbahasan ini bahawa MyIPO ini diwujudkan antaranya adalah untuk memberikan suatu kesedaran dan sebagainya. Kalau kita tengok dalam pindaan ini, dikhususkan kepada (e), (f) dan (i) dalam konteks maknanya Perbadanan ingin meningkatkan latihan dan penyebaran pengetahuan, menggalakkan dan menyediakan program kerjasama, memulakan kajian dan sebagainya. Ini perkara-perkara yang saya fikir sebenarnya tidak lari daripada objektif Perbadanan Harta Intelek yang sepatutnya perkara ini telah pun menjadi tumpuan MyIPO.

Jadi saya ingin tanya kepada kerajaan, kepada kementerian, dalam kita sibuk hendak membuka syarikat ini, kita minta kerajaan jelaskan di mana sumber kewangan bagi pembukaan syarikat-syarikat ini di bawah Perbadanan Harta Intelek? Mana sumber kewangan untuk tubuhkan syarikat ini? Juga, sama ada aktiviti yang akan dijalankan nanti akan menimbulkan konflik kepentingan dengan fungsi Perbadanan Harta Intelek Malaysia itu sendiri.

Kita boleh *debate*, Tuan Yang di-Pertua, panjang lebar dalam Dewan ini tentang sama ada kerajaan ini perlu terlibat dalam perniagaan atau sebagainya tetapi yang ingin saya fokuskan dalam perbahasan kali ini ialah kenapa ianya dengan idea ataupun pindaan mewujudkan syarikat ini nampaknya seolah-olah selari dengan objektif penubuhan Perbadanan Harta Intelek itu sendiri? Jadi saya ingin minta penjelasan ini kerana saya fikir kalau masalahnya ialah pelaksanaan, kita perbaiki pelaksanaan. Ini bukan maknanya kita ada masalah dari segi pelaksanaan, kita tubuh satu syarikat, tubuh satu institusi nak perbaiki pelaksanaan. Pada saya, itu satu perkara yang akan menambahkan beban biaya dan tentunya tidak merujuk kepada satu sistem pentadbiran yang efektif dan berkesan.

Perkara yang kedua yang ingin saya bangkitkan, Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahasan ini ialah sementara kita akui bahawa Malaysia sekarang ini berada di tempat yang kedua di kalangan negara-negara ASEAN terutamanya dalam hal atau bab perlindungan harta intelek, jadi saya ingin tanya daripada kementerian, apakah inisiatif dan kerjasama yang telah dilakukan di peringkat ASEAN untuk menggalakkan ataupun untuk memastikan syarikat-syarikat Malaysia ini dapat mampu berdaya saing untuk *tap the market*, dengan izin, yang diberikan oleh ASEAN ini?

Secara khususnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membawa tema perbahasan ini menjurus kepada industri kecil dan sederhana kerana inilah tumpuan yang tentunya akan memberikan manfaat yang besar kepada rakyat kerana dalam konteks kita

berhadapan dengan beban ekonomi yang cukup tinggi sekarang ini, kita boleh memberikan suatu alternatif ataupun cadangan kepada rakyat di luar sana yang mendengar perbahasan ini bahawa kerajaan sedang membuat sesuatu untuk memberikan tumpuan kepada mereka yang terlibat dengan industri kecil dan sederhana.

Saya ingin bangkitkan, Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara khusus iaitu cabaran-cabaran yang dihadapi oleh syarikat-syarikat yang dipanggil sebagai IKS ataupun industri kecil dan sederhana. Yang pertama ialah soal *low awareness* ataupun masih lagi tidak memahami kepentingan IPO ini dan ini diperakui sendiri oleh pihak Perancangan dan Pembangunan Perniagaan MyIPO sendiri yang mengatakan bahawa usahawan muda negara ini masih lagi menganggap yang berkaitan dengan harta intelek bukan isu penting dalam pembangunan perniagaan. Jadi saya minta supaya kementerian dapat memberikan penjelasan bagaimana kita boleh memperbaiki perkara ini.

Kedua, bagaimana pula kementerian menyediakan satu platform untuk memastikan bahawa khidmat nasihat undang-undang dan sebagainya boleh diberikan kepada mana-mana syarikat industri kecil dan sederhana terutamanya mereka yang baru di peringkat awal ingin melibatkan diri, menceburkan diri dalam perniagaan harta intelek ini mendapat manfaat dari segi khidmat nasihat undang-undang?

Yang ketiganya ialah bagaimana mereka boleh memantau dan dalam masa yang sama melaksanakan— orang-orang yang mencuri idea mereka terutama dalam kita berhadapan dengan suasana atau nuansa ekonomi yang digital sekarang ini. Idea kita ini boleh saja dikembangkan ke negara-negara lain. Bagaimana kerajaan dan kementerian ingin memastikan idea yang telah dibina di Malaysia ini dan dikembang di negara-negara yang lain tidak ditiru oleh mereka yang berada di tempat-tempat yang lain? Ini perkara-perkara yang saya fikir cukup serius.

Kalau kita tengok pengalaman-pengalaman negara lain sebagai contoh, sebagai satu perbandingan, Tuan Yang di-Pertua. Misalnya di Australia, kerajaan mereka memberikan tumpuan sepenuhnya kepada latihan dan promosi. Dalam masa yang sama, membina satu ekosistem yang komprehensif agar IP atau *intellectual property* ini dapat dijaga dan diberi perlindungan kepada syarikat-syarikat daripada negara mereka.

Kita tengok juga pengalaman misalnya Korea. Korea ini, Tuan Yang di-Pertua, ia libatkan semua pihak. Ada *corporation*, dengan izin, ada kerjasama yang baik antara *Korean Intellectual Property Office*, *chambers of commerce*, dewan perniagaan, kemudian ada agensi yang disokong oleh kerajaan, ada pula *Korean Patent Attorneys Association* dan semua pihak yang terlibat dalam IP, dalam *intellectual property* ini digabungkan sekali dan dibina satu *support system* untuk rakyat Korea yang terlibat dalam menghasilkan *intellectual property* ini.

Kita lihat juga bagaimana Singapura. Singapura pun sama. *The entire ecosystem*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, agensinya sama ada di peringkat nasional, pelaburan luar termasuk *Intellectual Property Office of Singapore* dan sebagainya, mereka

memulakan suatu pendekatan yang lebih holistik bagi memastikan agar *intellectual property* rakyat mereka diberikan perlindungan.

Jadi saya ingin tanya kepada kementerian, apakah strategi di luar kotak, pemikiran di luar kotak yang boleh kita manfaatkan hasil daripada pindaan ini untuk memastikan agar pelbagai lagi idea-idea kreatif yang dicipta oleh rakyat negara kita di mana kerajaan pada dua tahun yang lalu telah menyatakan dengan jelas bahawa visi dan misi parti pemerintah adalah untuk memastikan agar *intellectual property* ini menjadi satu sumber ekonomi yang baru dapat dilaksanakan? Kalau tidak, ia hanyalah satu retorik politik kerana tidak mendapat sokongan yang kuat.

Yang terakhir, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin gulungkan begini. Dalam kita bercakap tentang mengangkat diskusi ataupun perbincangan mengenai harta intelek ini ke satu tahap yang lebih baik, kita juga mesti realistik. Saya ingin cadangkan dan kalau difikirkan tentang perkara ini, selain daripada kita mengemukakan pindaan ini, *why not* kerajaan sendiri memastikan syarikat-syarikat yang mempunyai minat dalam harta intelek ini dibangunkan sendiri dan kita bekerjasama dengan syarikat-syarikat tersebut dan tidak dibuat melalui kerajaan.

Jadi kalau perbadanan membuat syarikat, syarikat-syarikat lain juga membuat syarikat, di mana wujudnya suasana *competitive business* yang ingin kita lahirkan di dalam negara kita. Jadi yang ini saya kurang faham sedikit. Saya minta kementerian memberikan rasional kerana sementara kita menggalakkan rakyat negara kita untuk bermula, menubuhkan syarikat, kita sendiri juga hendak tubuhkan syarikat. Ini satu perkara yang pada saya bukan saja konflik kepentingan malah membebankan rakyat.

*Just imagine*, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, kita nak *compete* dengan syarikat yang ditubuhkan oleh perbadanan memang satu perkara yang agak sukar bagi mereka.

#### ■1220

Jadi, saya ingin cadangkan kita kembangkan, kita *elaborate* sistem ekonomi kita dengan menggalakkan rakyat negara kita sendiri. Kalau katakan kita hendak kembangkan berkaitan dengan kesedaran, program latihan dan sebagainya, biarlah syarikat lain yang biasanya ditubuhkan. Kita pilih, *we select the best* untuk membantu perbadanan. Bukan maknanya perbadanan sendiri yang menubuhkan syarikat. Jadi, pada pandangan saya, saya perlukan penjelasan tentang pindaan ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberikan peluang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Lipis, selepas Yang Berhormat Lipis, Yang Berhormat Gopeng, Yang Berhormat Bagan Serai dan juga—hai, tadi tak ada Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Lenggong, selepas itu Menteri menjawab. Sila Yang Berhormat Lipis.

**12.20 tgh.**

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim, Assalamualaikum Warahmatullaahi Wabarakaaatu*h dan salam sejahtera serta salam sehati sejiwa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi ruang dan peluang untuk saya turut serta berbahas dalam Rang Undang-undang Perbadanan Harta Intelek Malaysia (Pindaan) 2017 bagi kali ini.

Pertamanya, saya berpendapat bahawa satu rang undang-undang yang cukup mengambil langkah komprehensif bagi memastikan hak rakyat, khususnya para usahawan, peniaga, pengkarya dan lain-lain akan dapat pembelaan. Ini salah satu langkah kerajaan yang mengambil inisiatif bagi memastikan perkara ini dapat dilaksanakan melalui Perbadanan Harta Intelek (MyIPO). Oleh kerana terus kekal sebagai konsisten dalam menjalankan kempen-kempen bagi menyedarkan serta menerangkan apakah kepentingan-kepentingan mendaftar harta intelek itu sendiri. Kita melihat daripada kesan kempen-kempen yang dilakukan oleh MyIPO ini cukup berkesan sekali, khususnya kepada golongan peniaga atau pun golongan pengkarya di lihat semakin sedar dan kepentingan untuk mendaftarkan harta intelek masing-masing.

Oleh sebab ini amat penting sekali kerana dalam keadaan suasana kita sebagai pencipta ataupun kita sebagai penggubah dan sebagainya, adalah merupakan hak kita tetapi kadang-kadang kita sudah di ciplak oleh orang lain sehingga kita sebagai pencipta ketinggalan dari segi apa yang kita telah cipta itu.

Oleh sebab itu, sebagai kepentingannya langkah yang diambil oleh Perbadanan Harta Intelek ini ataupun MyIPO ini memberi kesan yang cukup berkesan sehingga daripada menjelang tahun 2011 sahaja pendaftaran dibuat untuk menjaga kepentingan mereka ini telah mencecah sehingga melebihi 1,000 permohonan pada tahun itu sahaja. Jadi, kalau kita melihat dari segi saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu sendiri untuk melihat apakah harta sumber kekayaan baru yang telah diwujudkan adalah tidak lain tidak bukan, bagi kita lakukan adalah salah satu kita mesti menentukan hak harta kita itu sendiri. Jadi, sekarang ini hak eksklusif ini bermaksud untuk memiliki dan hak untuk mengeksplorasi sesuatu harta intelek tanpa sebarang ancaman pihak lain. Ancaman yang dimaksudkan ialah seperti cetak rompak, barang tiruan, penyalahgunaan, penggunaan tanpa kebenaran dan lain-lain.

Kadang-kadang kalau kita melihat perjuangan sebagai pengkarya seni, kalau satu ketika dahulu mereka mencipta berbagai-bagai bentuk seni ataupun lagu-lagu tetapi malangnya apabila keluarnya rekod-rekod mereka ini telah di ciplak oleh orang lain. Walaupun ada satu badan pengawal tetapi oleh sebab kurangnya kita mengambil langkah inisiatif terhadap sedemikian rupa, akhirnya artis ini ataupun penyanyi ini akan mendapat sedikit sahaja royalti daripada kesan yang dilakukan oleh pihak mereka ini.

Oleh sebab itu, saya juga bersetuju dengan rakan-rakan supaya satu langkah yang diambil oleh MyIPO ini ataupun daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri

mestilah melaksanakan tugas yang sangat penting. Penguatkuasaan itu sangat penting kalau kita melihat sendiri. Kadang-kadang kita sedar tempat lambakan barang cetak-cetak rompak ini adalah berlaku di mana-mana, khususnya kalau keluarnya satu lagu, keluarnya satu barang berjenama, kita boleh dapat di mana-mana tempat yang mereka lambakkan itu.

Maka, inilah peranan yang perlu kita melihat dari segi barang tiruan, penyalahgunaan, penggunaan tanpa kebenaran dan lain-lain ini mestilah kita memberi kesan, mestilah kita melaksanakan dengan lebih penting bagi mengawal ini. Kalau kita meletakkan sahaja sebagai pendaftaran untuk sesuatu perniagaan lain tetapi kalau kita tak melaksanakan melalui penguatkuasaan, itu yang lebih penting untuk memastikan penjagaan hak mereka ini sendiri.

Oleh sebab itu dari segi ini, inisiatif yang dilakukan ini sangat baik tetapi apakah pelaksanaannya? Adakah ia akan dapat memberi kesan kepada mereka yang telah mencipta ini yang memboleh memberi pulangan kepada mereka? Adakah ciptaan mereka ini akan diambil oleh orang lain? Salah satu daripada sebab mengapa isu menjadi sangat penting pada hari ini kerana terdapat kejadian yang dihasilkan tidak dapat dinikmati oleh faedah pereka-pereka ini sendiri. Kalau sebagai contoh, walaupun barang luar negara, kalau hendak dapatkan jenama LV umpamanya, hendak dapat jenama Gucci, hendak dapatkan kalau jam Panerai umpamanya, boleh dapat di mana-mana, di Petaling Street. Dia boleh dapat di mana-mana pekan seharilah. Boleh dapat di Chow Kit dengan mudah sahaja. Maknanya, kalau kita hendak melaksanakan perkara ini, mestilah kawalan itu sangat-sangat penting, yang boleh penciptanya mendatangkan keuntungan kepada perkara yang telah di cipta, yang kita wujudkan melalui MyIPO ini untuk mengawal barang ciptaan mereka.

Sekarang ini kalau kita melihat pada masa ini, banyak sekali barang-barangan seperti sedemikian rupa. Maknanya, kita boleh dapat di mana-mana dan pengedar asalnya akhirnya mengalami kerugian. Tak apalah kalau jenama yang saya sebutkan tadi, itu adalah jenama-jenama terkenal daripada Itali, jenama terkenal daripada London, New York dan sebagainya. Akan tetapi bagaimanakah peranan yang dimainkan untuk kita anak tempatan ini sendiri yang mencipta kadang-kadang banyak perkara tetapi akhirnya di tiru oleh orang, jenama itu dimiliki oleh orang lain. Sekarang kalau contoh, benar tak benar, saya tak tahu. Contohnya ketum, ketum ada di Malaysia tetapi penciptanya sekarang daripada Germany. Kalau kita melihat *viral* di Facebook hari ini, ciptaan ketum telah di cipta daripada Germany dan akan diedarkan tidak lama lagi.

Maknanya, kalau penelitian seperti ini kita hendak buat sesuatu rang undang-undang seperti umpama ketum itu tetapi kita tidak membuat kajian, akhirnya kita yang mempunyai hasil daripada negara kita sendiri ini tidak mendapat menikmati perkara tersebut.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kita melihat kepada rang undang-undang ini, tiada sebab kita hendak menolak. Oleh sebab MyIPO ini melalui KPDNKK telah membuat kajian yang menyeluruh supaya sesuatu perubahan rang undang-undang memasukkan seksyen baru 35A. Seksyen baru 35A ini memberi perbadanan kuasa untuk menubuhkan syarikat di bawah Akta Syarikat 2016 (Akta 777), tertakluk kepada kelulusan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan dan Menteri Kewangan untuk menjalankan dan menjaga, mengelola, menguruskan apa-apa aktiviti, projek, inisiatif yang telah di rancang atau dijalankan oleh perbadanan dalam pelaksanaan fungsinya di bawah perenggan 17(e), (f) dan (i).

Jadi, penubuhan syarikat ini membolehkan MyIPO mempelbagaikan sumber pendapatan bagi tidak menjelaskan misi dan harapan kita yang supaya MyIPO ini dapat menjaga sebenar harta intelek itu sendiri. Kita hendak barang-barang pencipta-pencipta ini, dengan adanya tertubuh ini, kita dapat mengawal keadaan sedemikian rupa, yang sebagaimana yang saya katakan tadi, peniruan ataupun penciplak yang telah dilakukan oleh pihak-pihak tertentu.

Jadi, dengan ini kita berharap supaya suatu badan bertanggungjawab ke atas pentadbiran dan penguatkuasaan perundangan harta intelek ini. Seterusnya, MyIPO dapat menjana serba sedikit pendapatan untuk memastikan pengawalan daripada hasil-hasil sedemikian rupa. Tidaklah bergantung pada sesuatu sumber sahaja, maknanya boleh mengembangkan sumber tersebut.

### ■1230

Jadi dari segi sumber pendapatan ini boleh juga berfungsi untuk mengadakan program-program kesedaran khususnya sebagaimana yang kita katakan tadi adalah kepada IKS dan sebagainya, industri kecil sederhana ini yang mana sebelum ini ramai yang tidak sedar bahawa MyIPO ini boleh memberi kepada sebuah organisasi yang bertanggungjawab bagi memberi perlindungan hak-hak harta intelek di Malaysia ini.

Di kesempatan ini saya juga minta supaya kita semua janganlah buruk sangka dalam hal ini. Kita mestilah memastikan kalau usaha kita bersama, saya percaya ini adalah kepentingan untuk negara kita dan juga kepentingan kepada pencipta-pencipta bagi menjaga hak ciptaan mereka itu sendiri. Dari segi isu penting dalam pembangunan perniagaan, hakikatnya mestilah kita menentukan boleh dikawal melalui pendaftaran di intelek ini dengan— pendaftaran melalui MyIPO ini bagi memastikan penjagaan dari segi jenama, logo dan sebagainya. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya nampak Tuan Yang di-Pertua sudah senyum maknanya mungkin sudah lebih 10 minit, masa yang diberikan 10 minit walaupun tidak ada *timer* tetapi saya faham yang Tuan Yang di-Pertua hendak menghabiskan lebih kurang dalam jam satu perbahasan ini dan disambung oleh pihak Menteri.

Cuma saya hendak katakan marilah kita bersama memastikan jenama-jenama ciptaan daripada negara kita ini dikawal dan kita memberikan sokongan dan kita janganlah

rasa perasaan syak wasangka dari segi penubuhan ini. Kadang-kadang seperti yang dinyatakan kalau niat kita baik seperti penubuhan 1MDB pun akhirnya kalau setitik air diletakkan hari-hari di atas batu, batu pun boleh lekuk Tuan Yang di-Pertua. Inikan pula kalau bercakap hari-hari. Cakap hari-hari benda yang tak betul pun jadi betul sedangkan niat kerajaan itu baik menubuhkan 1MDB akhirnya serangan bertubi-tubi yang risaukan tentang masalah-masalah yang sering dibangkitkan akhirnya batu itu pun lekuk yang saya katakan sedemikian rupa.

Maknanya cerita yang benar menjadi tidak benar, yang tidak benar menjadi benar sebab kita ramai dari segi komedi-komedi kita di negara ini yang membuat lawak akhirnya lawak itu menjadi kenyataan sedangkan kita memikirkan khusus untuk rakyat bagaimana kita hendak mengelakkan tol, kita tidak hendak kenaikan tol, kita hendak elakkan kenaikan tarif elektrik seperti IPP dan sebagainya akhirnya 1MDB diserang oleh sebab kepanasan kita sendiri yang tidak dapat tugas-tugas tersebut. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Gopeng.

### 12.33 tgh.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan kebenaran kepada saya untuk terus berbahas pindaan Akta Perbadanan Harta Intelek. Saya mengikuti perbahasan dan memang kita tahu tidak ada pertikaian berkenaan dengan keperluan untuk menggalakkan pendaftaran harta intelek, galakan inovasi. Saya rasa ini bukan isu dalam pindaan akta ini.

Isu pokok pada pindaan ini adalah pindaan ini adalah pindaan yang spesifik. Pindaan untuk menubuhkan satu syarikat di bawah *Companies Act*, akta syarikat untuk melakukan tiga tugas yang tersenarai, 17(e), 17(f), 17(i) di bawah akta ibu, Akta 617. Jadi kalau kita lihat kepada 17(e) dan (f). Kebetulan banyak kali disebut kedua-dua fungsi tersebut boleh dilakukan oleh perbadanan sendiri. Tidak perlunya ada sebuah syarikat swasta. Keperluan untuk menubuhkan satu syarikat adalah khususnya pada hemat saya untuk tujuan 17(i) iaitu menjalankan penyelidikan dan untuk mengkomisikan kajian.

Dengan tujuan seterusnya memperoleh harta intelek dan paten supaya ini menjadikan satu sumber kewangan kepada MyIPO. Jadi saya rasa untuk kebaikan negara ini, untuk kebaikan galakan inovasi, galakan pendaftaran harta intelek, saya cadangkan supaya Menteri tarik balik atas tiga sebab. Pertama, dengan menubuhkan syarikat ini akan menjaskan kredibiliti MyIPO sebagai pendaftar, sebagai pentadbir harta intelek.

Kedua, dia tidak akan menggalakkan pendaftaran harta intelek di MyIPO tetapi akan menjaskan usaha pengusaha atau pencipta untuk daftar di MyIPO dan dia juga bawa potensi risiko kewangan. Untuk memahami kerisauan saya ini, saya ingin terangkan sedikit sebanyak bagaimana apa yang sebenarnya berlaku dalam proses permohonan

paten harta intelek. Mungkin seorang saintis akan buat kajian, dia ada satu hasil ataupun ada satu proses yang baharu, rekaan yang baharu, ciptaan yang baharu dan dia buat penyelidikan dan ini memang satu kebaikan, *improvement* daripada yang sedia ada dan dia kemukakan hasil itu kepada MyIPO untuk kelulusan.

Apa yang akan berlaku di MyIPO? Anggota di MyIPO ini akan membuat penilaian berkenaan dengan hasil tersebut dan sekiranya dia setuju dengan hasil ini memang baharu, tidak ada cabaran daripada *competitor* yang lain, ada kebaikan dan dia akan daftar ini sebagai harta intelek untuk saintis tersebut. Saintis ini mungkin akan meneruskan penyelidikan yang seterusnya untuk mendapatkan penambahbaikan yang ada ataupun paten yang baharu. Ini untuk daftar harta intelek bukan sehari dua, ini mengambil satu proses yang panjang mungkin bertahun-tahun untuk mendapatkan paten tersebut.

Proses tersebut oleh sebab kebimbangan saintis itu ataupun pengusaha itu daripada cetak rompak ataupun daripada *competitor*, jadi proses permohonan harta intelek ini mesti dijalankan secara sulit. *Is private and confidential*, secara sulit supaya maklumat-maklumat hasil tersebut tidak terbongkar kepada *competitor* ataupun cetak rompak. Jadi ini satu proses yang perlu dan ini satu proses di mana MyIPO harus jamin supaya kredibiliti MyIPO tidak terjejas. Jadi apabila kita lihat kepada pindaan akta ini, MyIPO diberi kuasa untuk menubuhkan satu syarikat di bawah Akta Syarikat di mana tujuan syarikat ini adalah untuk mendapatkan pendapatan melalui pendaftaran paten, melalui penyelidikan, komisikan kajian dan memang untuk dapatkan paten, dapatkan harta intelek sebagai satu sumber kewangan berterusan. Jadi apa yang akan berlaku?

Kita lihat apabila ini berlaku anggota-anggota dalam perbadanan MyIPO ada maklumat yang istimewa berkenaan dengan permohonan-permohonan harta intelek oleh kesemua pengusaha di Malaysia ataupun di luar negara. *They got the head on advantage* daripada maklumat dan mereka boleh gunakan maklumat tersebut untuk buat kajian seterusnya dan mungkin akan menjasaskan usaha saintis yang lain untuk membuat penambahbaikan. Jadi dengan kebimbangan ini tidak akan menggalakkan saintis ataupun pengusaha untuk mendaftar, memohon paten di MyIPO.

Bukan setakat itu, bayangkan kalau kita lihat apabila syarikat tersebut buat penyelidikan komisikan kajian, kemukakan paten, *application for pattern* dan apabila permohonan daripada syarikat tersebut dikemukakan di MyIPO bagaimana MyIPO boleh nilai permohonan tersebut secara objektif, secara tidak ada *conflict of interest* untuk nilai tersebut sebab kita lihat apabila ada permohonan patensi bukan setakat permohonan patensi tersebut ada persaingan, ada *competitor*.

#### ■1240

Kalau ada dua syarikat yang kemukakan paten yang lebih kurang sama MyIPO perlu tentukan siapa yang layak untuk dapatkan paten tersebut. Jadi kalau katakan syarikat A yang mohon paten tersebut yang bersign terus dengan syarikat MyIPO. Adakah MyIPO dapat buat keputusan di mana syarikat A lebih layak daripada syarikat MyIPO?

Jadi ini *clear cut conflict of interest* dan ini akan menjelaskan kredibiliti MyIPO. Saya pernah dengar bahawa ada yang mengatakan bahawa ada setengah paten mungkin tidak dapat dikomersialkan di mana MyIPO boleh bantu. Memang lah MyIPO boleh bantu, MyIPO sepatutnya menjadi pemangkin ataupun fasilitator ataupun membentuk *networking* jaringan supaya pengusaha dapat *commercialize*-kan harta intelek mereka.

MyIPO tidak sepatutnya terlibat dalam *business*. Ini macam semalam saya - seperti mana yang saya perkatakan semalam bagaimana kita boleh benarkan misalnya JPJ yang keluarkan lesen memandu untuk buat *business* dalam sekolah memandu? Kita tidak boleh benarkan misalnya SPAD untuk buat *business* dalam *transport company* dalam *public transport company*. Tidak boleh. Ini jelas *conflict of interest*.

Satu lagi perkara berkenaan dengan risiko kewangan. Kita tahu setiap penyelidikan menelan perbelanjaan dan kalau ada impak ekonomi yang besar, mungkin risiko itu lebih tinggi. Bukan semua penyelidikan ataupun kajian akan mendatangkan pulangan sebagai contoh, SpaceX oleh Elon Musk setakat ini berbilion-bilion ringgit hilang hangus bila *launch* sahaja di atas langit *boom* habis hangus. Jadi apabila syarikat ini dibenarkan untuk membuat penyelidikan bagaimana sumber kewangan? Siapa yang akan menanggung rugi ataupun untung? Jadi akhirnya jadi kita tahu oleh sebab itu saya katakan dengan pindaan akta ini kredibiliti MyIPO akan terjejas. Dia tidak akan menggalakkan pendaftaran harta intelek di MyIPO dan seterusnya dia akan membawa risiko kewangan kepada MyIPO dan juga syarikat tersebut dan akhirnya akan ditanggung oleh rakyat dan kerajaan. Jadi dengan ini saya mohon supaya tolak pindaan ini dan supaya segala yang boleh dibuat yang setakat ini boleh dibuat oleh MyIPO. Saya rasa tidak ada masalah kalau kita katakan peranan MyIPO itu penting itu tidak ada masalah. Jadi saya tolak pindaan tersebut. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bagan Serai lepas itu Yang Berhormat Lenggong. Yang Berhormat Menteri jawab, sila.

#### 12.43 tgh.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** *Bismillahir Rahmaniir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini iaitu rang undang-undang untuk meminda Akta 617 memasukkan seksyen baru 35A memberikan kuasa kepada perbadanan untuk menujuhkan syarikat.

Pertama kali saya hendak ingatkan kepada kita semua lah, apabila pindaan ini dibuat bukanlah untuk menyusahkan rakyat. Pindaan dibuat ini untuk memudahkan rakyat dan kita mesti ada sangka baik. Semalam saya dengar ada orang kata tidak boleh sangka baik dia kena sangka buruk. Ini tidak betul. Kita kena ada sangka baik *husnuzon*. Bagaimana pindaan-pindaan yang hendak dibuat oleh kerajaan ini untuk memberikan

kebaikan kepada rakyat. Contohnya dalam rang undang-undang ini kita memikirkan bagaimana supaya kita dapat membela ciptaan-ciptaan dan rekaan-rekaan yang dibuat oleh rakyat kita hari ini.

Jadi kita tidak boleh cakap apa kerajaan tidak cukup duit, apa kerajaan hendak rompak duit rakyat, apa perbadanan sudah tidak ada kerja? Ini semua perkara-perkara yang timbul apabila kita ada sangka jahat *su'udzon*. Jadi Tuan Yang di-Pertua, ada dua perkara yang saya nampak sini. Satu menjana pendapatan. Keduanya adalah pendaftaran harta intelek ataupun IPO. Jana pendapatan ini memang kita buat. Hari itu universiti pun sama juga. Universiti sekarang ini buat macam-macam cara supaya menjana pendapatan supaya dapat membuat kerja dengan lebih baik. Kita dengar universiti-universiti *research* hari ini buat program-program menggunakan intelek mereka menggunakan pakar-pakar mereka untuk menjana pendapatan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti universiti.

Begitu juga di FRIM, dulu kita lihat di FRIM lebih dapat menjana pendapatan dengan kajian-kajian yang dilakukan, dengan produk-produk yang dapat dikomersialkan itu untuk menjana pendapatan. Hari ini kita lihat dalam MyIPO ini perkara yang sama akan dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, kita ini hampir negara maju. Kita sudah ada *vision* yang jauh TN50. Kita hari ini tengah membawa negara kita ini rakyat kita ini belia kita hari ini kepada ke arah revolusi yang baik hari ini. Revolusi industri ke empat ke arah digital ekonomi ke arah digital teknologi ke arah inovasi dan kreativiti. Bila kita cakap inovasi dan kreativiti, ini bermakna ciptaan-ciptaan baru. Makanya akan datang kita bimbang ciptaan ini akan diciplak atau akan dirompak. Cerita ciplak dan rompak ini bukan cerita baru, ini cerita lama dah. Kita dengar artis-artis cerita fasal lagu-lagu dirompak, kita dengar tentang buku-buku dirompak. Hari ini ada buku jual RM100 umpamanya ada orang fotostat buku ini buat cantik-cantik jual RM60 modal dia RM20, ini jahat! Ini jahat, mencuri ciptaan orang membuat keuntungan. Ini yang berlaku filem, lagu dan sebagainya sehingga ada orang yang mencipta gulung tikar bankrap sebab apa ada orang jahat buat kerja ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, maknanya kerajaan hendak buat pindaan ini adalah menunjukkan kerajaan yang prihatin yang fikir masalah rakyat. Kita hendak pergi negara maju, kita bercakap tentang inovasi, kreativiti, kita cakap tentang revolusi keempat kita cakap tentang rekaan dan ciptaan yang banyaknya dari luar negara.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Yang Berhormat Bagan Serai. Yang Berhormat Bagan Serai.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Jadi kalau negara kita dapat mewujudkan saintis-saintis yang mereka cipta maknanya ini yang bahaya. Kita beri peluang kepada - terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Gerik.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya harta intelek ini satu rang undang-undang yang baik. Kita tahu dalam negara maju ke arah kita hendakkan inovasi dan kreativiti daripada rakyat. Cuma saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Bagan Serai, apa tindakan kalau kita ubahkan Akta 35A ini yang boleh diambil oleh pihak pemunya karya hak cipta sekiranya karya-karya mereka digunakan tanpa sempadan dalam persekitaran digital masa kini. Minta pandangan Yang Berhormat Bagan Serai. Terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Yang Berhormat Gerik. Saya percaya Menteri akan memberikan penjelasan yang lebih tepat tentang perkara ini. Walau bagaimanapun saya hendak meneruskan dalam masa saya ingat ada lima minit dan 10 minit tidak sampai lagi. Tentang ciptaan-ciptaan dan rekaan-rekaan. Hari ini kita dengar tadi Yang Berhormat Kuala Kangsar cerita pasal sayong, Yang Berhormat Melaka pun hendak cerita tentang macam-macam. Bagan Serai pun hendak cerita juga.

Hari ini kita lihat, saya hendak bagi contoh dalam ciptaan perubatan umpamanya, dulu-dulu ini kalau hendak berkhatan macam mana? Duduk atas batang pisang, berapa orang pegang, ketakutan trauma budak itu untuk sunat, untuk berkhatan.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** *[Bangun]* Yang Berhormat dulu macam itu kot?

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Kita mengharapkan ciptaan dan rekaan. Hari ini kalau kita hendak buat ciptaan dan rekaan, hari ini berkhatan *circumcision is very easy now*. Hari ini kita boleh keluarkan satu logo dan kata *circumcision is painless, bleedless* dengan izin, *stitchless and with special design*. Macam mana? Saya patenkan benda ini. Jadi jangan takut kepada siapa-siapa yang hendak berkhatan hari ini. *It's painless, it's bleedless, it's stitchless*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bagan Serai, Yang Berhormat Lenggong dulu.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Ini saya bagi contoh lah. Tuan Yang di-Pertua, contohnya FRIM pula.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Sedikit, sedikit, sedikit. Yang Berhormat Bagan Serai, sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Setiu.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Fasal berkhatan ini, saya rasa sudah ada yang paten kan. Kalau tidak silap Dr. Gurcharan Singh dia pakai *clamp*. Kalau Yang Berhormat Bagan Serai hendak buat yang baru saya rasa jangan samakan dengan yang *clamp* itu.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Hebat Yang Berhormat Setiu, bab khatan pun tahu.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tidak apa, Gurcharan Singh ini dia mula adalah paten yang pertama. Lepas itu ada macam-macam lagi, ada macam-macam *clamp* lagi dan mungkin akan timbul satu hari esok *Azmi clamp with special design* batang pisang tidak pakai.

**■1250**

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beritahu macam FRIM juga. FRIM buat kajian herba. Hari ini FRIM boleh komersialkan kalau dipatenkan tentang biodiversiti negara. Tadi kita dengar ada orang cerita fasal ketum. Ketum ini kita *duk fikir*, kita *duk ding dong, ding dong* sini kata ketum tidak baguslah, ketum apa semua, orang luar negeri hendak patenkan benda ini, hendak jual benda ini. Oleh sebab itu hari itu saya tengok ada, kalau tidak silap, RISDA menekankan supaya kita patenkan ketum ini walaupun kajian saintifik belum selesai lagi, supaya jangan ada orang curi. Ini harta kita, ini biodiversiti negara kita. Kalau orang curi, orang buat duit, orang makin kaya hari ini.

Jadi sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, benda-benda yang saya sebut tadi sudah tentu dalam MOSTI umpamanya, tentu ada banyak ciptaan dalam STI dan sebagainya.

**Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]:** Yang Berhormat Bagan Serai, sikit?

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Silakan.

**Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Ini semua doktor mari sudah ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]:** Saya *duk* perhati dalam semua perbahasan pada hari ini betapa kita semua bersetuju bahawa harta intelek perlu dijaga, kepentingannya perlu dengan semua memberi contoh-contoh. Tetapi persoalan yang secara spesifiknya, adakah perlu MyIPO menuju syarikat yang mempunyai *conflict of interest*? Dalam masa untuk menjaga kepentingan pendaftaran harta intelek, dalam masa yang sama juga secara spesifiknya ialah untuk mendapatkan pendapatan. Apa pandangan?

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Yang Berhormat Pengkalan Chepa. Yang Berhormat Pengkalan Chepa patah balik kepada perkara pertama yang saya sebut tadi. Ada dua perkara tadi. Menjana pendapatan untuk menjalankan aktiviti, itu tidak salah. Saya harap Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan yang detil tentang buat syarikat hendak jana pendapatan, hendak jalankan dengan usaha— universiti buat, FRIM buat, saya bagi contoh, dan pelbagai agensi lagi.

Akan tetapi saya hendak habiskan sikit lagi ini tentang kesedaran rakyat tentang harta intelek ataupun IP ini. Rakyat di luar sana bukan semua tahu ini. Kita sebut harta intelek, “*Saya tidak ada harta*”. Kita sebut harta intelek, dia kata dia bukan intelektual. Mungkin dia tidak faham. Kalau kita sebut IPO, dia ingat apa dia benda ini. Terutama

apabila kita bercakap tentang PKS tadi, perusahaan kecil sederhana. Mereka tahu kah hendak patenkan kuih yang dia buat itu, hendak patenkan *packaging* yang dia buat itu, hendak patenkan logo yang dia buat itu sebelum orang lain curi? Apabila orang lain curi, maka habislah kerugian yang dia akan tanggung selama-lamanya sebab dipatenkan oleh orang lain. Jadi, kesedaran rakyat—ini hak kita, ini hak kita masa depan, ini hak rakyat. Oleh sebab itu saya beritahu, Tuan Yang di-Pertua, apa yang kerajaan sudah buat ini sangat-sangat betul dan sangat-sangat tepat pada masanya apabila negara kita hendak menuju negara maju.

Hari ini kita lihat kita ada apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Kuala Selangor tadi iaitu diwujudkan Hari Intelektual Sedunia, 26 April setiap tahun. Gunakan Hari Harta Intelek Sedunia 26 April ini. Tahun ini sudah buat kah, saya hendak tanya, KPDKKK? Ada buat kah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, masa sudah habis ya.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Masa sudah habis. Saya baru hendak semangat. Masa intelek sudah habis. Tuan Yang di-Pertua, Bagan Serai mengucapkan terima kasih kerana memberikan peluang dan Bagan Serai sangat-sangat setuju dengan pindaan yang akan dibuat ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Lenggong.

### 12.53 tgh.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan dalam Rang Undang-undang Perbadanan Harta Intelek (Pindaan) 2017.

Sebagaimana yang telah pun kita sedia maklum, rang undang-undang ini bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 35A untuk memberi Perbadanan kuasa bagi menubuhkan syarikat di bawah Akta Syarikat 2016 [Akta 777] tertakluk kepada kelulusan Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Kita sedia maklum bahawa Perbadanan Harta Intelek ini ditubuhkan oleh kerajaan di bawah seksyen 17(e), (f) dan (i) Akta 617 adalah antara lain untuk menggalak dan meningkatkan latihan dan menyebarkan pengetahuan dan maklumat melalui harta intelek yang perlu dibuat. Ini kerana kita juga kena akui hakikat bahawa banyak juga daripada kita yang masih tidak begitu faham tentang peranan Perbadanan ini. Jadi ini mesti diperkuuhkan oleh Perbadanan.

Kemudian, kita juga faham bahawa ia untuk menggalak dan menyediakan program-program kerjasama di peringkat kebangsaan dan antarabangsa bagi isu dan perkara-perkara berhubungan harta intelek. Hari ini kita bercakap tentang bagaimana kita hendak bawa negara kita menjadi sebuah ekonomi yang bertaraf antarabangsa, negara

yang berpendapatan tinggi. Sudah tentu kita mahu supaya perkara-perkara yang membolehkan usaha dilakukan boleh meletakkan produk dan barang kita bertaraf antarabangsa. Maknanya, kita mengantarabangsakan produk dan barang kita.

Saya percaya Perbadanan ini juga melakukan pindaan bagi membolehkan aktiviti dan menjana pendapatan serta tidak hanya bergantung kepada kewangan kerajaan semata-mata. Jadi apabila kita hendak menjadikan produk dan barang-barangan kita ini benar-benar mempunyai kualiti, kita mesti juga bersiap sedia supaya tidak hanya menjadi kualiti di peringkat negara kita sahaja tetapi mesti barang yang kita hasilkan mempunyai kualiti di peringkat antarabangsa. Ini kerana kita mahu supaya produk kita menjadi jenama-jenama yang tersohor sebagaimana jenama-jenama yang diguna pakai. Suatu hari nanti kita mahu supaya barang kita disebut-sebut bukan hanya dalam negara kita tetapi di negara luar. Hari ini kita bercakap tentang jenama-jenama antarabangsa dalam negara kita. Kita hendak terbalikkan. Biar, Yang Berhormat Sibuti, nanti jenama kita yang disebut di peringkat antarabangsa. Saya percaya ini antara perkara yang dibuat dalam usaha untuk meningkat dan menambahbaikkan pindaan-pindaan yang dibuat ini.

Saya percaya apabila penubuhan syarikat dibuat, kita dapat mempelbagaikan sumber pendapatan dan bantu MyIPO bagi menampung kos bagi menjalankan aktiviti-aktiviti termasuklah meningkatkan dan mengadakan program-program bagi meningkatkan kesedaran awam, latihan harta intelek secara meluas yang hari ini kita tahu memerlukan kos yang tinggi. Maknanya, hari ini dengan hanya bergantung kepada wang daripada kerajaan, maka keupayaan MyIPO untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti tentulah agak terhad. Oleh sebab itu kita menyokong pindaan ini dibuat supaya keupayaan MyIPO ini ditingkatkan bagi membolehkan mereka melakukan lebih banyak lagi program-program kesedaran di kalangan masyarakat awam dan juga pihak-pihak yang berkepentingan dalam soal ini.

Jadi saya percaya dengannya, sebagaimana yang disebut tadi, maka bebanan kewangan kerajaan akan dapat dikurangkan dan tentunya kita harap usaha-usaha pindaan ini benar-benar mampu dan membolehkan MyIPO meningkatkan lagi latihan-latihan promosi dan program-program kesedaran awam. Saya harap selepas pindaan ini, akan berlaku perubahan dan kita hendak tengok perubahan-perubahan berkenaan. Kita tidak mahulah pindaan ini dibuat tetapi tahap Perbadanan ini dan juga MyIPO ini hanya di takuk lama juga. Kita hendak ada anjakan dan ada perubahan dari segi aspek itu.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita melihat kepada harta intelek di Malaysia, berdasarkan statistik tahun ini sehingga Julai tahun lalu, sebanyak 15,093 pendaftaran diterima daripada syarikat negara asing. Manakala difahamkan— saya tidak tahu angka ini terkini atau tidak tetapi kalau kita bandingkan, 8,226 pendaftaran daripada syarikat tempatan. Maknanya, angka yang diperoleh ini menunjukkan jumlah yang sangat lemah dari segi pendaftaran harta intelek berbanding dengan usahawan-usahawan asing. Maknanya kita harap pindaan ini akan membolehkan selepas ini jumlah syarikat-syarikat

tempatan ini meningkat. Oleh sebab itu, kita harap promosi, kesedaran dilakukan secara bersungguh-sungguh supaya angka yang ketika ini syarikat-syarikat luar negara yang melebihi daripada tempatan akan berubah. Kita harap ia akan berlaku.

Sehubungan dengan itu juga, saya ingin maklumat daripada pihak kementerian. Apakah sebenarnya, apakah puncanya yang menyebabkan masalah ini berlaku? Kita juga mahu tahu apabila pindaan ini dibuat, apakah program-program yang dirancang, penambahbaikan dibuat daripada sebelum ini untuk membolehkan usaha-usaha meningkatkan keupayaan dan meningkatkan lagi peranan Perbadanan ini dapat dilakukan?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berharap supaya rakyat dan kita di dalam Dewan ini menyokong pindaan ini. Pindaan ini penting sebenarnya. Kita bukan ada agenda-agenda politik yang lain dan sebagainya. Ini hanyalah sebagai usaha bersama kerajaan untuk membolehkan supaya negara kita ini dikenali. Kita mahu negara kita dikenali dalam pelbagai bidang, baik daripada sektor pelancongan, sektor industri lain tetapi juga perkara-perkara itu perlu diperkuuhkan termasuklah melalui pindaan-pindaan yang dibuat seumpama ini.

Namun demikian, saya memohon jawapan daripada pihak kementerian. Pertamanya, saya mohon, apakah bentuk perniagaan yang akan dilaksanakan oleh Perbadanan ini dengan menuuhkan syarikat ini? Apakah sumber-sumber pendapatan yang dijangkakan akan diperoleh daripada pindaan ini? Keduanya, apakah bentuk program-program galakan yang telah dan akan dirangka oleh kementerian bagi menarik serta menyokong golongan usahawan kecil sederhana untuk mendaftarkan produk mereka supaya tidak dieksplotasi oleh mereka yang tidak bertanggungjawab? Apa yang penting sekali, pindaan ini mestilah menjaga kepentingan produk-produk tempatan dalam negara. Kita harap pindaan ini juga akan mampu untuk membolehkan produk tempatan menandingi produk-produk, jenama-jenama antarabangsa yang dikenali dan kita harap suatu hari nanti jenama kita yang akan ke hadapan berbanding dengan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pindaan ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, terima kasih. Jam 2.30 nanti Yang Berhormat Menteri menjawab ya. Baiklah, Yang Berhormat sekalian, kita tangguhkan persidangan kita sehingga jam 2.30 petang.

**[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.01 tengah hari]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

**[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Menteri.

**2.32 ptg****Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan**

**[Dato' Henry Sum Agong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selamat petang dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian KPDKKK dan MyIPO sebuah agensi di bawah kementerian, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbadanan Harta Intelek Malaysia (Pindaan) 2017.

Seperti mana huraiyan yang telah dibuat pindaan akta yang dimaksudkan hanya melibatkan kemasukan seksyen baharu iaitu seksyen 35A ke dalam akta sedia ada bertujuan untuk menjalankan dan menjaga, mengelola dan menguruskan apa-apa aktiviti projek inisiatif dalam pelaksanaan fungsi di bawah perenggan 17(e), 17(f) atau 17(i). Seramai 24 ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian termasuk yang mencelah membahaskan RUU Perbadanan Harta Intelek Malaysia (Pindaan) 2017. Yang Berhormat yang terlibat adalah wakil Tenom, Tebrau, Sungai Siput, Rasah, Kuala Krai, Seputeh, Tasik Gelugor, Kota Samarahan, Parit Sulong, Lembah Pantai, Sepang, Kepong, Kota Tinggi, Gopeng, Kelana Jaya, Setiu, Kuala Selangor, Bukit Gantang, Kuala Kangsar, Bukit Katil, Lipis, Bagan Serai dan Lenggong.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tenom membangkitkan persoalan apakah usaha KPDKKK untuk membawa karya-karya Malaysia pulang dan dipelihara hak ciptanya? Untuk makluman Yang Berhormat, perlindungan hak cipta adalah secara automatik. Selepas dihasilkan serta Malaysia merupakan ahli kepada *Berne Convention*. Perlindungan karya hak cipta adalah dilindungi di setiap negara yang menjadi ahli kepada *convention* ini. Secara prinsipnya, adalah menjadi tanggungjawab pemunya hak cipta untuk mengurus karya-karya hak cipta mereka agar diurus tadbir dengan baik bagi mengelakkan karya mereka diciplak atau dieksplotasi secara komersial tanpa kebenaran pemunya.

Sehubungan itu, MyIPO sebagai pentadbir telah memperkenalkan inisiatif sistem pemberitahuan sukarela hak cipta untuk pemilik karya mendaftar di MyIPO. MyIPO juga, menjalankan kerjasama dengan Dewan Bahasa dan Pustaka serta Perbadanan Kota Buku dalam menguruskan semua karya tempatan.

Yang Berhormat juga menanyakan tindakan yang boleh diambil sekiranya karya-karya tempatan telah diciplak. Pemunya hak cipta boleh mengambil tindakan sivil sekiranya karya-karya mereka digunakan tanpa kebenaran di bawah Akta Hakcipta 1987, Akta 32. Tindakan sivil boleh dibuat melalui remedji dan pemunya juga boleh membuat laporan kepada Bahagian Penguat kuasa KPDKKK untuk kes disiasat bagi kesalahan di bawah Akta 332.

Yang Berhormat Tenom, Bukit Gantang dan Kuala Selangor membangkitkan bagaimana KPDKKK memperluas penguatkuasaan harta intelek di mana banyak pusat-pusat perniagaan menjual barang ciplak secara terbuka.

Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian memperluaskan usaha memerangi aktiviti cetak rompak dengan melaksanakan langkah-langkah berterusan seperti:

- (i) mengenal pasti kawasan perniagaan yang menjadi tumpuan 'hotspot' dan mengadakan pemantauan sepanjang masa oleh penguat kuasa KPDKKK dan kerjasama agensi lain;
- (ii) menjalin kerjasama secara Lautan Biru dengan PDRM, Kastam, Imigresen serta pihak berkuasa tempatan dalam bentuk penguatkuasaan dan kempen kesedaran;
- (iii) menggerakkan pasukan petugas khas, membanteras cetak rompak di peringkat nasional dan peringkat negeri;
- (iv) meningkatkan risikan dan pemantauan dengan kemudahan teknologi tinggi bagi mengesan cetak rompak atas talian;
- (v) meningkatkan kecekapan pegawai dengan latihan dan kursus agar pegawai mahir dari aspek perundangan;
- (vi) pendakwaan yang lebih efektif oleh Timbalan Pendakwa Raya;
- (vii) kerjasama *Friends of KPDKKK* sebagai mata dan telinga kementerian.

Yang Berhormat-Yang Berhormat juga minta menyatakan statistik penguatkuasaan yang telah diambil. Dari Januari 2016 sehingga September 2017 sebanyak 1,791 premis telah dibuat pemeriksaan di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 671 tindakan kes telah diambil dengan nilai rampasan berjumlah RM15.7 juta. Sebanyak 215 kes tangkapan telah dibuat di bawah Akta Hakcipta 1987 dengan jumlah denda dikenakan sebanyak RM1.2 juta telah dihasilkan.

Yang Berhormat Tebrau menanyakan adakah idea baru boleh dipatenkan? Di dalam Akta Paten 1983 sebarang idea tidak boleh dipatenkan kecuali ia merupakan produk atau proses yang baru yang boleh menyelesaikan masalah dalam bidang teknologi.

#### **■1440**

Kedua, Yang Berhormat juga bertanya, adakah penggunaan ubat-ubatan yang sama bagi penggunaan penyakit yang berlainan yang baru boleh dipatenkan. Untuk makluman Yang Berhormat, di dalam Akta Paten 1993, penggunaan ubat-ubatan bagi penyakit baru yang ditemui adalah dibenarkan selagi ia menepati syarat-syarat pendaftaran paten seperti baru, ada langkah mereka cipta dan boleh digunakan oleh industri.

Yang Berhormat juga bertanya, adakah tempoh pemprosesan harta intelek boleh dipercepatkan. Tempoh pemprosesan yang biasa bagi permohonan paten adalah 26 bulan. Walau bagaimanapun, terdapat peruntukan paten yang dipercepatkan yang membolehkan permohonan paten diproses dalam masa 20 bulan. Bagi cap dagangan,

permohonan yang dipercepatkan adalah daripada 12 bulan kepada enam bulan tiga minggu.

Ahli-ahli Yang Berhormat Tenom, Yang Berhormat Tebrau, Yang Berhormat Sungai Siput, Yang Berhormat Rasah, Yang Berhormat Kuala Krai, Yang Berhormat Seputeh dan Yang Berhormat Lenggong bertanyakan aktiviti-aktiviti utama yang dijalankan oleh syarikat serta bagaimana memastikan tiada pertindihan fungsi antara MyIPO dan syarikat menyebabkan pembaziran sumber. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, aktiviti projek dan inisiatif yang akan dijalankan oleh syarikat yang akan ditubuhkan adalah tertakluk kepada pelaksanaan fungsi MyIPO mengikut Akta 617. Cadangan model perniagaan syarikat yang akan ditubuhkan ini merangkumi pertama, membuat kajian dan penyelidikan terhadap perkara-perkara berkaitan dengan perkembangan harta intelek dan program kerjasama dengan negara lain. Kedua, perkhidmatan data harta intelek atau *intellectual data* dan ketiga, kursus harta intelek peringkat pensijilan profesional. Seterusnya Yang Berhormat juga bertanya akta yang sedia ada...

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Tuan Yang di-Pertua, Kuala Krai.

**Dato' Henry Sum Agong:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Kuala Krai.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebut semula mengenai peranan-peranan yang akan dilaksanakan oleh syarikat-syarikat yang akan ditubuhkan di bawah peruntukan pindaan ke atas akta ini. Saya ingin mendapatkan pandangan. Semenjak akta ini wujud, semenjak peranan kita menjaga hal ehwal *intellectual property* ini, saya yakin kita sudah menjalankan fungsi-fungsi yang disebutkan tadi, di bawah peruntukan sedia ada, 17(e), (f), (i) yang disebutkan itu. Jadi ini bukanlah suatu urusan perniagaan yang terlalu sofistikated, terlalu besar yang memerlukan tertubuhnya sesebuah syarikat.

Saya yakin MyIPO yang dalam keadaan sedia ada mampu melaksanakan tanggungjawab tersebut, dibuat oleh kakitangan dan pegawai yang sedia ada. Jadi saya amat khuatir seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kepong semalam. Dalam keadaan kita memberikan suatu kebenaran kepada kementerian-kementerian untuk menubuhkan syarikat-syarikat di bawah mana-mana akta ini akan berlaku salah guna kuasa untuk kepentingan tertentu. Jadi apakah tidak boleh seperti yang saya cadangkan, kita kekal melaksanakan mengikut peruntukan sedia ada di dalam akta yang ada ini? Terima kasih.

**Dato' Henry Sum Agong:** Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan tambahan. Mengikut akta lama yang sedia ada, memang pun tidak dapat dijalankan dengan sepenuhnya apa yang dimaksudkan di dalam akta yang kita bawa ini seperti untuk tujuan latihan misalnya dan kerjasama kebangsaan dan penyelidikan dan kajian. Itu yang ingin diberi fokus di dalam akta yang baru ini. Memang pun di dalam akta yang sedia ada,

kita tidak dapat menjalankan dengan sepenuhnya kegiatan-kegiatan seperti yang saya sebutkan tadi.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Henry Sum Agong:** Saya teruskan.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Henry Sum Agong:** Ahli-ahli Yang Berhormat, yang saya sebutkan tadi...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, di belakang.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Belakang.

**Dato' Henry Sum Agong:** Ya, baik.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat Menteri sebab tadi rakan-rakan kita sudah berbahas seperti semalam dan masing-masing pada dasarnya setujulah MyIPO ini bagus dan rang undang-undang ini dapat memberikan kita satu pengupayaan untuk kita bina kapasiti harta intelek kita supaya kita dalam masa beberapa tahun akan datang boleh bersaing dengan ekonomi negara lain dan boleh mengetengahkan produk-produk yang mempunyai *intellect property* tempatan.

Cuma dalam huraiannya rang undang-undang ini Yang Berhormat Menteri, ada sedikit saya ingat, fungsi-fungsi yang kita buat pindaan ini adalah untuk 17(e), (f) dan (i) yang mana (e) kata kita akan menggalakkan, meningkatkan latihan. Saya faham sebab kalau MyIPO ini hendak buat latihan, tentu dia kena kapasiti yang besar. Jadi latihan ini kita boleh bagi kepada syarikat buat. Itu faham saya. Syarikat ini pula, bidang-bidang yang kita hendak latih ini macam-macam, pelbagai. Esok kalau kita ada banyak bidang yang kita hendak latih, sudah tentu yang melatih itu mesti spesifik dan mempunyai kepakaran. Saya percaya MyIPO pun mungkin tidak ada kepakaran semua untuk buat latihan jadi untuk (e) ini memang bagus.

Yang untuk (f) ini, untuk menggalakkan dan menyediakan program kerjasama di peringkat kebangsaan. Jadi itu pun boleh dibuat oleh syarikat-syarikat tadi dan yang (i) pula menjalankan penyelidikan dan untuk mengkomersialkan hasil daptan kajian itu untuk dikomersialkan. Jadi ini, bagi saya jelas dan bertepatan dengan harapan kami, saya untuk MyIPO berfungsi. Cuma dalam huraiannya itu, huraiannya, yang biru ini, dikata bawah situ, ayat last sekali itu, "*Ini akan membolehkan perbadanan mempelbagaikan aktivitinya dan menjana pendapatan*". Ini ada sedikit kekeliruan sebab apa, mempelbagaikan aktiviti tidak ada masalah tetapi menjana pendapatan ini, pendapatan untuk MyIPO kah ataupun pendapatan untuk syarikat-syarikat yang berfungsi tadi? Yang dikomisi supaya syarikat-syarikat tadi boleh berdiri sendiri dan ia tidak bergantung kepada MyIPO untuk menjalankan aktiviti-aktiviti.

Jadi saya hendak minta pencerahan. Sefaham saya, kalau ikut dekat atas rang undang-undang, tidak ada sebut fasal menjana pendapatan cuma huraian sahaja. Jadi faham saya, MyIPO ini sebenarnya amat baik. Tubuhkan syarikat, syarikat itu kena berjati diri dan dia akan kena... sendiri. Jadi MyIPO tidak terbeban dan tidak ada liabiliti. Jadi kalau faham ini Yang Berhormat Menteri, maknanya saya rasa ini akan mengurangkan kekeliruan yang saya tengok banyak antara mereka tadi bercakap fasal *profiteering, conflict of interest* dan sebagainya. Jadi saya hendak minta Yang Berhormat Menteri jelaskan part ini. Terima kasih.

**Dato' Henry Sum Agong:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Tinggi di atas pengertian sebenarnya mengenai rang undang-undang yang dibawa. Memang pun saya percaya kita akan mengikut Akta 617 yang telah dinyatakan di bawah perenggan akhir itu, seksyen (i) itu, yang menyatakan "*untuk menjalankan penyelidikan dan untuk mengkomisikan kajian mengenai isu atau perkara yang berhubungan dengan harta intelek*". Dalam seksyen ini, (e) ataupun (f) dan (i), tidak dinyatakan mengenai pendapatan ataupun keuntungan. Jadi kita akan beralaskan kepada rang undang-undang yang dinyatakan di sini. Terima kasih Yang Berhormat Kota Tinggi.

Saya teruskan Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Tenom, Yang Berhormat Tebrau, Yang Berhormat Sungai Siput, Yang Berhormat Rasah, Yang Berhormat Kuala Krai, Yang Berhormat Seputeh dan Yang Berhormat Lenggong tadi yang bertanya akta yang sedia ada juga telah lengkap, mengapa perlu diwujudkan peruntukan baru ini?

#### ■1450

Penubuhan syarikat ini tidak bertindih dengan fungsi MyIPO yang bersifat *regulator* kerana syarikat ditubuhkan untuk menjalankan fungsi seksyen 17(e), (f) dan (i) Akta 617 yang bukan bersifat pengawalseliaan dan tidak berkaitan dengan pengeluaran lesen atau pemberian hak harta intelek. Oleh itu, tidak konflik atau pertindihan fungsi dengan MyIPO. Isu pembaziran sumber di sini adalah tidaklah wujud sama sekali. Malahan inisiatif ini boleh membantu orang awam untuk memperluaskan lagi pemahaman dan peningkatan bilangan profesional dalam bidang harta intelek menerusi program latihan profesional peringkat pensijilan, penyelidikan ilmiah, program latihan kerjasama, sama ada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Sebagai contoh, kerjasama di antara anak syarikat MyIPO bersama Akademi Harta Intelek (WIPO) melalui dalam melaksanakan kursus profesional harta intelek.

Seterusnya Yang Berhormat Tebrau, membangkitkan mengenai usaha-usaha untuk melindungi pemunya hak harta intelek. Untuk makluman Yang Berhormat, MyIPO telah mengadakan pelbagai inisiatif dalam usaha melindungi pemunya hak harta intelek.

Di antaranya:

- (i) mengemas kini perundangan harta intelek dari masa ke semasa supaya selaras dengan amalan dan undang-undang antarabangsa.

- (ii) menyertai triti-triti antarabangsa bagi melindungi hak harta intelek dan mempermudah kan pemfailan permohonan tempatan ke luar negara, contohnya seperti *Patent Cooperation Treaty*.
- (iii) mengadakan pelbagai program peningkatan kefahaman mengenai harta intelek kepada pemunya-pemunya harta intelek.
- (iv) meningkatkan kapasiti ICT sistem pemprosesan permohonan dan mempercepatkan proses pendaftaran.

Yang Berhormat juga menanya apakah langkah mengelakkan penipuan oleh ejen pendaftaran. Untuk maklumat Yang Berhormat, MyIPO mempunyai kuasa untuk membatalkan ejen yang telah disabitkan dengan penipuan di bawah peraturan 45A, Peraturan Paten 1986. Seterusnya, Yang Berhormat juga menanya cara penyelesaian *dispute*. Adakah mahkamah sahaja atau KPDKKK menubuhkan tribunal bagi kes-kes kecil? Untuk makluman Yang Berhormat, semua kes harta intelek dibicarakan di Mahkamah Harta Intelek yang telah ditubuhkan pada tahun 2007. Yang Berhormat Tebrau, Yang Berhormat Rasah, Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Bukit Gantang dan Yang Berhormat Bukit Katil, memohon kementerian menyatakan sumber kewangan bagi menubuhkan syarikat di bawah MyIPO ini. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sumber kewangan bagi penubuhan syarikat ini akan menggunakan peruntukan sedia ada MyIPO, melalui pemberian geran pelancaran secara *one-off* bagi tempoh lima tahun. Jumlah geran tersebut akan ditentukan berdasarkan kepada cadangan model perniagaan, perjawatan dan perbelanjaan operasi syarikat tersebut.

Yang Berhormat Tebrau, menanyakan tindakan bagi melindungi foto atau lukisan yang di jiplak. Untuk makluman Yang Berhormat, pemunya atau penjiplak boleh mengambil tindakan seperti berikut;

- (i) tindakan sivil - pemunya boleh mendapatkan *civil remedy* di mahkamah. *Civil remedy* terdapat dalam beberapa bentuk seperti ganti rugi, permohonan injunksi ke atas akaun keuntungan individu, syarikat atau pertubuhan yang menggunakan karya tersebut tanpa izin; dan
- (ii) tindakan jenayah - pemunya boleh membuat laporan kepada penguat kuasa KPDKKK, siasatan akan dibuat di bawah seksyen 41, Akta Hakcipta 1987, di mana penalti, denda tidak kurang daripada RM2 ribu dan tidak melebihi RM20 ribu boleh dikenakan bagi setiap salinan pelanggaran.

Yang Berhormat Tebrau, Yang Berhormat Rasah, Yang Berhormat Parit Sulong, Yang Berhormat Kota Samarahan, Yang Berhormat Kuala Kangsar, membangkitkan apakah usaha-usaha yang diambil untuk meningkatkan pendaftaran harta intelek. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi meningkatkan kesedaran harta intelek, seterusnya meningkatkan pendaftaran, MyIPO melaksanakan inisiatif-inisiatif berikut;

- (i) kempen kesedaran harta intelek;
- (ii) IP EG iaitu taklimat dan bantuan pendaftaran kepada usahawan PKS;
- (iii) IP Mobile sebagai medium pameran harta intelek;
- (iv) Program IP Fantastik yang memberi fokus kepada guru dan pelajar;
- (v) Program IP Summer Camp menyasarkan pelajar sekolah menengah; dan
- (vi) penggunaan media sosial dalam menyebar luaskan maklumat harta intelek.

Yang Berhormat Sungai Siput, membangkitkan isu apakah kriteria pendaftaran paten di Malaysia sama seperti di luar negara seperti India dan US. Untuk makluman Yang Berhormat, kriteria pendaftaran paten di Malaysia adalah sama seperti di luar negara seperti US dan India kerana Malaysia adalah ahli kepada *treaty* antarabangsa iaitu, *Paris Convention, Patent Corporation Treaty* dan *Trade Related Aspects of Intellectual Property Rights (TRIPS)*.

Yang Berhormat Tasek Gelugor dan Yang Berhormat Kelana Jaya, menanyakan bagaimanakah pengurusan syarikat, siapakah memiliki ekuiti saham syarikat? Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pengurusan dan seliaan aset syarikat adalah di bawah pemantauan MyIPO. Pemilikan ekuiti dan saham syarikat adalah menjadi tanggungjawab MyIPO dengan mematuhi peruntukan Akta Syarikat 2016.

Yang Berhormat Kota Samaraham, menanyakan jumlah permohonan harta intelek tempatan. Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah permohonan harta intelek tempatan yang telah diterima untuk tempoh lima tahun lepas adalah sebanyak 104,380 permohonan yang terdiri daripada usahawan tempatan, SME dan juga universiti dan juga pusat-pusat penyelidikan tempatan.

Juga Yang Berhormat menanyakan minta menjelaskan mengenai Program IP Easy yang dilaksanakan oleh MyIPO. Program IP Easy ini telah diperkenalkan bagi memudahkan IKS tempatan untuk memfailkan permohonan harta intelek mereka. Sehingga September 2017, MyIPO telah mengadakan sejumlah 13 Program IP Easy iaitu di Sabah, Sarawak, Zon Utara, Zon Selatan, Zon Pantai Timur dan Zon Tengah. Setakat ini sebanyak 612 permohonan harta intelek telah diterima melalui Program IP Easy ini.

Yang Berhormat Parit Sulong minta jumlah permohonan harta intelek dalam tiga tahun kebelakangan ini. Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah permohonan harta intelek yang diterima bagi tempoh tiga tahun kebelakangan ini adalah sebanyak 120,025 permohonan. Juga Yang Berhormat bertanya sama ada bantuan gumaman kes tuntutan hak harta intelek. Untuk makluman Yang Berhormat, tiada bantuan guaman disediakan untuk kes tuntutan harta intelek kerana harta intelek merupakan hak persendirian. Dalam

usaha melindungi hak harta intelek pemilik dan sebarang perlanggaran harta intelek, adalah menjadi tanggungjawab pemilik itu sendiri untuk mengambil tindakan.

■1500

Yang Berhormat Parit Sulong, Yang Berhormat Kuala Selangor dan Yang Berhormat Gerik menanya bagaimana KPDKKK menangani kes cetak rompak digital dan aktiviti *illegal downloading* seperti *Upin & Ipin* dan *Didi & Friends*.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, tuan pemilik karya hak cipta yang mendapati karya mereka dimuat turun secara tidak sah melalui *internet* boleh membuat aduan kepada pihak penguat kuasa KPDKKK dan menyalurkan aduan tersebut kepada pihak Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) untuk mengambil langkah selanjutnya.

Yang Berhormat Lembah Pantai minta diperjelaskan usaha MyIPO dalam menentukan kadar tarif kutipan royalti oleh badan kutipan royalti dengan kadar yang munasabah dan tidak membebankan pengguna-pengguna serta memberi faedah ekonomi yang setimpal kepada penggiat-penggiat seni. Untuk makluman Yang Berhormat, seksyen 27A Akta Hak Cipta 1987 telah menggariskan keperluan asas bahawa sesebuah badan kutipan royalti perlu mempunyai amalan baik atau *best practices* untuk menjaga kepentingan ahli-ahli yang telah memberi mandat kepada badan kutipan tersebut.

Pada tahun 2017, kementerian telah mengambil inisiatif supaya satu badan tunggal kutipan royalti ditubuhkan untuk memastikan hak dan royalti penggiat seni ditadbir urus dengan baik dan disalurkan secara lebih telus. Selain itu, kekeliruan yang dihadapi oleh pihak pengguna dalam membuat bayaran royalti dapat ditangani dengan baik dan berkesan.

Sehubungan dengan itu, pada 1 Januari 2017, *Music Rights Malaysia Berhad* (MRM) telah ditubuhkan. Badan tunggal kutipan royalti ini berfungsi untuk menjalankan operasi kutipan royalti terhadap pengguna karya muzik. Manakala empat badan perlesenan yang sedia ada bertanggungjawab untuk mengagihkan royalti kepada ahli yang bernaung di bawah badan perlesenan tersebut.

**Datuk Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, minta izin daripada Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila.

**Datuk Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan oleh pihak pengusaha industri hiburan, bahawa tahun ini ada empat pertubuhan yang berkaitan dengan *music rights* iaitu PPM, MACP, PRISM dan RPM telah digabungkan dan menjadi satu badan yang dikenali sebagai MRM ataupun dikenali sebagai *Music Rights Malaysia Berhad*. Penyelarasannya tersebut sudah mengatasi masalah tindihan kuasa dan kekeliruan pihak mana yang berhak untuk mengutip bayaran *music rights* dan juga mereka memang amat gembira oleh sebab bayaran sekarang sudah kurang lebih kurang 20 peratus. Bagaimanapun, pihak pengusaha industri hiburan meminta kementerian untuk menimbang

kurangkan lagi bayaran sebanyak 20 hingga 30 peratus. Itu untuk pertimbangan KPDNKK. Sekian, terima kasih.

**Dato' Henry Sum Agong:** Terima kasih, Yang Berhormat. Pihak Kementerian KPDNKK belum menerima permohonan seperti mana yang dinyatakan tadi. Walau bagaimanapun, kementerian akan mempertimbangkan permohonan yang disebutkan tadi. Badan perlesenan yang sedia ada ialah seperti mana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi, *Music Author's Copyright Protection Berhad (MACP), Public Performance Malaysia Sdn Bhd (PPM), Recording Performers Malaysia Berhad (RPM) dan Performance Rights Interest Society Malaysia Berhad*.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Sepang menanyakan berapakah dana harta intelek yang disediakan oleh kerajaan setiap tahun kepada MyIPO. Untuk makluman Yang Berhormat, sejak ditubuhkan pada Mac 2003, MyIPO telah menerima *launching grant* sebanyak RM47 juta. Pada tahun berikutnya dan sehingga hari ini, tiada dana tahunan bagi pengurusan operasi MyIPO yang diterima daripada pihak kerajaan. MyIPO adalah badan kerajaan yang diasingkan sistem saraannya daripada kerajaan dan mempunyai autonomi dalam pengurusan kewangan dan sumber manusia. Sumber pendapatan MyIPO sebahagian besarnya adalah daripada fi yang diterima daripada permohonan pendaftaran dan pembaharuan harta intelek.

Seterusnya, Yang Berhormat Gopeng membangkitkan isu mengenai salah satu aktiviti yang dijalankan yang berkaitan dengan seksyen 17(i) iaitu aktiviti penyelidikan. Untuk makluman Yang Berhormat, penyelidikan yang dimaksudkan adalah penyelidikan ilmiah yang akan membantu dalam pembangunan harta intelek Malaysia seperti keperluan kajian untuk menyertai perjanjian antarabangsa, kesan pendaftaran dan pengkomersilan harta intelek terhadap pembangunan ekonomi negara dan seterusnya dapat membantu ke arah penambahbaikan dasar harta intelek sedia ada serta kekal berdaya saing.

Yang Berhormat Seputeh membangkitkan isu penubuhan suruhanjaya khas untuk memantau syarikat yang ditubuhkan dan juga menanyakan sama ada tender terbuka bagi penubuhan syarikat ini. Untuk makluman Yang Berhormat, penubuhan suruhanjaya khas ini adalah tidak perlu kerana syarikat yang akan ditubuhkan ini akan dipantau oleh anggota Perbadanan MyIPO yang terdiri daripada wakil kerajaan dan swasta. Penubuhan syarikat adalah mengikut peruntukan yang terdapat dalam Akta Syarikat 2016 yang juga memerlukan penyediaan dan mematuhi tatacara yang akan diwujudkan sebagai sebuah syarikat.

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Minta laluan. Saya ingin bertanyakan Yang Berhormat Timbalan Menteri, berapakah syarikat yang dalam cadangan untuk ditubuhkan? Apakah nama syarikat tersebut? Apakah sifat syarikat tersebut? Macam mana syarikat itu akan ditubuhkan? Secara *limited by guarantee* atau secara cara-cara yang lain? Saya hendak mendapat perincian daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri syarikat-syarikat yang akan ditubuhkan, nama syarikat dengan caranya. Silakan.

**Dato' Henry Sum Agong:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang adalah masih awal untuk kita mengetahui khususnya nama syarikat dan berapa syarikat yang akan ditubuhkan kerana akta ini belum diluluskan. Hanya selepas akta ini diluluskan oleh Parlimen, maka tindakan selanjutnya akan diambil.

Yang Berhormat Kelana Jaya menanyakan penguatkuasaan adalah satu aspek yang penting dan perlu diberi penekanan. Ini bagi mengelakkan penyalahgunaan kuasa oleh pemilik harta intelek untuk meningkatkan harga produk sesuka hati seperti contoh kes ubatan. Untuk makluman Yang Berhormat, saya ucapkan terima kasih di atas pandangan yang diberikan. Walau bagaimanapun, isu penentuan harga oleh empunya harta intelek adalah di luar bidang kuasa kementerian.

#### ■1510

Yang Berhormat Kuala Selangor menanyakan modul pembelajaran anugerah dan latihan. Untuk makluman Yang Berhormat, dia mencadangkan sebenarnya modul pembelajaran anugerah dan latihan. Terima kasih di atas cadangan tersebut. Kementerian akan giatkan usaha dan kerjasama kementerian dan agensi berkaitan bagi merealisasikan usul ini. Pada masa ini MyIPO telah mengadakan pelbagai program. Antaranya *IP Summer Camp*, *IP Funtastic* bersama Kementerian Pendidikan ke seluruh negara dalam usaha penerapan dan kesedaran akan kepentingan perlindungan harta intelek daripada peringkat sekolah menengah dan rendah lagi. MyIPO turut memberi sokongan dan pengiktirafan kepada reka cipta dari peringkat sekolah bagi meningkatkan kreativiti dan inovasi di kalangan para pelajar.

Yang Berhormat Kuala Selangor juga menanyakan mengenai geran khas bagi menuju syarikat digital di kalangan generasi muda dan usaha di peringkat MyIPO bagi mengelakkan salah guna kuasa. Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah bidang kuasa SME Corp. dan *Multimedia Development Corporation*, operasi syarikat yang akan ditubuhkan ini akan dipantau sepenuhnya oleh pihak perbadanan dan mematuhi peruntukan di bawah Akta Syarikat 2016.

Yang Berhormat Bukit Gantang bimbang dengan kos pendaftaran paten akan meningkat selepas penubuhan syarikat dan menanyakan apakah tiada keberkesanan sekiranya syarikat ini tidak ditubuhkan. Untuk makluman Yang Berhormat, kos pemfailan ditetapkan oleh peraturan-peraturan sedia ada. Syarikat yang akan ditubuhkan tidak terlibat dengan penetapan fi pemfailan. Penubuhan syarikat ini akan dapat meningkatkan keberkesanan dalam beberapa fungsi yang tidak dapat dilaksanakan oleh MyIPO selama ini iaitu khidmat nasihat profesional bagi pengurusan harta intelek oleh pemilik harta intelek seperti *transferred technology*, pengkomersialan harta intelek dan *licensing* atau pelesenan harta intelek.

Seterusnya Yang Berhormat Bukit Gantang menanyakan bentuk kesedaran awam yang dianjurkan untuk meningkatkan perlindungan ke atas produk warisan. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian memperluaskan usaha kesedaran peningkatan

dan perlindungan harta intelek melalui program bengkel, seminar dan *one to one approach* dengan *state agency* dan juga pemilik harta intelek produk warisan tersebut bagi memelihara legasi produk warisan negara ini. Sejumlah 79 produk petunjuk geografi atau lebih dikenali umum sebagai produk warisan telah berjaya didaftarkan. Antara yang telah berjaya mendapat perlindungan harta intelek adalah:

- (i) parang Kota Belud;
- (ii) tembaga Terengganu;
- (iii) tenun Diraja Pahang;
- (iv) songket Terengganu;
- (v) songket Melaka;
- (vi) kelarai Ulu Tomani, Tenom;
- (vii) bot Pulau Duyung;
- (viii) gong Matunggong; dan
- (ix) ikan tahai Lawas. – Ini tempat saya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya Yang Berhormat Tenom, Yang Berhormat Tebrau, Yang Berhormat Parit Sulung, Yang Berhormat Kota Samarahan, Yang Berhormat Kepong, Yang Berhormat Setiu, Yang Berhormat Kota Tinggi, Yang Berhormat Lipis, Yang Berhormat Kuala Selangor, Yang Berhormat Kuala Kangsar, Yang Berhormat Bagan Serai dan Yang Berhormat Lenggong. Kesemuanya Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya sebutkan tadi menyokong pindaan kepada Akta Perbadanan Harta Intelek. Saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih di atas sokongan yang diberikan. Malah hujah-hujah perbahasan Ahli-ahli Yang Berhormat menunjukkan kefahaman yang jelas mengenai isu-isu berhubungan dengan akta intelek.

Untuk itu, sekian sahaja, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

***[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]***

***[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]***

***[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]***

***[Fasal-fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]***

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

***[Majlis Mesyuarat bersidang semula]***

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Kerja Raya (Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin) dan diluluskan]*

## **RANG UNDANG-UNDANG AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA (PINDAAN) 2017**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

#### **3.18 ptg.**

##### **Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim]:**

*Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Agensi Penguatuasaan Maritim Malaysia (Pindaan) 2017 untuk meminda Akta Agensi Penguatuasaan Maritim Malaysia 2014 (Akta 633) atau selepas ini disebut sebagai Akta APMM dan untuk mengadakan peruntukan mengenai perkara berkaitan atau bersampingan dengannya dibaca buat kali yang kedua sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Agensi Penguatuasaan Maritim Malaysia (Pindaan) 2017 atau selepas ini disebut sebagai akta yang dicadangkan bertujuan untuk meminda Akta APMM buat kali pertama. Akta APMM telah digubal dan dibentangkan di Parlimen pada tahun 2004 apabila kerajaan menubuhkan sebuah agensi tunggal bagi menguatkuasakan undang-undang Persekutuan yang terpakai di zon maritim Malaysia. Akta APMM telah diwartakan pada 1 Julai 2004. APMM adalah sebagai agensi yang bertanggungjawab untuk melaksanakan fungsi-fungsi penguatuasaan bagi memastikan kesejahteraan, keselamatan, keamanan dan kedaulatan negara di zon maritim Malaysia agar kepentingan maritim dan kepentingan lain negara dalam zon maritim Malaysia sentiasa terpelihara.

#### **■1520**

Di bawah akta ini, APMM juga bertanggungjawab dalam tugas mencari dan menyelamat nyawa dan harta benda semasa berlakunya kecemasan di Zon Maritim Malaysia dan bertanggungjawab untuk melaksanakan tugas penguatuasaan undang-undang persekutuan yang terpakai di Zon Maritim Malaysia secara efisien dan berkesan di perairan negara seperti mana yang telah diperuntukkan dalam seksyen 6 dan 7 Akta APMM.

Dalam usaha memperkasakan penguatuasaan undang-undang ini di Zon Maritim Malaysia, kekuatan sumber manusia dan kemudahan prasarana yang komprehensif memainkan peranan penting bagi membantu tugas penguatuasaan APMM berjalan dengan lancar. Selaras dengan fungsi dan kuasa APMM di bawah Akta APMM,

penubuhan pasukan sukarelawan Maritim Malaysia secara langsung dapat menyokong dan membantu pegawai agensi dari aspek kekuatan sumber manusia dalam melaksanakan tugas mencari dan menyelamat serta tugas-tugas keselamatan dan operasi apabila dikehendaki bertugas oleh APMM.

Dengan adanya Pasukan Sukarelawan Maritim Malaysia mereka ini dapat membantu dalam tugas-tugas keselamatan, tugas mencari dan menyelamat serta operasi yang meliputi kawasan rondaan di Zon Maritim Malaysia. Berdasarkan kajian semasa pewujudan Pasukan Sukarelawan Maritim Malaysia adalah selaras dengan pasukan sukarelawan yang diwujudkan oleh agensi kerajaan seperti Pasukan Sukarelawan Malaysia (RELA), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Angkatan Pertahanan Awam dan lain-lain lagi.

Penubuhan Pasukan Sukarelawan Maritim Malaysia akan memberi peluang kepada orang awam untuk bersama-sama menjaga kepentingan perairan negara dan memelihara sumbernya. Selain daripada itu, tugas-tugas yang dilaksanakan dapat mewujudkan nilai kesedaran di kalangan anggota Pasukan Sukarelawan Maritim Malaysia akan kepentingan dalam memastikan kesejahteraan dan keselamatan di perairan maritim negara sentiasa terjaga dan terpelihara.

Penubuhan Pasukan Kadet Maritim Malaysia oleh Menteri adalah bertujuan untuk memberi pendedahan tentang peranan dan fungsi APMM dalam menguatkuasakan undang-undang di Zon Maritim Malaysia kepada murid-murid sekolah menengah kebangsaan dan pelajar-pelajar universiti awam yang terpilih supaya murid-murid dan pelajar-pelajar ini dapat dibentuk menjadi individu yang berdisiplin dari segi mental dan fizikal sebagai persediaan menjadi pemimpin pada masa hadapan.

Hasil daripada kajian semasa terhadap pasukan kadet yang diwujudkan oleh kerajaan seperti Angkatan Pertahanan Awam dan Jabatan Penjara Malaysia, pewujudan Pasukan Kadet Maritim Malaysia akan mengikut modul pelaksanaan seperti agensi-agensi tersebut. Namun dengan sedikit kelebihan kerana bidang tugas APMM yang melibatkan operasi laut.

Penubuhan Pasukan Kadet Maritim Malaysia ini merupakan salah satu medium yang menyasarkan golongan remaja dalam usaha membentuk sahsiah dan jati diri serta memupuk semangat patriotisme. Program-program berbentuk kokurikulum yang dilaksanakan di sekolah-sekolah menengah kebangsaan dan universiti awam akan memberi peluang kepada APMM untuk melahirkan generasi muda yang berkaliber sebagai pelapis masa depan negara yang cemerlang. Dengan amalan budaya maritim yang diterapkan dalam APMM ianya menjadi nilai tambah kepada anggota Pasukan Kadet Maritim Malaysia bagi mendapat pendedahan awal tentang kepentingan menjaga perairan negara.

Tugas penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh APMM adalah melibatkan prosedur siasatan terhadap orang kena tahan (OKT). Statistik tangkapan APMM secara

purata bagi tempoh satu tahun adalah seramai 5,375 OKT di seluruh negara meliputi keseluruhan Zon Maritim Malaysia. Ketiadaan lokap bagi menempatkan OKT semasa dalam proses siasatan menyebabkan APMM terpaksa memohon OKT ditumpangkan di lokap agensi lain sementara menunggu proses siasatan selesai. Agensi-agensi lain pula mempunyai jumlah lokap yang terhad dan ada kalanya tidak dapat menampung OKT APMM, malah risiko keselamatan semakin meningkat apabila OKT APMM ditempatkan di lokap yang berasingan dan dikumpulkan untuk dibawa ke mahkamah.

Susulan daripada itu wajar lokap APMM diwujudkan melalui pindaan Akta APMM bagi mengatasi permasalahan yang dihadapi. Lokap APMM adalah di antara kemudahan prasarana yang penting bagi melicinkan urusan yang berkaitan OKT. Pada masa yang sama, aspek penahanan yang selamat dan pematuhan kepada undang-undang yang berkuat kuasa berkaitan pengurusan OKT menjadi keutamaan dalam pewujudan lokap APMM.

Rang Undang-undang yang dicadangkan ini akan memperuntukkan kuasa bagi pegawai agensi apabila membawa dan menjaga orang dalam tahanan APMM. Pewujudan lokap di pejabat APMM membolehkan orang dalam tahanan dikawal, dijaga dan diselia oleh pegawai agensi sendiri. Bagi pewujudan lokap APMM ini rujukan turut dibuat kepada Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM), dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang mewujudkan lokap sendiri.

Melalui penambahan kuasa ini pegawai agensi yang bertanggungjawab di mana-mana pejabat APMM yang mempunyai lokap mempunyai segala kuasa seseorang pegawai polis berpangkat koperal dan lebih rendah dan kuasa sebagai seorang pegawai penjara berpangkat sarjan dan lebih rendah di bawah Akta Penjara 1995 [Akta 537] apabila membawa dan menjaga tahanan dan mempunyai segala kuasa seorang pegawai penjaga balai polis dan perihal pengurusan lokap. Manakala pejabat APMM yang mempunyai lokap pula disifatkan sebagai satu balai polis melalui pewartaan pejabat APMM yang ditentukan bersesuaian dengan tempat tahanan di bawah seksyen 7(1), Akta Penjara 1995 [Akta 537].

Tuan Yang di-Pertua, tujuan utama Rang Undang-undang Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Pindaan) 2017 yang dicadangkan ini digubal adalah untuk meminda Akta APMM 2004 [Akta 633] bagi membolehkan peruntukan berhubung penubuhan Pasukan Sukarelawan Maritim Malaysia dan Pasukan Kadet Maritim Malaysia serta pewujudan lokap APMM diadakan dengan meminda seksyen 10, 11 dan 18 dan memasukkan seksyen baru 5A, 5B, 5C, 5D dan 7A ke dalam Akta APMM.

Rang Undang-undang Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Pindaan) 2017 yang dicadangkan ini mengandungi 6 fasal kesemuanya dan saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada fasal utama dalam Rang Undang-undang Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Pindaan) 2017 yang dicadangkan ini. Antara fasal utama adalah seperti berikut.

Fasal 2 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 5A, 5B, 5C dan 5D ke dalam Akta APMM. Seksyen baharu 5A yang dicadangkan bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Pasukan Sukarelawan Maritim Malaysia. Seksyen baharu ini akan memperuntukkan kuasa kepada Menteri untuk menubuhkan satu badan sukarela yang dinamakan Pasukan Sukarelawan Maritim Malaysia. Pewujudan Pasukan Sukarelawan Maritim Malaysia ini akan dapat menyokong dan membantu pegawai agensi dalam penugasan mencari dan menyelamat, penguatkuasaan dan operasi apabila dipanggil bertugas.

Seksyen baharu 5B yang dicadangkan bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi orang yang boleh menjadi anggota Pasukan Sukarelawan Maritim Malaysia. Seksyen baharu 5B juga bertujuan untuk memperuntukkan bahawa seseorang anggota Pasukan Sukarelawan Maritim Malaysia boleh dipanggil untuk melaksanakan apa-apa tugas dan anggota itu adalah di bawah arahan, perintah dan kawalan Ketua Pengarah. Anggota Pasukan Sukarelawan Maritim Malaysia bagaimanapun tidak berhak menerima sebarang saraan kecuali elau yang ditentukan oleh Menteri. Seksyen baharu 5B selainnya memperuntukkan bahawa seorang anggota Pasukan Sukarelawan Maritim Malaysia semasa melaksanakan apa-apa tugas di bawah Akta APMM hendaklah disifatkan sebagai seorang penjawat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [Akta 574].

Seksyen baharu 5C ini dicadangkan bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Pasukan Kadet Maritim Malaysia oleh Menteri. Seksyen baharu ini memperuntukkan kuasa kepada Menteri untuk menubuhkan Pasukan Kadet Maritim Malaysia di mana-mana sekolah menengah kebangsaan dan universiti awam yang ditentukan oleh Menteri setelah berbincang dengan Menteri yang bertanggungjawab terhadap pendidikan dan institusi pengajian tersebut.

Seksyen baharu 5D yang dicadangkan bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi orang yang boleh didaftarkan ke dalam pasukan Kadet Maritim Malaysia. Seksyen baharu 5D juga bertujuan untuk memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah APMM boleh mendaftarkan anggota pasukan Kadet Maritim Malaysia yang terdiri daripada warga negara Malaysia dan berumur di bawah 30 tahun yang mengikut kriteria pendaftaran yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah APMM dan rundingan dibuat bersama Menteri di Pengajian Tinggi dan Kementerian Pendidikan Malaysia.

Fasal 3 bertujuan untuk memasukkan baharu 7A ke dalam Akta SPMM untuk memperuntukkan bahawa pegawai agensi hendaklah mempunyai segala kuasa seorang pegawai polis yang berpangkat Koperal dan lebih rendah dan kuasa seorang pegawai penjara yang berpangkat Sarjan dan lebih rendah di bawah Akta Penjara 1995, Akta 537 apabila membawa dan menjaga mana-mana orang dalam tahanan APMM.

Perenggan 7A(2)(b) bertujuan untuk menyifatkan pejabat APMM sebagai suatu balai polis bagi maksud Akta APMM. Ini akan memberikan kuasa kepada pegawai APMM seperti pegawai penjara ketika membawa dan menjaga tahanan APMM. Pegawai APMM

akan dilindungi dan dipertanggungjawabkan oleh undang-undang ketika menjalankan tugas. Fasal ini juga bertujuan untuk membolehkan tempat tahanan reman APMM diguna pakai sebagai tempat tahanan yang sah di bawah Seksyen 7 Akta Penjara 1995 dan memudahkan pewartaan lokap di pejabat APMM.

Fasal 4 bertujuan untuk meminda Seksyen 10 Akta APMM untuk memperuntukkan perlindungan kepada mana-mana anggota pasukan Sukarelawan Maritim Malaysia daripada dikenakan apa-apa tindakan yang telah dilakukan atau yang ditinggalkan daripada dilakukan olehnya dengan suci hati dalam melaksanakan kewajipannya di bawah Akta APMM.

Fasal 5 bertujuan untuk meminda Seksyen 11 Akta APMM untuk memperuntukkan bahawa anggota pasukan Sukarelawan Maritim Malaysia hendaklah apabila diminta mengisyiharkan jawatannya dan mengemukakan kad kuasa yang dikeluarkan kepada anggota itu dalam melaksanakan kewajipannya di bawah Akta APMM.

Fasal 6 bertujuan untuk meminda Seksyen 18 Akta APMM untuk memberikan kuasa kepada Ketua Pengarah untuk mengeluarkan perintah tetap berhubung dengan kawalan am, latihan, tugas dan tanggungjawab anggota pasukan Sukarelawan Maritim Malaysia. Pindaan-pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus merupakan pindaan-pindaan kecil dan berbangkit.

Tuan Yang di-Pertua, hasil daripada Rang Undang-undang Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Pindaan) 2017 yang dicadangkan ini, APMM bakal memperkuuhkan lagi pelaksanaan tugas dan tanggungjawab serta meningkatkan keberkesanan pelaksanaan Akta Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia 2004, Akta 633 dalam menguatkuasakan undang-undang di Zon Maritim Malaysia. Ini juga adalah sebahagian daripada usaha strategik dalam mentransformasikan APMM menjadi antara agensi penguatkuasaan Maritim yang terbaik di dunia. Tercapai selaras dengan visi APMM. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ada yang menyokong.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia 2004 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Sila Yang Berhormat Kuala Krai.

#### 4.20 ptg.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai] :** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Alhamdulillah kita telah mendengar cadangan yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri untuk meminda Akta 633 ini bagi membolehkan pembentukan Pasukan Sukarelawan Maritim Malaysia dan juga penubuhan Pasukan Kadet Maritim Malaysia. Tuan Yang di-

Pertua saya tidak ada masalah mengenai penubuhan Pasukan Kadet Maritim Malaysia kerana dalam usaha kita untuk membina pendidikan anak-anak kita menjadi lebih *rounded especially* yang di sekolah, khususnya yang di sekolah, saya rasa mereka boleh diberikan pilihan untuk memilih sama ada mahu menyertai Kadet Bomba, Kadet Tentera, Kadet Polis, kadet apa lagi yang ada dan mungkin Kadet Maritim ini kerana ianya akan memberi satu *exposure* kepada satu tugas yang cukup penting mengendalikan urusan keselamatan dalam negara.

Akan tetapi bagi penubuhan Pasukan Sukarelawan Maritim Malaysia ini, saya ada sedikit isu yang perlu diketengahkan. Yang Berhormat Menteri memberikan perbandingan dengan beberapa pasukan sukarelawan yang lain untuk menjustifikasi cadangan membentuk pasukan sukarelawan ini. Antaranya ialah RELA dan juga Pasukan Sukarelawan Bomba. Untuk makluman kita semua, RELA diberikan tanggungjawab yang agak ringan, tidak terlalu sangat melibatkan isu-isu besar dalam isu pertahanan negara, keselamatan. Mungkin juga ada sedikit sebanyak tetapi lebih kepada tugas-tugas membawa keamanan sedikit kepada masyarakat dalam keadaan yang bukan kritikal.

Begitu juga Sukarelawan Bomba adalah tanggungjawab mereka untuk membantu di peringkat awal kerja-kerja pasukan bomba dari segi menjaga keselamatan masyarakat daripada kebakaran, kemalangan mungkin ataupun dalam mengendalikan beberapa kecemasan seperti menangkap biawak kah, ular kah dan sebagainya. Ini juga satu peranan yang penting dan boleh mendahului pasukan bomba sebelum mereka tiba. Akan tetapi ini tidak melibatkan mereka berdepan dengan satu ancaman seperti ancaman daripada musuh luar. Saya sebut ini kerana agensi Maritim ini terlibat dalam satu tugas kawalan perairan Malaysia yang agak luas, baik di sekeliling Semenanjung ini ataupun di Sabah, Sarawak dan kita menghadapi juga ancaman-ancaman daripada orang-orang luar sama ada penyeludup ataupun orang yang ingin masuk ke dalam negara kita yang kita tidak tahu tahap persediaan persenjataan mereka.

Begitu juga di sebelah Pantai Timur Sabah, kita tahu ada ancaman-ancaman daripada musuh-musuh negara. Jadi tanggungjawab berat ini seharusnya dipikul sepenuhnya oleh pasukan keselamatan yang mempunyai suatu latihan khusus yang mendalam, yang cukup lengkap persenjataannya, dengan *back up*, sistem maklumatnya yang canggih dan sebagainya. Akan tetapi apabila kita meletakkan nanti atas arahanlah, atas arahan pegawai-pegawai yang berkenaan supaya pasukan sukarelawan ini ditugaskan melaksanakan kerja-kerja yang berisiko tinggi ini. Bukanlah kita kata kita takut dan sebagainya. Hendak membela negara ini sesiapa pun apabila perlu digerakkan, kita gerakkan.

Akan tetapi saya berasa adalah sangat berbahaya dan tidak adil kepada pembentukan satu pasukan sukarelawan untuk melaksanakan tugas di laut luas. Berada di laut itu sendiri sudah ada risikonya, risiko yang besar kerana kita berhadapan dengan ancaman ribut taufan, kapal tenggelam dan sebagainya. Jadi saya mengharapkan supaya

pihak Yang Berhormat Menteri dan kerajaan menimbang semula. Bukan semestinya setiap pasukan beruniform di Malaysia seperti JPAM kah, seperti angkatan tentera, polis semestinya mesti ada pasukan sukarelawannya. Bagus kalau ada tetapi biarlah ianya nanti tidak menjadi satu perkara yang boleh membebankan dan membahayakan mereka. Saya yakin Yang Berhormat Menteri akan berkata kita akan latih mereka secukupnya.

Kalau begitu pandangan kita, lebih baik mereka ini diserapkan terus sebagai anggota *regular*, tidak sukarelawan. Jadi dengan sebab itu mereka boleh mencari satu kerjaya, mereka boleh dilatih dengan baik dan mereka boleh berperanan sebagai sifat mereka sebagai anggota pertahanan maritim kita dan bukan sekadar sukarelawan.

#### ■1540

Saya lebih bersetuju kalau badan-badan seperti sukarela untuk tugas-tugas kemasyarakatan yang lebih *docile*, yang lebih tidak terlalu berbahaya. Ini mungkin menarik minat ramai di antara kita untuk menyarung pakai seragam pasukan-pasukan berkenaan untuk turut memainkan peranan di dalam masyarakat. Jadi saya mengharapkan supaya Menteri menimbang. Memanglah menjadi suatu hasrat mana-mana pihak yang bertanggungjawab kepada mana-mana pasukan supaya ada dia punya *teams* sama ada kadetnya, sukarelawannya, *regular* nya, jadi lengkap. Akan tetapi bagi saya, kena pertimbangkan balik aspek-aspek keselamatan dan juga latihan yang sama ada mesti dilengkapkan betul-betul sebelum mereka turun ke kawasan maritim ataupun kita fikir cara lain untuk rakyat menyumbang.

Kalau kita beranggapan dengan menjadikan semua sukarelawan ini sebagai ahli pasukan regular, pasukan tetap, ianya menimbulkan keruncingan dalam aspek kewangan, emolumennya dan sebagainya tetapi kalau Menteri memikirkan bahawa aspek keselamatan negara, maritim kita ini sangat penting, saya rasa kita tidak boleh memikirkan sangat aspek kewangan ini. Tentulah ada sudut-sudut lain di mana kita boleh buat pemotongan untuk memberikan tumpuan kepada aspek keselamatan negara tetapi saya rasa setakat APMM *regular* yang ada, kita ada TUDM yang saya rasa cukup lengkap dengan aset-asetnya, saya berasa keselamatan perairan kita sudah terjamin dan mungkin sukarelawan ini kita tumpukan kepada aspek-aspek yang lain daripada urusan di perairan kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dari sebelah kanan, dari BN? Sila, selepas itu baru sebelah sini semula.

#### 3.42 ptg.

**Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Pertamanya, saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan penghargaan terima kasih kepada pihak kerajaan khususnya Yang Berhormat Menteri kerana membawa pindaan suatu akta untuk meminda Akta Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia 2004 ini.

Saya sedikit sahaja, Tuan Yang di-Pertua, untuk bertanya kepada Yang Berhormat Menteri. Pertamanya, kebaikan untuk mempelbagaikan kadet sukarelawan ini di peringkat pendidikan khususnya menengah dan pendidikan tinggi merupakan satu langkah yang baik bagi memberikan maklumat lebih awal tentang pasukan-pasukan keselamatan yang ada di negara kita kepada para pelajar supaya mereka lebih memahami masa depan mereka sendiri daripada segi tanggungjawab pasukan-pasukan keselamatan yang sedia ada.

Cuma perkara kedua yang saya hendak fokuskan ialah pasukan sukarelawan Angkatan Maritim Malaysia ini khususnya saya melihat kepada bidang tugas yang dimaklumkan di sini ialah kuasa-kuasa yang ada pada pegawai penguat kuasa APMM ini iaitu mereka mempunyai kuasa seperti seorang pegawai polis daerah. Jadi, bagaimanakah kita hendak memberikan kepastian agar kuasa-kuasa yang diberikan kepada anggota ini nanti ianya akan meliputi keseluruhan kawasan dan sekali gus ia tidak bertindih dengan agensi-agensi lain yang ada dalam kawasan-kawasan yang dah ditentukan. Contohnya, oleh kerana maritim ini tidak banyak pangkalan, saya difahamkan kalau di Malaysia ini tidak seperti daerah polis yang begitu banyak di negara kita. Jadi, bagaimanakah kuasa-kuasa mereka nanti dalam mentadbir kawasan-kawasan maritim yang begitu luas di negara kita.

Misalnya kalau di Pantai Timur Semenanjung, kita lihat ada di kawasan sebelah Negeri Kelantan. Sedangkan Negeri Pahang, Negeri Johor ini bagaimana? Jadi kalau begitu luas kawasannya, bagaimanakah mereka hendak menjalankan tugas-tugas kepolisian daripada segi penguatkuasaan nanti apabila kita laksanakan program ini? Seperkara lagi, oleh kerana pasukan sukarelawan ini seperti kata Yang Berhormat Kuala Krai tadi, ianya bukanlah seperti sukarelawan bomba, sukarelawan JPAM kerana mereka berhadapan dengan risiko keselamatan. Saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan dan mungkin pihak kerajaan pun telah mengambil kira daripada segi aspek-aspek kebijakan kepada anggota-anggota yang menyertai pasukan sukarelawan ini.

Apakah kerajaan menyediakan kebijakan-kebijakan seperti perlindungan takaful misalnya ataupun perlindungan insurans kepada mereka yang terlibat dengan pasukan sukarelawan ini. Kalau ada, apakah bentuk perlindungan-perlindungan yang boleh dinikmati oleh mereka ini? Saya yakin sekiranya ada kebijakan-kebijakan yang kita letakkan kepada anggota sukarelawan ini, sudah pasti ianya akan menarik minat kepada orang ramai khususnya mereka-mereka yang terlibat dengan kawasan-kawasan perairan negara kita misalnya rakan-rakan kita di pihak nelayan-nelayan yang sudah pasti mereka juga akan rasa terpanggil untuk menyertai pasukan ini kerana mereka meletakkan kepentingan melindungi keselamatan negara itu merasakan tanggungjawab mereka juga kerana sebagai nelayan, sudah pastilah mereka hendakkan suasana persekitaran kerja mereka yang selamat.

Antara faktor yang mereka boleh menyumbang membantu ke arah meningkatkan keselamatan negara ini, secara tidak langsungnya ialah mungkin dengan menyertai pasukan sukarelawan ini nanti. Saya yakin dengan usaha yang dibuat oleh pihak kerajaan ini, sedikit sebanyak akan dapat meningkatkan lagi kawasan keselamatan terutamanya di perairan-perairan negara kita. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Bukit Gantang.

### 3.47 ptg.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan berkenaan dengan Akta Agensi Penguatuasaan Maritim Malaysia 2004. Saya yakin dan percaya pihak kerajaan apabila membawa untuk kita bincangkan akta ini terutama di dalam menubuhkan berkenaan dengan pasukan sukarelawan maritim, sudah tentu yang difikirkan ialah soal aspek keselamatan dan juga berlakunya pencerobohan. Selalu kita tengok wakil-wakil daripada Ahli-ahli Parlimen Sabah yang selalu membangkitkan. *[Disampuk]* Ha! Yang Berhormat Putatan, Yang Berhormat Putatan jarang bangun sebab ini. Yang Berhormat Kalabakan yang selalu bangun. Yang membangkitkan soal bentuk pencerobohan.

Jadi saya bersetuju dengan pandangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Kuala Krai tadi. Kalau alah aspek keselamatan ataupun pencerobohan yang berlaku di dalam perairan kita ini, perkara ini perkara yang perlu diambil serius terutama dalam apabila kita hendak bincang bajet nanti kerana aspek keselamatan, kesihatan, pendidikan, ini perkara yang tidak boleh kita kompromi sebenarnya. Kalau memerlukan bajet yang lebih, perlu diberikan kepada beberapa kementerian ini kerana ia adalah merupakan *survival* ataupun masa depan negara kita dan sebagaimana yang kita maklum, untuk hendak mengawal laut ini bukan satu perkara yang senang. Ia perkara yang begitu sukar sekali.

Kalau kita tengok untuk kita hendak kawal sempadan antara Golok dengan Malaysia pada hari ini pun, apabila pagar lebih kurang daripada 95 kilometer kawasan yang tidak berpagar, itu pun kita lihat banyak penceroboh yang lalu lalang dan di sutilah juga berlakunya tentang jenayah-jenayah dan sebagainya. Maka lebih-lebih lagi laut yang sudah tentu agak sukar untuk kita hendak kawal kerana kalau laut ini diceroboh dengan mudah kerana laut ini merupakan tempat yang kita tahu di sutilah orang hendak seludup orang, pemerdagangan manusia itu agak mudah di situ walaupun melalui darat pun ada.

### ■1550

Akan tetapi melalui laut agak mudah untuk melarikan barang-barang daripada cukai Kastam seperti mana bahan-bahan rokok kretek yang kita tahu. Akan tetapi malangnya di sana ada pula kumpulan-kumpulan disebut sebagai ‘tonto’ – *tolong orang*

*tipu orang*, yang telah menjadi *informer* untuk nak membantu supaya berlakunya penyeludupan ini agak mudah. Apabila maritim ke atau pasukan keselamatan kita nak serang, dia sudah hari itu dia tidak bekerja. Maknanya, macam seolah-olah itu perkara yang perlu kita nak atasi. Begitu juga kita laut ini merupakan tempat yang kita lihat juga. Dadah hari ini pun di antara tempat yang selalu menjadi tempat penyeludupan penyeludup dadah yang masuk ke dalam negara kita. Oleh sebab itu, kita lihat majoritinya kalau kita tengok di kawasan-kawasan di pantai ataupun di kawasan-kawasan nelayan ataupun pantai sebagainya, situlah tempatnya membiak dadah penagih-penagih. Oleh dadah kerana ia merupakan tempat yang selalu dibawa masuk ke sana.

Tuan Yang di-Pertua, saya nak mengemukakan beberapa perkara yang berkaitan dengan hal ini ialah satu, berkenaan dengan apakah modul yang hendak diperkenalkan, terutamanya kepada sukarelawan dan juga kepada pasukan kadet ini sendiri? Kita tidak naklah macam kami Ahli Parlimen diberikan dengan jawatan Kolonel, cantik pakai itu. Terima kasihlah kepada Menteri yang beri tapi malangnya kami pun tidak tahu apa benda nak buat. Kami takut macam orang panggil kita duduk di kawasan pedalaman, elektrik tidak masuk lagi, duit banyak, beli peti ais. Jadi, pakat bubuh dalam peti ais itu orang kata apa, baju. Jadi, kita harapkan kalau boleh pihak Menteri, bolehlah maknanya beritahu kepada kami untuk sekurang-kurangnya asas-asaslah yang kami tahu sebagainya. Kita harapkan juga benda yang nak diwujudkan ini ialah merupakan satu modul yang perlu diperkemas untuk kita membekalkan kepada sukarelawan kita dan juga kadet-kadet yang ada di pusat pengajian tinggi ataupun di sekolah.

Keduanya ialah kita mengharapkan supaya modul-modul ini dibina dengan persiapan dari segi fizikalnya, mentalnya, spiritualnya dan ilmunya, ini penting. Kalau mereka juga tidak mempunyai asas begini, kita bimbang, takut mereka tidak tahan dengan ujian-ujian. Satu, ujian yang bentuk kita sebut yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Jerantut tadi, dari segi sudut keselamatan, persiapan dan sebagainya. Keduanya, kita bimbang juga takut mereka ini tidak tahan dengan ujian seperti mana dapat rasuah ataupun sogokan dan sebagainya menyebabkan mereka melepaskan sempadan kita itu dengan mudah. Oleh sebab itu ini perkara yang perlu ditekankan dalam bentuk modul-modul ini perlu diberikan.

Keduanya, kita harapkan jugalah dari segi pasukan sukarela ini jangan adanya unsur-unsur politik. Kalau boleh, kami pun kalau daripada orang-orang PAS ini sendiri pun kita berminat, kalau ada di kalangan orang-orang kita yang berminat untuk menyertai kalau di *offer*. Jadi, kita harapkan tidak ada unsur politik ini, ini isu soal patriotik untuk mempertahankan keselamatan negara merupakan tanggungjawab kepada kita bersama.

Akhir sekali ialah berkenaan dengan kadet, cukup cantik. Saya rasa kadet ini benda yang sudah pun banyak, kadet bomba ada, kadet polis ada. Ini salah satu lagi daripada perkara-perkara yang bukan saja pada sayalah, pasukan kadet ini bukan sahaja untuk di sekolah. Kalau boleh remaja-remaja sendiri yang sudah pun habis untuk sekolah,

mereka juga digalakkan, sekurang-kurangnya dapat memenuhi program-program harian mereka supaya mereka tidak buang masa ataupun lepak, terlibat dengan kegiatan-kegiatan yang tidak bermoral ini. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Menteri.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pokok Sena.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Sekijang.

### **3.54 ptg.**

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya ruang untuk sama-sama berbahas dalam pemindaan akta agensi berkaitan dengan APMM pada petang ini. Saya pun tidak ingin mengulas panjang, cuma saya nak ucap tahniah kepada pihak kementerian kerana berusaha untuk mendidik lebih ramai rakyat kita lagi untuk menjadi sukarelawan. Kali ini kita memilih untuk mewujudkan Pasukan Sukarelawan Maritim Malaysia yang saya kira walaupun telah diulas oleh beberapa rakan tadi sebagai pasukan yang lebih mirip nanti kepada RELA dan juga APMM tapi sekurang-kurangnya ini adalah usaha daripada pihak kementerian untuk melahirkan lebih ramai rakyat kita menjadi sukarelawan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin melihat sebenarnya berkaitan dengan sukarelawan ini nanti. Adakah setelah mereka menjadi sukarelawan mungkin dalam masa tempoh setahun atau dua tahun, adakah mereka akan diberikan peluang untuk diserapkan di dalam Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia? Oleh kerana kalau kita lihat pada hari ini, ramai di kalangan anggota-anggota sukarelawan, terutamanya di bawah RELA dan juga di bawah JPAM sebelum ini, mereka yang dilihat berpotensi untuk kita serapkan di bawah mana-mana agensi penguatkuasaan akan diberikan kemudahan untuk diserapkan mereka ini. Saya ingin melihat juga berkaitan dengan apabila diberikan perjawatan berkaitan dengan sukarelawan di bawah APMM ini nanti, adakah pihak kementerian melihat peluang untuk disalah gunakan kuasa untuk para sukarelawan ini apabila diberikan pas kuasa dan di isytihar sebagai salah seorang penjawat awam? Oleh kerana kalau kita lihat pada hari ini, apabila ia melibatkan sistem perairan negara, sudah pastinya hal perkara-perkara berkaitan dengan keselamatan ini harus diteliti dengan baik. Terutamanya, apabila mencari dan juga melantik para-para sukarelawan ini nanti dan siapakah nanti yang akan mengawal mereka-mereka ini nanti apabila berlakunya aktiviti, terutamanya melibatkan salah guna kuasa.

Tadi rakan-rakan ada menyebut berkaitan dengan keselamatan. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian juga, adakah pihak kementerian mengambil kira apabila sukarelawan ini bertugas nanti, kita tidak mahu jika berlaku kes-kes. Contohnya, kes penculikan di perairan, contohnya di kawasan Sabah dan sebagainya berlaku. Ia akhirnya nanti, asalnya kita nak bagi kemudahan kepada APMM, ada sukarelawan dan

sebagainya. Akan tetapi akhirnya, ia memberikan masalah yang baru pula apabila berlakunya kes penculikan kepada mereka-mereka ini. Oleh kerana ketiadaan ilmu dan juga perkara-perkara yang sepatutnya mereka faham tentang hal berkaitan dengan keselamatan di kawasan perairan. Kalau kita lihat pada fasal 4, yang bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi perlindungan kepada mana-mana anggota Pasukan Sukarelawan Maritim Malaysia daripada dikenakan apa-apa tindakan.

Maksudnya, kalau ada apa-apa kesalahan dan sebagainya ini, mereka akan terlindung untuk dikenakan apa-apa tindakan oleh pihak agensi ataupun pihak yang berwajib. Jadi, saya minta penerangan daripada pihak kementerian sendiri, apakah yang dimaksudkan tidak akan dikenakan apa-apa tindakan dan diberikan perlindungan kepada anggota sukarelawan ini nanti apabila mereka menjadi anggota sukarelawan kepada APMM. Sekali lagi saya nak ucapkan terima kasih kepada pihak Menteri kerana memberikan ruang untuk mewujudkan Pasukan Kadet Maritim Malaysia sama seperti pasukan sukarelawan ini. Kita mengharapkan nanti sekurang-kurangnya bila adanya Pasukan Kadet Maritim Malaysia ini, para-para pelajar kita akan terdedah dengan apa yang dimaksudkan oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim.

Kalau sebelum ini mungkin para pelajar ini tidak terdedah dengan Agensi Penguatkuasaan Maritim ini tapi sekurang-kurangnya bila kita tubuhkan pasukan kadet ini nanti ia akan memberikan peluang kepada para pelajar untuk lebih mengenali dan memahami gerak kerja dan juga apa yang telah dilaksanakan di bawah APMM itu sendiri. Jadi, itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan saya menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kota Kinabalu.

#### 4.00 ptg.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya amat tertarik dengan pindaan Akta Maritim untuk mewujudkan Pasukan Sukarelawan Maritim Malaysia.

#### ■1600

Sesungguhnya komitmen kerajaan untuk menjaga kawasan perairan negara kita harus dipuji. Bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, kita sudah lihat banyak pasukan keselamatan perairan ditubuhkan, contohnya ESSCOM. Namun lebih 1,000 kapal nelayan asing telah ceroboh ke perairan Malaysia dan mencuri hasil laut kita. Penculikan masih terus berlaku, *smuggling* masih ada, PATI pun masih ramai masuk di Sabah.

Jadi persoalannya, adakah penubuhan *volunteer* ini hanya akan menjadi satu projek kroni, buat projek *reform* dan lain-lain untuk cari makan, Yang Berhormat Menteri? Saya ingin bertanya, adakah pasukan ini mempunyai kuasa tertentu untuk menjaga kawasan perairan kita dari pencerobohan? Adakah pasukan ini akan membantu di pos kawalan sempadan? Memang tidak dinafikan bahawa perlu ada lebih banyak pos kawalan sempadan di sepanjang sempadan Sabah.

Siapakah yang akan memberi arahan? Siapakah yang boleh serta pasukan ini dan apakah jenis-jenis latihan yang akan diberikan? Adakah pasukan ini juga menjalani latihan intensif dan komprehensif? Adakah pasukan ini boleh membantu jika ada pencerobohan atau pengganas yang membawa senjata berat dan sebagainya? Adakah pasukan *volunteer* ini bersedia untuk menggunakan senjata-senjata api apabila perlu? Berapa peruntukan yang akan diberikan? Harap Yang Berhormat Menteri boleh jawab.

[*Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, keselamatan dan kepentingan perairan negara turut...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua sudah berhenti berehat Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua sudah berehat.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Selamat datang. Naik pangkat. Saya kasi naik pangkat sudah. Keselamatan dan kepentingan perairan negara terus dimasuki nelayan asing tanpa izin. Kalau di Sabah, nelayan Vietnam suka tangkap ikan dalam sempadan negara kita.

Saya amat setuju, kerajaan bertindak tegas seperti mana yang Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim kata bahawa bot-bot nelayan asing yang langgar undang-undang dengan masuk ke perairan-perairan negara akan dibakar dan ditenggelamkan, *burnt and sunk*. Inilah reported oleh *The Borneo Post*.

Saya mahu rujuk laporan *The Borneo Post* pada 23 Oktober yang melaporkan Yang Berhormat Menteri berkata kapal nelayan asing yang didapati bersalah akan dibakar dan ditenggelamkan. Wah, ini memang satu tindakan yang amat tegas dari kerajaan. Hebat Yang Berhormat Menteri. Teruskan bertindak. Ini satu amaran yang tegas kepada kapal nelayan asing.

Soalan saya Yang Berhormat Menteri, adakah kerajaan betul-betul tegas atau cakap-cakap 'syok' sahaja? Atau seperti orang putih kata *paper tiger* yang tiada gigi? Jika kerajaan betul-betul tegas Yang Berhormat Menteri, kenapa semakin banyak bot nelayan asing yang menceroboh sempadan laut kita khasnya di Sabah? Saya mahu bertanya, berapa banyak sudah bot dibakar dan ditenggelamkan, *burnt and sunk? How many so far?*

Yang Berhormat Menteri juga memaklumkan bahawa Jabatan Maritim telah menahan sebanyak 133 *fishing vessels*, dengan izin. Daripada jumlah itu, 108 adalah bot Vietnam dan 25 bot Indonesia. Manakala jumlah keseluruhan yang ditahan ialah lebih 1,000 bot asing. Kesalahan ini disiasat di bawah seksyen 15(1) dan seksyen 16(3) di bawah Akta Perikanan 1985. Jika bersalah, kapten akan didenda maksimum RM1 juta, betul? RM1 juta manakala kru pula boleh didenda maksimum sebanyak RM100,000.

Bagi kesalahan yang dilakukan nelayan tempatan, mereka boleh dikenakan kompaun sebanyak hanya RM500 bagi serahan pertama dan kompaun RM1,000 kali kedua. RM1,500 bagi kali ketiga. Jadi Tuan Yang di-Pertua, soalan saya lagi, daripada jumlah denda itu, berapakah jumlah denda yang telah kerajaan dapat dan berapa ramai sudah diharamkan? Berapa banyak bot sudah dibakar dan *sunk*, ditenggelamkan? Berapa banyak lesen yang dibatalkan atau ditarik balik? Yang Berhormat Menteri, boleh?

Saya hairan, mengapa tiada hukuman penjara dikenakan? Ini kerana mereka ini akan lakukan kesalahan yang sama. Mengapa kita tidak mencontohi negara jiran kita? Misalnya Indonesia yang sangat tegas. Dia tembak dan tenggelamkan. Betul kah? Ini dia cerita. Nampaknya kerajaan macam *too friendly*, terlampaui *friendly*. Sesiapa pun dengan mudah masuk dalam negara kita kerana macam satu *paper tiger*. Rasanya, *perceptionnya*. Kalau kerajaan betul-betul tegas, mestilah komited dalam kuat kuasa. Saya mahu bawa contoh seperti Presiden Filipina Duterte. Dia melawan kumpulan ekstremis IS di Merawi sehingga daerah itu aman dalam hanya beberapa bulan sahaja. Dia juga melawan sindiket dadah.

Kawasan kerajaan amat penting kerana jika tidak bukan ikan sahaja akan habis, PATI, IS pun boleh masuk dengan senang. Begitu juga dengan barang-barang seludup. Oleh sebab itu kerajaan mestilah bertindak dan bukan sahaja syok sendiri cakap tegas, tiada buat tindakan. Ini bukan soal juga kawasan perikanan dan sempadan sahaja.

#### ■1610

Ini juga merupakan suara, kedaulatan dan keselamatan negara dan rakyat. Kita juga tidak tahu selain tangkap ikan, apakah nelayan asing ini buat.

Tuan Yang di-Pertua, kembali semula kepada *Malaysia Maritime Volunteer Reserve*, saya ingin menyeru bagi Sabah, rekrutlah orang-orang tempatan yang terdiri dari pelbagai kaum, orang asal Sabah termasuk pegawai-pegawai atasan. Dia mestilah berbilang kaum. Jangan *bias*, jangan diskriminasi. Janganlah semua kasi orang Semenanjung sahaja. Kita juga ada orang – ramai orang Sabah dan Sarawak yang *qualified*. Orang Borneo bukan bodoh. Kita ada ramai mereka yang *have good faith*, dengan izin untuk berkhidmat demi tanah air kita.

Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri, kalau zaman British pun ada wakil-wakil anak negeri. Contohnya, dalam Suruhanjaya Cobbold (*Cobbold Commission*), kenapa selepas Malaysia dibentuk, kita tidak ada wakil pelbagai kaum. Mesti ada wakil daripada pelbagai kaum, barulah lebih adil.

Tuan Yang di-Pertua, di kesempatan ini saya juga menyeru kerajaan supaya melantik lebih ramai anak-anak negeri termasuk orang asal Sabah dalam pasukan keselamatan di Sabah dan jabatan-jabatan awam di Sabah. Janganlah bencikan anak-anak Borneo. Borneolisasi mestilah dilaksanakan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu, untuk memastikan kejayaan pasukan *volunteer maritime* ini, saya cadangkan supaya sebuah *Maritime Commission* ditubuhkan sebagai

one stop. Ia bertujuan untuk pastikan pasukan ini menjalankan tugas dengan baik dan tegas. Kita tidak mahu pasukan ini jadi sebagai projek kroni. Bikin uniform sahaja. [Ketawa] Bagi kita syok sahaja. Sebelum ini, kerajaan telah memberi peruntukan sebanyak lebih kurang, saya sekarang sampai hari ini sudah lebih RM1 bilion kepada ESSCOM sejak ditubuhkan untuk menjaga keselamatan perairan Sabah tetapi apa berlaku amat tidak logik. Walaupun ESSCOM ada, *kidnapping* masih berlaku. PATI masih ramai. Semua peruntukan ini pergi mana? Kalau bukan Presiden *Philippine* ambil tindakan tegas, *kidnapping* mungkin lebih teruk.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat sedih apabila ada rakyat kakitangan keselamatan kita yang menjadi mangsa keganasan pengganas Abu Sayyaf. Saya pernah bangkitkan isu ini dalam sesi-sesi lalu. Mari kita lihat apa yang berlaku ke atas seorang engineer rakyat Sarawak yang dibunuh oleh Abu Sayyaf. Ini amat mengejutkan. Wang tebusan (*ransom*) telah pun diberi sebanyak RM12 juta untuk tiga nyawa sahaja tetapi penculik hanya terima RM9 juta sahaja.

Lagi RM3 juta pergi mana? Mana itu RM3 juta? Adakah sudah disiasat apa yang berlaku? Mungkin ini ada kaitan dengan pegawai-pegawai juga. Kalau terus begini, rakyat pun tidak akan percaya kerana semua sudah jadi *kleptokrasi*. Betulkah Yang Berhormat Menteri? Betul atau tidak betul? Betul? Ini yang jadi persoalan. Isu utamanya sekarang ialah rasuah. Rasuah menjadi punca sebenar masalah negara. Pasukan keselamatan ramai tetapi apabila rasuah berlaku, adakah efektif, Yang Berhormat Menteri?

Tuan Yang di-Pertua, saya amat berharap penubuhan pasukan sukarelawan maritim ini akan betul-betul memberi kebaikan dan tegas. Boleh, Yang Berhormat Menteri? Kita harap selepas penubuhan pasukan ini, kita akan capai *zero foreign illegal fishing vessel and crossing in to our sea*. Boleh? *Zero kidnapping*, boleh? *Zero smuggling*, boleh? *Zero trespassing*, boleh? Dengan izin. Marilah sama-sama terus bekerja demi negara dan rakyat yang tercinta. Penubuhan pasukan sukarelawan Maritim ini sangat baik dan saya harap pasukan ini dapat menjaga keselamatan dan perairan negara kita dengan baik dan penuh integriti tetapi saya harap kerajaan akan ambil kira isu-isu yang saya bangkitkan tadi. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Putatan.

#### 4.17 ptg.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana membawa usul yang amat penting sekali iaitu D.R.37/2017 suatu akta untuk meminda Akta Agensi Penguatuasaan Maritim Malaysia. Seperti tiada pantai, diam-diamlah. Pertama kali saya dengar isu maritim ini dibangkitkan oleh sahabat-sahabat Ahli-ahli Parlimen yang lain, isu berkenaan

dengan keselamatan di perairan Sabah. Terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain.

Sebagai Ahli Parlimen daripada Sabah juga, pertama kali saya bersetuju dengan sahabat saya daripada Kota Kinabalu. Walaupun ucapan Yang Berhormat Kota Kinabalu itu seolah-olah mencari *mileage* politik tetapi isu keselamatan perairan di Sabah ini memang kita sudah bawa lama. Yang Berhormat Sandakan hanya bangun untuk menjadi isu perairan keselamatan Sabah ini sebagai *mileage* politik DAP. Setuju, Yang Berhormat Menteri? Jadi isu yang kami bawa ini memang selalu. Kita alu-alukan usaha Menteri...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Putatan, tidak payah minta Yang Berhormat Menteri setuju. Ikut, cukup dengan itu.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Saya terpaksa ikut sama dia sebab dia minta setuju.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Itu dia punya *style*, Yang Berhormat ya.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Ini terpulang kepada Speaker hendak bersetuju atau tidak. Isu yang dibawa ini memang amat dialu-alukan sebab kalau kita menyentuh pasal kesukarelawan ini, *volunteer* kata sahabat saya, Yang Berhormat Kota Kinabalu dan juga kadet keseluruhan maritim, saya amat bersetuju sekali. Akan tetapi apa yang kita lihat dalam usul ini, belum tahu lagi kita tahu sebagaimana Yang Berhormat Bukit Gantang bawa tadi. Sahabat, Yang Berhormat Bukit Gantang, modul pasukan sukarelawan maritim ini. Bukan angkatan. Bukan macam APAM. Dulu JPAM, sekarang APAM. So, Yang Berhormat Menteri tidak begitu suka dengan JPAM, dia tukar pergi APAM.

## ■1620

Jadi, ada pertindihan, Tuan Yang di-Pertua, tugasan-tugasan ini. Walaupun kita mengalu-alukan tetapi saya bercadang supaya kesukarelawan tidak dibayar elau kerana apabila kita menyeru atau meminta bantuan daripada pasukan RELA misalnya, daripada Angkatan Pertahanan Awam, memang pertama permintaan itu ialah berapa elau kena bagi. Jadi, ini bukan sukarelawan. Jadi, saya mohon kepada Menteri, walaupun kadang-kadang kena bagi uniform *free* ataupun alat-alat yang keperluan pasukan ini, tetapi soal maritim ini biasanya kawasan-kawasan yang berpantai, bukan macam kawasan Bukit Gantang hanya sungai. Tak tahu lah berapa luas dia punya kawasan pantai ini tetapi kawasan Putatan ini memang saya sudah membawa di Parlimen ini dan saya berharap Menteri sendiri melawat kawasan Putatan ini supaya pangkalan maritim ini ditempatkan di Putatan.

Sebab, ada kes-kes seperti mana yang dibawa oleh Yang Berhormat Kota Kinabalu itu memang ada pencerobohan daripada nelayan-nelayan asing. Saya bersetuju itu sebab saya melihat sendiri, Tuan Yang di-Pertua. Dalam satu majlis, kita nampak bot-

bot besar telah menarik bot tunda yang dimiliki oleh nelayan dan ada juga nelayan kecil daripada kawasan saya cuba menghalang tetapi kena buang di laut. *I happened to be ketua kampung satu kawasan di kampung saya, dengan izin.* Oleh itu, saya haraplah pihak Maritim ini dengan bantuan daripada Pasukan Sukarelawan ini dapat mewujudkan satu strategi untuk mengatasi pencerobohan nelayan asing. Sebab ini menyebabkan pendapatan nelayan kecil-kecil di kawasan berkurangan.

Bukan sahaja itu tapi ada juga projek-projek yang dikatakan projek dalam kawasan pantai, misalnya sangkar ikan, usahawan yang menjalankan projek rumpai laut. Jadi sukarelawan ini kita boleh letakkan dengan *turn by turn* untuk menjaga projek-projek ini dengan bayaran elauan sederhana daripada pengusaha-pengusaha ini. Jadi ini amat penting sekali dan saya minta pihak Kementerian untuk membuatkan satu modul ataupun terma rujukan kepada Pasukan Sukarelawan ini supaya mereka tahu dan bagaimana pula dari segi latihan kepada pasukan ini?

Saya baru-baru ini telah pun mengumpul satu majlis dengan Angkatan Pertahanan Awam dan juga kepada RELA dan Maritim yang mana Menteri sendiri telah berjanji kepada saya untuk melantik pengurus JKPK, ketua kampung dan dibagi jawatan sebagai leftenant. Itu Menteri janji. Jadi apabila saya membuat senarai 30 orang ahli yang dikehendaki oleh Menteri dan saya mohon Menteri datang sendiri ke kawasan saya untuk melantik pengurus-pengurus JKPK ini dan juga ketua-ketua kampung supaya dibagi uniform free. Janganlah minta saya sebagai wakil rakyat. Habislah gaji saya sebulan, Menteri. Kepada uniform-uniform dan kasut-kasut, alat-alat semua ini. Kesianlah kepada Ahli Parlimen ini, gaji bukan besar. Menteri ada besar sikit gaji. Jadi, kesian. Jadi, tolonglah.

Kalau boleh, Menteri sendiri membuat satu program untuk melawat kawasan-kawasan Ahli Parlimen yang lain terutama sekali kawasan-kawasan Parlimen yang berpantai. Bukan yang ada sungai. Sungai mungkin penjagaan bot-bot penyeludup seperti rokok keretek seperti Bukit Gantang nyatakan tadi, itu rokok keretek yang penting tetapi banyak lagi yang diseludupi, Menteri. Arak daripada Labuan masuk kawasan Sungai Putatan pun ada juga. Kadang-kadanglah, bukan selalu.

Jadi kalau ada yang Pasukan Sukarelawan ini, mungkin dapat dielakkanlah terutama sekali di Pulau Gaya, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua tahu ini. Ada juga beberapa kes yang kena tangkap soal penyeludupan. Penyeludupan ini bukan dibuat oleh orang tempatan tetapi orang yang—Bintulu itu kadang-kadang ada juga tetapi tidak tahu Ahli Parlimen Bintulu terlibat kah, saya tak tahu. Itu nanti... [Ketawa] Tetapi Bintulu tiada sungailah. Sungai dia kecil. Tetapi penyeludupan dari Putatan mungkin berlakulah.

Jadi itu, Yang Berhormat Menteri, saya harap juga kawasan-kawasan seperti kawasan-kawasan yang mempunyai kastam...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Selangor bangun.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Selangor.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat Kuala Selangor ada? Boleh.

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Putatan. Saya hendak bertanyakan dan memohon penjelasan daripada Yang Berhormat Putatan. Setujukah Yang Berhormat Putatan dengan adanya Pasukan Sukarelawan Maritim Malaysia, sedikit sebanyak ia boleh memberi kelegaan bagi nelayan-nelayan di kawasan Putatan untuk mereka dapat mempertingkatkan ekonomi mereka? Setidaknya, soal keselamatan itu boleh turut sama digerakkan dalam adanya Pasukan Sukarelawan.

Keduanya, Yang Berhormat Putatan, saya juga tertarik apa Yang Berhormat Putatan sebutkan tentang sukarelawan. Ini kerana pada hemat saya, Yang Berhormat Putatan, setujukah, setidaknya bukan hanya pihak yang terlibat dengan perairan tetapi juga penggalakan lagi generasi muda untuk terlibat untuk mengerakkan aktiviti patriotisme, melindungi perairan tanah air kita? Terima kasih Yang Berhormat Putatan.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Kuala Selangor. Soal keselamatan nelayan itu memang kita utamakan sebab ini rakyat kita juga dan bukannya golongan-golongan yang berada. Ia hanya sekali sehari dan mungkin pendapatan lebih RM50 sehari.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** *[Bangun]*

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat Bintulu, saya belum habis lagi. Biar bagi saya ruang sikit jawab Yang Berhormat Kuala Selangor dulu.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** You bukan Menteri, jawab apa.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Dia ada soalan. Sabarlah, nanti. Yang Berhormat Bintulu tak sabarlah. *[Ketawa]*

Keduanya, soalan fasal kadet ini, saya memang bersetuju seratus peratus, Yang Berhormat Kuala Selangor. Sebab, soal patriotisme ini daripada bangku sekolah, memang ada antara kita yang sangat berminat dengan pasukan beruniform ini termasuk saya sendiri. Sebagai ahli pengakap dan mendapat *King's Scout* dan *rover* dan kepada *commissioner* sampai sekarang, Yang Berhormat Menteri. Sekarang kolonel RELA. Yang Berhormat Bintulu sudah kolonel kah? Dia jeneral. Jadi laksamana muda. Ya, Yang Berhormat Bintulu.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Yang Berhormat Putatan, terima kasih tetapi Yang Berhormat Putatan banyak suka beruniform. Bintulu tidak berminat. Bintulu mahu minta selesai rakyat punya masalah.

Ini memang kongkalikung punya Yang Berhormat Putatan juga. Yang Berhormat Putatan kata Bintulu tiada sungai. Dia mari Bintulu, saya tunjuk sama dia. Saya kasi dia masuk laut pun ada.

Jadi saya mahu minta pandangan daripada Yang Berhormat Putatan, ini APMM sepatutnya dia ini penguat kuasa menjalankan tugas mengikut undang-undang. Memang kita ikut undang-undang, tetapi saya tidak mahu panjang lebar sini. Saya harap Menteri sudah faham, itu hari kita sudah cukup-cukup jelas sama APMM. Saya hendak minta Yang Berhormat Putatan bersetuju kah tidak, kita di Dewan yang mulia ini beri kuasa lagi lebih, jangan sampai kuasa sudah ada, kongkalikung lagi lebih saman nelayan?

#### ■1630

Kita aturlah, bagilah pendidik-pendidik yang terbaik bagi nelayan. Nelayan datang jumpa sama saya, dia kata kita tidak ada sekolah. Janganlah bagi aniaya sama dia orang lagi. Saya pun sudah beritahu, kita daripada kelas 'B' punya, mesti mahu *after 12 nautical miles* barulah boleh tangkap ikan. Akan tetapi Bintulu punya laut, adalah berbeza. Ia punya *shoreline* sampai dua, tiga *nautical miles* ia sudah masuk dalam. Mungkin 15 ataupun 30 meter sudah. Kalau itu kelas 'B' punya bot masuk tengah laut 12 *nautica miles* memang lagi Yang Berhormat Menteri mahu cari 911 pergi cari sama dia. Dia memang tidak balik rumah lagi, ombak Bintulu kuat. Ini APMM mesti mahu faham, nelayan kata dia orang mahu cari makan sahaja. Akan tetapi selalu kata nelayan macam Yang Berhormat Putatan ini dia cakap dia pakai uniform banyak syok, dia hendak tunjuk nelayan tetapi dia tidak tahu dia esok nelayan boleh beri bungkus sama dia juga. [Ketawa] Kalau dia undi tidak mahu beri? Ini Yang Berhormat Bandar Kuching banyak sedap kerana nelayan tidak berundi.

Kita– Yang Berhormat Putatan, awak setuju atau tidak, kita janganlah semua ada kuasa sudah. Kita beri susah sama rakyat, ada kuasa kita tolong sama dia orang, ajar sama dia orang, macam mana hendak ikut undang-undang. Kalau dia punya– dia tuduh macam Bintulu punya itu ombak kuat sana, macam mana boleh ajar dia orang boleh dapat cari makan? Macam mana boleh tangkap ikan? Selalunya setiap malam dia orang boleh balik. Jangan pergi 12 *nautica miles*, malam sudah tidak balik rumah. Yang Berhormat Putatan, setuju atau tidak setuju? Jangan pakai uniform sudah sedap, banyak syok tunjuk dia kolonel apa atau apa, ataupun komander kah? Esok kalau rakyat bungkus sama dia, dia komander pakai uniform syok sendiri jalan pasar sahaja.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Setuju Tuan Yang di-Pertua, setuju.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang mana setuju? Yang mana setuju Yang Berhormat?

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang pakai uniform itu setuju, yang menyeksa rakyat itu tidak setuju. Jadi saya bersetuju kerana isu yang dibawa oleh Yang Berhormat Bintulu itu, soal pendidikan ataupun latihan yang cukup juga kepada para

nelayan kecil, para nelayan kampung-kampung yang kecil ini supaya boleh membaca GPS – aku baru menjawab kau punya soalan ini.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Yang Berhormat Putatan, kamu setuju atau tidak, pegawai-pegawai APMM mestilah mahu beri betul-betul kursus atas undang-undang, jangan sesetengah tong punya, kongkalikung punya. Baca undang-undang dia pun tidak berapa faham. Hendak jadi IO, hendak jadi macam-macam, berilah itu kita punya jawatan itu undang-undang, beri kursus betul-betul sama dia orang. Ataupun ambillah polis kah, marin polis kah daripada anggota polis, masuklah jadi APMM. Janganlah kongkalikung hari-hari guna undang-undang kongkalikung sahaja. Awak setuju atau tidak setuju?

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Itu kongkalikung saya tidak berapa setuju tetapi Yang Berhormat Menteri ini tidak pandai kongkalikung ini Yang Berhormat Bintulu. Dia tetap wujudkan pasukan sukarelawan ini supaya masukkan juga latihan kepada para nelayan kecil. Dia boleh belajar GPS, dia boleh baca di mana lokasi ada ikan, yang mana ikan di dalam laut dia boleh baca. Itu bukan kongkalikung. Itu kalau Yang Berhormat Menteri bercakap kongkalikung, saya tidak setuju. Yang betul punya Yang Berhormat Menteri, itu saya setuju.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Saya bukan kata Yang Berhormat Menteri kongkalikung. Saya cakap Yang Berhormat Putatan, awak setuju atau tidak kamu kongkalikung?

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Okey. Terima kasih sahabat Yang Berhormat Bintulu. Saya rasa saya setujulah itu, saya tidak kongkalikung, Yang Berhormat Menteri pun tidak kongkalikung. Jadi usaha daripada kementerian ini amat baik sekali. Saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Rasah.

#### 4.35 ptg.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin ucapan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk sama-sama mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Jadi terlebih dahulu saya ingin ucapan tahniah dan juga melahirkan rasa penghargaan saya terhadap segala jasa dan juga usaha terhadap Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia. Ini kerana usaha mereka menjaga persempadanan, pengairan kita dan yang paling penting sekali kita lihat pindaan pada hari ini melibatkan penubuhan sukarelawan untuk APMM. Saya ingin berkongsi di sini bahawa sebenarnya penglibatan sukarelawan di dalam Angkatan Pertahanan Awam di peringkat Negeri Sembilan agak – respons dia agak baik. Penglibatan sukarelawan di dalam pertahanan awam, ia memang telah pun menggalakkan ramai orang muda menyertai sukarelawan di dalam Angkatan Pertahanan Awam.

Jadi saya berharap dengan penubuhan sukarelawan APMM ini, ia dapat menggalakkan lebih ramai orang muda khususnya mereka yang ingin menyumbangkan tenaga mereka kepada negara. Saya rasa yang paling penting seperti saya rasa banyak Ahli Yang Berhormat telah pun sebut di sini, apa yang kita bimbang cuma kewujudan sukarelawan ini ia kemungkinan besar akan menyebabkan sedikit sebanyak penyalahgunaan kuasa. Jadi saya berharaplah dalam perkara ini pihak kementerian dapat memantau dengan lebih kerap, dengan wujudnya penubuhan sukarelawan ini.

Bagi saya, saya datang dari Negeri Sembilan, di sini saya ingin juga tanya kepada pihak kementerian bahawa – sebab saya difahamkan untuk perairan Seremban, bagi Kuala Sungai Besar, Lukut dan juga Tanjung Dahan, ini merupakan semua *hot spot* pencerobohan. Saya ingin memohon sedikit statistik daripada pihak kementerian, berapakah jumlah tangkapan ataupun berapakah jumlah kes penyaludupan telah pun diterima sejak awal tahun ini sehingga sekarang? Ini kerana kita memang memahami, perairan kita memang panjang sekali khususnya di Selat Melaka. Saya telah pun membaca beberapa artikel di mana adanya permintaan daripada APMM Negeri Sembilan untuk menambahkan *equipment* mereka demi mereka dapat melaksanakan tugas dengan lebih baik. Jadi itu sahaja daripada saya, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Selangor.

#### **4.38 ptg.**

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam 1Malaysia. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang memberikan keizinan kepada saya untuk saya turut bersama-sama membahaskan usul Rang Undang-undang Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia pindaan 2017.

Tuan Yang di-Pertua, apabila merujuk kepada penubuhan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, ia telah ditubuhkan lebih daripada 10 tahun. Pada hemat saya, ia merupakan satu agensi utama penguat kuasa undang-undang di zon maritim negara serta sebagai peneraju dalam mengkoordinasi operasi mencari dan menyelamat (SAR) di laut yang telah menzhirkan banyak kejayaan yang membanggakan.

Saya melihat bahawa dengan adanya Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, tugas dan amanah yang digalas oleh mereka demi menjaga kepentingan negara dan rakyat jelata telah menunjukkan satu impak positif apabila kadar jenayah dan perlanggaran undang-undang laut telah berjaya dikurangkan sehingga agensi ini menjadi antara agensi yang menjadi rujukan di negara-negara lain. Hakikatnya tugasan mereka sebagai benteng pertahanan negara tidak seharusnya dipandang enteng. Malahan juga perlu dijawai oleh setiap rakyat Malaysia.

Saya ingin mengambil kesempatan di sini pertamanya ingin mengucapkan terima kasih kepada Datuk Seri Ahmad Fuzi Abdul Kahar, mantan Ketua Pengarah APMM di atas khidmat bakti dan sumbangan beliau terutama sekali semasa beliau menerajui APMM serta tahniah diucapkan kepada Datuk Seri Zulkifli bin Abu Bakar selaku Ketua Pengarah APMM yang baru.

**■1640**

Bak kata pepatah, "*Patah tumbuh hilang berganti*" kerana apa Tuan Yang di-Pertua, kerana sepanjang saya menjadi Pengurus Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, kedua individu ini telah banyak membantu khususnya setidaknya melegakan kegusaran para nelayan khususnya apabila mereka mencari rezeki di tengah laut. Saya juga ingin mengambil kesempatan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri sendiri daripada Yang Berhormat Arau kerana sifat keperwiraannya beliau dan kepahlawanannya beliau juga memberikan semangat kepada nelayan kerana beliau telah bertemu dengan ramai nelayan dan pasukan APMM Tuan Yang di-Pertua. Sehingga nelayan begitu yakin dan percaya dengan penubuhan APMM ini setidaknya memberi satu nafas baru untuk mereka turun ke laut tanpa rasa risau dan juga gusar walaupun laut yang bergelora itu ada kalanya boleh memberikan ancaman kepada para nelayan.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada rang undang-undang ini saya melihat ada keperluan dan rasionalnya pada hikmat saya pindaan rang undang-undang terutamanya fasal 2 seksyen 5A, 5B, 5C dan ini merupakan perlu memandangkan ianya amat penting untuk memperkasakan lagi peranan tanggungjawab agensi ini.

Justeru itu Tuan Yang di-Pertua, apabila melihat kepada seksyen baru 5B iaitu bagi mewujudkan peruntukan bagi orang yang boleh menjadi anggota Pasukan Sukarelawan Maritim Malaysia. Pada pandangan saya penubuhan pasukan ini akan menjadi satu kuasa pengganda atau dengan izin *force multiplier* di dalam melaksanakan tugas-tugas mengawal keselamatan perairan negara dan ianya amat penting dalam usaha untuk membangunkan keupayaan dan memperkuatkan perancangan strategik Maritim dan ini juga merupakan antara elemen yang penting khususnya bagi pengupayaan tenaga kerja dan aset sokongan Maritim Malaysia.

Saya juga akui Tuan Yang di-Pertua, kawasan Tuan Yang di-Pertua, Bularan juga ramai nelayan dan terdedah juga kepada pelbagai ancaman khususnya kepada soal keselamatan. Ini saya lihat dalam seksyen 5C yang mana peruntukan untuk mengujudkan penubuhan Pasukan Kadet Maritim Malaysia yang saya lihat dan juga seksyen 5D bagi mengadakan peruntukan orang yang boleh didaftarkan ke dalam Pasukan Kadet maritim Malaysia merupakan satu lagi nafas baru dalam pasukan APMM. Lebih-lebih Yang Berhormat Menteri daripada Arau ini saya lihat begitu komited untuk menjayakannya.

Saya juga yakin bahawa dengan adanya Pasukan Kadet Maritim Malaysia ini ianya juga menjadi satu *catalyst*, bukan hanya ditubuhkan di peringkat tertentu tetapi yang paling penting supayanya ia dapat digerakkan daripada peringkat sekolah dan institusi

pendidikan tinggi dan akan memainkan peranan penting sebagai rakan perkongsian strategik Maritim Malaysia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Gerik bangun Yang Berhormat.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan penubuhan Kadet Maritim Malaysia bermakna pasukan sukarelawan yang kita hendak bawa ke sekolah tetapi dalam undang-undang yang kita buat nampaknya tidak turun ke sekolah sebab kadet yang di cadangkan di sini umur 18 tahun ke atas bermakna di dalam sekolah sekurang-kurangnya pada pandangan saya lah supaya kadet boleh di tubuhkan bermula daripada Tingkatan 4 hingga Tingkatan 6. Akan tetapi kalau kita tetapkan umur macam 18 menyebabkan penubuhan kadet sekolah tidak boleh untuk Maritim, bagaimana pandangan Yang Berhormat Kuala Selangor? Terima kasih.

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih saya ucapan Yang Berhormat Gerik kerana pada hemat saya, saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Gerik kerana walaupun dalam seksyen yang di cadangkan umurnya 18 tahun ke atas tetapi dalam soal hari ini lebih-lebih lagi dalam konteks penambahan generasi muda yang begitu meningkat khususnya di kawasan persekolahan saya fikir dengan penglibatan mereka boleh diwujudkan dalam konteks mewujudkan kelab-kelab dan sebagainya.

Sebagai satu rangkaian apabila mereka telah habis daripada sekolah mereka boleh meneruskan untuk di teruskan sampai ke peringkat tertinggi lagi. Ini saya meletakkanlah kepada kebijaksanaan Yang Berhormat Menteri Arau supaya setidaknya nanti ianya akan memberikan semangat bagi generasi muda di sekolah untuk kita corakkan dalam soal patriotisme menjaga kedaulatan perairan negara kita dan saya amat yakin dan percaya nelayan saya juga akan berasa seronok lebih-lebih lagi semangat ini telah mula terpancar dengan adanya inovasi dengan penubuhan pasukan kadet.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menjangkakan bahawa dengan penubuhan pasukan kadet ini sudah tentu dari segi kurikulumnya haruslah membentuk sahsiah, jati diri, personaliti yang unggul, disiplin, serta sikap bertanggungjawab. Di samping itu juga akan memberikan satu pendedahan kepada golongan muda hari ini bahawa mereka juga mempunyai ruang untuk menyumbang kepada menjaga kedaulatan negara terutamanya dari aspek kesejahteraan dan keselamatan Maritim.

Maka Tuan Yang di-Pertua, menerusi rang undang-undang ini saya melihat kita sedang mengorak selangkah ke hadapan kerana kita sedang mempersiapkan diri terutamanya bagi menghadapi ancaman di perairan negara dan sikap dan sifat yang di tunjukkan oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia yang saya ibaratkan berkubu sebelum alah ini harus mendapat pujian dan sokongan yang sewajarnya.

Bagi memperkasakan penubuhan pasukan ini di sini saya hendak mengambil kesempatan untuk mencadangkan agar duli yang maha mulia Tengku Permaisuri Selangor

Darul Ehsan mungkin saya cadangkan untuk di lantik sebagai *commander in chief* bagi Pasukan Sukarelawan Maritim Malaysia kerana pada hari pelantikan ini akan meletakkan pasukan sukarelawan ini setanding dengan pasukan-pasukan sukarelawan yang lain di samping menjunjung tinggi institusi beraja negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan itu saya juga ingin mencadangkan bila merujuk kepada rang undang-undang ini apabila di luluskan saya amat berharap agar promosi bagi memperkenalkan pasukan sukarelawan ini dan Pasukan Kadet Maritim Malaysia dapat dilaksanakan secara efektif dan komprehensif bagi menarik seluruh minat rakyat Malaysia khususnya generasi muda yang ada di luar sana untuk menyertai pasukan ini. Kesedaran ini harus diwujudkan dalam diri golongan muda supaya mereka tahu mengenai tanggungjawab mereka bagi melindungi kedaulatan dan integriti nusa dan juga bangsa.

Selain daripada itu, bila merujuk kepada penubuhan pasukan ini dan juga kerjasama strategik antara Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia di sini saya lihat antara isu-isu lain yang berbangkit dengan perairan Malaysia, isu rentas sempadan dan juga pencerobohan nelayan asing, dan juga pencerobohan asing juga semakin berleluasa khususnya di Pantai Timur Malaysia dan Pantai Timur Sabah yang telah mengakibatkan Malaysia mengalami ketirisan hasil laut yang di anggarkan bernilai RM3 bilion hingga RM6 bilion setahun seperti mana yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Timbalan Perdana Menteri Malaysia dan sekali gus boleh menjelaskan pendapatan 98,279 orang nelayan tempatan.

Perkara ini penting kerana saban tahun jumlah tangkapan ikan negara semakin meningkat disebabkan oleh permintaan negara yang tinggi, statistik menunjukkan jumlah tangkapan pada tahun 2016 berjumlah 2.06 juta tan metrik ikan iaitu peningkatan sebanyak 3.70 peratus berbanding tahun 2015 iaitu 1.99 juta tan metrik.

Apa yang merisaukan saya Tuan Yang di-Pertua, sekiranya pencerobohan nelayan asing ini tidak dapat di banteras dengan segera saya khawatir hasil laut negara akan berkurangan dan ianya tidak mampu menampung permintaan protein yang tinggi terutamanya di kalangan rakyat Malaysia. Justeru itu saya ingin mencadangkan agar kerjasama strategik di antara Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, Jabatan Perikanan dapat di optimumkan demi memastikan kepentingan para nelayan dan pemancing laut dapat di jaga dan dilindungi daripada sikap rakus nelayan asing persis tamak, hilang malu, loba dapat kebiasaan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kota Tinggi bangun.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dan terpanggil untuk membuat pencelahan dan saya hendak bertanya pandangan Yang Berhormat Kuala Selangor.

**■1650**

Oleh sebab negara kita adalah sebuah negara maritim sebenarnya. Dahulu kita terkenal seluruh dunia sebagai negara maritim melalui Melaka dan akhirnya, selat yang paling sibuk dalam dunia hari ini ialah Selat Melaka. Kita tahu hari ini, selat ini dilalui hampir 100 ribu kapal seberat 200 tan setiap tahun dan akhirnya akan bertambah. Negara kita mempunyai pesisir pantai yang terpanjang, saya tidak tahu berapa *figure*, beribu-ribu kilometerlah daripada Perlis, Arau sampai ke Semporna sana.

Akan tetapi penglibatan maritim kita selain daripada APMM dan nelayan, kita tidak mempunyai satu budaya— belum lagi budaya maritim yang kukuh, yang kuat. Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat Kuala Selangor, dengan adanya konsep perkaderan ini atau kadet maritim di sekolah-sekolah dan juga sukarelawan. Ini akan mencerna, menyemarakkan lagi budaya maritim di kalangan masyarakat Malaysia. Ini bukan sahaja dari segi kesukarelawanan atau bidang-bidang sukarela dan *part time*, ia akan menjadi satu antara *frontier* atau penjana ekonomi yang besar pada masa-masa akan datang. Jadi, pandangan saya, kadet ini amat bertepatan sekali dan kita mesti membudayakan budaya maritim di negara kita dan langkah ini amat tepat sekali. Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat Kuala Selangor? Terima kasih.

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Tinggi. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Saya melihat apa Yang Berhormat nyatakan sangat penting ketika ini kerana Malaysia merupakan sebuah negara maritim. Apabila merujuk sebuah negara maritim, sudah tentu ia menggambarkan bahawa Malaysia ini dikelilingi oleh lautan yang luas. Merujuk kepada lautan yang luas, sudah tentu pelbagai elemen-elemen sama ada aktiviti ekonomi, pendidikan dan sebagainya dilakukan. Akan tetapi juga kita harus ingat bahawa apabila merujuk kepada lautan yang luas ini juga, ancaman sudah tentunya akan tiba.

Apabila merujuk perkara ini, sudah tentu walaupun kita akui, saya akui ketika ini kita ada TLDM yang menjaga perairan antarabangsa, APMM, begitu juga jabatan perikanan, polis marin dan sebagainya. Akan tetapi ia tidak cukup tanpa penglibatan rakyat jelata dan sudah tentu saya bersetuju pandangan daripada Yang Berhormat Kota Tinggi. Dengan adanya inovasi rang undang-undang pada hari ini, sudah tentunya menggambarkan bahawa *the maritime nation* yang ingin dicadangkan, yang telah dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri suatu ketika dahulu, bukan hanya menjurus kepada apa yang saya nyatakan sebentar tadi.

Akan tetapi setidaknya pembudayaan dengan adanya pasukan kadet, pasukan sukarelawan memberikan satu gambaran kepada rakyat Malaysia bahawa mereka harus terlibat untuk memastikan pemikiran ini dapat diterapkan bersama-sama dengan apa yang dilakukan oleh agensi-agensi penguasa ataupun aktiviti-aktiviti ekonomi. Sebagaimana kita sedia maklum, Selat Melaka antara selat yang paling sibuk di dunia. Jadi, inilah antara yang ingin saya nyatakan.

Cuma tetapi Tuan Yang di-Pertua, apabila merujuk kepada menangani ancaman yang pada hemat saya, ini perkara yang sangat serius. Oleh kerana ada kalanya memberikan satu gambaran kepada nelayan. Sebagai contoh, bahawa ada kalanya mereka tidak selamat apabila mereka berada di lautan, ini gambaran mereka. Saya sering menyatakan nelayan ini merupakan wira yang tidak didendangkan. Akan tetapi bagi hemat saya, kita harus melakukan sesuatu, terutama sekali bagi memastikan dengan permintaan sumber protein yang semakin meningkat di kalangan rakyat, nelayan juga harus kita perkasa kan supaya wujudnya antara elemen-elemen untuk memastikan pencerobohan nelayan asing ini harus kita banteras sama sekali.

Saya akui bahawa APMM telah melakukan beberapa tindakan. Cuma bagaimana *the enhancement*, penceritaan itu dapat diperbesarkan supaya akhirnya nanti nelayan-nelayan asing tidak berani masuk. Terutama sekali dalam soal pencerobohan hasil laut negara yang saya nyatakan sebagai pencuri ikan Malaysia yang sepatutnya kita kena hindarkan. Sehubungan dengan itu, saya ingin mencadangkan satu jawatankuasa bertindak khas yang mungkin dicadangkan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Malaysia boleh menjadi pengurus supaya jawatankuasa ini boleh mengkoordinasi kerjasama di antara agensi-agensi kerajaan yang terlibat sama ada perkongsian maklumat, sama ada perkongsian aset dan sebagainya.

Begitu juga dengan sukarelawan yang akan ditubuhkan kerana di peringkat nelayan sudah ada Kumpulan Keselamatan Nelayan (KESAN). Secara tidak langsungnya, dengan adanya APMM, TLDM dan sebagainya, saya amat yakin dan percaya elemen-elemen yang telah dinyatakan oleh rakan-rakan Yang Berhormat sebentar tadi mengenai isu pencerobohan nelayan asing ini kita boleh hentikan sama sekali. Ini kerana untuk maklumat Tuan Yang di-Pertua, apabila saya berada di kawasan Pantai Timur, khususnya Malaysia yang mana di Terengganu dan juga Kuantan.

Saya lihat sendiri bagaimana nelayan asing masuk ke perairan kita, cuma apakan daya saya, saya hanya mendengar daripada keluhan nelayan tersebut. Terutama sekali nelayan di Pekan, nelayan di Kuantan, begitu juga di Terengganu. Akan tetapi pada hemat saya, saya yakin dan percaya dengan adanya rang undang-undang hari ini memberikan nafas yang baru kepada nelayan-nelayan di seluruh Malaysia bahawa kali ini adanya rang undang-undang ini, pasukan keselamatan ataupun khususnya pasukan kesukarelawan yang akan ditubuhkan ini akan memberikan satu gambaran kepada masyarakat setempat.

Justeru itu, saya juga ingin menyatakan di sini, saya juga menghormati dan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sibuti bangun.

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Sila.

**Datuk Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor. Apabila saya mendengar perkataan yang digunakan oleh Yang Berhormat tadi, rakus, tamak, haloba nelayan asing. Ini bererti

bahawa apa yang ditangkap mereka daripada perairan Malaysia, lautan kita, termasuk sekali ikan-ikan yang halus, yang kecil, diambil mereka dan diguna pakai untuk mereka jadikan baja dan untuk dijual kembali ke negara kita. Mereka menggunakan bendera Malaysia, menggunakan bendera negeri-negeri untuk mengaburi bahawa kita punya penguat kuasa, bahawa mereka adalah nelayan Malaysia. Ini berlaku di kawasan saya, Kuala Sibuti dan di perairan Sarawak. Bahawa mereka boleh mengambil hasil yang begitu lumayan daripada perairan kita. Ikan-ikan yang mahal, yang paling bagus, dijual di laut. Kapal besar sudah sedia di laut. Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat? Bagaimanakah kita hendak mengatasi bahawa ikan-ikan kecil itu boleh lagi membiak besar untuk protein-protein untuk anak-anak di Malaysia? Terima kasih.

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih.

**Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli [Dungun]:** Yang Berhormat Kuala Selangor.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Dungun bangun.

**Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli [Dungun]:** Terima kasih. Dalam isu yang sama berkait dengan nelayan asing dalam pencerobohan yang berlaku, khususnya di Terengganu. Isu ini sebenarnya bukan isu baru, isu yang sudah lama. Rungutan yang dibuat oleh nelayan-nelayan tempatan, khususnya di Terengganu. Dalam kajian atau dapatan yang mungkin telah diperoleh oleh Yang Berhormat Kuala Selangor selaku Pengerusi LKIM, bolehkah nelayan mengetahui perkara sebenar yang berlaku? Oleh kerana isu yang berlanjutan saban tahun dan protes pun sudah dibuat tetapi tiada semacam apa-apa tindakan. Jadi, kalau boleh dimaklumkan kepada kami ini sebagai wakil-wakil rakyat Dungun, khususnya untuk nelayan di Dungun dan Terengganu. Apakah sebenarnya kajian dapatan yang diperoleh daripada pencerobohan yang bukan baru tetapi isu yang sangat lama. Terima kasih.

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Dungun dan juga Yang Berhormat Sibuti. Saya lihat kedua-dua isu ini adalah isu yang berkaitan. Sehubungan dengan itu, saya ingin nyatakan sebagaimana yang telah diumumkan, yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bahawa kerugian, khususnya dari segi hasil perikanan negara, tiga hingga enam bilion disebabkan pencerobohan nelayan asing ini begitu besar. Saya fikir dengan adanya cadangan pasukan sukarelawan dan kadet maritim dan dengan adanya cadangan saya iaitu mewujudkan satu jawatankuasa khas supaya semua aset-aset penguatkuasaan itu dapat digabungkan secara NBOS, TLDM, pasukan marin, pasukan kastam, begitu juga dengan APMM.

■1700

Saya amat yakin dan percaya kita kena hantar mesej yang jelas kepada nelayan-nelayan asing yang cuba mencerobohi negara. Hal ini kerana Tuan Yang di-Pertua, di

peringkat TLDM— memandangkan saya juga adalah pasukan simpanan tentera laut, saya dimaklumkan di perairan kawasan Kelantan, Terengganu sampailah ke Johor, hanya satu kapal perang yang digunakan untuk mengawal seluruh perairan. Jadi pada hemat saya, dengan jumlah kerugian RM3 bilion sehingga RM6 bilion, saya mengharapkan supaya bukan hanya TLDM tapi APMM juga harus ditambah aset-aset ini dan dirangkumkan supaya perkongsian ini dapat mewujudkan satu mesej yang jelas kepada golongan nelayan asing yang ingin mencuri ikan Malaysia supaya mereka tidak berani masuk ke perairan Malaysia.

Bahkan, elemen teknologi juga harus dipertingkatkan untuk memastikan mesej ini harus sampai. Kerana apa Tuan Yang di-Pertua? Sudah sampai masanya dan sebab itu saya lihat dengan permintaan rakyat khususnya dengan sumber protein yang semakin meningkat, saya akui, jumlah nelayan Malaysia dalam jumlah kurang daripada 100,000 sudah tentunya mereka berusaha untuk memberikan kebahagiaan, kenikmatan kepada rakyat Malaysia. Akan tetapi kalau ada ancaman pencerobohan nelayan asing, saya fikir ia tidak adil bagi nelayan. Hal ini kerana LKIM tidak ada pasukan penguatkuasaannya. Akan tetapi yang paling penting dengan adanya peranan APMM, saya amat yakin dan percaya ia merupakan satu peranan yang boleh kita gembleng bersama.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai akhirannya, Tuan Yang di-Pertua, saya melihat apa yang telah dilakukan oleh APMM sama ada mereka ingin membakar kapal-kapal nelayan asing ataupun ingin menenggelamkan kapal-kapal nelayan asing ini satu perkara yang boleh difikirkan secara positif. Kerana pada hemat saya, kalau ditenggelamkan kapal-kapal asing tersebut dijadikan tukun tiruan untuk tujuan pembiakan ikan dan secara tidak langsung taman laut dapat diwujudkan. Ini juga antara prospek tarikan pelancong di negara kita. Sebagai Ahli Parlimen Kuala Selangor yang sayangkan juga nelayan di kawasan saya, saya mohon kepada Yang Berhormat Menteri supaya dapat diwujudkan pangkalan pasukan kadet agensi APMM ini di Kuala Selangor kerana wujud banyak isu yang berkaitan pertindihan laut di kawasan berhampiran.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, sebagai akhirannya, saya berikan keyakinan yang sungguh tinggi di atas inovasi pindaan rang undang-undang hari ini dan *insya-Allah*, saya yakin dan percaya di bawah kepimpinan Yang Berhormat Menteri daripada Parlimen Arau, saya yakin dan percaya bahawa Pasukan Sukarelawan ini akan memacu ke depan untuk berikan keyakinan kepada rakyat jelata. Sekian, Kuala Selangor mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pokok Sena.

## 5.02 ptg.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang memberi kesempatan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, saya akan panggil seorang dua lagi...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** ...Yang memberi kesempatan kepada saya untuk terlibat dalam perbahasan meminda Rang Undang-undang Akta Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia. Pertama saya ucapkan tahniahlah kepada Yang Berhormat Menteri yang mengemukakan pindaan ini.

Pindaan ini adalah bertujuan untuk mewujudkan Pasukan Sukarelawan Maritim Malaysia dan juga penubuhan Pasukan Kadet Maritim Malaysia. Dia ada dua perkara, Yang Berhormat Gerik. Untuk Pasukan Sukarelawan, memang umur dia kena lepas 18 tahun. Akan tetapi untuk Pasukan Kadet Maritim Malaysia, dia ada di fasal 5D, tidak lebih daripada umur 30 tahun tertakluk kepada Akta Pendidikan 1996 dan sebagainya. Itu jelas dia ada.

Akan tetapi apa yang saya hendak bangkitkan di sini ialah pindaan— ataupun seksyen baharu, maaf ya. Seksyen baharu 5B ini, dia memperuntukkan bahawa untuk seseorang sukarelawan itu, Tuan Yang di-Pertua, apabila atau semasa melaksanakan apa-apa tugas di bawah akta ini, Akta 633 ini, hendaklah disifatkan sebagai penjawat awam. Sebagai penjawat awam. Ini bermakna bahawa dia mempunyai satu tugas yang sangat besar, yang sangat berat berasaskan kepada arahan yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah APMM.

Apa yang saya hendak bangkitkan di sini, apabila kita hendak mewujudkan Pasukan Sukarelawan ini, khususnya untuk maritim ini— kerana dia sangat berbeza dengan pasukan ataupun sukarelawan yang lain seperti Angkatan Pertahanan Awam Malaysia yang dulunya JPAM dan sebagainya. Dia sangat berlainan sebab mereka ini terdedah kepada bahaya yang besar. Bahaya alam sekitar dari segi ombak, ribut dan sebagainya, pencerobohan asing, lanun, nelayan asing, pendatang asing, pelarian asing dan sebagainya. Maknanya terdedah kepada bahaya yang amat sangat.

Jadi oleh sebab itu, bagi saya bahawa tidak cukup sekadar kalau kita hendak ambil sukarelawan itu tanpa melihat kepada dari sudut kebolehan, keyakinan untuk dia melaksanakan tugas. Oleh sebab itu, bagi saya bahawa pemilihan ini harus juga dibuat berasaskan kepada sekurang-kurangnya, kalau tidak boleh lebih ataupun— sekurang-kurangnya seperti mana kita mengambil anggota tetap dari sudut kebolehan, urusan dia dan sebagainya. Hal ini kerana kita hendakkan seseorang yang diambil menjadi anggota sukarelawan ini nanti orang itu mesti diberikan latihan yang mencukupi kerana dia hendak menjalankan tugas sebagai penjawat awam walaupun dia sukarela.

Oleh sebab itu, dia kena tahu pengetahuan dari segi perundangan dan sebagainya— undang-undang laut dan sebagainya— kerana dia hendak melaksanakan tugas. Tidak boleh dia hanya sekadar ambil untuk buat kerja berdiri terpacak atas kapal dan sebagainya tetapi dia harus ada pengetahuan yang *basic*, sekurang-kurangnya

pengetahuan asas tentang perundangan-perundangan yang berkaitan dengan tugas-tugasan dia.

Oleh sebab itu, bagi saya bahawa latihan ini mestilah latihan yang mencukupi yang boleh memberikan seseorang itu nanti apabila dipanggil oleh ketua pengarah untuk melaksanakan tugas, maka dia sudah ada pengetahuan.

Oleh sebab itu, dia ada berkaitan dengan pasukan kadet. Dia ada berkaitan dengan pasukan kadet. Kita akan menubuhkan pasukan kadet di sekolah, di pusat pengajian tinggi dan sebagainya. Mereka ini telah diberikan asas-asas yang berkaitan dengan maritim Malaysia ini. Maknanya, kesukarelaan dan sebagainya. Oleh sebab itu, bagi mereka yang mungkin dia terus kekal di kampung dia ataupun seperti mana di kampung di kawasan-kawasan perairan, dia tidak dapat melanjutkan pelajaran ke pengajian tinggi dan sebagainya, jadi orang-orang ini sudah pun ada asas, latihan-latihan fizikal dan sebagainya. Mereka ini harus diberikan keutamaan untuk digalakkan mereka ini menyertai Pasukan Sukarelawan. Termasuk juga mereka-mereka yang terlibat dalam kadet di peringkat pengajian tinggi. Mereka juga harus digalakkan untuk terlibat dalam pasukan sukarela kerana mereka ini sudah ada asas. Tidak ada makna kalau mereka ini menyertai pasukan kadet tetapi mereka tidak boleh diserapkan nanti dalam pasukan sukarelawan APMM ini.

Oleh sebab itu, bagi saya bahawa ini harus diberikan keutamaan kepada anggota pasukan kadet yang mereka telah pun ada asas-asas awal di peringkat persekolahan dan juga di peringkat pengajian tinggi dan sebagainya.

Keduanya, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak dapatkan penjelasan, mereka ini pasukan sukarela dan hanya dibayar elaun, bukan ada saraan tetap dan sebagainya, hanya bayar elaun. Seperti yang saya katakan di awal tadi, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri, mereka terdedah kepada kerja-kerja yang sangat bahaya di laut dan sebagainya. Jadi adakah kerajaan akan menyediakan satu skim perlindungan untuk mereka semasa melaksanakan tugas? Adakah insurans dan sebagainya?

Saya mencadangkan bahawa seharusnya mereka ini diberikan satu jaminan perlindungan sebab mereka bukan ada saraan tetap selepas itu berpencen dan sebagainya kalau mereka mati dan sebagainya semasa melaksanakan tugas. Jadi sebab itu kita harus ada perkara-perkara yang berkaitan dengan insurans itu sendiri.

Begitu juga dengan elaun. Bagi saya elaun itu haruslah sepadan dengan—walaupun mereka ini tidak berpencen dan sebagainya tetapi sepadan dengan tugas yang mencabar di laut ini. Bukan tugas-tugas biasa dan sebagainya. Jadi sebab itu bagi saya bahawa adalah amat wajar untuk pihak kerajaan melihat perkara-perkara ini supaya memastikan ada galakkan untuk orang ini terlibat dalam Pasukan Sukarelawan nanti kerana mereka ada lah elaun-elaun yang munasabah untuk mereka meninggalkan kerja-kerja harian mereka untuk mereka terlibat apabila dipanggil oleh Ketua Pengarah untuk melaksanakan operasi-operasi tertentu.

Juga yang ingin saya bangkitkan di sini ialah, berapa jumlah sebenarnya anggota tetap APMM ini? Sebab, saya pun tidak mahu juga nanti kerajaan hanya akan mengharapkan kepada pasukan sukarelawan yang lebih untuk menjalankan tugas tanpa ada anggota tetap. Saya kira bahawa apabila kita ada pasukan sukarelawan nanti, harus diberikan keutamaan dengan kelayakan-kelayakan yang telah pun ditetapkan untuk menyerapkan pasukan sukarelawan ini sebagai anggota-anggota tetap apabila kerajaan hendak mengambil ataupun hendak membuat pengambilan anggota tetap ke atas APMM.

■1710

Jadi ini akan menjadikan APMM itu mempunyai anggota tetap yang sudah mempunyai pengalaman-pengalaman kerja daripada awal, daripada pasukan kadet kemudian diserapkan dalam pasukan sukarelawan dan kemudian daripada pasukan sukarelawan itu, diserapkan menjadi anggota tetap. Jadi oleh sebab itu saya fikir bahawa harus diberikan perhatian atas cadangan-cadangan yang telah pun saya sampaikan tadi kerana saya melihat bahawa persoalan pasukan sukarelawan ini harus diberikan keutamaan bukan sahaja kepada Maritim Malaysia tetapi juga kepada pasukan sukarelawan-sukarelawan yang lain supaya mereka diberikan jaminan perlindungan dan juga elaun-elaun yang munasabah.

*Insya-Allah*, Ahli-ahli Parlimen, baik daripada kerajaan dan pembangkang, kami daripada pembangkang sentiasa bersedia bekerjasama. Tadi saya sebut kepada Yang Berhormat Menteri, saya selalu dengan Angkatan Pertahanan Awam di Daerah Kota Setar. Mereka jemput saya dan kita sentiasa berinteraksi, berkomunikasi dan mereka juga meminta sumbangan-sumbangan daripada kami untuk melengkapkan aset-aset, keperluan mereka untuk operasi-operasi mereka. *Alhamdulillah*, kita sekadar yang termampu, kita berikan sumbangan tersebut.

Jadi sebab itu kita harap pihak kerajaan janganlah ada di peringkat-peringkat tertentu ini terlalu hendak mempolitikkan sehingga hendak menghalang anggota-anggota Parlimen mahupun ADUN-ADUN daripada pembangkang ini untuk turut terlibat kerana kami dapat sedikit sebanyak membantu kerana kami juga memerlukan pasukan sukarelawan ini sama ada maritim ataupun kalau dalam konteks di kawasan saya, Angkatan Pertahanan Awam sebab kita juga mengalami sama ada rumah kita ataupun rakyat yang ada dalam kawasan kita, kita memerlukan kepada perkhidmatan yang baik daripada pasukan sukarelawan ini untuk membantu mereka semua.

Jadi saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri. Hari ini ramai orang puji Yang Berhormat Menteri ini. Kira hebat ini. Perwiralah, macam-macam. Perwira. Perwira tidak tahulah, perwira—Akan tetapi sahlah dia bukan Bugis sebab dia duduk sempadan Siam itu. *[Ketawa]* Ini bukan perwira Bugis, ini mesti perwira Siam. Siam punya ini. Sebab dia duduk sempadan, bukan? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Gerik. Bolehlah kita berhenti sebelum jam 6 ya, Yang Berhormat. Sebelum jam 6, kita habiskan perbahasan.

### 5.13 ptg.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Baik, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin berbahas berkenaan Rang Undang-undang Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia 2004 yang dipinda kepada pasukan sukarelawan maritim Malaysia. Pertama, saya ucapan tahniah kepada kerajaan yang telah banyak pasukan penguatkuasaan Maritim, RELA, APM, JPAM, Bomba Sukarela dan pelbagai lagi yang kita melihat satu kumpulan yang besar penguat kuasa tetapi dilihat tidak ada penyelarasian dalam negara. Laut dibolosi, darat dibolosi, hutan diganggu.

Kita bercakap soal penguatkuasaan dan bab maritim kita menceritakan di laut tetapi saya rasa pihak maritim kena tengok semula bagaimana kedudukan tasik-tasik besar dalam negara kita. Contohnya di tempat saya, Tasik Temenggor. Di sana juga memerlukan maritim. Tasik Bersia, Tasik Raban, Tasik Kenyir yang mana kawasan-kawasan ini ada nelayan darat, ada sabotaj terutama kawasan tasik-tasik yang berhampiran dengan sempadan terdapat pencerobohan daripada pemburu-pemburu haram daripada luar negara. Ambil misalan tempat saya, pemburu datang daripada Thailand, Vietnam, Kemboja yang tidak dapat disahkan. Akan tetapi kita tahu, mereka menggunakan perairan ini untuk mengambil hasil mahsul kita. Kita tahu macam di sempadan Kelantan, sungai-sungai yang besar tetapi dalam tafsiran kita pada hari ini, walaupun kita hendak ubah untuk menjadi pasukan sukarelawan, kita tahu kawasan sempadan sungai ini banyak tempat-tempat yang boleh menjadi pangkalan kepada penyeludupan senjata api, penyeludupan dadah, penyeludupan manusia.

Jadi kita berharap mungkin dengan kesempatan kita boleh bahaskan isu berkenaan dengan maritim ini, kita minta pihak kerajaan memikirkan sama supaya kawasan-kawasan sungai, tasik ini juga ditempatkan juga pasukan maritim. Dalam pada itu, saya amat bersetuju pasukan sukarelawan maritim seperti mana dalam pindaan seksyen baru 5A,B,C, D dan juga yang seterusnya yang membolehkan bagaimana—fasal maritim ini satu pasukan pertahanan yang menjaga keselamatan di dalam negara. Mesti ada kelayakan-kelayakan yang sepatutnya ada. Saya bersetuju macam kata Yang Berhormat Pokok Sena. Mungkin kita bukakan sukarelawan awal ini ialah peringkat kadet di sekolah sebab kita tengok, tidak ada kesinambungan.

Kadet sekolah ada kadet polis, ada kadet askar, ada kadet bomba tetapi selepas habis sekolah, ke mana perkhidmatan kadet-kadet tadi? Maka di sini, pada hari ini kita hendak meminda satu rang undang-undang iaitu maritim juga kita ada kadet. Mereka ini perlu apabila kita latih di peringkat sekolah mesti ada kesinambungan. Yang saya bimbang ialah bagaimana pemantauan dibuat oleh pihak penguat kuasa? Kita ada RELA, kita ada

bomba sukarela, kita ada JPAM, askar wataniah dan pelbagai lagi sukarela. Kalau semua orang hendak masuk menjadi anggota sukarela kepada semua penguat kuasa ini, apa yang berlaku? Maksud saya, bagaimana penapisan ini perlu kita buat untuk memastikan kalau seseorang rakyat kita sudah masuk dalam APM, dia tidak perlulah masuk di JPAM. Betul atau tidak?

Kalau dia sudah masuk JPAM, dia tidak perlu masuk dalam RELA. Akhirnya kita melihat kalau kita pergi ke sesetengah kawasan, dialah RELA, dialah JPAM, dialah APM, dialah bomba sukarela, dialah wataniah. Maka akhirnya dia seoranglah yang hendak menjaga segala-galanya keselamatan dalam tempat tersebut. Maka berkebetulan kita bincangkan rang undang-undang ini. Saya suka mencadangkan supaya pasukan penguat kuasa, semua agensi kerajaan ini patutnya kita letak di bawah Jabatan Perdana Menteri diketuai oleh panglima perang kita, Dato' Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Maka kita bolehlah tengok soal tanah runtuh macam di Pulau Pinang. Kita boleh lihat soal kecerunan jalan dan pelbagai lagi di mana tidaklah membazir tenaga yang ada di mana satu penyelarasan yang dibuat oleh pihak kementerian perlu ada untuk memantau semua.

Kita ada pasukan penguat kuasa daripada Kementerian Sumber Asli tetapi berapa orang? Kayu tetap juga dicuri. Kayu gaharu tetap juga dicuri. Nama ada pasukan penguatkuasaan. Jabatan Perikanan ada pasukan penguatkuasaan. Ikan kelah kena curi, kena bom. Ikan tengalan semakin habis, bukan? Jadi bermakna di sini kita berbangga tubuh banyak jabatan penguat kuasa tetapi masing-masing kementerian, masing-masing ada egonya yang tidak mahu menjadikan satu kerjasama. Kita sebut *blue ocean strategy* tetapi sejauh mana di peringkat bawah, perkataan yang kita kata bekerjasama tadi, NBOS tadi dilaksanakan? Yang kita nampak, di bawah Menteri di Jabatan Perdana Menteri ini, apabila berlaku bencana banjir, kita lihat JPAM, RELA, pejabat daerah kita bersama wakil rakyat duduk bersama.

#### ■1720

Akan tetapi bila berlaku pencemaran air, bila berlaku harimau dibunuh, bila berlaku lain-lain dalam hutan, dalam laut, dalam sungai, bagaimana penguatkuasaan. Di sini kebetulan kita membincangkan Rang Undang-undang Agensi Penguatuasaan Maritim Malaysia yang ada ini, saya minta pihak kerajaan memikirkan biar semua penguat kuasa duduk di bawah satu bumbung untuk memastikan setiap yang kita luah dalam Parlimen ini, boleh dijayakan ke arah kejayaan yang lebih besar.

Ini masih lagi sampai hari ini, pasukan polis kata habis sudah judi, tetapi judi haram terus berlaku juga di bawah. Moral, kita tidak hendak berlaku pelacur-pelacur berada di pekan-pekan besar. Akan tetapi, pergi ke tempat-tempat tersebut masih ada tawaran seks yang dibenarkan. Pergi ke tempat tertentu, masih ada pesta arak, bagaimana? Satu kumpulan cakap macam ini, satu kumpulan cakap macam ini, inilah yang kita lihat supaya pasukan penguat kuasa boleh duduk di bawah satu bumbung.

Dalam pada itu, Maritim ini dalam pindaan dan juga cadangan pindaan diberi kuasa mengikut kuasa polis, saya amat bersetuju dan saya berharap Pasukan Sukarelawan Maritim Malaysia ini dapat membantu terutama ketenteraman awam di laut, seperti mana rakan-rakan lain sudah sebut.

Akan tetapi saya hendak tambahkan juga, Maritim jagalah juga di kawasan tasik, di kawasan sungai yang besar yang dilalui oleh bot ada aktiviti-aktiviti yang semacam itu supaya bukan sekadar di kawasan laut dan saya bersympati seperti mana yang dikata Yang Berhormat Kuala Selangor, kemudahan pada pasukan maritim amat kurang. Oleh itu, mungkin Menteri kena minta dalam bajet ini supaya kemudahan peralatan untuk maritim diberi kemudahan yang lebih terutamanya bot ataupun kapal-kapal besar dengan mana kita mungkin boleh rekrut lebih ramai sukarelawan dan kita berharap, lautan kita sama ada di Semenanjung, Sabah dan Sarawak boleh memberi makna dengan pembentangan rang undang-undang yang kita bincangkan pada petang ini. Dengan ini saya turut menyokong rang undang-undang ini, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sepuluh minit seorang, bolehlah kan? Yang Berhormat Lumut.

### 5.23 ptg.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:**

Usia APMM ini Tuan Yang di-Pertua, baru 13 tahun. Saya hairan dan tidak faham mengapa organisasi ini begitu sibuk dan untuk bermegah ataupun apa mewujudkan pasukan sukarelawan Maritim Malaysia dan juga pasukan kadet. Oleh sebab saya lihat organisasi APMM itu sendiri masih belum lengkap dan keanggotaannya juga belum cukup. Kalau kita bandingkan dengan angkatan tentera, dengan bomba, dengan penjara, dengan polis, usia mereka telah berpuluhan-puluhan tahun. Oleh sebab itu kita tidak mempersoalkan mereka mewujudkan pasukan sukarelawan ataupun pasukan kadet.

Lebih-lebih lagi Tuan Yang di-Pertua, apabila kita wujudkan pasukan-pasukan seperti, kita perlukan peruntukan dan juga sumber manusia. APMM perlu meletakan orang-orang dia untuk melatih sukarelawan ini, begitu juga dengan kadet. Sedangkan keadaan mereka sekarang masih lagi tidak cukup anggota. Mengapa mereka tidak tumpukan aktiviti mereka untuk mendapatkan anggota APMM dan memperkuatkannya, memperkasakan organisasi mereka, mempersekat anggota mereka. Sebab itu kita dapat aduan-aduan, keluhan-keluhan mengatakan ramai nelayan-nelayan asing menceroboh.

Maka sebab itu saya minta, supaya kementerian menumpukan perhatian kepada tugas-tugas tersebut. Cuba kalau kita lihat fungsi APMM, kita kaitkan dengan tambah nilai anggota sukarelawan ataupun kadet. Sama ada mereka boleh melakukan tanggungjawab itu, ataupun sebaliknya. Contohnya APMM bertanggungjawab untuk menguatkuasakan undang-undang dan ketenteraman di bawah mana-mana undang-undang persekutuan di

Zon Maritim Malaysia. Bolehkah sukarelawan dan kadet-kadet ini membantu, walaupun dalam jangka yang lebih panjang? Tidak mungkin boleh berlaku.

Melaksanakan tugas mencari dan menyelamat maritim di Zon Maritim Malaysia dan di lautan lepas. Di lautan lepas, bolehkah sukarelawan ini membantu? Saya tidak fikir boleh. Mencegah dan menyekat perlakuan kesalahan di Zon Maritim Malaysia. Bolehkah kita harapkan kepada sukarelawan? Saya tidak fikir boleh. Memberi bantuan dalam apa-apa perkara jenayah atas permintaan negara asing, sebagaimana diperuntukkan di bawah Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 yakni Akta 621 pun tidak mungkin sukarelawan boleh membantu. Oleh sebab hendak mewujudkan sukarelawan yang betul-betul efisien, ia mengambil masa yang panjang, sedangkan kita tahu anggota maritim sendiri masih lagi belum sempurna.

Seterusnya menjalankan pengawasan udara dan pantai. Macam mana sukarelawan boleh membantu APMM untuk melaksanakan tugas ini. Menyediakan perkhidmatan pelantar dan sokongan kepada mana-mana agensi yang berkaitan. Menubuhkan dan menguruskan institusi maritim bagi latihan pegawai agensi, hendak latih pegawai agensi lagi. Hendak latih sukarelawan lagi. Bagaimana APMM boleh melakukannya, saya amat mempersoalkannya.

Melaksanakan apa-apa kewajipan bagi memastikan kesejahteraan dan keselamatan maritim, atau melakukan segala perkara yang bersampingan dengannya. Ini sukar juga dilakukan oleh sukarelawan maritim. Pegawai mengawal dan mencegah pencemaran maritim di lautan lepas. Tuan Yang di-Pertua, bolehkah sukarelawan maritim membantu anggota tetap maritim melaksanakan tanggungjawab tersebut? Saya bimbang baru keluar lima batu nautika sudah muntah hijau, tidak boleh laksanakan. Kemudian mencegah dan menyekat pelanunan serta mencegah dan menyekat pengedaran haram dadah narkotik di lautan lepas. Ini juga saya tidak percaya anggota sukarelawan maritim boleh laksanakan.

Akhirnya dikatakan diletakkan di bawah kawalan Angkatan Tentera Malaysia semasa tempoh darurat, krisis khas atau perang. Tuan Yang di-Pertua, bolehkah anggota sukarelawan maritim melaksanakan tanggungjawab ini dengan senarai tugas dan fungsi yang saya bacakan tadi. Saya kata kita tidak usah buang tenaga, buang peruntukan, buang usaha untuk mewujudkan Pasukan Sukarelawan Maritim Malaysia dan juga Pasukan Kadet Maritim ini. Kita cukuplah dengan adanya pasukan-pasukan kadet yang sedia ada. Saya cadangkan supaya pasukan maritim tumpukan perhatian kepada pasukan APMM itu sendiri, dan perkukuhkan, pertingkatkan *efficiency* ataupun kecekapan warganya dan juga kelengkapan-kelengkapan yang diperlukan.

Sebagaimana kita tahu, bila buat sukarelawan ini ada perlukan pakaian. Pakaian APMM, beret pun saya belum dapat lagi Tuan Yang di-Pertua. Beret belum dapat lagi, saya minta kalau boleh bekalkan beret APMM dulu, baru boleh kita fikirkan yang lain-lain. Sekian Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bagan Serai.

**5.28 ptg.**

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir rahmanir rahim.* Terima kasih beri saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Saya melihat pindaan yang dilakukan ini memasukkan seksyen 5A, 5B, 5C dan 5D dalam Akta 633, yang pentingnya ialah kesukarelawan. Pasukan Sukarelawan Maritim Malaysia (PSMM).

Orang Malaysia ini itu yang bagusnya, kalau apa-apa yang berlaku, kalau apa-apa yang diminta menjadi sukarela, dia cepat datang. Cuba kita lihat Sukan SEA baru-baru ini, banyak sukarelawan. Kita lihat kalau berlaku bencana, berlaku banjir, berlaku perkara-perkara besar yang menjadi satu malapetaka, maka ramailah sukarelawan daripada negara Malaysia ini. Rakyat Malaysia ini satu bagusnya rajin jadi sukarelawan. Satu perkara yang baik. Saya harap pada masa akan datang kita ada *volunteers* yang boleh tolong dekat hospital, *volunteers in hospital*, *volunteers* di sekolah dan sebagainya. Orang yang pandai yang sudah cukup umpamanya waktu pencen tetapi sihat lagi, semua *volunteers* ni pelajar-pelajar sahaja, budak-budak sekolah, *all levels*, semua bangsa, ini penting sekali.

**■1730**

Yang keduanya kita cerita tentang keselamatan peraliran kita. Saya hendak mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana memperkuuhkan, memantapkan lagi APMM. Ada sukarelawan, Persatuan sukarelawan dan ada juga kadet yang melibatkan pelajar-pelajar. Anak-anak muda ini bagi mereka memahami cerita nelayan, cerita keselamatan perairan negara dan bagi mereka menghayati supaya masa depan mereka dapat juga berjasa kepada negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, nelayan kita ini adalah seperti yang kita dengar tadi adalah wira yang kurang didendangkan. Memang kerajaan sudah bagi bantuan banyak. Tahniah. Terima kasih kerajaan Malaysia ini yang begitu prihatin kerana mereka ini adalah orang yang cari makan, makanan negara. Selain daripada pesawah tanam padi kita dapat makan nasi, juga nelayan ini, dia pergi ke laut, sambung nyawa dia dan bawa balik ikan. Kita dapat makan ikan. Ini penting.

Kita cakap tentang pengambilan pasukan sukarelawan banyak juga saya rasa. Menggalakkan sebanyak lima ribu orang dan akan mencapai sasaran yang diletakkan oleh APMM. Perkara yang dilihat sebagai satu inisiatif baik kerajaan menjaga kawasan perairan daripada dicerobohi oleh nelayan asing. Ini satu perkara lagi. Selat Melaka merupakan satu selat yang sibuk dan kita dapat dari semasa ke semasa nelayan dari Vietnam, dari Indonesia ini yang utama lah yang datang, yang Agensi Penguatkuasaan

Maritim ini dapat menangkap orang yang datang untuk buat perkara macam ini lah, di tempat kita ini.

Menurut statistik APMM, jumlah kedua paling ramai ialah nelayan dari Indonesia menjangkaui 81 orang dari empat kes pencerobohan sepanjang tahun lepas. Ini diikuti oleh 28 nelayan Thailand daripada lima kes pencerobohan. Bagaimanapun antara Januari dan Mei tahun ini cuma nelayan dari Indonesia sebanyak 28 orang dan tidak ada nelayan daripada Thailand. Jadi kes-kes pencerobohan perairan kita ini satu perkara yang mesti pihak kerajaan, APMM mesti lebih serius lagi. Dengan adanya nanti pasukan sukarelawan, bagi latihan dan saya rasa patut juga bagi elau yang berpatutan. Janganlah elau yang sejam sedikit sangat sampai dia hendak minum pun tidak boleh. Itu pun kita hendaklah berpatutan. Ini bukan gaji tetapi elau. Masa dia, tenaga dia, penghayatan dia, semangat dia, perlu kita jaga itu. Itu penting. Tuan Yang di-Pertua saya hendak sentuh lagi tentang..

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Bagan Serai. Tuan Yang di-Pertua terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai. Saya terpanggil sekali lagi bercerita tentang modal insan ini. Kita negara-negara maritim, penglibatan maritim kita hanya terhad pada nelayan, pekerja-pekerja oil and gas di pelantar minyak dan mungkin yang memakai uniform APMM dan TLDM. Akan tetapi secara keseluruhannya Yang Berhormat Bagan Serai, penglibatan itu masih tahap yang rendah. Kita belum adapun ramai nelayan laut dalam contohnya. Tidak berapa berjaya.

Jadi keseluruhan pandangan saya, pendekatan kita tentang maritim ini masih jauh lagi walaupun kita sebuah negara maritim. Jadi kadet sukarelawan ini adalah *precursor* untuk kita membudayakan dan ini adalah pelaburan dalam modal insan yang amat baik dan kita akan membuka ruang-ruang baru untuk kemahiran-kemahiran baru untuk agensi baru, agensi muda. Jadi saya amat bersetuju kalau kita jadikan ia satu kerangka yang lebih serius Yang Berhormat Menteri di mana kadet-kadet ini diberi peluang yang lebih meluas, diberi pendedahan awal di peringkat Tingkatan 4, Tingkatan 5 dan belia 18,19,20, 21 tahun supaya mereka juga akan memberi peluang.

Saya percaya negara kita menuju negara maju, ekonomi besar dan mesti mempunyai kapasiti maritim yang seiring dengan pembesaran ekonomi kita. Jadi apa pandangan Bagan Serai bahawa kita mesti mempunyai kerangka yang lebih kukuh untuk melibatkan ramai golongan muda dan membudayakan terus budaya maritim ini. Apa pandangan Yang Berhormat Bagan Serai?

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** terima kasih Yang Berhormat Kota Tinggi dan saya bersetuju dengan *statement* yang dibuat oleh Yang Berhormat Kota Tinggi. Saya mohon dimasukkan juga dalam perbahasan saya ini.

Saya hendak merujuk satu perkara yang agak serius yang juga berlaku di perairan di antara Kuala Gula, Kuala Kurau di kawasan Daerah Kerian sehingga ke *border* Pulau Pinang iaitu masalah yang ditimbulkan oleh pukat kenak 2 bot. Ini saya minta sangat APMM mengambil tindakan yang lebih serius lagi kerana pukat ini saya difahamkan pukat

yang dinamakan juga pukat apolo. Dia tidak ada di tempat lain, dia ada dia kawasan ini sahaja. Sudah begitu lama, sudah melebihi 30 tahun. Masalah yang timbul ialah mereka yang mengusahakan, pengusaha pukat ini tidak mengikut arahan, tidak mengikut atur cara yang sebenarnya. Sehingga dikatakan usaha pukat kenak 2 bot ini telah memusnahkan dasar laut dan telah mengurangkan sumber ikan di kawasan perairan itu.

Kerana apa? Kerana dia sapu bawah semua sekali dan dia tidak mengikuti peraturan, contohnya pukat ini menceroboh pantai, bot-bot ini menceroboh pantai pada waktu-waktu yang tidak dibenarkan. Ini telah berlaku begitu lama dan ini telah menjadi keluhan nelayan pantai begitu lama. Keadaan ini akan menyebabkan kekurangan ikan, bermakna kekurangan pendapatan nelayan pantai dan bermakna akhirnya nanti kalau nelayan pantai akan *give up*, maka kita akan dapati harga ikan juga akan naik. Ini suatu perkara yang amat serius yang banyak kali telah disampaikan ke pihak atasaran. Jadi saya harap lah pihak APMM dikatakan lesen ini akan diakhiri kalau tidak silap saya pada akhir 2020. Diharapkan ada susunan, ada perbincangan bagaimana benda ini dapat diselesaikan.

Ini adalah kerana apabila pukat kenak 2 bot ini kalau ada pengubahsuaian pada mata pukat ataupun kalau ada penggunaan pemberat yang lebih umpamanya, ini akan menyebabkan kerosakan alam sekitar, dasar laut yang menyebabkan tidak ada tempat untuk ikan membiak dan sebagainya. Ini perkara serius berlaku di kawasan perairan ini dan saya berharap kerajaan mengambil serius tentang perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua saya akan mengakhiri dengan beberapa persoalan yang saya telah dicatitkan di sini. Sejauh manakah perancangan kerajaan terhadap Pasukan Sukarelawan Maritim ini dalam menyerapkan masuk mereka sebagai anggota tetap dalam masa akan datang? Apakah perkara yang diteliti oleh kerajaan serta jumlah kos yang akan digunakan bagi merealisasikan perkara ini.

Perkara kedua, adakah APMM ini kini dilengkapi dengan penggunaan teknologi terkini dalam mengawal selia kawasan perairan negara serta nyatakan bentuk teknologi yang digunakan kini. Berapakah jumlah kes penyeludupan yang berlaku di kawasan perairan negara serta nyatakan jenis barang yang sering cuba diseludup masuk ke dalam negara dan akhirnya cadangan kepada kerajaan, pasukan sukarelawan ini ditukar secara berkala bagi mengelakkan anggota sama yang bertugas di kawasan tersebut serta bagi mengenal pasti kawasan mahupun zon panas yang sering terlibat dalam aktiviti penyeludupan.

Tuan Yang di-Pertua, Bagan Serai mengucapkan terima kasih dan Bagan Serai sangat bersetuju dan sokong dengan rang undang-undang yang dibentangkan ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya. Berapa orang lagi minat? Tiga ya. 10 minit. Yang Berhormat Dungun.

**Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli [Dungun]: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:**  
Selepas Yang Berhormat Dungun, Yang Berhormat Setiu selepas itu Yang Berhormat Beruas dan Yang Berhormat Menteri menjawab.

**Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli [Dungun]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. [Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk bersama mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang berkait dengan pindaan kepada Akta Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia 2004. Asas yang penting kepada pindaan ini ialah kita melihat kepada organisasi induk Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia yang memerlukan kepada sokongan daripada organisasi-organisasi tambahan yang dicadangkan iaitu yang pertama pasukan sukarelawan dan yang kedua ialah kadet yang dicadangkan dari pindaan ini.

■1740

Oleh itu kita melihat kepada dasar yang menyebabkan tertubuhnya APMM, kita melihat kepada asas yang utama ialah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia ini kerana ada cabaran-cabaran yang dilalui. Cabaran yang telah lalu menyebabkan tindakan diambil dengan penubuhan satu Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia. Walaupun baru, di sana ada cabaran semasa yang kita hadapi hari ini kerana bukan sahaja melibatkan perkara yang sedang diberikan perhatian iaitu kawalan sempadan khususnya maritim kerana ada agensi yang ditubuhkan memang untuk mendapatkan hasil bagi kerajaan, tetapi ada agensi yang memang kita terpaksa membelanjakan untuk operasinya kerana kepentingan kepada kawalan sempadan yang termasuk yang kita bincangkan ini, maritim di Malaysia ini.

Saya ambil contoh bagaimana pentingnya keanggotaan sama ada daripada pihak induk Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia ataupun cadangan sukarelawan yang akan bertugas ialah kerana saya ambil contoh Terengganu. Dalam keluasan pantai dari Besut sehingga ke Kemaman, 222 kilometer, dengar kata seperti yang dilaporkan oleh Yang Berhormat Kuala Selangor tadi, hanya ada satu kapal Tentera Laut Diraja Malaysia yang mengawal Pantai Timur termasuk Terengganu. Menunjukkan kepentingan kepada cabaran inilah yang bukan sahaja kita lihat kepada apa yang berlaku tetapi juga perlu kepada tindakan untuk mengekang perkara yang mungkin berlaku untuk cabaran masa hadapan.

Oleh itu, saya minta supaya organisasi induk APMM diperkuuhkan di samping menambah keanggotaan-keanggotaan baru dari cadangan pasukan simpanan ini. Dan yang penting ialah mesti memperkenalkan organisasi ini kepada pihak-pihak yang berkepentingan kerana kalau kita melihat APMM sendiri, mungkin kewujudannya setakat ini, nelayan tidak mengetahui di mana tempat yang mereka boleh buat aduan jika berlaku sesuatu. Apatah lagi kita dapat dalam sesetengah pembahagian tugas itu melibatkan wilayah timur dalam keadaan menjaga kawasan yang sangat luas dengan keanggotaan

yang tidak berapa cukup. Oleh itu, penting supaya kita membuka ke pengetahuan umum, perkenalkan organisasi ini kepada pihak-pihak yang terlibat.

Oleh itu, anggota-anggota yang akan menganggotai sama ada di peringkat induk APMM ataupun keahlian yang akan diambil untuk menyertai pasukan simpanan ini, mestilah benar-benar ditapis berdasarkan kepada ketahanan untuk mereka menghadapi suasana yang bukan mudah kerana mereka akan berhadapan dengan cabaran-cabaran. Bila melibatkan maritim ini, ia boleh bertukar kadang-kadang suasana yang tenang menjadi ombak yang sangat besar. Kadang-kadang datang ribut dengan tidak disangka-sangka, datangnya taufan, puting beliung. Ini semua memerlukan ketahanan yang bukan sedikit yang menyebabkan kita terpaksa mengambil perkara serius dalam kita merekrut anggota-anggota walaupun di peringkat simpanan.

Keduanya ialah kita menjaga kepentingan-kepentingan, walaupun dalam suasana yang ada hari ini kecil, mungkin nelayan-nelayan sahaja tetapi kita juga mesti memberikan perhatian kepada mereka mempunyai satu ketahanan untuk berhadapan dengan suasana di ketika mereka hendak melaksanakan penguatkuasaan. Itu memerlukan— bukan urusan yang mudah untuk dilaksanakan bila melibatkan penguatkuasaan melainkan mereka yang benar-benar mempunyai ketahanan jiwa yang sangat kuat.

Yang ketiga yang juga terlibat kepentingan kepada keahlian yang kita hendak rekrutkan untuk jadi anggota simpanan ini ialah bagaimana berhadapan dengan kawalan yang melibatkan pencerobohan daripada luar. Yang ini bukan mudah untuk dilaksanakan tetapi mestilah kita buat persediaan-persediaan yang benar-benar menggerunkan supaya anggota ini mempunyai kedudukan yang sangat hebat dalam berhadapan dengan suasana yang mereka akan hadapi pada masa mereka diterima menjadi anggota kepada Pasukan Sukarelawan ini.

Oleh itu, saya ingin untuk memastikan bahawa syarat-syarat kemasukan dalam pemilihan yang akan dibuat oleh Ketua Pengarah kepada ahli-ahli anggota ini mestilah diberikan— bukan syarat yang longgar— syarat yang ketat kerana salah satu daripada syarat yang penting bila kita berada dalam agensi penguat kuasa, ia bukan syarat yang boleh ditulis lebih kurang. Kalau kita tengok dalam seksyen 5B... [Membaca petikan]

*“Anggota Pasukan Sukarelawan maritim Malaysia.*

(1) *Mana-mana orang boleh memohon untuk menjadi anggota Pasukan Sukarelawan Maritim Malaysia jika:*

- (a) *dia berumur 18 tahun atau lebih;*
- (b) *dia seorang warganegara Malaysia;*
- (c) *dia mempunyai kelayakan ditentukan oleh Ketua Pengarah...”— terlampau umum.*

Dan... [Membaca petikan]

*“(d) dia memenuhi kehendak lain yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.”*

Jadi mesti diberikan, dijotkan apa syarat-syarat sebenar supaya ia menjadi satu syarat yang bukan mudah untuk ditapis yang menyebabkan kita mendapat anggota yang benar-benar akan boleh beroperasi, berfungsi dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab. Ini kerana kita memahami hakikat bahawa dalam kita meletakkan asas bagi menjaga sempadan apatah lagi dengan suasana cabaran hari ini dan juga cabaran akan datang, ia akan memerlukan lebih kekuatan daripada pihak kita.

Pertama, dari segi anggota. Yang kedua, ketahanan orang-orang yang berada dalam agensi ini dan yang ketiga, tidak dapat tidak ialah kita persiapkan dengan keperluan-keperluan semasa sebagai anggota penguat kuasa kepada anggota yang memberikan suatu jaminan kepada penduduk negara Malaysia bahawa mereka mempunyai satu kedudukan, boleh diharapkan pergantungan mereka untuk kawalan sempadan, keselamatan mereka daripada pencerobohan luar. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya terima kasih. Yang Berhormat Setiu.

#### **5.47 ptg.**

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berpendapat bahawa pindaan akta ini adalah satu pindaan yang agak baik sebenarnya. Ini adalah apa yang saya lihat bahawa pihak APMM ini tidak mempunyai cukup anggota. Yang ada saya difahamkan setakat ini kekurangannya adalah lebih kurang 40 peratus. Sasaran 2020, tiga tahun lagi, lebih kurang 10,000 hingga 11,000 anggota tetapi yang ada sekarang lebih kurang 6,000 kalau tidak silap saya, lebih kurang. Sebanyak 40 peratus lagi yang diperlukan. Jadi dengan adanya pindaan ini, maka kita boleh melantik sukarelawan dalam usaha membantu.

Akan tetapi masalah yang timbul adalah dari segi tugas. Tugas mereka ini kita tidak pasti macam mana sebab yang akan menentukan tugas adalah Ketua Pengarah. Adakah tugas yang diberi seperti mana yang disebut oleh laksamana sebentar tadi? Dah tidak ada dah. Banyak sebenarnya tugas-tugas. Kalau hendak kira, tugas mencari dan menyelamat maritim, mencegah dan menyekat perlakuan kesalahan, menjalankan pengawasan udara dan pantai— ia bermula daripada tepi pantai sehingga 200 batu nautika. Ada lagi aspek-aspek lain dalam mencari dan menyelamat, pencegahan pencemaran maritim, pencegahan pelanunan, pencegahan pengedaran haram dadah. Ini merupakan satu tugas-tugas yang berat.

Jadi bila disebut tugas ditentukan oleh Ketua Pengarah, bermakna semua tugas ini boleh diarah? Ataupun salah satu daripada tugas-tugas yang disediakan? Jadi inilah yang kita perlu lihat. Selagi anggota sukarelawan ini tidak dilatih— saya minta kalau boleh selepas pelantikan, mereka ini kalau boleh kita hantar pergi kursus. Sebab, dulu pernah ada satu masa kalau tidak silap saya tahun 2010, anggota-anggota yang kekal dalam

APMM ini dia dilatih dalam banyak perkara, daripada *Port Klang* sehingga ke Pulau Langkawi.

■1750

Ia banyak latihan-latihannya, operasi menyelamat di laut, *winching exercise* iaitu kaedah macam mengangkat orang ataupun barang ke helikopter, menggeledah oleh bot ke atas kapal, *special ship boarding* dan macam-macam lagi kursus diadakan. Kalau dahulu pernah ada pertanyaan saya kepada pihak kementerian, sama ada selain daripada yang telah dibuat pada 2020 tersebut, adakah ada lagi kursus-kursus lain ataupun latihan-latihan lain? Kalau ada, maknanya kita teruskan kepada anggota-anggota pasukan sukarelawan juga. Masalah satu lagi dari segi pelantikan, kita ada, katalah untuk membantu ini ada sukarelawan.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Yang Berhormat Setiu, mencelah sedikit? Tanya soalan sedikit. Kalau kita lihat kepada yang hendak pergi ke laut ini, kebanyakannya kita harapkan kepada mereka yang tinggal di tepi pantai, yang bakal menjadi nelayan dan mereka ini adalah orang yang paling layak kerana Maritim tidak di dalam. Macam kita di dalam ini, kalau pergi ke laut sedikit, muntah, kita tidak tahan. Selalunya mereka duduk di tepi pantai dan biasa dengan bot nelayan, mereka ini adalah orang yang paling layak.

Sedarkan Yang Berhormat Setiu bahawa masalah penduduk kita di tepi pantai ini, masalah paling besar adalah dadah. Adakah dengan kita mengadakan program ini untuk menggalakkan mereka ini menyertai program yang disebutkan program APMM ini, adakah ini boleh mengurangkan sedikit masalah dadah yang banyak di pesisiran pantai di kalangan pemuda-pemuda kita? Apa pendapat Yang Berhormat Setiu?

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Puteh. Soalan pertama tadi kalau hendak hadkan kepada mereka yang bekerja nelayan, saya rasa tidak, saya tidak boleh bersetujulah. Oleh sebab tugas-tugas bukan hanya setakat kerja-kerja pantai sahaja, jadi kita boleh bantu mereka dengan cara bagi latihan tadi yang saya sebut. Kedua tadi saya bersetujulah. Bila mereka dilantik, mereka menjadi penjawat awam. Jadi, tugas-tugas mereka sebagai penjawat awam ini tertakluk kepada *general order* (GO). Maknanya, bila mereka melakukan kesalahan, maknanya sekurang-kurang mereka boleh dipecat dan sebagainya. Mereka juga boleh mengawal kawan-kawan mereka yang berada di kawasan-kawasan mereka.

**Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Yang Berhormat Setiu, saya hendak tumpang jugalah. Okey, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Okey, terima kasih banyak saya ucapkan kepada Yang Berhormat Setiu. Okey, dari segi tadi apa yang dikatakan, memanglah kita tidak terhad kepada nelayan-nelayan. Akan tetapi macam di kawasan

saya, kawasan saya memang mempunyai ramai nelayan. Memang mereka tahu, kita pun tahu mereka arif dengan keadaan di laut dan di pantai. Tempat saya di laut. Cumanya mungkin Yang Berhormat Setiu setuju atau tidak, mungkin kita perlu bagi mereka latihan.

Latihan mungkin keselamatan, mungkin cara yang perlu boleh menambahbaikkan lagi kemahiran mereka ini. Oleh sebab sebahagian nelayan, saya tahu memang mereka arif dengan laut tetapi mungkin kecemasan, mereka ini kurang arif. Jadi, Yang Berhormat Setiu setuju tidak mengenai perkara ini? Ya, betul kita tidak terhadkan kepada nelayan tetapi kalau kita tengok sinonimnya nelayan itu, kalau laut itu, memang majoritinya adalah nelayan. Saya minta pandangan Yang Berhormat Setiu.

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong. Itu saya kata tadi, maknanya kita boleh. Mungkin lebih banyakkan nelayan tadi tetapi kita kena bagi latihan juga sebab kerja, tugas mereka ini bukan setakat itu. Jadi, sebab itulah tugas yang hendak diberikan oleh ketua pengarah tadi mestilah berdasarkan kepada siapa mereka yang dilantik. Kalau mereka daripada tepi pantai, nelayan dan sebagainya, maknanya bagi tugas-tugas yang begitu, selepas mereka- kalau setakat nelayan, saya rasa tidak ini sangatlah. Jadi, mereka masih memerlukan latihan-latihan.

**Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Kecemasan.

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Ya, betul-betul. Kecemasan dan *emergency* itu semua adalah. Jadi, cuma dari segi peralatan, kalau kita lantik pun mereka ini, masalah peralatan di APMM ini macam mana, cukupkah? Oleh sebab canggihkah? Saya masih lagi sebab- begini. Kalau kita lihat dalam pasaran, mudahnya kita hendak dapatkan macam *global positioning system*, *electronic chart navigation system*, radar, enjin berkuasa tinggi, senjata dan kelengkapan untuk melakukan jenayah dan sebagainya. Semua ada di pasaran dan sama ada persoalan saya kepada APMM ini, sudah ada tidak peralatan-peralatan yang lebih canggih yang dijual di pasaran? Ini persoalan saya. Ini akhirlah, saya ingin bertanya kepada pihak...

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Yang Berhormat Setiu, Yang Berhormat Pasir Puteh, tambah sedikit.

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Ada lagi?

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Peralatan yang dipunyai oleh angkatan Maritim ini tidak mencukupi dan juga peralatan lama yang diambil daripada tentera laut dan lain-lainnya yang tidak canggih, yang lama, yang boleh di *condemn* sudah. Jadi, keadaan ini tidak menggalakkan untuk dilakukan *training* untuk yang baru, kecuali peruntukan yang banyak perlu disediakan oleh kementerian untuk menyediakan latihan dan juga peralatan-peralatan kepada rekrut yang baru ini.

**Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Yang Berhormat Setiu, saya juga hendak menyambung juga tadi. Oleh sebab itulah saya rasa mungkin Yang Berhormat Setiu melalui- mungkin boleh cadangkan juga supaya lebih peruntukan diberikan. Saya bagi contoh tempat saya, APMM. Satu, lama baju keselamatan pun tidak mencukupi, Tuan

Yang di-Pertua, tidak cukup. Akan tetapi saya puji langkah-langkah yang dibuat oleh APMM. Macam apa yang saya nampak, mereka pernah bekerjasama dengan yang dari negara lain. Jadinya, sedikit sebanyak mungkin *training* itu boleh diberikan kepada kita punya yang di sini, terutamanya yang hendak menjadi sukarelawan. Apa pandangan Yang Berhormat Setiu mengenai perkara ini?

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Itu kira masuk dalam ucapan sayalah. Saya bersetujulah dan akhirnya- yang akhirnya okey, loceng sudah berbunyi. Saya ingin bertanya kepada pihak APMM. Ini disebut oleh Yang Berhormat Dungun sebentar tadi. Panjangnya pantai Terengganu ini 200 batu lebih kurang, yang adanya ibu pejabat ada dekat Kuala Terengganu, ini satu. Adanya di Kemaman ada dia punya pos ke apa, pangkalannya di Kemaman. Jadi, di Setiu tidak ada tetapi pantai sepanjang pantai Setiu itu memang panjang pantainya. Jadi, pos nya ada- yang di kawasan timur ini ada dekat Pulau Tioman tetapi di Setiu ada Pulau Redang tetapi tidak ada pos. Jadi, ada tidak usaha-usaha untuk ke arah itu? Saya rasa itu sahaja, saya pohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Beruas.

### 5.58 ptg.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana membenarkan saya bangun untuk membahas rang undang-undang meminda Akta Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia 2004. Tuan Yang di-Pertua, untuk memastikan Agensi Penguatkuasaan Maritim kita dapat bertindak secara tegas dan adil, kita mesti selesaikan masalah sempadan bertindih dengan negara-negara jiran kita. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri, sejauh manakah masalah sempadan bertindih ini masih berlarutan, terutamanya dengan negara Indonesia? Saya baru mendapat jawapan dalam Parlimen yang mengatakan sejak 2013, 42 warganegara Malaysia telah ditahan oleh pihak berkuasa Indonesia di Selat Melaka atas kesalahan pencerobohan sempadan maritim negara Malaysia-Indonesia dan 41 daripada mereka di perairan Kepulauan Riau dan satu lagi di perairan Medan.

Tuan Yang di-Pertua, Jawatankuasa Teknikal bagi pembatasan sempadan Maritim Malaysia – Indonesia telah diwujudkan sejak Mac 2005 bagi merunding pembatasan sempadan Maritim antara Malaysia dan Indonesia.

### ■1800

Adalah penting isu pertindihan ini diselesaikan supaya nelayan Malaysia dan nelayan Indonesia yang tidak berdosa ini senantiasa menjadi mangsa. Nelayan Indonesia mendakwa mereka berada di kawasan perairan Indonesia. Begitu juga nelayan Malaysia mendakwa mereka berada dalam perairan Malaysia apabila mereka ditangkap. Ini menimbulkan setiap kali rakyat nelayan Indonesia yang ditangkap dan dikatakan di dalam perairan Indonesia, mereka marah apabila APMM kita menangkap mereka. Begitu juga

rakyat nelayan Malaysia yang ditangkap oleh penguat kuasa pihak Indonesia apabila rakyat Malaysia mendakwa mereka masih dalam kawasan Malaysia.

Oleh yang demikian saya berharap isu pertindihan ini dapat diselesaikan segera kerana kerap kali kita nampak masalah ini timbul. Perkara kedua yang ingin saya bangkitkan ialah kita perlu mengukuhkan pentadbiran APMM sebelum kita mengalih tenaga kita untuk mewujudkan pasukan Sukarelawan Maritim Malaysia. Saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat Lumut yang telah menimbulkan sama ada adakah tepatnya masa kita mewujudkan pasukan Sukarelawan Maritim Malaysia ini. Saya sendiri pun sudah beberapa kali mendapat aduan daripada anggota APMM sendiri bahawa mereka kekurangan tenaga anggota dan juga kekurangan aset untuk menjalankan tugas mereka dengan baik.

Begitu juga saya menerima aduan daripada nelayan-nelayan tempatan di Pantai Remis dan di kawasan berdekatan dengan Pantai Remis bahawa ada juga anggota-anggota APMM yang salah gunakan kuasa di mana ada nelayan-nelayan yang melanggar undang-undang dan menangkap ikan dalam 5 *nautical mile*, sekarang 8 *nautical mile* dibebaskan kerana diberikan rasuah. Ada pula mereka yang mendakwa mereka menangkap di luar 5 *nautical mile*, sekarang ini 8 *nautical mile*. Tapi apabila balik ditahan dan dipaksa membayar rasuah untuk dibebaskan.

Kita tahu bahawa Akta Perikanan Malaysia ini memang berlaku tidak adil terhadap nelayan-nelayan dan ini adalah kerana...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *[Bangun]*

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Ini adalah kerana di bawah akta undang-undang, Akta Perikanan, sesiapa nelayan yang ditangkap, bot mereka akan disita dan kalau dibawa ke mahkamah, mereka boleh dijamin dengan nilai bot itu yang kerap kalinya nilainya ratusan ribu ringgit dan kalau disabitkan kesalahan, bot itu mesti dilucutkan. Ini menyebabkan para nelayan tertekan dan biasanya tidak mencabar keputusan pegawai APMM. Jadi adalah penting bahawa APMM ini memastikan anggota-anggota mereka menjalankan tugas dengan baik dan berintegriti sebelum kita mengalihkan tenaga kita untuk penubuhan pasukan Sukarelawan Maritim Malaysia. Ya.

**Timbalan Yang Di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Beruas. Saya ingin merujuk fakta yang dibawa oleh Yang Berhormat Beruas dengan kuasa tambahan di bawah fasal 3 yang kita berikan kepada pegawai agensi di mana pegawai agensi sekarang mempunyai segala kuasa seorang pegawai polis yang berpangkat koperal dan lebih rendah dan kuasa seorang pegawai penjara yang berpangkat Sarjan dan lebih rendah. Saya berpendapat bahawa kuasa ini, kuasa tambahan ini adalah tidak relevan apabila pegawai-pegawai agensi ini

diberikan kuasa seorang polis tetapi mereka bukan polis. Maka seharusnya mereka tidak perlu atau tidak wajar diberikan kuasa sebagai seorang polis.

Sekiranya ada unsur-unsur yang perlu penglibatan polis, seharusnya mereka perlu diserahkan kepada pasukan Gerakan Marin atau Polis Marin Malaysia. Saya berpendapat bahawa ini akan wujud *duplication of duty* dan juga menyukarkan kerja-kerja operasi jenayah sebab kita ada beberapa organisasi-organisasi lain yang sewajarnya terlibat dalam situasi tersebut termasuk yang dikaitkan oleh Yang Berhormat tadi salah guna kuasa. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya haraplah Yang Berhormat Menteri dapat memberi penjelasan lanjut dan saya akhiri dengan ingin menekankan di sini bahawa para nelayan kebanyakannya mereka tidak berpendidikan tinggi, ramai yang agak miskin dan apa-apa kuasa yang kita kurniakan kepada anggota APMM ini kalau mereka salah gunakannya, para nelayan berasa tidak ada orang yang atau mereka tidak dapat kita kata membela diri ataupun mengambil tindakan untuk mencabar tindakan mereka. Sebab itu saya berharap isu ini harus kita mesti halusi supaya nelayan kita yang memang APMM ini diwujudkan untuk menjaga nelayan-nelayan kita. Kuasa ini tidak akan digunakan untuk menjadikan nelayan-nelayan menjadi mangsa. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang Di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, saya jemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

#### 6.07 ptg.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim]:** Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin mengucap terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan mengenai rang undang-undang pindaan ini dan yang bagi saya ianya adalah sangat-sangat penting. Pada pandangan saya semua kawan-kawan di sini tidak menolak secara kecuali seorang, mungkin dua orang yang mempertikaikan sama ada sesuai pada masa ataupun tidak. Tapi pada keseluruhannya semua kawan-kawan telah bersetuju supaya rang undang-undang ini diteruskan. Jadi saya ingin mengucap terima kasih kepada semua dan kalau sekiranya saya tidak dapat menjawab pada hari ini, maka semua tindakan akan diambil dengan sewajarnya.

Saya berterima kasih pada kawan-kawan yang telah berucap. Saya akan sebut satu persatu secara ringkasnya. Tapi sebelum itu saya hendak bagi tahu bahawa kita akan turun ke padang. Kita hendak pastikan supaya perairan kita selamat dan dalam masa yang sama kita hendak pastikan supaya APMM ini bukan musuh kepada nelayan. Kita kawan dan hadirnya APMM ini adalah untuk memberi perlindungan kepada nelayan, bukan bermusuh ya. Jadi anggaplah APMM ini adalah sebagai pelindung, penyelamat kepada

nelayan dan bukan kita memusuhiinya. Kita hendak anggota penguat kuasa yang hadir itu ialah untuk memberi perlindungan kepada nelayan.

Akan tetapi kita kena ingat bahawa dalam kita memperjuangkan hak nelayan ini, kita ada undang-undang dan kita ikut undang-undang itu. Contohnya kita ada kawasan Zon 'A', kita ada 'B' dan kita ada 'C'. Ada orang yang melanggar zon. 'B' melanggar zon ke 'A'. Nelayan-nelayan dalam zon 'A' merungut kerana membiarkan orang 'B' masuk ke zon 'A'. Jadi kalau kita menganggap bahawa kita tidak boleh ambil tindakan jadi kita menganiaya kawan-kawan kita dalam zon 'A'. Demikianlah seterusnya. Jadi tindakan akan diambil tetapi kita lebih ke arah memberi nasihat, memastikan bahawa mereka jangan mengulangi perbuatan melanggar zon.

#### ■1810

Akan tetapi dengan nelayan asing, kita tidak bertolak ansur. Di samping hukuman tegas yang telah kita kenakan, kita nak bagi tahu bahawa kita akan teruskan membakar kapal-kapal ini dan saya setuju dengan Yang Berhormat Kuala Selangor bahawa kita sepatutnya menjadikan tukun. Yang Berhormat, semua kapal yang telah kita tangkap dan telah dipersetujukan oleh mahkamah untuk dilupuskan, semua kitajadikan tukun tetapi mutakhir ini kita bakar kepala dia. Belakang dia itu kita dah tebus untuk dia tenggelam dengan cepat. Jadi, api marak sekejap lepas itu dia tenggelam. Akan jadi tukun. Cumanya tukun dulu lengkap dengan kapalnya, tukun yang baru ini kepalanya dah terbakar sikit.

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya mengucapkan tahniah dan syabas di atas kenyataan Yang Berhormat Menteri khususnya dalam memastikan kita hantar mesej yang begitu tegas khususnya dalam memastikan kedaulatan tanah air kita dalam konteks menjaga sumber laut kita daripada terancam. Cuma saya hendak cadangkan Yang Berhormat Menteri, bila ada perkara yang dilakukan tentang *enforcement* ini, tak boleh kah dipertimbangkan supaya ada *media coverage* dia supaya akhirnya nanti menampakkan lagi keseriusan negara kita menjaga perairan terutamanya dalam sumber perikanan kita yang ada di tanah air kita. Sekian, terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Saya setuju dengan cadangan Yang Berhormat sebab Yang Berhormat ini adalah kawan baik kepada Menteri Kelautan Indonesia. Jadi Yang Berhormat mengetahui bahawa *media coverage* itu menyebabkan lautan Indonesia adalah di antara lautan yang bersih sekarang. Jadi, orang takut kepada Ibu Susi, kawan Yang Berhormat Kuala Selangor. Jadi, saya nak beritahu yang kita juga menyatakan kepada semua pihak tentang *event* di mana kita akan membakar kapal-kapal ini. Minggu depan kita ada enam buah lagi kapal yang kita akan bakar tetapi kali ini kita akan buat *coverage* yang lebih luas. Saya akan menjemput Ahli-ahli Parlimen yang berminat ataupun mana-mana pihak sebab untuk membakar kapal ini, saya telah pun mendapat kelulusan daripada pihak Kabinet.

So kita akan teruskan dan kita nak beritahu bahawa kita bakar pun, mereka terus datang untuk menggodam laut kita. Yang Berhormat telah sebutkan bahawa laut kita digodam mungkin di tahap tiga ke enam bilion. Ya, mungkin lebih sebab kita lihat pukat ganding ini dibuat berdua tetapi sekarang ini saya sendiri melihat daripada udara, pukat ganding itu dibuat enam. Dua di hadapan kemudian dua di tepi dan dua lagi di belakang sekali. Bererti ikan tidak boleh lari dalam jarak yang begitu jauh.

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: [Bangun]**

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Jadi, enam buah bot yang sudah pasti kita tahu bahawa ini ialah bot yang ada hubungan dengan nelayan asing tetapi cuma bot yang enam buah ini kita lihat dia telah menyembunyikan nombor pendaftaran bila pesawat udara datang dekat tetapi kita tahu bahawa bot ini ialah bot tempatan tetapi menggunakan nelayan asing. Jaraknya lebih kurang 40 kilometer daripada pantai.

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Boleh Yang Berhormat Menteri?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Sikit lagi Yang Berhormat Sibuti sebab saya pasti Yang Berhormat Sibuti akan bertanya soalan yang cukup menarik. Saya nak kena sebut di sini bahawa mereka datang ini dalam bentuk kumpulan. Dia ada kumpulan yang ada kapal induk, jadi kapal induk ini akan memberi perkhidmatan kepada kumpulan 10 buah kapal, 15 buah dan ada sampai 20 buah. Bayangkan mereka menunggu matahari turun, bila matahari gelap sahaja mereka terus masuk ke kawasan kita. Mereka berada di sempadan dan nelayan paling yang banyak sekali yang menggodam laut kita pada tahun ini sahaja ialah nelayan dari Vietnam.

Pada tahun ini, kita telah membuat tangkapan 1,215 orang nelayan yang terdiri daripada 1,089 daripada Vietnam, 126 Indonesia, tidak ada daripada Thailand dan tidak ada daripada Filipina. Sudah pasti mereka melihat apa yang kita lakukan pembakaran itu dan mereka gerun dan gentar. Akan tetapi Vietnam ini oleh kerana di lautan mereka tidak ada apa lagi mungkin yang hendak ditangkap, jadi mereka telah menyerang kawasan kita dalam kumpulan yang begitu besar dan kita tahu bahawa kehadiran kapal kita ataupun bot kita mungkin tiga atau empat buah tidak mampu untuk menangkap sampai 50 buah tetapi kita akan tangkap.

Hari-hari kita akan buat operasi dan menangkap dan sudah sampai masanya kita akan bakar dan kita mohon kepada pihak mahkamah mempercepatkan usaha untuk melupuskan kapal-kapal ini yang mana sejak ditubuhkan sampai sekarang, untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, kita telah pun menangkap 989 buah bot. Ini satu angka yang cukup banyak. Ini bukan bot, ini kapal. Itu sebab kita kena bertegas dalam hal ini dan saya berterima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah memberi sokongan. Saya tahu bahawa orang menyebut bahawa ini merupakan risiko kalau kita bercakap tetapi ini kedaulatan negara. Kita tidak bertolak ansur, saya setuju dengan Yang Berhormat bahawa kita tidak akan bertolak ansur seinci atau sekecil hama pun.

Ini negara kita, negara Malaysia yang harus kita pertahankan dengan hebatnya dan terima kasih kawan-kawan yang memberi sokongan dan kepada semua pihak yang menyokong, saya ucap terima kasih. Yang Berhormat Sibuti, sila.

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apabila saya mendengar Yang Berhormat Menteri mengatakan kawalan begitu ketat dan sebagainya, saya hendak bertanya. Adakah selepas kita memansuhkan *cabotage policy*, APMM dapat mengawal kapal yang boleh masuk? Banyak kapal yang sudah masuk, bot-bot luar masuk ke negara kita dari pangkalan asing dan merampas kedudukan ikan-ikan kita di laut yang sepatutnya untuk kemudahan nelayan-nelayan kita mengambil ikan dan seperti dikatakan oleh Yang Berhormat Kuala Selangor tadi, pupus ikan kita kerana dikaut mereka dari lautan sehingga pantai ataupun sehingga bawah karang-karang laut kita rosak. Apakah polisi Yang Berhormat Menteri untuk mengawal bot-bot seperti ini juga? Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, seperti beberapa orang Yang Berhormat yang saya akan jawab secara umumnya satu persatu sekejap lagi, tugas menjaga lautan sekarang ini bukan terletak sahaja kepada penguat kuasa tetapi nelayan, orang awam dan rakyat Malaysia. Kawan-kawan telah sebut tadi dengan beberapa kali, kawan-kawan seperti Yang Berhormat Kota Tinggi, Yang Berhormat Kuala Selangor, bagaimana kita hendak membudayakan rakyat Malaysia tentang maritim. Maritim ini ialah sebahagian daripada kehidupan sebab kita negara maritim. Jadi apa Yang Berhormat Sibuti sebut tadi bahawa kita tahu godaman itu berlaku di laut sana, nelayan kena bagi maklumat dan kali ini bukan sahaja nelayan bagi maklumat tetapi sebahagian besar daripada nelayan ini akan menyertai anggota simpanan sukarelawan maritim.

Jadi mereka ini akan menjadi bukan sahaja mata dan telinga kerajaan tetapi sebahagian daripada mereka akan menyertai operasi yang kita akan buat daripada masa ke semasa. Walaupun Yang Berhormat Kuala Krai menyebut bahawa sukarelawan maritim ini menghadapi bahaya lebih dibandingkan dengan sukarelawan yang lain, jadi soal bahaya itu nombor dua. Saya nak beritahu bahawa anggota kadet simpanan Tentera Laut Diraja Malaysia pun ada di sekolah, mereka juga bahaya. Jadi, dalam keadaan dunia sekarang ini, kita tak tahu bahaya berada di mana. Di darat pun ada bahaya. Tanah runtuh, amoi, di Bukit Padi, Seputeh. Bukan sahaja di laut, di laut mungkin bergelombang dan bergelora. Jadi kita akan terus dengan usaha kita untuk mengambil anggota simpanan maritim dalam bentuk satu-satu sekarang ini, satu-satu. Kalau kita memerlukannya lebih, kita akan ambil satu dua dan sebagainya.

#### ■1820

Maksud saya ini ialah satu anggota tetap, satu anggota sukarelawan. Tapi untuk kadet tidak ada had. Kita tidak bolehlah ambil Yang Berhormat Gerik ya bawah daripada 18 tahun, kerana 16 tahun ini adalah di bawah Akta Kanak-kanak. Kita kena masuk 18 tahun ke atas.

Jadi saya menjawab Yang Berhormat Kuala Krai, kita akan teruskan dan terima kasih Yang Berhormat sokong tetapi bimbang takut bahaya. Bahaya berada di mana-mana dan rakyat Malaysia sekarang ini mestilah dilatih untuk mempunyai sifat gagah berani, gagah perkasa dan sanggup menghadapi segala bentuk mara bahaya. Kalau ada orang buat fitnah kita lawan fitnah Yang Berhormat.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kuala Krai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Kuala Krai.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih. Saya cukup kagumlah dengan kesungguhan Menteri. Kalau kadet ini Menteri ia nya sentiasa dalam keadaan dikawal oleh yang menjaganya. Kalau saya dulu pernah menjadi kadet tentera, ke mana pun dijaga oleh seorang kapten daripada tentera. Sama ada latihan menembak ke atau pertandingan ke atau latihan kawad ya.

Jadi kadet tidak menjadi masalah tapi bagi sukarelawan maritim ini, saya ingin bertanya kepada Menteri adakah suatu hari mereka akan membuat operasi-operasi untuk menjaga perairan dan nelayan-nelayan kita seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Kuala Selangor dan rakan-rakan yang lain. Kalau kita tengok negara China, kalau dia nak tunjukkan kekuasaan dia, dia hantar dia punya *the best team* tentera laut untuk menunjukkan kekuasaan.

Kita pun kalau kita nak tunjukkan kekuasaan kita dalam daerah perairan kita, kita akan hantar TUDM ataupun *full scale* APMM punya pasukan. Jadi di mana peranan sukarelawan ini? Adakah hanya sekadar satu kilometer daripada pinggir ataupun daripada pantai atau hanya bergerak bersama-sama mengekori *regular* APMM atau bagaimana? Cuba bagi *clear* sikit supaya kita nampak peranan sukarelawan ini di mana letak duduknya dan saya tidak akan membangkang saya menyokong kalau kedudukan itu sesuai. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Soal teknikal Yang Berhormat biarlah diputuskan oleh APMM nanti. Tetapi yang paling penting secara keseluruhannya bukan kumpulan ini saja yang menyertai APMM, tetapi kita nak letak ini sebagai satu budaya Yang Berhormat. Budaya *maritime*, kita kena menjaga *maritime* ini kita kena ingat bukan saja kita mengambil sumber sahaja. Akan tetapi kita sama-sama menjaga negara kita dan negara kita negara maritim. Jadi di mana tugasannya itu saya ingat biarlah pihak APMM akan tentukan. Walau bagaimanapun Yang Berhormat...

**Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** [Bangun] Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Anggota ini akan menyertai SAR dan juga lain-lain operasi yang ditentukan dari semasa ke semasa. Tiada masalah Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ada dua yang bangun Yang Berhormat Parit Sulong dan juga Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Ya, mak cik, dua-dua akan menerima..

**Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Ok saya dululah. Saya bangun dulu.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Bagi orang perempuan dulu.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** *Ladies first no problem.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik tadi Yang Berhormat Menteri ada menyatakan mengenai sukarelawan dan memang ia nya tidak hanya tertumpu kepada nelayan-nelayan walaupun pada hemat saya mereka boleh menjadi sukarelawan *maritime* yang paling bagus sekali disebabkan kebiasaan yang selalu dibuat oleh mereka. Sekiranya dibantu dengan lebih latihan lagi ia nya akan memberi banyak manfaat.

Soalannya saya nak tanya, sama ada Yang Berhormat juga ada perancangan, pihak Yang Berhormat ada rancangan dan juga perancangan mungkin boleh juga *engage* dengan izin, dengan alumni PLKN yang memang kalau dari segi *training* sudah di-train sudah. Ia memang sudah sedia ada dan mereka ini boleh dijadikan sukarelawan. Adakah ia nya dalam perancangan sukarelawan ini juga Yang Berhormat? Minta jawapan mengenai perkara tersebut. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bersetuju bahawa apa yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi untuk memupuk semangat kesukarelaan itu, bukan setakat menjaga perairan kita, tapi semangat kesukarelaan di kalangan masyarakat Malaysia itu.

Tetapi bila Yang Berhormat kata pengambilan itu nanti satu tetap, satu sukarela jadi bagi saya menjadikan agensi ini, agensi APMM ini lebih nak mengharap kepada anggota sukarela daripada menyediakan satu keanggotaan yang mencukupi untuk menjaga perairan sebab anggota sukarela ini bukan semua orang nak terlibat. Hanya orang yang suka dan rela untuk dia nak terlibat, dia berminat dan sebagainya.

Jadi saya takut nanti bahawa akan selama-lamanya menyebabkan APMM itu tidak mempunyai keanggotaan yang mencukupi dan akhirnya tidak mampu untuk nak menjaga perairan. Jadi sebab itu mestilah diletakkan satu jumlah bawah anggota tetap dengan anggota sukarela itu satu yang agak jauhlah bukan satu-satu. Dia mestilah maknanya lima tetap ke, dua sukarela, itu barulah betul. Barulah maknanya kita sudah ada, tidak ada ke orang yang nak secara suka rela pun memang kita ada anggota tetap yang mampu untuk digerakkan menjaga perairan kita.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Jadi Yang Berhormat Kuala Krai, jadi sebahagian daripada anggota kita ini adalah nelayan. Ahli Yang Berhormat, nelayan mereka sudah pergi ke laut, setengah daripada mereka sudah pergi ke laut lebih awal daripada kita. Jadi saya ingat *no problem* dari segi risiko ini mereka sudah biasa.

Sekarang ini kita juga nak jadikan mereka ini, bukan anggota tetap ini Yang Berhormat Pokok Sena. Saya nak bagi contoh pengambilan dalam bentuk begitu sebab kita nak ambil jumlah, mungkin dalam bentuk satu-satu dan satu-dua ataupun satu-satu setengah. Ia terpulang kepada keadaan bagaimana kita nak tentukan kehadiran sukarela. Saya rasa sukarela ramai, nelayan pun ramai yang ingin membantu APMM kerana mereka juga tidak sanggup melihat pencerobohan dan godam yang berlaku di negara kita.

Saya mengalu-alukan dan sekarang ini kita sudah buat pengambilan peringkat awal sebelum akta ini lagi. Kita ambil kita pegang dulu termasuk Ahli Parlimen pun ada menyertai.

Sekarang ini kita nak ambil dalam mungkin 2,000 tapi sekarang sudah 5,000 mendaftarkan diri. Saya percaya selepas ini sudah pasti 10,000 akan mendaftarkan diri untuk menyertai sukarelawan APMM. So, Yang Berhormat dari segi jumlah itu ialah saya nak beritahu bentuk jumlah yang kita nak ambil. Mungkin dalam bentuk satu-satu, satu-dua dan sebagainya ikut keperluan.

Jadi berhubung dengan cadangan Yang Berhormat Parit Sulung saya bersetuju 100 peratus. Malah Yang Berhormat Parit Sulung boleh memberi nasihat kepada kita dan sama seperti Yang Berhormat Kuala Selangor tadi yang mencadangkan Sultanah Selangor menjadi *Commander in Chief*. Ini sebenarnya kita telah membuat beberapa kertas yang kita akan bincangkan dengan pihak kerajaan nanti.

Kemudian Yang Berhormat Jerantut menyebut bahawa tentang kebijakan mereka, insurans. Insurans mereka ini akan kita ambil untuk mereka dan cuma ia keadaannya macam ini ya, sebab bagi kawasan yang dijangka banjir berlaku, kerajaan telah bersetuju pada dasarnya supaya kita ambil insurans. Insuransnya dalam bentuk rakyat hanya bagi sumbangan RM10, kita akan bayar RM65.

Maknanya kalau RM75 harga insurans itu, jadi kita bersetuju dalam bentuk tersebut. Jadi hal yang ini pun sukarelawan ini kita akan melihat dalam aspek yang berkenaan. Tetapi insurans mereka yang bertugas itu kita akan ambil ya. tetapi yang banjir tadi saya nak beritahu Yang Berhormat, *insurance company* yang telah kita jemput untuk bersama itu belum muncul dengan cadangan yang lebih munasabah. Oleh kerana banyak *insurance company* tahu bahawa kalau sekiranya berlaku kawasan banjir kalau mereka hanya ambil kawasan itu saja mereka akan kerugian.

Jadi sekarang ini tengah duduk bincang dengan hebatnya, banjir pun sudah melanda tetapi kita belum mendapat insurans lagi kawasan yang kena banjir. Yang Berhormat Bukit Gantang menyebut tentang takut berlaku rasuah dan sebagainya. Jadi Yang Berhormat kita bersama-sama perangi rasuah dan rasuah ini kita boleh perangi kalau

rakyat bersama. Jadi akhirnya nilai-nilai murni di kalangan rakyat Malaysia itu kita pupukkan sehingga bencinya kepada rasuah itu sama bencinya kepada dadah.

■1830

Yang Berhormat Sekijang mencadangkan supaya kita serapkan mereka ini. Sudah pasti mereka yang menjadi sukarelawan ini kalau ada kekosongan jawatan dan sebagainya, sudah pasti markah mereka lebhlah kerana mereka sudah ada pengalaman termasuk mereka daripada PLKN dan sebagainya. Jadi cadangan tersebut sudah pasti akan diambil tindakan sewajarnya oleh pihak kerajaan.

Yang Berhormat Kota Kinabalu menyebut kita bakar, kita bakar Yang Berhormat. Kita tidak melawak punya dan Yang Berhormat boleh hadir pada minggu hadapan, mereka sudah hendak bakar tetapi saya kata tunggu sekejap. Saya mungkin hendak dapatkan maklumat Ahli-ahli Parlimen yang berminat untuk pergi ke sana. Kita akan bawa Yang Berhormat pergi ke sana dan menyaksikan enam biji kapal besar daripada negara asing yang kita akan bakar kepalanya dan selepas itu ia akan tenggelam. Kalau Yang Berhormat hendak minta tolong, tidak akan ditolong lagi sebab mereka ini akan dibakar.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ya, Yang Berhormat Menteri, baru-baru ini di Sabah ada dua buah *illegal vessel* kena tangkap dari Vietnam. Jadi sudah lama lebih kurang tiga bulan atau empat bulan. Kenapa lama belum lagi ambil tindakan untuk bakar dia, apa hal? Ada lebih kurang 2000 kilo ikan dan *lobster*. Mana sudah ikan itu? Lama begitu. Jadi adakah peluang untuk bakar supaya rakyat boleh dapat? Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat, kalau ada ikan dan sebagainya sudah tentu prosedur berhubung dengan ikan yang ditangkap itu akan diselesaikan Yang Berhormat. Kerajaan tidak mahu rugi. Tak kan hendak biarkan *lobster* itu begitu sahaja. Sudah pasti ada peraturannya yang kalau Yang Berhormat hendak saya beritahu secara bertulis.

Akan tetapi untuk melupuskan, untuk membakar kapal itu mahkamah. Yang Berhormat kena lupuskan dahulu. Jadi ini bukan bidang kuasa saya Yang Berhormat. Tugas kami adalah operasi. Kalau sekiranya kapal yang ditangkap, mahkamah putuskan dalam masa dua bulan, dua bulan kita bakar. Tidak ada tolak ansur lagi. Ada juga pihak yang meminta untuk membeli kapal ini dan sebagainya. Saya kata banyak bentuk *design* kapal ini telah menimbulkan masalah kepada rakyat Malaysia sehingga ikan kita, tangkapan kita, kita rugi berbilion ringgit. Tidak ada tolak ansur dan mereka mungkin lebih banyak kapal-kapal sana yang akan datang menangkap ikan dan melihat kelompongan yang berlaku di mana kekurangan aset yang ada ini menyebabkan mereka cuba datang untuk menangkap ikan.

Akan tetapi kali ini kita bukan sahaja bot kita, aset kita yang akan menangkap mereka tetapi ada cara-cara lain yang boleh kita laksanakan termasuk dengan bantuan

daripada pihak nelayan dan juga sukarelawan yang saya tidak perlu sebutkan di sini tetapi saya hendak jadikan supaya usaha untuk membanteras nelayan asing ini harus disertai oleh rakyat termasuk nelayan.

Jadi Yang Berhormat Kota Kinabalu, sabar. Apabila sampai masanya kalau saya hendak bakar di sana, saya akan jemput Yang Berhormat kalau Yang Berhormat ingin menyertai bersama. Kemudian Yang Berhormat, fasal anak Borneo. Yang Berhormat, Borneo ini ada Sabah, Sarawak dan juga Kalimantan. Jadi Yang Berhormat kata kami benci anak Borneo. Yang Berhormat, orang-orang yang bekerja di Johor Bahru sana 40,000. Jadi soal benci ini kadang-kadang sentimen yang dibawa oleh kawan-kawan kita kononnya kita benci. Tidak ada.

Kita sayang kepada mereka dan kita hendak beritahu, kalau banding dengan Perlis, Perlis dapat terlampau kecil dan negeri kecil. Kecil dibandingkan dengan apa yang diberi kepada Sabah dan Sarawak malah projek Pan Borneo itu sendiri satu projek gergasi yang luar biasa. Ini menunjukkan sayang dan cintanya kerajaan kepada Sabah dan Sarawak. Akan tetapi Borneo saya tidak berani sebut sebab Borneo ini termasuk Kalimantan. Yang Berhormat ini masukkan Kalimantan sekali ya. Mungkin Yang Berhormat ini ahli Batu Sumpah. Jadi Yang Berhormat sebut Kalimantan. Kalau sebut Sabah dan Sarawak, sayang kami kepada Sabah dan Sarawak mungkin lebih hebat daripada Kota Kinabalu yang tidak boleh bagi apa-apa tetapi kami boleh bagi banyak benda kepada orang-orang Sabah dan Sarawak.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Akan tetapi Yang Berhormat Menteri, jangan salah faham. *Borneonisation* itu dalam *Malaysia Agreement 1963*. Jadi Borneo ini sebut Sabah dan Sarawak ya. Jadi kita termasuk Kalimantan. Kita tahu Sabah kita punya bandar. Betul kah Yang Berhormat Menteri? Tahu kah? Bukan termasuk Kalimantan. Hanya Sabah dan Sarawak kita biar kawan. Betul kah?

Kedua, kenapa ambil begitu panjang masa untuk tindakan oleh mahkamah? Apabila Yang Berhormat Menteri kata, umum dalam *The Borneo Post*, kata sesiapa melanggar tanah air kita, kita akan tangkap, akan tenggelam *on the spot*. Betul kah? Tenggelam. Jadi mana boleh tangkap, tangkap tarik balik. Tunggu mahkamah dan baru tarik balik keluar pergi laut tenggelam. Ini dianggap tidak logik. Betul tak Yang Berhormat Menteri? Sekian.

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kuala Selangor bangun.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Logik Yang Berhormat. Kita negeri ada undang-undang. Kita negeri bukan koboi Yang Berhormat. Tangkap-tangkap pergi tenggelam. Masalah keselamatan orang, kita Malaysia yang berperikemanusiaan. Kita bukan Myanmar bunuh orang, lantak bunuh orang, campak budak-budak masuk dalam api. Kita bukan begitu. Kita ikut undang-undang. Kita bakar tetapi ikut undang-undang. Jadi Malaysia ini adalah negeri yang terhormat, berperikemanusiaan dan sebagainya. Kita kena

ingat, kita bukan boleh *simply* tangkap, selepas itu bakar. Kita ada nelayan lagi atas sana. Kita kena selamatkan mereka. Kita tarik perlahan-lahan. Itu prosedur yang harus kita ikuti.

Yang Berhormat kena faham bahawa mahkamah ialah bidang kuasa mereka, bukan bidang kuasa saya Yang Berhormat Yang Berhormat. Okey, pergi ...

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kuala Selangor bangun Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Kita hendak beritahu Yang Berhormat kata benci tadi tidak benci, sayang. Lebih sayang, kadang-kadang lebih sayang mereka daripada diri sendiri. Yang Berhormat Putatan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kuala Selangor bangun. Yang Berhormat Menteri...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Ya.

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Hendak dapat pengesahan kepada cadangan lantikan Tengku Permaisuri Selangor.

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Ya. Pertamanya saya ucapkan terima kasih di atas pertimbangan kerajaan untuk melantik Tengku Permaisuri Selangor sebagai *Commander in Chief APMM*. Itu cadangan yang baik untuk menggalakkan lebih banyak lagi generasi muda terlibat dengan pasukan keselamatan.

Kedua Yang Berhormat Menteri, saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Menteri sebab saya lihat isu *back log* khususnya dalam konteks untuk membakar kapal ini memerlukan peruntukan undang-undang. Mungkin sudah sampai masanya perlu ada mahkamah khas maritim boleh dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri supaya keskes ini dapat disegerakan sebagai tanda keseriusan pihak Kerajaan Malaysia terhadap isu-isu pencerobohan nelayan asing. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas senyuman kepada saya itu. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat Kuala Selangor ini dia bekas pensyarah dan dia cukup ramah mesra bahasanya. Jadi sebelum dilantik ini Yang Berhormat sebenarnya cadangan Yang Berhormat itu akan dipertimbangkan dengan hebatnya pelantikan Sultanah Selangor sebagai Komander kepada jawatan yang kita akan bagikan. Ini akan dipertimbangkan.

Akan tetapi sudah ada kertas cadangan untuk perkara ini dan kita akan lihat termasuk juga pihak yang lain. Kalau kita ingat nanti semua orang dengar nanti, dia...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Jauh itu *targetnya*.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Okey Yang Berhormat. Jadi saya kena sebut sekali lagi sebab orang Sabah dan Sarawak sedang memerhatikan saya bahawa kami sayang Sabah dan Sarawak lebih daripada Yang Berhormat Kota Kinabalu.

Yang Berhormat Putatan berhubung dengan elauan. Kita akan pertimbangkan Yang Berhormat dan kita hendak beritahu semua Ketua Kampung ini, Pengurus JKKB kita akan lantik sebagai Leftenan Muda untuk APMM. Kelambatan yang berlaku ini kerana pegawai kita hendak kena buat gerakan yang begitu hebat di seluruh negara. Kalau Yang Berhormat boleh bantu kita, itu yang terbaik.

Yang Berhormat, anggota tetap kita di satu kawasan itu kadang-kadang empat orang sahaja Yang Berhormat. Contohnya macam di Kuala Kangsar, anggota tetap saya ingat lebih kurang empat orang. Lain-lain adalah anggota sukarela. Demikian juga di Putatan. Saya rasa anggota tetap mungkin empat orang ataupun lima orang. Akan tetapi yang lain semua sukarela, sukarelawan yang berelaun. Dengan itu, apabila kita hendak lantik sukarelawan yang lain, kita perlukan bantuan daripada Ahli Yang Berhormat.

Saya hendak beritahu kepada Ahli Yang Berhormat daripada Pembangkang yang menyebut dapat pangkat tetapi tidak tahu apa dan sebagainya.

#### ■1840

Saya ingat Yang Berhormat Pokok Sena tolong terangkan kepada kawan-kawan di sana apa yang Yang Berhormat telah buat. Dia mendapat kerjasama daripada APM dengan cukup hebat dan dia telah memberi gergaji lagi. Terima kasih bagi gergaji. Walaupun gergaji tidaklah mahal sangat tetapi tanda kasih itu. Terima kasihlah. Akan tetapi bukanlah kita hendak kempen politik di sini, Yang Berhormat. Terima kasih. Yang Berhormat daripada Barisan Nasional juga berbuat demikian. Boleh bagi gergaji. Kita akan tulis nama Yang Berhormat di sana. Macam saya di antara orang yang paling banyak bagi gergaji kepada APMM. Jadi semua ditulis itu DSSK. Dia sayang, saya kasih pada gergaji. Yang Berhormat boleh berbuat demikian. Gergaji tidak sampai RM400. Kita boleh bagi gergaji.

Ini menunjukkan kerjasama dengan APM dan saya minta semua Yang Berhormat yang telah pun dibagi gelaran kehormat tadi, jangan tunggu tugas datang kepada kita. Terus jalankan tugas. Macam berlaku tanah runtuh di *Penang*. Yang Berhormat kalau ada uniform, terus pakai uniform pergi ke sana. Kita ada kumpulan STORM daripada bomba, SMART Team daripada Jabatan Perdana Menteri dan kita ada SPIDER daripada APM. So, mereka bertungkus-lumus bekerja untuk mengeluarkan mangsa daripada tanah runtuh. Jadi, kita ucap terima kasih kepada mereka dan kita tidak kira parti politik.

Kita buat kerja untuk membantu mangsa. Ini adalah satu contoh yang baik di mana bila kita menyelamatkan mangsa itu, kita lihat tidak ada parti politik diambil kira. Malah mangsa pun tidak ada politik sebab sudah meninggal dunia. Akan tetapi orang yang hidup ini kena lihat bahawa demikianlah hebatnya sebuah kerajaan yang mementingkan kesukarelaan.

**Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri. Parit Sulong.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Ada hendak...

**Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Ada, ada sikit lagi. Tadi Yang Berhormat ada bercakap mengenai kehebatan semua pegawai kita. Jadi saya pun hendak maklumkan juga kepada Yang Berhormat Menteri sebab saya hendak merekodkan ucapan terima kasih saya kepada pegawai APM saya dan juga Maritim saya sebab dua-dua bekerjasama. Bila banjir sahaja, mereka akan bantu. Kedua-dua memang banyak membantu memberikan kerjasama yang sangat baik dan saya percaya itu juga menjadi contoh kepada pegawai-pegawai juga di tempat-tempat lain juga. Hasil mungkin didikan daripada ketua pengarah dan juga Yang Berhormat sendiri selaku Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Pujian dan terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong itu di rekod dengan hebatnya. Yang Berhormat Parit Sulong ini pandai. Saya tengok dia selalu hantar gambar dia keluar dengan Maritim pergi buat operasi APMM dan dia juga tunjuk gambar dia. Demikian juga dengan Yang Berhormat yang lain. Akan tetapi oleh kerana Yang Berhormat telah bangun, kita merekodkan terima kasih kerana Yang Berhormat telah memberi pengiktirafan. Kita kena ingat APM, APMM ini rakyat Malaysia. Anak-anak kita, adik-beradik kita. Bagi pengiktirafan kepada mereka dan sudah pasti mereka akan bekerjasama dengan kita.

Akan tetapi kalau ada mana-mana anggota kita yang cuba tunjuk, dalam bahasa Perlis dia panggil ranggi. Dalam bahasa moden di sini disebut sompong ataupun membanggakan diri, beritahu kepada saya, 019-4545111. Boleh hantar dalam telefon, maklum. Saya tidak benarkan mana-mana anggota menunjukkan sifat sompong diri kepada rakyat. Tanpa rakyat, tidak ada anggota. Tanpa rakyat, tidak ada kita di sini. Jadi kita kena hormati rakyat dengan hebatnya.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Yang Berhormat Menteri, sikit boleh?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Siapa ini?

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Shamsul dari Bukit Katil.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat Lembah Pantai? Bukan? Ya.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Bukit Katil, Bukit Katil. Saya hendak ambil nada yang sama seperti mana wakil rakyat yang lain. Dari satu segi, yes kita rekodlah pegawai-pegawai APM khususnya di peringkat negeri yang bekerjasama. Akan tetapi saya hendak Yang Berhormat Menteri juga ambil perhatian. Ada juga negeri-negeri yang tidak memberikan kerjasama yang sebaiknya. Misalnya yang disebut tadi soal hendak tunjuk ranggi tadi.

Saya hendak sebut beginilah. Di kawasan saya di Bukit Katil, memang ada sedikit keranggian. Yang ini saya tidak perlu hendak SMS ataupun telefon Yang Berhormat. Saya hendak sebut dalam Dewan. Saya harap Yang Berhormat Menteri boleh tegur sedikit. Ada ketikanya kita buat *appointment*, kita sudah buat temu janji. Waktu kita pergi dia tidak ada. Bagi pelbagai alasan. Saya bagi seekor lembu pun tidak mahu sembelih. Kena pulang balik lembu untuk korban. Ini bukan sekadar bagi gergaji. Bagi lembu korban pun kena *sailang*.

Jadi saya ingat Yang Berhormat Menteri tolong ambil perhatian juga di negeri-negeri lain. Kalau betul tidak ada politik, saya ucap terima kasih. Bagus. Cuma saya bimbang takut-takut kalau ada campur tangan daripada kerajaan negeri. Kalau itu berlaku, saya minta Yang Berhormat tolong pantau. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat, Yang Berhormat sebut ini pasal APM, ya? Bukan APMM, ya? Jadi APM. Yang Berhormat sudah maklumkan kepada saya. Saya ambil perhatian dengan hebatnya. Tidak ada masalah, Yang Berhormat. Saya tidak mahu mana-mana pegawai kita ataupun mana-mana pihak untuk ranggi dengan wakil-wakil rakyat kecuali kalau untuk tujuan politik, tidak bolehlah. Akan tetapi kalau untuk selesaikan masalah bencana dan lain-lain lagi, kalau mereka ranggi, mereka tidak boleh berbuat demikian. Pada pandangan saya, mereka tidak berbuat demikian. Mungkin kesibukan yang luar biasa itu menyebabkan mungkin mereka tidak terjumpa dengan Yang Berhormat Bukit Katil, terjumpa dengan Yang Berhormat Pokok Sena. Walau bagaimanapun, kita akan ambil perhatian yang serius.

Yang Berhormat Kuala Selangor. Yang Berhormat telah bercakap panjang berhubung dengan perkara ini dan saya berterima kasih dengan Yang Berhormat kerana telah ucapan terima kasih kepada Datuk Seri Ahmad Fauzi yang telah memberi perkhidmatan yang cukup cemerlang dan sekarang ini kepada Datuk Zul yang sedang berkhidmat. Jadi ketua-ketua pengarah APMM ini kita sudah beritahu bahawa kita ialah kawan kepada rakyat dan asal usul mereka ini sesetengahnya daripada *navy*, sesetengah daripada marin dan sesetengah daripada perikanan dan mereka telah bersatu di bawah APMM dan telah memberi tugas yang cukup baik. Kalau tidak baik, kita tegur tetapi kalau ranggi ataupun sompong itu kita ambil tindakan.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Boleh?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Ya, silakan Yang Berhormat Putatan.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon Yang Berhormat Menteri menghabiskan penjelasan perbahasan Putatan tadi. Bolehkah?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat Putatan, banyak perkara yang Yang Berhormat Putatan telah... Semasa Yang Berhormat Putatan berucap pun, ada soalan daripada Yang Berhormat Kuala Selangor, daripada Yang Berhormat Bintulu. Saya catat semua ini dan kita akan ambil tindakan yang sewajarnya. Macam Yang Berhormat Bintulu minta supaya kita turun ke padang dan menyiasat dan Yang Berhormat Putatan

minta supaya ditubuhkan pangkalan marin di Putatan. Semua diambil ingatan. Yang Berhormat, dicatat dan saya akan sampai ke kawasan Yang Berhormat dalam masa yang terdekat. Jadi tiada masalah. Saya sedang mengembara di Sabah dan Sarawak sekarang ini untuk memastikan supaya persediaan menghadapi banjir dan juga lain-lain lagi itu dapat dilaksanakan dengan baik.

Saya baru balik daripada Kota Belud, Yang Berhormat. Kita tahu ada kekurangan sedikit di Kota Belud. Kita akan memperbaiki serta-merta malah bila saya sampai, saya melihat sendiri keadaan itu. Esoknya kita perbaiki serta-merta sebab benda ini kadang-kadang kita tidak mendapat maklumat. Mungkin kadang-kadang ada kerjasama kita dengan pihak sekolah. Menteri Pendidikan sudah beritahu bahawa sekolah mesti boleh digunakan dengan sepenuhnya tanpa ragu-ragu oleh pihak guru besar dan juga pengetua kalau kita hendak pindahkan orang. Mungkin ada satu, dua yang mungkin tidak berapa hendak bagi kita akan perbaiki.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat, boleh? Ini soalan tambahan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Soalan tambahan dibenarkan.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Ini soalan tambahan. Oleh kerana Yang Berhormat Menteri menyentuh soal banjir di Sabah yang baru-baru ini, sejauh mana pihak kerajaan membantu mangsa-mangsa yang terlibat daripada banjir? Daripada APMM dengan taufan laut misalnya. Adakah kes-kes yang pihak kementerian telah laksanakan di Sabah?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat, saya hantar pasukan yang cukup besar pergi ke Sabah dan saya ada hantar pegawai-pegawai tinggi saya pergi Labuan. Baru balik sahaja. Mereka akan beri laporan kepada saya sekejap lagi. Sebenarnya saya hendak pergi Labuan kelmarin tetapi rang undang-undang ini tidak dapat dinaikkan lebih awal. Saya ingat kelmarin sudah selesai, hari ini sampai Labuan. Walaupun Labuan cuma melibatkan 60 buah rumah yang diterbangkan oleh angin, tempat-tempat lain ada 200 rumah dan sebagainya.

Seperti yang saya beritahu, walaupun sebiji rumah saya ataupun pegawai saya akan sampai. Ini kerana kita kena ingat rakyat ini manusia. Walaupun satu manusia, kita kena prihatin. Itu sebab saya tidak mahu terlihat dengan memfitnah keadaan dan sebagainya. Ini kerana bagi saya manusia itu jangan dizalimi. Doanya tidak ada hijab dengan Allah SWT kalau kita zalimi. Jadi saya harap pihak pembangkang tolong berhati-hati. Jangan buat fitnah sebab kita tidak mahu orang yang kena zalm nanti berdoa.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Kemudian, Yang Berhormat Kuala Selangor, ya.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini kerana sebut banjir tadi. Saya ucapkan terima kasihlah kepada Yang Berhormat Menteri ini memang orang yang begitu agresif untuk turun membantu masyarakat dan rakyat. Akan tetapi tidak bermakna bahawa kami ini daripada pembangkang tidak membantu. Kadang-kadang saya pun agak kecewa juga. Baru-baru ini bila banjir berlaku di Kedah, ada Ketua Pemuda UMNO Kedah itu dia rempong sedikit. Dia rempong. Dia kata mana ini Ahli Parlimen Pokok Sena ini? Tidak *mai* turun pun bantu orang.

■1850

Saya *dok* ada di Madinah, hendak turun lagu mana? Akan tetapi saya tidak apa. Apabila saya duduk di Madinah itu, saya baca. Pasal apa saya anggap dia ini budak rempong, Ketua Pemuda UMNO Kedah ini. Akan tetapi maknanya, kadang-kadangnya kita ini cuba untuk hendak menafikan penglibatan orang lain. Di waktu kita, kami dari pembangkang bertungkus-lumus membantu, kami tidak diberikan laporan berita, media dan sebagainya. Akan tetapi kadang-kadang, ada Ahli Parlimen UMNO turun tetapi RTM siar tiga hari gambar itu sahaja. Jadi, seolah-olah hari-hari. Jadi, saya *dok* tengok, 'Aik?', saya kata. Saya tidak mahu sebutlah Ahli Parlimen mana, daripada Kedahlah. Saya tengok, 'Aik, gambar inilah RTM *dok* siar, tiga hari *dok* siar yang itu sahaja'.

Jadi, kita hak yang turun banjir ini, terendam kecut *teloq-teloq* ini, siapa pun tidak siar. *[Ketawa]*

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Apa yang kecut itu?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Jadi, tidak ada siapa hendak siar. Jadi, janganlah pula bila kata, dikatakan kami ini tidak turun langsung. Jangan kata Ahli Parlimen tidak tahu. Akan tetapi saya tak kisahlah bila ada pemimpin-pemimpin UMNO yang rempong-rempang ini *dok* kata kita pembangkang tak turun. Jadi, tidak apalah. Akan tetapi saya hendak sebut bahawa jangan menafikan penglibatan Ahli-ahli Parlimen Pembangkang. Akan tetapi saya sangat menghargai Yang Berhormat Menteri ini sentiasa memaklumkan kepada kami bahawa dia akan turun, kita boleh *joint* sekali, *insya-Allah*. Jadi, itu yang sepatutnya dilakukan selepas-selepas ini Yang Berhormat Menteri ya. Bila turun ke kawasan kami itu, jemput kami walaupun kami daripada pembangkang, kita bersama-sama, *insya-Allah*.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat, bila berlaku banjir di sana, saya sampai seawal mungkin. Saya tahu Yang Berhormat tidak ada di Malaysia, berada di Madinah. Saya *contact* Yang Berhormat, di beritahu ada di Mekah. Jadi, Yang Berhormat punya doa, Allah makbul. Jadi, janganlah sebut perkataan-perkataan tadi ya. Saya tidak mampu hendak menyebutnya, lebih-lebih lagi kawan-kawan wanita Ahli Parlimen, okeylah. Ini bahasa ini Yang Berhormat, bahasa Kedah, Perlis ini, *hat* itu bahasa mainan hari-hari. Johor tidak berapa biasa ya? Tidak biasa. Jadi, mereka ini bahasa mainan hari-hari. Jadi, tidak mengapalah, kita bermaaf-maafanlah. Okey. Jadi, Yang

Berhormat Kuala Selangor, yang telah menyebut dengan hebatnya tentang APMM tadi, saya bersetuju Yang Berhormat. Pada bila-bila masa kita akan mulakan penubuhan di Kuala Selangor.

Jadi, Yang Berhormat boleh bagi maklumat untuk kita tubuhkan. Oleh sebab ini berdekatan dengan kita dan kita telah banyak- kawasan Yang Berhormat juga banyak terlibat dengan usaha-usaha APMM. So, penubuhan kadet dan juga anggota sukarelawan, kita akan dapatkan daripada sana. Sebahagian besarnya adalah nelayan dan sebahagian daripadanya ialah PLKN yang mungkin bapanya nelayan. Jadi, kita ambil bahagian macam itu. Jadi, anak-anak yang ada hubung kait dengan laut itu kita akan beri perhatian. So, Yang Berhormat Pokok Sena, terima kasih. Akan tetapi Yang Berhormat janganlah kata Ketua Pemuda UMNO itu *pesan* itu kan. Oleh sebab dia di antara orang yang paling kuat bekerja di Kedah ini.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Bila saya duduk di Madinah ini, dia kata tidak turun, *rempang* la.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Tidak, tidak, dia kuat bekerja. Dijangka menang dengan baik dalam pilihan raya akan datang. Jadi, Yang Berhormat ya. So, kawasan apa itu, saya setuju dengan Yang Berhormat Gerik. Akan tetapi saya baru dapat maklumat Yang Berhormat Gerik, bahawa ada pencerobohan yang berlaku di Tasik Banding. Sekarang ini kami sedang bagi perhatian kepada Tasik Kenyir untuk dijadikan salah satu *template* penyelamatan hutan di negara ini. Kita akan bantu kerajaan negeri untuk jadikan kawasan Tasik Kenyir itu ialah kawasan- dan juga kawasan tадahannya ialah kawasan yang dijaga dengan baik. Kalau kita dapat macam Yang Berhormat menyebut bahawa ada orang asing memburu, dengar cerita sahaja. Hari ini baru dengar secara rasmi. Memburu atau mencuri, menangkap ikan. Yang Berhormat, walaupun bukan bidang kuasa kami tetapi kita akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Saya sesungguhnya cukup membenci orang-orang yang ambil kesempatan sama ada memburu di kawasan hutan kita dan sebagainya, kita tidak akan bertolak ansur. Di darat, saya ada APM, di laut kita ada APMM. Kita akan ambil tindakan walaupun bukan sebahagian besarnya dalam bidang kuasa kita tetapi demi menjaga negara ini, kita harus sama-sama bagi perhatian. Kita tidak boleh sebut bahawa ini Menteri lain jaga, tidak. Kita akan tolong. Kerja saya adalah menolong supaya semua benda jadinya elok. So, kalau sekiranya Tasik Banding ada benda-benda demikian rupa, Yang Berhormat boleh kita ambil bincang dengan marin ataupun Jabatan Perikanan Negeri untuk ambil tindakan kepada pemburu ikan dan juga pemburu hutan.

Yang Berhormat Lumut menyebut bahawa kita masih muda. Yang Berhormat, orang yang datang ke APMM ini orang daripada *navy*, mereka tidak muda, tua-tua, pencen pun ada sudah. Jadi, sebenarnya APMM ini walaupun baru ditubuhkan tetapi ia dianggotai oleh semua orang luar, ketuanya daripada *navy*, daripada polis, daripada perikanan, semua ditempatkan di sebuah satu bumbung. Jadi, mereka tidak muda Yang Berhormat.

Mereka sudah mencapai umur untuk membuat apa yang saya sebut sukarelawan tadi. Membina pasukan simpanan. Kita penting negara Malaysia ini bukan sahaja kita menuju ke negara maju, negara maju ialah negara yang mampu untuk mengadakan lebih banyak sukarelawan. Mungkin kita tidak suka mereka sebab perangainya, walau- tidak apalah. Mungkin kita tidak suka setengah polisi yang mereka buat. Akan tetapi kita lihat apabila berlaku taufan di sana, kita lihat orang yang mula sampai ialah sukarelawan. Macam berlaku kebakaran di London, orang yang mula sampai ialah sukarelawan. Jadi, kita pun macam itu, sekarang negara Malaysia sudah sampai ke tahap itu. Orang yang mula sampai, sukarelawan dan kita telah menubuhkan *seeded* sukarelawan di peringkat komuniti dan APMM ini juga akan membentuk sukarelawan demikian rupa.

Kalau berlaku apa-apa, komuniti nelayan yang berada di sana yang kita lantik sebagai sukarelawan, mereka sudah berada di barisan hadapan. Itu matlamat kita supaya semangat kesukarelawan itu berada di kita. Sekiranya ada nelayan asing yang menangkap ikan 10 kilometer daripada Kuantan dan juga Pekan yang sering disampaikan kepada saya, sekarang ini komuniti nelayan yang akan menyertai APMM, mereka sudah berada di barisan hadapan. Kita kena ingat, kalau hendak gerakkan satu kapal kita daripada satu poin ke satu poin, kadang-kadang mengambil masa tiga jam. Tiga jam itu mereka sudah boleh buat macam-macam, mereka sudah tangkap ikan dan lari balik. Akan tetapi kalau ada anggota simpanan kita di situ, di komuniti di situ, sudah pasti ianya akan jadi bertambah meriah dan hebat APMM.

Yang Berhormat, jadi kita sokonglah supaya ditubuhkan anggota simpanan APMM ini untuk membolehkan mereka berada di komuniti, bukan barisan hadapan, barisan hadapan kita. Kami berada di barisan hadapan, *navy* di barisan hadapan. Akan tetapi mereka berada di komuniti, contohnya kalau 10 kilometer Vietnam datang tangkap ikan, kalau mereka berada di jarak yang dekat, sudah pasti kita tidak akan biarkan perkara ini berlaku. Sekarang ini orang cuma melihat, selepas itu telefon APMM, bila APMM datang, bot sudah tidak ada lagi. Okey, Yang Berhormat Bagan Serai menggalakkan orang muda, ya. Kita akan galakkan orang muda sebab kita letakkan umur tadi, 30 tahun. Berhubung dengan elaun, sudah pastinya elaunnya sama seperti anggota sukarelawan lain.

Akan tetapi saya terima kasih dan saya percaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedang mendengar perbahasan di Parlimen daripada jarak yang dekat dan dia akan melihat apakah wajar elaun untuk sukarelawan ini dinaikkan atau tidak. Terutamanya APMM ini, dia akan menghadapi pelbagai bahaya di lautan sana yang melibatkan nelayan asing, orang asing, penyeludup dan pelbagai lagi. Bot Apollo ini saya setuju sebab ini tetapi yang keluarkan lesen ini bukan kita, ya. Perikanan. Bot Apollo ini menggunakan batu dan kail yang menyebabkan bukan sahaja di kawasan dasar rosak tetapi cucu ikan pun diambil habis. Jadi, sebenarnya saya rasa mereka tidak ada lesen. Sebenarnya mereka telah menyalahgunakan bot untuk pukat lain, dia gunakan untuk pukat Apollo.

Kita akan mengambil tindakan Yang Berhormat, kalau kita jumpa, kita takkan biar mereka ini berleluasa. Kemudian Yang Berhormat Setiu, terima kasih kerana menyokong. Yang Berhormat Beruas, menyebut tentang kawasan bertindih. Ini sebenarnya menjadi permasalahan kita. Ini tugas Kementerian Luar dan juga pihak yang berwajib untuk berbincang mengenai kawasan yang bertindih. Kawasan bertindih ini ialah kawasan yang dituntut oleh negara jiran dan kita menuntut berdasarkan sempadan kita. Tetapi mereka membuat penguatkuasaan kepada nelayan kita yang masuk ke kawasan bertindih.

■1900

Akan tetapi, kita pun ambil tindakan kepada nelayan mereka yang masuk kawasan bertindih. Jadi yang ini kena diselesaikan di peringkat pembuat dasar supaya kawasan bertindih ini diselesaikan serta-merta. Kawasan bertindih ini selalunya ialah kawasan yang dekat dengan sempadan tetapi kalau dalam negara Malaysia, itu bukan bertindih. Contohnya apa yang berlaku di Sarawak sana, itu bukan bertindih. Bertindih ialah dekat sempadan bertindihlah, tuntutan. Akan tetapi dalam Malaysia, bukan bertindih. Ini gangguan. Macam di Sarawak, Yang Berhormat, itu bukan kawasan bertindih, itu kawasan kita. Kita dapati bahawa *coast guard* itu ia bukan pasang sauh di sana, dia berjalan. Kalau dia pasang sauh itu sudah menyalahi peraturan dan kita akan ambil tindakan.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak dapat penjelasan. Memandangkan kita ada *Geneva Convention* dan lain-lain undang-undang tentang persempadanan sesebuah negara, kenapa ia mengambil masa begitu lama? Kalau tidak boleh diselesaikan, mungkin satu cara ialah untuk menasihatkan— dengan persetujuan negara Indonesia— kita menasihatkan nelayan kita jangan masuk ke kawasan yang bertindih dan Indonesia juga mengambil langkah yang sama. Ini kerana apa yang berlaku ialah nelayan-nelayan yang tidak berdosa ini mereka diberitahu oleh Kerajaan Malaysia mereka boleh menangkap ikan di kawasan tersebut tetapi malangnya ditangkap oleh pihak berkuasa Indonesia. Nelayan Indonesia pula datang ke kawasan bertindih dan ditangkap oleh penguat kuasa Malaysia. Jadi akhirnya keluarga-keluarga nelayan yang risau dan mendatangkan banyak masalah. Kemudian mestilah kita dapat bantuan orang politik melalui *foreign office*, dengan izin, untuk menyelesaikan masalah. Bolehkah masalah ini selesai supaya ia tidak berulang lagi? Ini kerana saya nampak sudah beberapa kali perkara ini berulang, berlaku dan menjadi satu masalah besar.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat, kita akan minta Kementerian Luar Negeri untuk meneruskan rundingan dengan pihak Indonesia. Di peringkat saya ini ialah pertama sekali, nelayan ini kena pasang AIS itu supaya kita boleh kenal pasti di mana mereka berada.

Keduanya, kerana nelayan untuk pergi ke tempat yang jauh ini— contohnya, buatlah seperti kalau ada pendaki gunung yang hendak naik gunung, dia *report* kepada polis. Kalau dia hilang, kita boleh cari. Demikian juga nelayan, maklum kepada kita.

Kadang-kadang nelayan ini lari daripada kita sebab mungkin hendak melakukan kesalahan. Kalau mereka akan pergi ke laut dalam— contohnya kalau ada nelayan ingin menangkap di laut dalam di kawasan katakan kawasan Laut China Selatan, mereka maklum pada kita. Kalau ertinya 10 biji kapal hendak pergi, kita akan bagi perlindungan. Yang Berhormat, tugas kami ialah bagi perlindungan kepada nelayan.

Kalau Yang Berhormat kata mereka dibenarkan masuk, tiba-tiba ditangkap oleh nelayan Indonesia, mereka kena maklum kepada kita. Jadi Yang Berhormat pergi sendiri-sendiri, selepas itu mungkin terlanggar kawasan— tetapi kalau pasang AIS itu, kami sentiasa berada di kawasan sana dan kami tahu bahawa ini ialah kawasan tuntutan bertindih. Kita sudah minta supaya pihak yang berwajib dapat menyelesaikan dengan secepat mungkin.

Yang Berhormat, demikianlah perbahasan yang kita telah buat pada hari ini. Saya hendak mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan mengenai rang undang-undang pindaan ini yang bagi saya cukup penting. Saya rasa semuanya tidak ada yang berkata menolak dan saya ucap terima kasih. Saya hendak beritahu Kerajaan Barisan Nasional— Yang Berhormat Lembah Pantai, Kerajaan Barisan Nasional— eh, dia tutup telinga ya. Dia tutup telinga tidak mahu dengar Barisan Nasional.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Dia dengar Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Dia dengar ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Kerajaan Barisan Nasional akan meneruskan usaha-usaha baik ini, akan menggerakkan rakyat supaya sentiasa bekerjasama dengan kerajaan untuk menyelamatkan negara ini. Negara ini harus diselamatkan dengan kerjasama semua pihak. Kita harap dengan penubuhan Pasukan Sukarelawan ini kita dapat menjaga laut ini bersama. Kita boleh berperang sesama sendiri sikit-sikit tetapi jangan berlebih-lebihan, utamakan negara sebab negara ini penting. Kalau sekiranya kita tanpa negara, penat berpolitik tetapi negara ini harus dipertahankan kerana terlampau ramai orang berminat kepada negara kita. Orang asing juga berminat untuk datang bekerja dengan kita dan sebagainya. Akan tetapi kita sebagai rakyat Malaysia yang cinta kepada negara ini harus mempertahankannya dengan baik. Yang Berhormat Seremban, sokonglah dengan hebatnya rang undang-undang ini.

**Seorang ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Apa? You kata apa?

**Seorang ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Janganlah ganggu ya. Saya kata sokonglah dengan rang undang-undang ini dan terima kasih kepada semua.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Kita selamatkan Malaysia dari kleptocrat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

***[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]***

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) mempengerusikan Jawatankuasa]*

#### Fasal-fasal 1 hingga 6 –

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Fasal-fasal 1 hingga 6 jadi sebahagian daripada rang undang-undang. Oh, ada bangun. Baik, Yang Berhormat Kuala Krai.

#### 7.06 mlm.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Tuan Pengerusi, tutup Dewan. Cakap pun tidak boleh.

**Seorang Ahli:** Ini cara barisanlah ini.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Tuan Pengerusi, saya hanya ingin menyebut mengenai seksyen 5D mengenai pendaftaran ke dalam Pasukan Kadet Maritim Malaysia. *"Bagi seorang pelajar yang berumur di bawah 30 tahun."* Jadi, kita tidak ada floor dia ya umur berapa tahun. Cuma tadi saya ada mendengar Yang Berhormat Menteri kata mesti umur lebih daripada 18 tahun. Itu Sukarelawan ya? Kadet pun sebut begitu tadi. Jadi saya hendak tahu, umur 18 tahun ini sekolah tingkatan berapa sekarang ini? Tingkatan Enam sahaja. Kita dulu masuk kadet tentera lagi hebat. Kadet Tentera Tingkatan Satu umur 13 tahun sudah masuk Kadet Tentera, Kadet Bomba dan kadet sebagainya. Jadi kalau 18 tahun, pelajar-pelajar menengah rendah dan menengah atas kecuali Tingkatan Enam sahaja yang boleh masuk, yang lain tidak boleh masuk. Jadi apa sebenarnya hajat Yang Berhormat Menteri membentuk kadet ini? Adakah untuk budak sekolah betul-betul atau untuk budak-budak universiti sahaja atau untuk tadi seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Parit Sulong, lepasan PLKN? Saya hendak minta penjelasan itu satu sahaja. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sila, Yang Berhormat Menteri.

**7.08 mlm.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim]:** Kita menyebut bahawa perkataan 18 tahun itu kalau mereka Tingkatan Enam, Tingkatan Enam lah. Tidak apalah, tentera dengan polis semua, bomba mereka mengambil umur yang telah ditetapkan. Kami ambil umur 18 tahun. Jadi pelajar Tingkatan Enam, mungkin juga pelajar universiti dan juga PLKN. Jadi itu bahagian yang kami hendak uruskan, kita hendak pastikan bahawa mereka ini sudah berada di umur yang matang ya.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pokok Sena bangun. Hendak bagi Yang Berhormat?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Saya agak keliru sikit dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri sebab kalau kita baca seksyen 5D ini, disebut bahawa (a) itu ialah tertakluk kepada Akta Pendidikan, dia adalah seorang murid yang menjalani pelajaran sepenuh masa di mana-mana sekolah menengah. Mana-mana sekolah menengah dia tidak sebut umur. Umur itu dia adalah seorang pelajar. Kemudian dia sebutlah pusat pengajian dan sebagainya. Kemudian umur itu disebut di bawah itu, seksyen 5D, yang berumur di bawah 30 tahun. Di bawah 30 tahun maknanya bukan 18 tahunlah. Maknanya di bawah 18 tahun pun boleh— sekolah menengah. Jadi, saya pun hairan. Yang Berhormat Menteri pun jadi keliru. Yang *duk* sebut umur 18 tahun, sedangkan dalam ini ia tidak sebut *had* kadet itu, pegawai kadet itu, anggota pasukan kadet itu berumur 18 tahun ke atas.

**■1910**

Sukarelawan ya, 18 tahun ke atas. Akan tetapi ini dia tidak lebih daripada 30 tahun bermakna bahawa orang yang berumur 20 hingga 29 tahun itu cikgu kadet dia anggota pasukan kadet lah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Menteri

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat bercakap itu betul. Saya perasan dia tanya fasal sukarelawan. Jadi Yang Berhormat sebut fasal kadet ya, jadi sukarelawan 18 tahun. Akan tetapi fasal kadet ini walaupun dia umurnya tidak disebut Yang Berhormat, tetapi buat sementara waktu kita kena ingat bila kita tubuhkan kadet ini yang melibatkan semua sekolah, jadi kita akan berbincang dengan Menteri Pendidikan di mana yang wajar yang harus kita beri perhatian ya.

Jadi umur ini – kalau umur sukarelawan 18 tahun, Yang Berhormat. Jadi bagi kadet ini sebenarnya walaupun tidak ada *had* umur, tetapi kita akan bincang dengan Menteri Pendidikan tentang umur yang sewajarnya. So, kalau ada tersilap saya minta maaf. Akan tetapi Yang Berhormat telah merujuk perkara 5B tadi, 5B ini adalah sukarelawan bukan kadet, sukarelawan. Sebut D? *Very good.* Yang Berhormat telah menyebut kalau D betul lah 30 tahun ke bawah.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Tuan Pengerusi, sebab Yang Berhormat Menteri menyebut dalam menggulung tadi kedua-duanya kadet dan juga sukarelawan 18 tahun ke atas itu yang saya bangkitkan tidak ada di sini.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Kalau saya tersebut yang itu anggaplah yang betul itu ialah yang tertulis di sini sebab apa...

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Jadi bukan sekolah menengah Tingkatan 6 sahaja lah ya? Semua? Tingkatan 1.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Jadi Yang Berhormat tentang kita kena ingat kadet dengan sukarelawan ini dua entiti yang berlainan. Jadi sukarelawan ini dia lebih berada di barisan hadapan, kadet ini adalah sekolah. Seperti yang saya baca dalam usul tadi itulah jawapannya. Jadi saya harap Yang Berhormat berpuas hati dengan hebatnya dan jangan lah timbul apa-apa perkara di belakang nanti.

*[Fasal-fasal 1 hingga 6 diperintahkan jadi sebahagian rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

***[Majlis Mesyuarat bersidang semula]***

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Datuk Halimah binti Mohd. Sadique) dan diluluskan]*

## RANG UNDANG-UNDANG SISTEM INSURANS PEKERJAAN 2017

### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

#### 7.14 ptg.

**Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Richard Riot anak Jaem]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Sistem Insurans Pekerjaan 2017 iaitu suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi sistem insurans pekerjaan yang ditadbir oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial untuk menyediakan faedah-faedah tertentu dan program penempatan pekerjaan semula kepada orang berinsurans sekiranya berlaku kehilangan pekerjaan yang akan menggalakkan dasar pasaran buruh aktif dan bagi perkara yang berkaitan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, pada 1 Ogos 2017 dalam sesi persidangan Parlimen yang lalu, Rang Undang-undang Sistem Insurans Pekerjaan (RUU SIP 2017) yang terdahulu telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini untuk bacaan kali pertama.

Walau bagaimanapun, atas keperluan bagi mengadakan sesi libat urus bersama pihak berkepentingan bacaan kali kedua rang undang-undang tersebut telah ditangguhkan dalam sesi libat urus khas yang diadakan pada 10 Ogos 2017. Kedua-dua pihak berkepentingan utama dalam rang undang-undang ini iaitu pihak pekerja dan majikan telah bersetuju untuk mengurangkan kadar caruman sistem insurans pekerjaan mengambil kira

permuaafakatan pihak pekerja dan majikan ini Rang Undang-undang Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) 2017 yang terdahulu telah ditarik balik pada 23 Oktober 2017 iaitu semalam bagi membolehkan pindaan sewajarnya dimasukkan dalam Rang Undang-undang SIP 2017 yang baru. Selanjutnya, RUU SIP 2017 baharu telah dibacakan buat kali yang pertama di Dewan yang mulia ini pada 23 Oktober 2017.

Tuan Yang di-Pertua, sistem insurans pekerjaan atau ringkasnya SIP merupakan program jaringan keselamatan sosial yang terdiri daripada dua komponen utama iaitu satu, insurans pekerjaan dan dua, perkhidmatan pekerjaan.

Insurans pekerjaan membantu pekerja yang kehilangan pekerjaan dengan menyediakan faedah-faedah berbentuk bantuan kewangan sementara. Perkhidmatan pekerjaan pula, menyediakan bantuan carian pekerjaan, penempatan pekerjaan, kaunseling kerjaya, program latihan dan lain-lain kepada orang berinsurans yang kehilangan pekerjaan bagi membantu mereka mendapatkan pekerjaan baru. Kerajaan telah mengkaji cadangan pelaksanaan SIP secara komprehensif daripada pelbagai sudut. Majlis Penasihat Ekonomi Negara dalam Model Baru Ekonomi yang diterbitkan pada tahun 2010 telah mencadangkan pelaksanaan SIP sebagai satu daripada lima langkah dasar yang penting bagi merealisasikan transformasi tempat kerja atau dalam bahasa Inggerisnya *work place transformation*.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2010 kerajaan telah melantik Pertubuhan Buruh Antarabangsa atau *International Labour Organisation* untuk menjalankan kajian terperinci berkaitan SIP dalam tiga aspek utama iaitu perundangan, kerangka operasi dan aktuari. Pelaksanaan kajian ini melibatkan *tripartite project committee* yang dianggotai oleh wakil kerajaan, wakil pekerja dan wakil majikan.

#### ■1920

Kementerian Sumber Manusia seterusnya telah membentangkan cadangan pelaksanaan SIP kepada kerajaan melalui Jawatankuasa Perancangan Pembangunan Negara, Majlis Ekonomi dan juga Jemaah Menteri. Secara amnya Tuan Yang di-Pertua, tiga pertimbangan utama kerajaan dalam melaksanakan SIP adalah seperti berikut.

Pertama, menambah baik perlindungan keselamatan sosial sedia ada bagi pekerja kehilangan pekerjaan peruntukan sedia ada berkaitan faedah penamatan kerja dinyatakan di bawah Akta Kerja 1955, Ordinan Buruh (Sabah Bab 67) dan Ordinan Sarawak (Sarawak Bab 76). Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, liputan ketigatiga perundangan ini adalah hanya kepada pekerja sektor swasta yang bergaji sehingga RM2,000 di Semenanjung Malaysia dan RM2,500 bagi Sabah dan Sarawak atau pekerja manual tanpa mengira had gaji.

Undang-undang ini Tuan Yang di-Pertua juga menetapkan jumlah faedah penamatan pekerja mengikut tempoh perkhidmatan dengan majikan yang sama menyebabkan pekerja yang berkhidmat kurang daripada lima tahun sebelum diberhentikan akan menerima faedah penamatan secara *lump sum* yang tidak mencukupi

untuk menampung perbelanjaan selepas diberhentikan. Di samping itu terdapat kes pekerja diberhentikan tidak mendapat pampasan apabila majikan melarikan diri dalam bahasa Inggeris *abscond*, syarikat mengalami likuidasi ataupun muflis.

Bagi pekerja yang tidak diliputi oleh ketiga-tiga perundingan tadi pula, mereka tertakluk kepada kontrak perkhidmatan atau boleh diliputi oleh perjanjian kolektif berkaitan dengan faedah penamatan kerja. Sekiranya kontrak perkhidmatan atau perjanjian kolektif tidak mengandungi apa-apa terma faedah penamatan pekerja, majikan tidak berkewajipan untuk membayar faedah penamatan jika pekerja tersebut diberhentikan kerja. Dalam erti kata lain, faedah penamatan kerja sedia ada tidak meliputi semua golongan pekerja sektor swasta berbanding dengan cadangan SIP yang akan merangkumi semua pekerja tempatan dalam sektor swasta.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, bagi membantu pekerja yang kehilangan pekerjaan khususnya jika berlaku kegawatan ekonomi. Sebagai sebuah negara perdagangan yang semakin berintegrasi dengan rantaian ekonomi global, risiko pendedahan kepada impak kejatuhan ekonomi tidak dapat dielakkan. Walaupun kadar pengangguran kekal stabil di bawah 4 peratus semasa krisis kewangan Asia dan sub prima Amerika Syarikat, bilangan pemberhentian pekerja yang dilaporkan ke Jabatan Tenaga Kerja atau JTK di bawah Kementerian Sumber Manusia meningkat secara mendadak.

Krisis kewangan Asia dan sub prima Amerika Syarikat masing-masing menyebabkan pemberhentian pekerja lebih daripada 120,000 dan 155,000 orang. Pada tahun 2015, lebih 44,000 orang kehilangan pekerja yang antara lain berpunca daripada langkah automasi dalam sektor kewangan penstruktur syarikat, kejatuhan harga minyak mentah di pasaran dunia dan kestabilan mata wang ringgit. Pada tahun 2016 pula lebih kurang 38,000 orang kehilangan pekerjaan dengan majoriti pemberhentian berlaku dalam sektor pembuatan, perdagangan, borong dan runcit, kewangan dan insurans takaful dan perlombongan serta pengkuarian.

Walau bagaimanapun, jumlah sebenar pekerja diberhentikan dianggarkan lebih tinggi memandangkan tidak semua majikan atau pekerja yang diberhentikan melaporkan pemberhentian. Statistik ini juga tidak termasuk pekerja yang dikurangkan gaji, diberi cuti sementara atau *temporary layoff* atau pekerja yang ditawarkan pakej persaraan awal. Ketiga, SIP sebagai penstabil dan perangsang ekonomi, semasa kegawatan ekonomi faedah SIP akan bertindak sebagai penstabil ekonomi dengan menyediakan pendapatan asas kepada pekerja kehilangan pekerjaan seterusnya menyokong perbelanjaan pengguna.

Semasa pertumbuhan ekonomi yang normal pula, SIP dijangka mengurangkan keperluan simpanan berjaga-jaga dalam bahasa Inggeris *precautionary savings* di kalangan pekerja kerana mereka dilindungi jika berlaku pemberhentian. Ini akan membantu menstabilkan perniagaan dan perancangan aktiviti ekonomi seterusnya membantu komuniti perdagangan.

Tuan Yang di-Pertua, tambahan pula kemunculan pelbagai *disruptive technologies* yang dibawa oleh revolusi perindustrian keempat atau *Fourth Industrial Revolution in short IR4* dijangka turut memberi kesan kepada ekonomi dan pasaran buruh. Menurut Forum Ekonomi Dunia (IR4) dan perubahan sosioekonomi serta demografi yang lain dijangka menyebabkan kehilangan lebih dari lima juta pekerjaan di 15 buah negara maju dan membangun dalam tempoh lima tahun mendatang. Sehubungan dengan itu, kerajaan telah mengambil inisiatif untuk merangka Rang Undang-undang Sistem Insurans Pekerjaan 2017 bagi melaksanakan SIP sebagai suatu skim keselamatan sosial untuk pekerja dan majikan serta ekonomi negara amnya.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, Rang Undang-undang Sistem Insurans Pekerjaan 2017 mengandungi 10 bahagian, 90 fasal dan empat jadual dengan huraian seperti berikut:

- (i) Bahagian I. Permulaan mengandungi fasal 1 hingga 3. Bahagian satu memperuntukkan tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa, pemakaian dan tafsiran istilah-istilah yang digunakan;
- (ii) Bahagian II. Pentadbiran sistem insurans pekerjaan mengandungi fasal 4 hingga 7. Bahagian II memperihalkan tentang penubuhan SIP yang ditadbir oleh PERKESO, punca kuasa-kuasa lembaga PERKESO, pelantikan ketua pengarah dan timbalan ketua pengarah, kuasa PERKESO memegang harta serta perjalanan kuasa dan fungsi PERKESO.
- (iii) Bahagian III. Jawatankuasa mengandungi fasal 8 hingga fasal 12. Bahagian ini memperuntukkan penubuhan jawatankuasa SIP dan kuasa lembaga menubuhkan jawatankuasa lain, kelayakan dan pemberhentian keanggotaan serta penzahiran kepentingan anggota jawatankuasa;
- (iv) Bahagian IV. Pendaftaran dan caruman mengandungi fasal 13 hingga 26. Bahagian empat memperuntukkan berkaitan pendaftaran majikan dan pekerja, kewajipan membayar caruman dan hal-hal lain berkaitan pembayaran caruman;
- (v) Bahagian V. Faedah mengandungi fasal 27 hingga fasal 43. Bahagian ini memperuntukkan prosedur tuntutan faedah, penentuan kehilangan pekerjaan, syarat kelayakan caruman, faedah-faedah yang diberikan dan hal-hal lain berkaitan pembayaran faedah serta orang berinsurans atau OB;

#### ■1930

- (v) Bahagian VI, Program Penempatan Pekerja Semula mengandungi fasal 44 dan fasal 45 yang memerihalkan tentang

Program Penempatan Pekerja Semula dan kuasa PERKESO untuk menubuhkan pusat atau institusi bagi melaksanakan program ini;

- (vi) Bahagian VII, peruntukan kewangan, mengandungi fasal 46 hingga fasal 58. Bahagian 7, memperuntukkan penubuhan Kumpulan Wang Insurans Pekerjaan (KWIP) dan Perbelanjaan KWIP. Kuasa, tanggungjawab dan kewajipan PERKESO dalam hal berkaitan kewangan;
- (vii) Bahagian VII, Jemaah Rayuan Keselamatan Sosial. Jemaah Rayuan Keselamatan Sosial pula mengandungi fasal 59 hingga fasal 66. Bahagian ini memperuntukkan perkara yang boleh diputuskan oleh Jemaah Rayuan Prosiding, kuasa Jemaah Rayuan, perwakilan dalam prosiding, rujukan kepada Mahkamah Tinggi, Rayuan dan penggantungan pembayaran;
- (viii) Bahagian IX, iaitu pegawai perkhidmatan pekerjaan, penguatkuasaan dan penyiasatan mengandungi fasal 67 hingga fasal 77. Bahagian ini memperuntukkan pelantikan dan kewajipan pegawai perkhidmatan pekerjaan, kuasa mereka, kuasa memeriksa latihan, kuasa penguatkuasaan, pemeriksaan, penyiasatan dan kuasa-kuasa yang berkaitan;
- (ix) Bahagian X. Am mengandungi fasal 78 hingga fasal 90. Bahagian ini memperuntukkan penyimpanan rekod, perlantikan ejen pemungut, kuasa menuju atau mentadbir, kuasa menteri membuat pengecualian, meminda jadual dan membuat peraturan, kajian semula SIP dan kuasa-kuasa lain;
- (x) Jadual Pertama memperlihatkan tentang senarai orang yang dikecualikan daripada pemakaian rang undang-undang ini.  
Jadual Kedua, memperuntukkan kadar caruman berdasarkan gaji, anggapan bulanan yang dinyatakan dalam Bahagian 1, Bahagian 2, Bahagian 3 dan Bahagian 4 bagi caruman majikan dan juga pekerja.  
Jadual Ketiga, memperuntukkan kadar bagi setiap faedah yang dicadangkan di bawah rang undang-undang ini.  
Jadual Keempat, menggariskan syarat kelayakan caruman bagi setiap tuntutan dan tempoh pembayaran elau mencari pekerjaan yang bergantung kepada turutan tuntutan daripada tuntutan pertama sehingga tuntutan kedua belas.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya akan menjelaskan fasal-fasal penting dalam rang undang-undang ini.

Fasal 2, memperuntukkan bahawa rang undang-undang ini, terpakai kepada semua perusahaan yang mempunyai satu orang atau lebih pekerja. Dalam konteks pemakaian ini, pekerja merujuk kepada pekerja warganegara Malaysia dan pemastautin tetap. Semua majikan sektor swasta yang mempunyai seorang pekerja atau lebih akan bertanggungjawab atau *liable* untuk menginsuranskan pekerja mereka. Rang undang-undang SIP 2017, terpakai kepada semua pekerja termasuk pekerja separa masa atau *part-time* berasaskan Kontrak Perkhidmatan atau *Contract of Service* tanpa mengira jumlah gaji yang diterima sama ada gaji harian, gaji mingguan mahupun gaji bulanan.

Golongan yang dikecualikan daripada pelaksanaan SIP termasuklah penjawat awam, perkhidmatan domestik atau *domestic workers* dan yang bekerja sendiri atau *self-employed*. Senarai penuh golongan orang yang dikecualikan daripada pemakaian SIP adalah seperti dalam jadual pertama rang undang-undang.

Fasal 84, memberi kuasa kepada menteri untuk meminda Jadual Pertama ini.

Tuan Yang di-Pertua, Bab 1 rang undang-undang ini memperuntukkan tafsiran dalam 31 perenggan. Antara tafsiran utama termasuklah:

- (i) Bilangan caruman bulanan yang dikehendaki. Ertinya, bilangan caruman bulanan yang dibayar kepada yang dibayar berkenaan dengan orang yang berinsurans tanpa mengira sama ada caruman dibuat dalam bulan atau berturut-turut atau tidak sebagai mana yang dinyatakan dalam Jadual Keempat;
- (ii) Elaun Bekerja Semula Awal. Ertinya, suatu insentif yang dibayar sekali gus kepada Orang Berinsurans (OB) kerana menerima satu tawaran pekerjaan daripada mana-mana majikan dan memulakan pekerjaan itu dalam tempoh menunggu atau tempoh menerima elaun mencari pekerjaan pada kadar sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga;
- (iii) Elaun Latihan. Elaun latihan, ertinya, suatu bayaran bulanan kepada Orang Berinsurans (OB) bagi suatu tempoh tidak lebih daripada enam bulan kerana menghadiri apa-apa latihan di Malaysia yang diberikan oleh pemberi latihan. Tempoh pembayaran faedah ini tergantung kepada tempoh elaun mencari pekerjaan yang diterima oleh Orang Berinsurans (OB);
- (iv) Elaun Mencari Pekerjaan. Ertinya, suatu bayaran bulanan bagi tempoh tiga hingga enam bulan berturut-turut untuk membantu Orang Berinsurans (OB) yang telah kehilangan pekerjaannya dalam tempoh dia mencari satu pekerjaan;
- (v) Elaun Pendapatan Berkurangan. Ertinya, suatu bayaran sekali gus untuk membantu Orang Berinsurans yang mempunyai dua

- atau lebih pekerjaan dan telah kehilangan satu atau lebih pekerjaannya;
- (vi) Faedah. Faedah ertinya, elaun mencari pekerjaan, elaun bekerja semula awal, elaun pendapatan berkurangan, elaun latihan dan fi latihan. Tafsiran ini menetapkan faedah-faedah yang dinikmati oleh Orang Berinsurans (OB) sekiranya kehilangan pekerjaan;
  - (vii) Syarat Kelayakan Caruman. ertinya, bilangan caruman bulanan yang dikehendaki sepanjang suatu tempoh kelayakan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Keempat. Tafsiran ini, Tuan Yang di-Pertua menetapkan bilangan caruman yang diperlukan oleh Orang Berinsurans (OB) untuk mendapat faedah elaun mencari pekerjaan antara tiga hingga enam bulan; dan
  - (viii) Tempoh Kelayakan. Tempoh kelayakan ertinya suatu tempoh yang terdiri daripada bilangan bulanan berturut-turut yang tertentu sebaik sebelum kehilangan pekerjaan berkenaan dengan OB sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Keempat.

Tuan Yang di-Pertua, fasal 4, memperuntukkan penubuhan suatu skim keselamatan sosial yang dinamakan Sistem Insurans Pekerjaan dan PERKESO sebagai pentadbir sistem ini. Bagi maksud pentadbir sistem ini, PERKESO memberi kuasa kepada Lembaga PERKESO yang ditubuhkan di bawah seksyen 59(b) Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan 1969 [Akta 4]. Ini bermakna, fungsi dan peranan Lembaga PERKESO sedia ada akan dikembangkan bagi meliputi tadbir urus skim insurans pekerjaan.

Fasal 4 Tuan Yang di-Pertua, memperuntukkan penubuhan Jawatankuasa Insurans Pekerjaan yang berfungsi menasihati Lembaga tentang semua perkara berkaitan SIP termasuk kadar pencaruman dan faedah serta berkaitan pelaburan KWIP. Pengerusi Lembaga dan Ketua Pengarah PERKESO masing-masing dilantik sebagai Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Jawatankuasa ini.

Selaras dengan prinsip *tripartisme*, keanggotaan Jawatankuasa Insurans Pekerjaan terdiri daripada wakil-wakil kerajaan, kesatuan kerja dan persatuan majikan.

#### **■1940**

Jawatankuasa ini dikukuhkan lagi dengan pelantikan anggota-anggota lain yang mempunyai pengalaman, pengetahuan dan kepakaran yang relevan dengan fungsi dan peranan jawatankuasa.

Fasal 9 rang undang-undang ini memberi kuasa kepada Lembaga untuk menubuhkan apa-apa jawatankuasa yang difikirkan perlu untuk membantu Lembaga melaksanakan fungsinya.

Fasal 14 menghendaki majikan mendaftar perusahaannya dalam tempoh 30 hari dari tarikh perusahaannya terpakai kepada akta ini. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan majikan dikenakan denda tidak melebihi RM10,000 atau dipenjarakan tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Walau bagaimanapun, fasal 15 memperuntukkan sekiranya majikan telah mendaftar di bawah Akta 4, perusahaan mereka disifatkan telah didaftarkan pada tarikh rang undang-undang ini mula berkuat kuasa. Majikan ini tidak perlu mendaftar perusahaan sekali lagi dengan PERKESO bagi pelaksanaan SIP. Ini antara lain bertujuan memudahkan urusan perniagaan dan pentadbiran.

Fasal 16 rang undang-undang pula menghendaki setiap majikan yang diliputi oleh rang undang-undang ini untuk mendaftar dan menginsuranskan pekerja seperti berikut:

- (i) bagi pekerja yang diambil bekerja pada atau sebelum tarikh perusahaan didaftarkan di bawah seksyen 14, pada tarikh yang sama perusahaan didaftarkan; dan
- (ii) bagi pekerja yang diambil bekerja selepas tarikh perusahaan majikan didaftarkan, sama ada melalui seksyen 14 atau 15 dalam masa 30 hari dari tarikh pekerja memasuki pekerjaan.

Fasal 17 memperuntukkan pekerja yang telah didaftarkan di bawah Akta 4 sebelum tarikh kuat kuasa undang-undang ini hendaklah disifatkan telah didaftar pada tarikh rang undang-undang ini berkuat kuasa. Rang undang-undang ini terpakai kepada semua pekerja tanpa mengira jumlah gaji yang diterima. Jika pekerja dibayar gaji melebihi RM4,000 sebulan, gaji mereka hendaklah disifatkan sebagai RM4,000 bagi maksud siling caruman sebagaimana amalan sedia ada di bawah Akta 4 iaitu di bawah PERKESO.

Tuan Yang di-Pertua, fasal 18 memperuntukkan mengenai caruman yang kena dibayar bagi seseorang pekerja yang terdiri daripada caruman majikan dan caruman pekerja.

Dalam hal ini, seseorang pekerja yang bekerja dengan dua atau lebih majikan, dalam bahasa Inggeris, *multiple employers*, dengan izin, fasal 19 menghendaki supaya setiap majikan membayar caruman untuk pekerja tersebut secara berasingan. Menurut fasal 18(2), caruman yang kena dibayar adalah mengikut kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 1 Jadual Kedua. Kadar caruman ini adalah berdasarkan dengan 0.4 peratus daripada gaji yang diinsuranskan iaitu 0.2 peratus daripada majikan dan 0.2 peratus daripada pekerja. Sebagaimana diperuntukkan dalam fasal 18(3), Menteri boleh menentukan kadar caruman mengikut Bahagian I, II, III atau IV dalam Jadual Kedua bagi tempoh setiap tiga tahun atau lebih setelah mengambil kira kemampuan dana.

Kadar caruman dalam Bahagian II, III dan IV masing-masing berdasarkan 1.2 peratus dan 1.5 peratus daripada gaji yang diinsuranskan. Kerajaan menentukan keempat-empat kategori kadar caruman tersebut setelah meneliti model simulasi kewangan SIP

dengan mengambil kira keperluan untuk mempunyai dana yang mampan untuk satu tempoh yang panjang.

Saya ingin menegaskan, Tuan Yang di-Pertua, bahawa walaupun kerajaan melalui Menteri boleh menentukan kadar caruman mengikut bahagian-bahagian Jadual Kedua, ia hanya akan dilakukan setelah melalui proses-proses tertentu. Antaranya termasuk:

- (i) kajian aktuari;
- (ii) libat urus dengan pihak berkepentingan;
- (iii) syor oleh jawatankuasa insurans pekerjaan; dan
- (iv) persetujuan Lembaga PERKESO.

Jawatankuasa dan Lembaga PERKESO merupakan badan *tripartite*— itu penting— dengan keanggotaan daripada kerajaan, pekerja dan majikan. Selain itu, Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini memperuntukkan sebarang perubahan pada kadar caruman hendaklah melalui perintah yang disiarkan melalui warta. Ini bermakna ia perlu melalui pelbagai peringkat yang telah ditetapkan oleh kerajaan sebelum boleh dikemukakan untuk persetujuan Jemaah Menteri. Jelasnya, Tuan Yang di-Pertua, pertimbangan daripada pelbagai aspek hendaklah dibuat jika terdapat keperluan untuk mengubah kadar caruman SIP pada masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, masih panjang lagi. Menurut fasal 27, apabila seseorang orang berinsurans (OBI) menganggap dia telah kehilangan pekerjaan ataupun kontrak perkhidmatannya ditamatkan, orang berinsurans hendaklah membuat tuntutan faedah kepada PERKESO dalam tempoh 60 hari dari tarikh kehilangan pekerjaan atau penamatan kontrak perkhidmatan. PERKESO seterusnya akan menentukan tarikh sebenar kehilangan pekerjaan sama ada kehilangan pekerjaan itu tertakluk kepada pemakaian rang undang-undang ini.

Menerusi fasal 30(1), kehilangan pekerjaan berlaku jika kontrak perkhidmatan orang berinsurans (OBI) ditamatkan atau menjadi tidak sah disebabkan oleh apa-apa sebab selain yang berikut:

- (i) peletakan jawatan secara sukarela oleh orang berinsurans itu;
- (ii) kontrak perkhidmatan orang berinsurans yang telah tamat tempoh;
- (iii) pemberhentian kontrak perkhidmatan atau persetujuan bersama tanpa terma dan tanpa syarat;
- (iv) penyiapan kerja mengikut terma kontrak perkhidmatan;
- (v) persaraan orang berinsurans; atau
- (vi) penamatan kontrak perkhidmatan orang berinsurans kerana salah laku.

Frasa “*menjadi tidak sah*” dalam fasal 30(1) menunjukkan keadaan di luar kawalan pekerja atau majikan yang menyebabkan suatu kontrak perkhidmatan tidak dapat dilaksanakan atau terbatal. Antaranya disebabkan oleh majikan tidak sah dari segi undang-undang, bencana alam, kekecohan awam dan sebagainya.

Fasal 30(2) menerangkan maksud peletakan jawatan secara sukarela sebagai perbuatan oleh orang berinsurans untuk menamatkan kontrak perkhidmatannya dengan majikan pada bila-bila masa dalam tempoh kontrak perkhidmatan.

Walau bagaimanapun, peletakan jawatan secara sukarela tidak termasuk perkara-perkara yang dinyatakan dalam perenggan 30(2)(a) hingga (e) seperti berikut:

- (i) peletakan jawatan di bawah skim pemisahan sukarela dengan persetujuan bersama majikan dan orang berinsurans berdasarkan syarat-syarat tertentu;
- (ii) peletakan jawatan terjumlah pada pemecatan terancang atau *constructive dismissal* atau peletakan jawatan kerana pelanggaran undang-undang terma dan syarat kontrak perkhidmatan oleh majikan;

**■1950**

- (iii) peletakan jawatan kerana apa-apa ancaman kepada orang berinsurans atau keluarga orang berinsurans atau gangguan seksual terhadap orang berinsurans;
- (iv) peletakan jawatan kerana arahan oleh majikan, untuk melaksana kerja di luar skop kerja yang membahayakan kesihatan dan keselamatan OB atau orang berinsurans; atau
- (v) peletakan jawatan kerana penutupan kerja atau tempat kerja tidak beroperasi akibat situasi bencana.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara di bawah fasal 30(1), (a) hingga (f) ini hendaklah terangkum sebagai kehilangan pekerjaan di bawah pengertian rang undang-undang ini. Antara lain bertujuan untuk mengelakkan *morale hazards*, penipuan mahupun eksploitasi kontrak perkhidmatan. Ia juga bertujuan mengelak pihak tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan dan melakukan pembuangan pekerja sewenang-wenangnya tanpa alasan yang munasabah. Saya juga ingin menekankan bahawa hak pekerja di bawah undang-undang perburuhan lain tetap terpelihara.

Fasal 31, membolehkan PERKESO untuk menentukan kehilangan pekerjaan orang berinsurans telah berlaku atau tidak. PERKESO boleh merujuk pada mana-mana agensi kerajaan lain yang mempunyai kuasa undang-undang dalam mengesahkan suatu kehilangan pekerjaan seperti Jabatan Tenaga Kerja dan Jabatan Perburuhan Perusahaan.

Fasal 32 dan fasal 33 memerihalkan tentang penentuan syarat kelayakan caruman dan kelulusan tuntutan untuk faedah setelah PERKESO mengesahkan orang berinsurans kehilangan pekerjaan. PERKESO perlu menentukan pada tarikh orang berinsurans kehilangan pekerjaan sama ada;

- (i) OB memenuhi syarat kelayakan caruman yang dinyatakan di dalam Jadual ke-4; dan

- (ii) OB atau Orang Berinsurans belum mencapai umur persaraan minimum.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya OB memenuhi syarat kelayakan caruman, PERKESO hendaklah menentukan faedah yang boleh diberikan pada OBI berdasarkan rang undang-undang ini seperti berikut:

- (i) elaun mencari pekerjaan di fasal 34;
- (ii) elaun bekerja semula awal di fasal 35;
- (iii) elaun pendapatan berkurang di fasal 36; dan
- (iv) elaun latihan dan fi latihan di fasal 37.

Fasal 34, memperuntukkan bahawa PERKESO hendaklah membayar elaun mencari pekerjaan ataupun EMP kepada orang berinsurans yang telah memenuhi syarat kelayakan caruman dan umur. Kadar elaun mencari pekerjaan ditetapkan secara menurun mengikut bulanan seperti mana Jadual Ketiga seperti berikut:

- (i) 85 peratus daripada GYD pada bulan pertama;
- (ii) 50 peratus daripada GYD pada bulan kedua;
- (iii) 40 peratus daripada GYD pada bulan ketiga dan keempat; dan
- (iv) 30 peratus daripada GYD pada bulan kelima dan keenam.

Tuan Yang di-Pertua, penetapan kadar EMP yang tinggi pada awal tempoh penerimaan faedah bertujuan untuk mengurangkan beban orang berinsurans yang kehilangan pekerjaan di peringkat awal kehilangan pekerjaan. Kadar EMP diturunkan dari bulan ke bulan bagi menggalakkan orang berinsurans yang kehilangan pekerjaan untuk aktif mencari pekerjaan semula. Tempoh penerimaan EMP, antara tiga hingga enam bulan bergantung pada syarat kelayakan caruman, dalam Jadual Keempat. Sebagai contoh, untuk tuntutan kali pertama, seorang OB hendaklah memenuhi syarat kelayakan seperti berikut:

- (i) 12 hingga 15 bulan caruman dalam tempoh 24 bulan secara berturut-turut bagi pembayaran EMP selama tiga bulan;
- (ii) 16 sehingga 19 bulan caruman dalam tempoh 24 tahun secara berturut-turut bagi pembayaran EMP selama empat bulan;
- (iii) 20 hingga 23 tahun caruman dalam tempoh 24 bulan secara berturut-turut bagi pembayaran EMP selama lima bulan; dan
- (iv) 24 bulan caruman dalam tempoh 24 bulan secara berturut-turut bagi pembayaran EMP selama enam bulan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk tuntutan yang berikutnya, bilangan caruman yang diperlukan dalam tempoh kelayakan adalah lebih lama daripada tuntutan sebelumnya. Umpamanya, orang berinsurans (OB) yang membuat tuntutan kali kedua memerlukan

syarat kelayakan antara 18 hingga 23 bulan dalam tempoh 36 bulan berturut-turut untuk melayakkan OB menerima EMP selama tiga bulan. Kaedah ini dikenali sebagai *loading factor*, dengan izin, yang bertujuan mengelakkan manipulasi terhadap tuntutan faedah, tuntutan bermusim yang berulang atau *repetitive seasonal claims* dan menangani *morale hazards*. Bagi menggalakkan kelakuan carian kerja yang positif atau *positive job seeking behavior*, dengan izin.

Fasal 35 rang undang-undang memperuntukkan pemberian elaun bekerja semula awal kepada orang berinsurans yang menerima tawaran pekerjaan dan melapor diri untuk bekerja dalam tempoh menunggu atau semasa menerima EMP. Kadar EBSA adalah 25 peratus daripada jumlah atau baki EMP sebagaimana dinyatakan dalam Jadual Ketiga.

Fasal 36 memperuntukkan OB yang mempunyai dua atau lebih pekerjaan dan telah kehilangan salah satu atau lebih pekerjaannya berhak menerima pendapatan berkurangan EKB yang dibayar secara pukal bagi kehilangan pekerjaan itu. Walau bagaimanapun, OB tidak berhak mendapat EMP, elaun latihan atau EBSA kerana masih bekerja dengan majikan lain. Kadar EKB adalah sama dengan kadar EMP sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga. Sekiranya orang berinsurans kehilangan semula pekerjaannya pada masa yang sama, dia berhak mendapat EMP bagi satu kehilangan pekerjaan dan EKB bagi kehilangan pekerjaan yang lain.

Fasal 37 memperuntukkan OB boleh memohon kepada PERKESO untuk menjalani latihan dan penyedia latihan yang diluluskan oleh PERKESO. Permohonan ini boleh dibuat sama ada:-

- (i) dalam tempoh OB menerima EMP;
- (ii) dalam tempoh tidak melebihi 12 bulan setelah tempoh OB menerima EMP; dan
- (iii) dalam tempoh enam bulan selepas menerima tawaran pekerjaan dan melapor diri untuk bekerja.

OB yang menjalani latihan berhak menerima EL mengikut kadar 25 peratus daripada GYD, dikira mengikut hari tertakluk kepada minimum RM10 dan maksimum RM20 sehari sebagaimana dinyatakan dalam Jadual Ketiga. Tempoh maksimum seseorang OB boleh menjalani latihan adalah bersamaan dengan tempoh bayaran EMP. PERKESO juga akan menanggung fi latihan yang dikenakan kepada OB, tertakluk kepada jumlah maksimum sebanyak RM4,000 sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga.

#### ■2000

Fasal 41 pula menyatakan PERKESO boleh menggantung apa-apa bayaran faedah bagi tempoh tidak lebih daripada 60 hari jika terdapat alasan yang munasabah bahawa OBI telah mengemukakan butir atau dokumen palsu, tidak benar atau tidak betul PERKESO boleh membuat siasatan semasa dalam tempoh penggantungan dan jika berpuas hati boleh menyambung semula pembayaran faedah jika OBI terbukti tidak

melakukan apa-apa perbuatan yang menyebabkan penggantungan tersebut. Fasal 43 rang undang-undang ini memperuntukkan apa-apa tuntutan faedah hendaklah tidak menjadi satu halangan kepada hak OBI di bawah undang-undang bertulis lain seperti berikut:

- (a) representasi untuk pemulihan kerja di bawah Akta Perhubungan Perusahaan 1967;
- (b) tuntutan untuk faedah penamatan dan henti kerja sementara di bawah Akta Kerja 1955 Ordinan Buruh (Sabah Bab 67), Ordinan Buruh (Sarawak Bab 76) dan aduan berkaitan persaraan pra masa di bawah Akta Umur Persaraan Minimum 2012.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya OBI membuat tuntutan untuk faedah di bawah rang undang-undang ini dan turut menuntut hak di bawah mana-mana rang undang-undang bertulis lain, PERKESO akan menangguhkan keputusan dan menentukan kehilangan pekerjaan sehingga tuntutan tersebut diselesaikan. Sebagaimana saya maklumkan awal tadi, Skim Insurans Pekerjaan (SIP) terdiri daripada kumpulan insurans pekerjaan dan komponen perkhidmatan pekerjaan. Komponen kedua ini digariskan dalam Bahagian VI iaitu program Penempatan Pekerjaan Semula.

Secara amnya Tuan Yang di-Pertua, program ini merangkumi perkhidmatan pekerjaan seperti carian kerja, kaunseling dan nasihat kerja, pemandanan pekerjaan atau *job based matching* dan latihan bagi membantu orang yang berinsurans yang kehilangan pekerjaan mendapat baharu atau kemahiran baharu. Program ini bertujuan membantu OBI yang kehilangan pekerjaan mendapat pekerjaan baharu secepat mungkin di samping menggalakkan latihan dan pembangunan kemahiran yang dapat menambah baik proses mendapatkan pekerjaan.

Oleh itu, fasal 44 memperuntukkan OBI yang membuat tuntutan untuk faedah dan telah ditentukan kehilangan pekerjaannya diwajibkan untuk mengikuti program penempatan pekerjaan semula dalam tempoh menunggu. Melalui program ini, orang berinsurans (OBI) dikehendaki mematuhi arahan PERKESO dan memenuhi kriteria boleh dan bersedia untuk bekerja dan mencari kerja secara aktif. Dalam bahasa Inggeris, *ready and available to work and actively seeking work* serta menjalani latihan seperti sekiranya diminta.

Tuan Yang di-Pertua, empat muka surat lagi minta izin untuk minum sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, semasa menjalani program ini PERKESO akan memaklumkan OBI jika terdapat pekerjaan yang sesuai. Sekiranya OBI menolak tawaran pekerjaan tanpa alasan yang munasabah, OBI tidak layak menerima faedah dan pembayaran faedah akan ditamatkan. Fasal 46 memperuntukkan penubuhan Kumpulan Wang Insurans Pekerjaan atau KWIP yang dikawal selia oleh PERKESO. KWIP terdiri

daripada caruman yang dibuat oleh pekerja dan majikan serta sumber-sumber lain yang dibenarkan. Ini termasuklah peruntukan RM52 juta yang telah disalurkan kepada PERKESO dalam Rancangan Malaysia ke-10 yang lalu dan tambah lagi RM70 juta yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa Sambutan Hari Pekerja Tahun 2017.

Tuan Yang di-Pertua, fasal 47 memperuntukkan perbelanjaan Kumpulan Wang Insurans Pekerjaan (KWIP) bagi perkara-perkara yang telah ditetapkan seperti untuk pembayaran faedah, pembayaran bagi program penempatan pekerjaan dan perbelanjaan, penilaian dan kajian impak SIP serta lain-lain yang dibenarkan. Fasal 48 pula membolehkan penggunaan KWIP bagi tujuan pentadbiran.

Fasal 50 menetapkan bahawa apa-apa wang yang tidak dikehendaki dengan segera untuk dibelanjakan boleh dilaburkan tertakluk kepada terma dan syarat yang ditubuhkan oleh Menteri setelah berunding dengan Menteri Kewangan bagi pelaburan yang telah ditetapkan. Prosedur dan kawalan kewangan atau pendepositkan untuk pelaburan hendaklah mendapat kelulusan Lembaga PERKESO selepas berunding dengan Menteri Kewangan.

Dalam fasal 52 hingga 58, terdapat peruntukan yang menetapkan penyediaan belanjawan anggaran tahunan, penyediaan penyata akaun termasuk kunci kira-kira dan akaun pendapatan dan perbelanjaan serta laporan dan aktiviti yang perlu dikemukakan kepada Menteri. Akaun PERKESO akan diaudit oleh Ketua Audit Negara mengikut kuasa-kuasa yang telah diberi dan salinan laporan juruaudit boleh dihantar kepada mana-mana jabatan kerajaan atas arahan Menteri kepada Lembaga PERKESO. Lembaga akan mengemukakan laporan tahunan dan akaun yang telah diaudit kepada Menteri seterusnya kepada Parlimen untuk pembentangan.

Selain itu, fasal 57 menetapkan kajian semula aktuari, boleh dijalankan mengenai pelaksanaan SIP setiap lima tahun melibatkan penilaian aset dan liabiliti. Laporan kajian semula tersebut hendaklah dikemukakan kepada Menteri. Menteri juga boleh mengarahkan supaya diadakan kajian semula aktuari dan penilaian aset-aset serta liabiliti pada bila-bila masa yang difikirkan perlu. Fasal 59 memperuntukkan kuasa kepada jemaah rayuan seperti mana yang ditubuhkan di bawah Akta 83 di bawah seksyen 83, Akta 4 untuk membuat keputusan mengenai persoalan, pertikaian, tuntutan atau rayuan berhubung SIP. Panel Jemaah Rayuan ini adalah sama seperti panel-panel di bawah Akta 4 yang terdiri daripada Pengerusi Mahkamah Perusahaan, wakil Kesatuan Majikan dan wakil Kesatuan Sekerja.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat fasal dan jadual-jadual dalam rang undang-undang ini yang memerlukan pindaan lanjut. Justeru, saya akan mencadangkan pindaan tersebut untuk dibahaskan di peringkat Jawatankuasa sebentar nanti. Sebagai kesimpulan Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan SIP merupakan satu elemen penting dalam memastikan pasaran buruh Malaysia kekal dinamik, efisien dan responsif kepada perubahan

persekitaran. Bagi golongan pekerja SIP memberi perlindungan dan jaminan pendapatan berterusan. Bantuan berterusan untuk pencarian dan penempatan pekerjaan dan mengurangkan kepada simpanan kepada berjaga-jaga atau *precautionary savings*.

#### ■2010

Bagi OB yang telah kehilangan pekerjaan, SIP dapat mengurangkan kesusahan dan kemiskinan. *I put a word and swearing that it is food on the table* dengan izin untuk menyara diri dan keluarga sementara mendapat pekerjaan baru. Mereka juga akan mempunyai peluang yang lebih baik untuk mendapatkan pekerjaan semula yang sesuai khususnya melalui peningkatan kemahiran, *upskilling* dan latihan semula, *reskilling* dengan jaminan pendapatan semasa mencari pekerjaan baru SIP kita percaya dapat mengurangkan tekanan dan masalah kesihatan dan mengelakkan masalah kewangan yang boleh menyebabkan konflik keluarga.

Bagi majikan, SIP dapat meningkatkan produktiviti syarikat melalui pekerja yang telah mengikuti kemahiran dan latihan semula. Majikan juga mempunyai lebih fleksibiliti untuk menyesuaikan perniagaan dengan perubahan struktur dan teknologi semasa. Di samping itu, SIP dapat mengurangkan tekanan kepada majikan sekiranya timbul keperluan mengurangkan kos, mengecilkan operasi ... ataupun muflis. Saya ingin menegaskan Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini, SIP bukan bertujuan untuk mewujudkan '*doll*' mentality di kalangan pekerja.

Rang Undang-undang SIP 2017 ini dirangka dengan mengambil kira keperluan untuk membantu pekerja kehilangan pekerjaan bekerja semula secepat mungkin. Kerajaan juga tidak berhasrat membebankan majikan dengan peningkatan kos menjalankan perniagaan. Kerajaan yakin manfaat dan kebaikan pelaksanaan SIP kepada ekonomi akan secara langsung menguntungkan pihak majikan. Reka bentuk dan pelaksanaan SIP akan sentiasa dikaji dan ditambah baik dari masa ke semasa bagi memastikan ia relevan dengan keperluan semasa dan dapat membentuk perlakuan dan sikap yang positif terhadap pasaran buruh supaya lebih produktif dan *pro employment*.

Sebagai kesimpulan, pelaksanaan SIP merupakan satu dasar yang akan memberi kesan positif yang signifikan secara jangka panjang kepada negara. Penambahbaikan sistem keselamatan sosial pekerja yang efisien dan komprehensif melalui pelaksanaan SIP ini akan menjadi Malaysia lebih bersedia menghadapi cabaran ekonomi dan arus perubahan semasa.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama yang tidak berbelah bagi dalam menjayakan RUU SIP 2017 ini khususnya kepada Yang Berhormat Dato' Sri Azalina binti Dato' Othman Said, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Berbahagia Tan Sri Peguam Negara serta pegawai-pegawai beliau.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ada sesiapa menyokong?

**Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi Sistem Insurans Pekerjaan yang ditadbir oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial untuk menyediakan faedah-faedah tertentu dan program penempatan pekerjaan semula kepada orang berinsurans sekiranya berlaku kehilangan pekerjaan yang akan menggalakkan dasar pasaran buruh yang aktif dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Berapa ramai? Saya had masa tidak melebihi 15 minit seorang. Yang Berhormat Tebrau.

#### **8.14 mlm.**

**Datuk Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana beri saya peluang ini. Perbahasan saya tidak akan panjang, saya hanya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri tentang beberapa perkara. Sebelum itu saya memang mengalu-alukan Rang Undang-undang Sistem Insurans Pekerjaan itu oleh kerana saya dapat bahawa di seluruh dunia tidak kurang daripada 15 buah negara yang sudah melaksanakan sistem yang serupa. Di antaranya, saya tidak akan sebut semua tetapi beberapa negara yang besar, Kanada, China, France, Germany, Japan, South Korea dan juga United States.

Maka saya juga dapat bahawa kadar yang kita kenakan, jumlah kadar yang di carum oleh majikan dan juga pekerja tidak melebihi 0.4 peratus. Itu merupakan yang paling rendah di antara negara-negara yang melaksanakan sistem yang serupa. Oleh kerana Argentina, jumlahnya 1.5 peratus, Bahrain - 3 peratus, Kanada - 4.39 peratus, Chile - 10.9 peratus, China - 3 peratus, France - 6.4 peratus, Germany - 3 peratus, Japan - 1.55 peratus, South Korea - 2.15 peratus, Thailand - 1.25 peratus, United States - 3.2 peratus dan Vietnam - 3 peratus. Jadi purata antarabangsa adalah tiga peratus tetapi kita punya tidak sampai setengah peratus pun.

Tuan Yang di-Pertua, saya hanya hendak minta penjelasan Yang Berhormat Menteri tentang cara memohon pampasan sekiranya ada pekerja yang kehilangan kerja. Adakah mereka kena pergi ke pejabat sumber manusia dengan sendiri ataupun boleh mohon *online*?

Kedua ialah berkenaan dengan tempoh 60 hari. Saya tidak tahu kenapa mesti tetapkan tempoh 60 hari. Adakah ini bermaksud kalau mereka tidak tuntut dalam tempoh

60 hari, mereka akan hilang kelayakan? Apa yang saya takut ialah mungkin ada pekerja yang tidak sedar tentang skim itu dan tidak mohon. Jadi di samping ini, saya memang berharap bahawa pihak kementerian akan buat sesuatu untuk sebarkan ini dan pastikan pekerja-pekerja tahu tentang hak mereka di bawah SIP itu. Lebih baik lagi kalau sekiranya pejabat Yang Berhormat Menteri sedar tentang ada kilang besar yang tutup dan sebagainya, ambil usaha proaktif untuk jumpa dengan pekerja dan maklumkan kepada mereka.

Perkara yang berikut yang saya hendak tanya ialah, oleh kerana bekerja sendiri bukan dianggap bekerja, jadi mereka tidak perlu mengambil bahagian dalam SIP itu. Akan tetapi sekiranya ada orang yang *self-employed* tetapi mereka secara sukarela ingin menyertai skim SIP ini, adakah mereka itu dibenarkan?

Saya juga difahamkan bahawa peletakan jawatan secara sukarela tidak akan diberikan perlindungan tetapi ada pengecualian di bawah keadaan-keadaan yang tertentu. Pertama adalah ancaman kepada pencarum ataupun keluarga. Kedua, gangguan seksual. Ketiga, diarah oleh majikan melaksanakan kerja di luar skop kerja yang membahayakan kesihatan dan keselamatan pencarum khususnya dengan kes pertama dan kedua. Saya ingat ini kalau pekerja hendak, pencarum hendak buktikan dia kena melalui proses siasatan polis atau mungkin mahkamah. Jadi ini mungkin mengambil masa yang panjang. Adakah di dalam tempoh ini mereka tidak akan dapat sebarang faedah daripada skim SIP itu? Kadang-kadang pun susah hendak buktikan.

*Last but not least* Tuan Yang di-Pertua ialah berkenaan dengan kadar perpuluhan empat peratus. Saya difahamkan bahawa 0.4 peratus ini adalah perbincangan di antara tiga pihak, kerajaan, majikan dan pekerja dan semua sudah setuju.

#### ■2020

Akan tetapi saya dapati di jadual-jadual yang dipamerkan ada banyak yang jauh melebihi 0.4 peratus. Misalannya bagi gaji di antara RM500 hingga RM600, jadual itu panjang tetapi saya hanya memberikan satu dua contohlah. Sepatutnya kalau 0.4 peratus ialah di antara RM2.00 hingga RM2.40 tetapi bagi bahagian 1 okey, RM2.20 tetapi bahagian 2, RM5.50. Kalau RM5.50 sepatutnya gajinya RM1,375 dan bahagian 3 ialah RM6.60, itu sepatutnya gaji sudah RM1,650. Bahagian 4 lagi besar, RM8.30 yang sepatutnya RM2,075 tetapi ini adalah bagi mereka yang hanya bergaji di antara RM500 hingga RM600.

Satu lagi contoh ialah bagi kategori yang bergaji bulanan di antara RM1,000 hingga RM1100. Jadi kadar yang sepatutnya kalau ikut kiraan bulan 0.4 peratus ialah di antara RM4.00 hingga RM4.40 tetapi di caj di bahagian 1, RM4.20 ini okey munasabah. Akan tetapi di bahagian 2 RM10.50. Ini sepatutnya untuk gaji yang berjumlah RM2,655 dan bahagian 3 RM12.60 seolah-olah mereka sudah bergaji RM3,150. Bahagian 4 RM15.80, ini sepatutnya yang bergaji hampir RM4,000. Jadi ini jauh berbeza daripada

prinsip yang sudah dipersetujui oleh pihak majikan, kerajaan dan juga pekerja dan saya difahamkan bahawa ini juga sudah di setuju oleh pihak Kabinet.

Saya sebenarnya sudah tanya Presiden dan Timbalan Presiden saya dan mereka minta saya bangkitkan perkara ini. Jadi saya berharap bahawa bahagian-bahagian yang saya sebut ini akan dikaji semula oleh pihak kementerian dan mungkin di peringkat Jawatankuasa diambil tindakan supaya kita puaskan hati semua pihak dan tidak bangkitkan segala yang nanti ada pihak yang tidak puas hati. Sekian, terima kasih. Sorry, Yang Berhormat Tebrau menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Kuala Langat. Dahsyat, dahsyat.

### **8.23 mlm.**

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi ruang untuk saya menyertai perbahasan RUU yang baru diwujudkan dalam erti kata Rang Undang-undang Sistem Insurans Pekerjaan 2017. Saya ingin mengimbau kembali sejarah SIP dahulunya diuar-uarkan sebagai *retrenchment fund*. Saya ingat pada zaman tahun awal 20-an berlalu Tan Sri Zainal Rampak bersama dengan rakan-rakan MTUC menyarankan cadangan ini dilaksanakan waktu itu tetapi terpaksa ditangguhkan kerana MEF menentang keras. MEF ini Tuan Yang di-Pertua, hendak buat gaji minimum pun langkah mayat aku dulu. Hendak buat akta untuk maksimum persaraan 60 tahun pun langkah mayat aku dulu. Ini MEF ini celaka semua langkah mayat dulu. Jadi untuk ini pun mereka menentang.

Oleh sebab itu perkara itu *drag, drag, drag* tetapi saya mengucapkan sekalung tahniah kepada Kementerian Sumber Manusia yang berani mewujudkan atau mencadangkan rang undang-undang ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Langat setujulah ini? Yang Berhormat Kuala Langat setuju rang undang-undang ini?

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Ya, saya setuju 101 peratus tanpa ada...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Bantahan...

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** ...kekeliruan sebab saya menyertai Tuan Yang di-Pertua awal lagi. Saya berbincang dengan Yang Berhormat Menteri dan juga Datuk, sudah bersara pun Datuk Sahar dan Dr. Punayyah Raman yang sama-sama mengenal pasti bagaimana untuk menyelesaikan masalah ini.

Akan tetapi oleh kerana MEF *ketegaq* ini, degil ini dia susah hendak selesai masalah terutama Datuk Samsudin ini. Akan tetapi akhirnya, akhirnya wujudlah satu Rang Undang-undang Insurans Pekerjaan ini memberikan keleaan kepada jutaan pekerja yang saya anggap sebagai satu rahmat baru dalam inisiatif yang diberikan oleh kerajaan pada

pekerja-pekerja swasta yang selama ini terpalit dengan kerisauan ketika mereka hendak dibuang kerja.

Mengikut laporan ILO sekitar 74 peratus dalam gegaran ataupun dalam kelompok yang dalam ketakutan untuk menghadapi suasana *retrenchment* ini. Saya bersetuju dalam segi latihan yang digunakan, diterima pakai. Di Korea sebagai contoh 10 – 15 peratus itu menjadi rujukan untuk mengenal pasti bahawa adakah dana ini cukup atau tidak menyempurnakan untuk melahirkan kembali pekerjaan yang telah pun di-*retrench*-kan itu.

Saya mengambil pendekatan bahawa latihan ini perlu juga boleh dikongsi dengan HRDF kerana HRDF ini Tuan Yang di-Pertua, dia mengutip daripada majikan 1 peratus. Jadi kalau boleh perkongsian latihan itu juga diperanankan kepada HRDF untuk mereka menyertai dan juga membantu pekerja-pekerja dalam melaksanakan untuk mencapai sasaran ataupun melengkapkan insurans ini dilaksanakan.

Saya juga ingin mengheret Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dalam prospek potongan yang diberikan kepada pekerja. RM1.90 ialah 2 peratus daripada RM1,000 gaji minimum. Majikan RM1.90 yang Yang Berhormat Tebrau cakap tadi itu merunsingkan dia ini sebab dia kata dalam konteks apabila kelonggaran diberikan untuk memastikan tabung ini tidak tergugat di atas sifatnya akhir akan mengurang.

Oleh sebab itu untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, sekitar 50,000 ke 100,000 orang terlibat secara langsung. Ekonomi ini tidak pernah konsisten, setiap 10 tahun berlaku keruduman dan juga akan berlaku pembuangan kerja sebab itu apa yang saya ulangi apa Yang Berhormat Menteri cakap tadi itu berlaku setiap 10 tahun.

Oleh sebab itu apabila kuasa itu diberikan kepada Yang Berhormat Menteri untuk memikir ataupun mungkin ada cadangan lain yang lebih baik penambahbaikan itu jangan di risau sebab Akta SOCSO ini Tuan Yang di-Pertua, telah dibuat pada tahun 1969 dan waktu itu diberikan jadual 2 seperti mana yang berlaku hari ini pada tahun 1969. Akan tetapi hari ini tidak pernah berlaku anjakan, tidak pernah berlaku peningkatan kerana tabung itu sudah mencukupi. Ini juga memberikan kesan bahawa jangan di khawatir takut kata naik 4 peratus apabila dicadangkan Para 2 itu tidak. Saya memikirkan bahawa platform itu mesti diwujudkan dahulu supaya ianya dilihat apakah keperluan itu boleh atau tidak.

Seperti mana gaji minimum, asalnya RM900 tetapi peningkatan kos sara hidup itu terpaksa mengheret peningkatan sebanyak RM1,000 yang telah pun diluluskan. Inilah yang berlaku dalam fenomena peningkatan. Janganlah MCA kerisauan, resah, takut sangat berlaku peningkatan ini kerana ini tidak berlaku – dalam SOCSO telah membuktikan apabila ia tidak berlaku maka jangan dikhuatirkan, jangan disendatkan, jangan disempitkan usul atau cadangan yang baik ini supaya jangan dijadikan satu alasan ketakutan kepada mereka yang di luar. Of course lah MEF ini dia tidak akan menyokong apa-apa pun - tentang, tentang, tentang.

Akan tetapi saya hendak beritahu dengan Tuan Yang di-Pertua, bahawa apa yang dicadangkan ini manfaatnya meluas dan melebar dan kita tahu bahawa *the next* yang saya hendak sentuh ialah saya sudah cakap tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri Komunikasi pun dia bukan skop dia, dia kata dia tidak dengar, saya dengar apa dia cakap tadi. Saya kata tadi, tiap-tiap tahun sekitar RM34 bilion duit pekerja asing dibawa keluar.

Pekerja asing ini Tuan Yang di-Pertua, dia ada berkemahiran tinggi, ada yang sederhana, ada yang bawah tetapi mengikut laporan sasaran Rancangan Malaysia Kesebelas ini ia kata 35 peratus mesti berkemahiran tinggi. Jadi kalau kita lihat daripada akta ini dan juga SOCSO dan juga EPF, pekerja asing ini tidak terlibat dan kalau tidak terlibat maka apa yang akan berlaku saya takut Tuan Yang di-Pertua, yang saya takut ialah majikan ini mengambil alasan berbagai-bagai dan mengambil pekerja asing dan tidak mengambil pekerja tempatan kerana mereka ini perlu membayar SOCSO, EPF dan juga SIP.

#### ■2030

Ini berlaku dan baru-baru ini Timbalan Menteri Dalam Negeri pun menyarankan juga. Dia kata dia hendak ambil 100 peratus pekerja asing dalam pembuatan. *Allahuakbar*. Apa hendak berlaku negara ini. Kita hendak mengurangkan pekerja asing, kita hendak bagi, kita hendak mengangkat martabat pekerja tempatan dan kita hendak jaga kepentingan mereka dan hak mereka dan pada masa yang sama sarankan untuk saya hendak cadangkan 100 peratus mengambil pekerja asing untuk sektor pembuatan. Saya rasa ini tidak langsung mencerminkan integriti menjaga pekerja tempatan.

Baik, untuk menjurus kepada itu, saya ingin mencadangkan supaya semua Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini memahami mengapa SIP ini dikehendaki sangat. Sebabnya ialah kita melihat daripada sudut sejarah yang berlaku dalam kumpulan kelompok seperti mana perlombongan Sungai Lembing, Kuantan. Berpuluh tahun kes ini masih tidak dapat selesai. Orang yang kena kes itu pun sudah meninggal, sudah tidak boleh, masih boleh menuntut hak mereka.

Perwaja tutup kedai, keluar begitu. Pekerja tidak dibayar pampasan, elauan tidak bayar, semua tidak bayar. Jadi apa berlaku ribuan pekerja di Perwaja- Perwaja Steel ini yang dibantu banyak oleh kerajaan ini yang dibuang begitu saja. Kemudian ambil lebuh raya pula. Sedarlah diri, cerminlah dulu. Kemudian Mega Steel, buang kerja tidak bayar pampasan. Ini apa hendak jadi ini? Jadi kelompok-kelompok, ribuan, ratusan ini di mana mereka hendak pergi sekarang...

**Timbalan Yang Di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu bangun.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Di mana mereka hendak.....

**Timbalan Yang Di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Hendak bagi jalan?

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Saya ada 15 minit. Kalau bagi 5 minit saya bagi.

**Timbalan Yang Di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Masa berjalan Yang Berhormat.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Allah.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** Only 30 second. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua- 30 second saja. Siapa Perdana Menteri waktu itu yang tidak setuju untuk *minimum salary*, dengan tidak setuju dengan undang-undang ini?

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Bekas Presiden UMNO lah.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Isu ini, bukan, saya kata tadi sebab Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu dia kena faham apa yang saya hendak bawa sejarah itu. Sejrahnya ialah MEF, MEF tidak setuju. Dia sudah tidak setuju, dia 3 parti. Satu pekerja, majikan dan juga kerajaan. Kerajaan ini dia *chairperson*. Dia tengok, tidak ada, tidak *hold*, dia *hold*, dia *hold*, sebab tidak ada persetujuan. Jadi daripada sekarang ini dengan desakan kos sara hidup yang tinggi, maka tidak timbul soalan itu. Jadi Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu jangan ada *malafide* dalam persoalan itu.

Seterusnya saya juga ingin mengimbau juga kembali kenapa perkara ini perlu dilaksanakan yang memberikan kesan dan akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya hendak cerita ini berkenaan perkara-perkara yang ada undang-undang tetapi dilanggar begitu saja. Saya setuju dengan denda yang RM10 ribu dan juga denda dua tahun penjara dan kedua-duanya sekali, saya bersetuju. Akan tetapi dikuatkuasakan.

Begitu juga dengan ahli-ahli, pekerja-pekerja anggota Parlimen. *Overtime* tidak dibayar, empat bulan sudah. Sedangkan undang-undang itu kena bayar. Mereka tunggu sampai pukul 4 hingga 5 pagi, menunggu kita. Saya masuk hari pertama didatangi oleh pekerja-pekerja. Dia kata, Datuk, Datuk, tidak dibayar lagi empat bulan *overtime*. Ini apa ini? Undang-undang sudah ada, bayarlah. Orang sudah bekerja keras, bekerja bertungkus-lumus, tinggal anak isteri 4, 5 pagi cari pendapatan untuk lebihan sedikit. Ini negara apa kita ini? Ambil sikit inisiatif ini, pentadbiran Parlimen. Jangan diheret pekerja-pekerja dalam kancan ekonomi yang merudum ini mereka hendak dihukum.

Saya hendak bagi tahu dalam SIP, perkara pembayaran, tidak boleh dikompromikan. Pekerja-pekerja anggota Parlimen ini mesti diberikan, bukan keutamaan, diberikan hak mereka sebagai yang ada undang-undang itu sendiri. Maka Tuan Yang di-Pertua saya kaitkan itu kerana melibatkan akta yang hukuman itu dijatuhkan. Saya minta Dewan yang mulia ini supaya tidak boleh berkompromi. Kita tidak kata pengkhianat tetapi ada lah sifat insani sikit, manusawi sikit. Jangan orang itu bekerja 4 hingga 5 pagi, tinggal anak bini kita tidak bagi dia duit *overtime*. Ini sudah keterlaluan namanya. Ini bukan sumber manusia, ini soal pentadbiran Parlimen, sebab ia berkait.

Begitu juga dengan sektor-sektor yang terlibat secara langsung. Apa yang Yang Berhormat Menteri cakap tadi itu benar. Apa yang Yang Berhormat Menteri cakap- dia kata bahawa kalau syarikat itu runcit pun termasuk juga....

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Mesyuarat]*

Masa 15 minit lagi tambah. Cantiklah Tuan Yang di-Pertua tukar.

Jadi dia akan memberikan kesan kepada pekerja semua sektor termasuk *informer sector* iaitu pekerja runcit, pekerja kompleks. Saya hendak bagi tahu Dewan ini, hanya mereka yang berada kesatuan itu sekitar- Tuan Yang di-Pertua, selamat datang dan mendengar tuntutan saya dalam hujahan ini. Apa yang saya lihat bahawa bila kita mengawal selia semua sektor termasuk sektor-sektor yang terlibat dalam *internal sector* termasuk buat niaga runcit, termasuk pekerja pasar malam, termasuk mereka yang digajikan, layak mendapat atas sifatnya dalam undang-undang sistem insurans ini, SIP ini.

Ini adalah salah satu daripada dipanggil sebagai satu nur keadilan yang diberikan kepada rakyat keseluruhannya. Macam di kompleks-kompleks seperti mana yang dijual beli ini, belah. Apa nama syarikat. Untuk pengetahuan *The Store* sebagai contoh, *Giant* sebagai contoh, *Tesco* sebagai contoh, *Mydin* sebagai contoh, mereka ini tidak ada kesatuan dan untuk pengetahuan Parlimen, 92 peratus Tuan Yang di-Pertua yang tidak ada kesatuan. Mereka dibuang begitu saja. Pampasan tidak dibayar, puluhan ribu yang kita tidak tahu yang merintis dan menangis pada ketika mereka dibuang. Akan tetapi dengan adanya skim yang indah ini, yang dipanggil SIP ini memberikan sedikit nafas baru bersama dengan latihannya sekali. Latihan ini juga memberikan satu inisiatif di antara 3 bulan ke 6 bulan itu diberi bayaran elauan dan mereka juga diberikan motivasi supaya mereka ini mencari pekerjaan baru dengan kemahiran disertai bersama.

Langkah dan juga atur cara ini satu perkara yang cukup baik dan saya yakin dan percaya bahawa sistem SIP ini ditunggu puluhan juta di luar sana dan mereka mengharapkan pembelaan.

Untuk pengetahuan, bukan saja negara ini yang melaksanakan SIP, banyak negara luar yang telah pun membangun dan juga telah pun membina sendiri sistem yang dianggap membela pekerja-pekerja dan inilah yang saya lihat bahawa satu langkah maju ke depan untuk memberikan manfaat dan memastikan bahawa skim insurans ini tidak boleh dihalang untuk ia dilaksanakan kerana dalam konteks akan datang, ianya berbagai-bagai akan boleh berlaku kalau sekiranya penambahbaikan itu diperlukan.

Maka kita sebagai orang yang membuat dasar ini memahami kalau itu yang diperlukan. Akan tetapi jangan digundah-gulanakan kalau ianya tidak menjadi ianya sasaran utama untuk menyenangkan puak kecil tetapi yang besar ini kita jahanamkan atau kita tangiskan mereka, ini tidak baik. Saya hendak bagi tahu dengan rakan-rakan dalam

MCA jangan risau, jangan gundah gulana, kita tahu apa yang kamu maksudkan. Akan tetapi yang penting ialah jangan dihalang kebaikan yang ada di depan mata. Yang baik itu harus disambut, yang lemah itu harus dikuatkan dan yang tidak ada solidariti itu perlu dirapatkan. Yang penting SIP ini perlu diberikan keutamaan pelaksanaannya.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang budiman yang sudi mendengar pandangan saya Yang Berhormat Kuala Langat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ramai yang hendak berucap. Pembangkang ada 5 orang ya. Okey saya catatkan nama. Barisan Nasional 7 orang. Okey 13 orang. Sila Yang Berhormat Parit Sulong.

### **20.38 mlm**

**Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberi saya peluang untuk sama-sama membahas dalam Rang Undang-undang Sistem Insurans Pekerjaan 2017.

Tadi Yang Berhormat Menteri ada memaklumkan ataupun memberitahu Dewan ini mengenai Model Baru Ekonomi yang telah dilancarkan pada tahun 2010 dan saya tengok rang undang-undang ini memang berkaitan dengan mengambil kira tiga elemen utama dalam cadangan Model Baru Ekonomi iaitu yang pertamanya bantuan kewangan sementara. Yang keduanya perkhidmatan pekerjaan yang ditingkatkan ataupun dengan izin, *upgraded employment service*, dan yang ketiganya pula adalah program peningkatan kemahiran serta latihan semula.

Jadinya ianya selari dengan apa yang dikatakan di dalam Laporan Model Baru Ekonomi iaitu ada menyebut mengenai jaringan perlindungan pekerja harus menyediakan elaun perpindahan, merangkumi kos-kos perpindahan dan pengangkutan, bantuan pencarian tempat tinggal dan keperluan utama keluarga contohnya sekolah untuk anak-anak dan pekerja yang dibuang kerja mesti bersedia berpindah ke lokasi pekerjaan yang sesuai untuk menerima faedah berterusan insurans pengangguran.

### **■2040**

Cumanya saya ada soalan yang saya nak utarakan kepada Yang Berhormat Menteri iaitu adakan elaun perpindahan turut disediakan di dalam SIP ini kerana dengan izin, *mobility assistance* seperti ini sangat penting kerana kadang-kadang pekerja diberhentikan, dia harus berhijrah ke tempat lain mencari pekerjaan baru. Saya khuatir kalau kita tidak menyiapkan ataupun menyediakan bantuan ini, mungkin akan timbul satu situasi di mana ramai pencarum yang terjejas tidak akan dapat pekerjaan sedangkan bantuan kewangan SIP ini mungkin telah habis digunakan. Jadinya, ianya nampak tidak elok untuk kemapanan dana itu sendiri. Selanjutnya tadi kita mendengar Yang Berhormat Menteri ada menyatakan mengenai jenis-jenis elaun yang disediakan.

Cumanya saya hendak bertanya mengenai nilai elaun mencari pekerjaan yang boleh diterima oleh pencarum itu sendiri. Jadinya saya mohon agar Yang Berhormat

Menteri boleh memberi penjelasan dengan contoh sekali agar kita mudah untuk menjelaskan kepada rakyat mengenai kebaikan skim ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Mersing bangun.

**Datuk Dr. Haji Abd. Latiff Ahmad [Mersing]:** Nak celah sikit.

**Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Sekejap sahaja ya, Yang Berhormat Mersing.

**Datuk Dr. Haji Abd. Latiff Ahmad [Mersing]:** Nak celah sikit sahaja, seminit. Kebetulan Parit Sulong dengan Mersing *many, many years ago, far from the galaxy*, berada dalam kementerian itu dahulu. Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat Parit Sulong, masa kami berdua ada dekat kementerian itu, benda ini pun dah difikirkan tetapi kenapa lambat? Sepuluh tahun baru hendak buat.

**Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Yang itu saya setuju juga, mungkin Yang Berhormat Menteri boleh memberi penerangan ataupun memberi jawapan di dalam Dewan ini sebab daripada dahulu lagi kita dah berbincang dan saya ingat bukan sahaja waktu Yang Berhormat Mersing tetapi waktu saya di kementerian Yang Berhormat, kami banyak membincangkan mengenai perkara yang sama. Jadinya kita minta Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

Selepas itu saya nak sentuh pula mengenai laporan Forum Ekonomi Dunia mengenai *Fourth Industrial Revolution* yang dijangka akan terjadi di mana Yang Berhormat sendiri tadi menyatakan bahawa 2020 nanti dijangka ada lima juta pekerjaan yang bakal hilang dan mungkin ianya akan terkena kepada kita, Malaysia itu sendiri yang mungkin tidak akan terkecuali daripada menerima kesan perubahan ini. Jadinya, kajian itu juga dia ada nyatakan bahawa kehilangan pekerjaan ini akan diambil oleh *industry destructives* teknologi yang dijangka memakan 65 peratus jumlah pekerjaan di dunia menjelang 2050.

Jadinya saya hendak bertanya, kita dah tahu ada masalah yang mungkin akan timbul di masa akan datang, jadinya apakah usaha di pihak kementerian ini dalam menyediakan satu sistem yang dapat melindungi pekerja dan juga mungkin majikan sekiranya berlaku kejatuhan ekonomi domestik itu dan adakah kajian dibuat oleh pihak kementerian mengenai perkara ini?

Seterusnya, saya juga ingin menyentuh mengenai satu perkara sebab saya maklum, saya tahu KSM dia ada melaporkan bahawa tahun 2016 ada lebih kurang, kalau tak salah saya 37,699 pekerja yang diberhentikan dan dimaklumkan juga bahawa jumlah ini adalah lebih rendah daripada tahun sebelumnya iaitu tahun 2015 cuma pastinya kita tidak mahu perkara ini berterusan terutamanya dalam industri di negara kita. Kita ambil contoh, ada satu kes ini ada 100 pekerja eksekutif Megasteel Sdn. Bhd. di Kuala Langat yang diberhentikan kerja dengan menerima notis 24 jam pada 31 Mac tahun lalu. Manakala ada 400 pekerja bukan eksekutif kilang tersebut yang diarahkan untuk bercuti tanpa sebarang kata putus berhubung masa depan mereka.

Jadinya secara tak langsungnya Yang Berhormat Menteri, Tuan Yang di-Pertua, ianya akan mencetuskan satu keresahan dalam kalangan rakyat itu sendiri.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: [Bangun]**

**Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Okey, silakan.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Yang Berhormat Parit Sulong, tadi Yang Berhormat Parit Sulong menyentuh pasal Laporan Ekonomi Dunia bahawa dalam tahun 2050, *around five million* tugasan akan diambil. Jadi boleh tak sekiranya Yang Berhormat Parit Sulong ataupun Menteri, apa *projection* dalam negara kita? Daripada lima juta itu yang di *projection* itu di Malaysia berapa? Di negara kita dianggarkan yang akan diambil oleh lain, kehilangan kerjanya berapa? Terima kasih.

**Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih Yang Berhormat Limbang. Itu biar Menterilah menjawab sebab itu Yang Berhormat Menteri ada dekat situ mendengar dan saya percaya boleh menjawab apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Limbang. Tadi saya katakan mungkin boleh timbulkan keresahan lepas itu yang lagi mungkin lagi tak eloknya orang akan memandang tidak manis terhadap ekonomi negara kita ini secara amnya. Jadinya, apa yang saya harapkan rang undang-undang ini akan dapat membantu agar ianya tidak akan terjadi dan akan juga membantu pekerja-pekerja terutama di Malaysia ini.

Yang terakhirnya pula, ini mengenai fasal 49 yang memberi pertubuhan ini satu kuasa untuk menerima pemberian, derma, hadiah yang dibuat kepada atau atas nama Kumpulan Wang. Jadinya soalannya, sejauh manakah limitasi kuasa pertubuhan ini dalam menerima apa juga pemberian ini dan bagaimana pula dan apakah pemberian ini nanti akan bersifat *transparent* dengan izin, kerana ianya perlu diurus dengan baik, dengan telus, dengan teratur dan bagaimanakah pihak kementerian akan memastikan ketelusan perkara ini berlaku.

Semoga apa yang kita harapkan SIP ini akan menjadi pemangkin kepada penggalakan pasaran buruh yang lebih aktif lagi di Malaysia. Dengan itu, Parit Sulong menyokong. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, walaupun 15 minit dihadkan, kalau kita dah habis poin, tak payahlah kita cari poin baru untuk mencukupkan 15 minit itu. Bagi peluang kat kawan yang lain. Ya, Yang Berhormat Pasir Puteh.

**8.47 mlm.**

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua, bab pekerjaan ini sebenarnya ia adalah rezeki daripada Allah SWT kepada kita yang mendapat kerja dan cubaan daripada Allah SWT apabila kita dikurangkan gaji kita atau dibuang kerja. Itu adalah rezeki daripada Allah SWT juga yang Allah tarik daripada kita. Di sini, kita mestilah menyedari bahawa kita cuba untuk mendapatkan satu pekerjaan yang boleh menampung kehidupan kita sampai kita pencer dan boleh kita menjaga anak-anak kita, keluarga kita sampailah mereka ini membesar dan bergantung pada diri mereka sendiri. Kemudian mereka pula akan mencari kerja dan kita tahu mereka akan menghadapi keadaan-keadaan ekonomi yang berubah, cabaran-cabaran yang berubah yang menyebabkan mereka ini juga akan berdepan dengan kemungkinan-kemungkinan kehilangan pekerjaan.

Di sini, keyakinan kita bahawa rezeki daripada Allah SWT ini adalah yang paling penting dan apabila kita mencari pekerjaan juga, pilihlah kerja-kerja yang boleh memberikan kita *insya-Allah* kestabilan dalam masa depan kita. Maka kita kena istikharah dululah, *istisyarah* dan istikharah dulu sebelum kita pilih kerja sebagaimana kita hendak kahwin, kita pilih nak kahwin dengan sesiapa itu, kita kena istikharah dan *istisyarah*. *Insya-Allah* kita akan lebih selamat.

Walau bagaimanapun, sebagai pihak kerajaan yang menguruskan tenaga kerja dalam negara ini, kita tahu bahawa kita akan berdepan dengan krisis ekonomi yang disebutkan tadi lapan tahun ke sepuluh tahun sekali ia akan berulang dan banyak pekerjaan yang akan dihentikan dan juga kita tahu tentang *Fourth Industrial Economic Revolution* tadi, lima juta akan kehilangan pekerjaan.

**■2050**

Jadi, pusingan ini akan sentiasa berlaku, maka akan ada mereka-mereka yang akan diberhentikan pekerjaan. Sepatutnya pihak majikan kenalah prihatin dengan anak buahnya dan dia mesti berusaha sedaya upaya untuk menjamin pekerjaan yang berterusan kepada pekerja-pekerjanya. Apabila pihak majikan boleh menjamin dan mempunyai sifat untuk menjaga pekerjaan anak buahnya, maka kita lihat pengorbanan daripada anak buahnya itu atau pekerja-pekerja ini akan lebih dan produktiviti pada syarikat itu akan lebih. Masa depan syarikat itu juga akan lebih berjaya jika dibandingkan daripada majikan-majikan yang tidak mempunyai hati perut dan suka membuang kerja pekerja-pekerjanya apabila menghadapi kesusahan.

Sepatutnya ia boleh berbincang dengan pekerja-pekerjanya untuk mengatur program yang boleh mengekalkan mereka dalam pekerjaan dan seterusnya menambahkan hasil daripada usaha-usaha yang dilakukan. Sepatutnya demikian dan apabila berlaku demikian, maka harmonilah syarikat itu dan harmonilah pekerja-pekerja dalam syarikat itu. Itulah harapan kita tetapi tidak semua syarikat seperti itu, tidak semua majikan seperti itu. Kita berhadapan dengan majikan-majikan yang tidak

bertanggungjawab sehingga ramai pekerja-pekerjanya dibuang kerja begitu sahaja apabila keadaan ekonomi tidak begitu baik atau keadaan *business* tidak begitu baik. Walau bagaimanapun ada juga syarikat-syarikat yang terpaksa kerana muflis dan sebagainya, yang terpaksa tetapi kita lihat tidak semuanya terpaksa, ada yang tidak terpaksa tetapi melakukan dengan sewenang-wenangnya mudah sekali untuk membuang pekerjanya demi untuk menjaga kedudukan syarikat itu dan ini satu yang kita tidak galakkan.

Walau bagaimanapun apabila berlaku, pihak kerajaan, kita kena ada suatu yang boleh membantu pekerja-pekerja ini dan inilah usaha yang dilakukan oleh kerajaan ini, saya ucapan tahniah bahawa ia suatu yang penting, yang patut lama sudah buat. Sebagaimana yang diberitahu oleh Yang Berhormat Parit Sulong dan juga Yang Berhormat Mersing tadi, sepatutnya lama sudah dibincang, lama sudah, barulah sekarang. Walau bagaimanapun, *better late than never* dan *Alhamdulillah*, saya ucapan terima kasih kepada pihak kementerian bahawa undang-undang ini dibawa pada hari ini dan kita *insya-Allah* sama-sama menyokong. Saya bagi pihak parti saya, menyokong sepenuhnya kerana ia memberikan suatu kebaikan kepada pekerja-pekerja dan keyakinan bahawa *insya-Allah* kerajaan membela pekerja-pekerja ini. Kerajaan akan membantu untuk menjaga masa depan mereka dan anak-anak mereka kerana bukan mereka sahaja yang mempunyai masalah apabila dibuang kerja tetapi anak-anak mereka.

Masa depan anak-anak mereka ini juga akan menjadi masalah apabila mereka tidak mempunyai suatu pekerjaan yang tetap, yang boleh membantu kehidupan mereka. Kita lihat di sini mungkin terlalu sedikitlah, 0.4 percent ini sebagaimana yang disebutkan tadi terlalu sedikit. Mungkin rasanya patut tinggikan sedikit, banyakkan sedikit. Bagaimana pendapat? Akan tetapi walau bagaimanapun tidak apalah, sedikit dulu kemudian boleh di *review* balik, untuk diangkat balik supaya *insya-Allah* faedah-faedah yang diberikan kepada mereka yang dibuang kerja atau diberhentikan kerja itu akan mendapatkan faedah yang lebih untuk membantu mereka dalam menghadapi keadaan yang susah apabila mereka diberhentikan daripada pekerjaan. Jadi, saya di sini menyokong rang undang-undang ini diluluskan dan saya rasa tidak perlu perbahasan banyak kecuali *details* itu kita masuk dalam Jawatankuasa lah. Sekian saja. *[Berucap dalam bahasa Arab]*  
*Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaaatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Merbok.

#### **8.54 mlm.**

**Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok]:** *Bismillaahi Rahmaanir Rahiim*, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan membenarkan saya mengambil bahagian dalam pembahagian berkenaan pindaan yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (SIP). Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Bukan pindaan ya, rang undang-undang baru.

**Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok]:** Ya, yang baru. Apabila kita menceritakan mengenai kemudahan insurans, kita mengetahui terdapat beberapa perkara yang memberi beberapa faedah, termasuk elauan mencari pekerjaan, elauan bekerja semula awal dan elauan pendapatan berkurangan dibentangkan untuk bacaan dalam sidang Dewan Rakyat ini. Rang undang-undang ini antara lainnya menggariskan beberapa faedah kepada tanggungan, bayaran fi, latihan apabila Orang Berinsurans mati, program penempatan pekerjaan semula dan kuasa menuju pusat ataupun institut. Berdasarkan rang undang-undang ini, sekiranya Orang Berinsurans mati dalam keadaan koma atau tidak sempurna akal, elauan mencari pekerjaan, elauan bekerja semula awal, elauan pendapatan berkurangan atau elauan latihan hendaklah dibayar kepada tanggungjawabnya mengikut apa-apa cara sebagaimana yang ditentukan oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

Insurans pekerja membantu pekerja kehilangan pekerjaan dengan menyediakan bantuan kewangan secara ataupun faedah semasa mencari pekerjaan baru program. Penempatan pekerjaan semula pula menyediakan bantuan carian pekerja ataupun *job search*, penempatan pekerjaan ataupun *job placement*, kaunseling kepada pekerja, latihan dan lain-lain bagi membantu pekerja kehilangan pekerjaan bekerja semula secepat mungkin. Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini terdapat 72 daripada 183 buah negara telah melaksanakan SIP atau sistem seumpamanya yang berasaskan insurans dalam pelbagai bentuk. Hampir kesemua negara maju, termasuk 35 negeri dan beberapa negara membangun yang lain telah melaksanakan sistem ini. Beberapa negara maju telah melaksanakan sistem ini sejak awal abad yang ke-20 seperti Perancis tahun 1905, Denmark pada tahun 1707 dan United Kingdom pada tahun 1711.

Sebilangan negara yang melaksanakan sistem ini juga semakin meningkat, terutamanya selepas *The Great Depression* pada awal tahun 1930-an dan Perang Dunia Kedua, khususnya di Eropah, Amerika Utara dan Amerika Latin. Antara negara Asia yang telah melaksanakan sistem ini dimaksudkan ialah Jepun tahun 1947, China tahun 1986, Korea Selatan tahun 1995 dan Taiwan tahun 2003 serta Thailand tahun 2004 dan Vietnam 2009 di ASEAN. Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah negara yang perdagangan yang mengamalkan ekonomi pasaran terbuka, Malaysia tidak terkecuali daripada menerima kesan perubahan ini seiring dengan perubahan *structure* ekonomi negara yang sedang beralih kepada ekonomi berasaskan pengetahuan dan teknologi. Kehilangan pekerjaan, terutamanya pekerja berkemahiran rendah dan dalam industri berorientasikan buruh dijangka tidak dapat dielakkan.

## ■2100

Sebagai contoh, syarikat multinasional seperti Seagate dan Western Digital telah memindahkan operasi mereka dari Malaysia ke Thailand kesan daripada perubahan

teknologi dan permintaan produk yang lemah yang melibatkan pemberhentian kira-kira 4,200 orang pekerja di Pulau Pinang dan Negeri Sembilan. Beberapa negeri gergasi juga tidak terkecuali daripada menerima tempias seperti Maybank, CIMB dan PETRONAS.

Sekarang Malaysia terus berinteraksi dengan ekonomi global Malaysia. Malaysia akan turut semakin terdesak kepada beberapa kejatuhan ekonomi dunia. Sehingga kini, Malaysia memerlukan suatu sistem yang dapat melindungi pekerja dan majikan jika berlaku kejutan domestik atau global dan dilihat kerajaan kita pada masa sekarang terlalu banyak menjaga kebijakan pekerja sehingga dapat memperuntukkan sistem insurans bagi menjaga kebijakan pekerja.

Apalagi yang kita mahukan? Segala kemudahan telah disediakan di depan mata. Seharusnya kita menghargai usaha kerajaan bagi membantu kebijakan masyarakat terutamanya golongan yang kurang berkemampuan. Di samping itu, dengan adanya Rang Undang-undang Sistem Insurans ini, pekerja dapat menuntut hak tanpa berasa ragu seperti sebelumnya ini.

Telah banyak peruntukan bagi menjalankan Rang Undang-undang Sistem Insurans Pekerja. Seperti kita ketahui, kerajaan kita telah memperuntukkan jumlah yang banyak dalam Rang Undang-undang Sistem Insurans Pekerja bagi memenuhi keperluan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya Yang Berhormat Merbok amatlah bersetuju dengan adanya Rang Undang-undang Sistem Insurans Pekerja. Bagi saya, keperluan seperti ini sangat baik dijalankan supaya apabila terjadi sesuatu perkara yang tidak diingini, pekerja dapat menuntut hak yang sepatutnya disalurkan dengan betul. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Klang.

#### **9.04 mlm.**

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih atas peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Sistem Insurans Pekerjaan 2017.

Tuan Yang di-Pertua, secara dasarnya, saya menyokong langkah kerajaan untuk tubuhkan sistem ini yang akan membantu kira-kira 6.5 juta pekerja yang mungkin mengalami risiko kehilangan kerja. Bukan sahaja saya menyokong tetapi parti saya DAP juga menyokong EIS ini.

EIS ini adalah penting memandangkan bahawa sekarang banyak pekerja dimangsakan oleh syarikat-syarikat yang menggunakan beberapa strategi ataupun taktik untuk memecat mereka. So, saya sebenarnya mengalui-alukan langkah kerajaan untuk menjalankan atau mengimplementasikan *employment insurance system* ini.

Tuan Yang di-Pertua, *employment insurance system* adalah satu sistem keselamatan sosial. *It's a social safety net* untuk melindungi pekerja. Saya mengucapkan

tahniah kepada kerajaan kerana menyedari bahawa pekerja-pekerja negara kita amat memerlukan perlindungan terutama pada waktu kini. Jika kerajaan berhasrat untuk menubuhkan sistem ini, ia adalah wajar untuk kita menggunakan *the highest standard* ataupun *the gold standard* yang diikuti oleh negara-negara lain yang maju dan juga yang tidak maju tetapi lebih berpengalaman dalam isu berkait dengan *employment insurance system* dan juga kita belajar daripada *International Labor Organization* (ILO).

Saya percaya bahawa kerajaan mempunyai satu tanggungjawab yang penting untuk melindungi pekerja. Saya harap bahawa EIS sebagai satu *social safety net* dapat mempertahankan dan juga menjamin hak pekerja serta pastikan kualiti kehidupan pekerja-pekerja dan juga keluarga mereka. Kita selalu lupakan keluarga mereka tetapi keluarga mereka juga dimangsakan. Ia seperti apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, dalam *transition period* sebelum mendapat kerja yang baharu.

Dalam mukadimah Yang Berhormat Menteri, beliau telah mengatakan bahawa semangat *tripartism* telah wujud dalam perbincangan dengan pihak pekerja dan juga pihak *Malaysian Employers Federation*. Akan tetapi, nampaknya daripada kenyataan akhbar yang dibuat oleh *Malaysian Employers Federation* nampaknya semangat *tripartism* tidak berlaku. *There is very poor consultation between the stakeholders*. Walhal, MEF dalam *the latest statement* mengatakan bahawa *the minister is misrepresenting them. The minister is misrepresenting them*.

Saya tidak baca apa-apa balasan atau pun respons daripada pihak Yang Berhormat Menteri yang mengatakan bahawa beliau tidak *misrepresent* MEF dan juga sebenar-benarnya semangat *tripartism* telah berlaku, telah dijalankan, telah diimplementasikan dalam penggubalan *employment insurance scheme* ini.

So, saya memang sokong pandangan Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa *our priority* atau *the bottom line of the EIS is to ensure to put the food on the table of the workers*. Saya *100 percent* menyokong pandangan itu.

Akan tetapi, saya juga ada beberapa cadangan hendak buat, Yang Berhormat Menteri. Cadangan itu datang daripada Vietnam dan juga daripada Kanada. Kedua-dua negara ini mempunyai sistem bantuan pekerja yang boleh dikatakan antara yang terbaik yang sedia ada selepas beberapa pembaharuan ataupun *review process* dibuat oleh negara masing-masing.

Di Vietnam, Tuan Yang di-Pertua, sistem yang mereka amalkan, yang ditubuhkan itu telah ditubuhkan pada tahun 2009 dan telah melalui beberapa ulang kaji. Mereka menjadi contoh kepada negara lain khususnya negara-negara membangun. Walaupun Vietnam itu *Less Developing Country* tetapi banyak negara baca daripada sistem yang mereka gubal. Pertama, di sana kita dapat bahawa bagi pekerja yang kerja selama tiga tahun ke atas, mereka akan diberi bantuan selama enam bulan dengan jumlah sebanyak 60 peratus daripada gaji mereka. Kedua, bagi pekerja yang kerja lebih daripada 12 tahun,

mereka pula akan menerima bantuan untuk setahun atau 12 bulan dengan jumlah yang sama iaitu 60 peratus daripada gaji keseluruhan mereka.

Ini berbeza dengan sistem yang dicadangkan oleh kerajaan dan kementerian di mana bantuan hanya diberi selama enam bulan dan tidak kira berapa lama seseorang pekerja itu berkhidmat. Saya cadangkan supaya kerajaan menggunakan *the highest standard of protection*. *The highest standard protection* itu selalu digunakan oleh *International Labor Organization based on the Vietnamese experience*.

Ini bermaksud bahawa Malaysia perlu memberi bantuan selama 12 bulan untuk semua pekerja dan bukan enam bulan yang dicadangkan oleh pihak kerajaan. Ini adalah kerana tempoh masa enam bulan tidak mencukupi untuk seseorang yang telah hilang kerja untuk menjalankan *retraining* dan mencari kerja yang baharu dalam tempoh masa tersebut.

Saya nak tanya dan minta penjelasan daripada pihak Yang Berhormat Menteri, apakah kerajaan telah menjalankan penyelidikan yang mengatakan bahawa seseorang pekerja yang telah hilang kerja boleh mendapat kerja dalam tempoh enam bulan? Adakah penyelidikan tunjuk- *is there a study that shows the workers who have been retrenched, who have been sacked can get a job in six months?* So, soalan sebenarnya ialah *what is the basis*, apakah alasan- *what is the basis of using six months and not eight months or four month or 12 months? Why the cut off period of six months?*

*Clearly kita nampak sebab di pejabat saya dan juga pejabat perkhidmatan Ahli-ahli Parlimen, banyak orang akan datang. Jadi ia jelas mengatakan kepada kita bahawa mereka tidak ada kerja untuk empat bulan, lima bulan, enam bulan, tujuh bulan pun ada.*

#### ■2110

*So, this is been quite unfair. Why do you victimize orang yang telah hilang kerja? Another jeopardy against people who have lost jobs. So saya minta kerajaan menjelaskan apakah penyelidikan telah berlaku? Adakah ini merupakan satu SOP ILO yang hanya menggunakan enam bulan walhal Kanada menggunakan 18 bulan dan juga negara-negara lain yang menggunakan 12 bulan. So why is Malaysia cutting off at six months? Ini perlu dijelaskan oleh pihak pekerja.*

Kita juga *if we take into consideration of workers who are retrenched*, saya memang sokong pandangan Yang Berhormat Menteri yang mengatakan bahawa *we have the put food on the table. Which means we have to ensure kualiti kehidupan keluarga pekerja, kualiti kehidupan pekerja tidak ditindas dan tidak dijatuhkan. How are we going to do that?* Ini kerana kalau kita nampak *this is a safety net. This is important*, Yang Berhormat Menteri. *This is a safety net. Which means you protect the worker* dan juga *you memberi perlindungan kepada keluarga*. Ini adalah penting. So kalau kita hanya tolong pekerja dan bukan keluarga, *it's a lost case. Therefore, this is just not become the social safety net anymore. It must go together, the pekerja dan juga keluarga*. Oleh kerana itu, saya minta

kerajaan memberi kelonggaran enam bulan dan tukar pandangan kepada 12 bulan. Saya fikir ini adalah penting.

Kita juga dapat bahawa pekerja-pekerja yang hilang kerja dia punya *age group*, dia punya *age group* itu adalah....

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]:** Tuan Yang di-Pertua, mencelah.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Saya kena habiskan ini. Kita dapat bahawa dia punya *age*. Dia punya *age* itu adalah *late 30's, 40-an* dan *50-an*. Siapa akan memberi kerja untuk mereka? Untuk seseorang yang hilang kerja semasa mereka dalam jangka umur *40-an* dan *50-an*. Firma-firma akan bawa pekerja asing untuk kerja dan bukan memberikan kerja kepada pekerja Malaysia yang *40-an* dan *50-an*. *Therefore again, the six months does not work in the interest of Malaysian.*

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh mencelah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Wangsa Maju.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Okey, satu minit.

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]:** Ahli Yang Berhormat dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya minat ini perkataan *social safety net* tetapi bila ini dana mula, memang tidak banyak *fund* untuk bantu pekerja. So apa pandangan Yang Berhormat Klang bagi kerajaan satu suntikan pertama. *Start up fund* untuk mula dana ini? Terima kasih.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya akan jawab soalan ini sebelum saya habis perbahasan saya. Satu lagi isu yang saya hendak bangkitkan ialah berkait dengan golongan *40-an* dan *50-an*. Golongan ini perlukan perlindungan kerajaan dan keluarga mereka juga perlu perlindungan kerajaan dan saya mencadangkan kepada kerajaan supaya tukar *six months period to twelve months*.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak baca *the retraining program* yang akan diamalkan oleh pihak kerajaan. Saya baca dalam konteks ini. *The maximum amount of all the training fees shall be RM4,000. The maximum amount for training should be RM4,000. In Malaysia sekarang Yang Berhormat, kita dapat bahawa kindergarten chargers RM5,000, RM4,000. This is skills training. What kind of training are you going to give for RM4,000? Can you please explain? RM4,000. Nobody will go. Will you send your children to go for RM4,000 training? I want to ask a simple question. Will you send your child to go and study for RM4,000 training? What kind of training it is and who's going to provide the training? Nampaknya ini adalah satu saluran oleh pihak tertentu untuk membawa wang. So how can you say you only give RM4,000. This is make no sense. This is to reskill workers untuk mendapat kerja yang baru. How to work in the- 4.0 industrial revolution tetapi we are start in the 2.0 industrial revolution? Mass production. We haven't go to cross. How are we to cross when we have training for RM4,000? So, minta pandangan daripada Yang Berhormat Menteri.*

Satu lagi isu yang saya hendak bangkitkan ialah berkaitan dengan caruman yang telah disumbangkan. Kita dapati di Thailand, di Kanada, kita ada *tripartism*. Tadi Yang Berhormat Menteri mengatakan *about tripartism*. Kita ada kerajaan, kita ada pihak swasta, majikan dan juga pihak pekerja. Di Malaysia, aneh sekali. Ini Malaysia Boleh. Ini kerana *there is no contribution from government*. Hanya daripada pihak pekerja dan juga majikan. So, *what is the role of the government?* Kalau kita katakan *this is the social safety net, then there must be a role for government*. Ini jelas bahawa *the government doesn't want to get involve in social safety net* dan dia berikan kepada pasaran iaitu pasaran pekerja dan juga kepada pihak majikan.

So kalau kita tengok di Vietnam, kita dapati bahawa kerajaan sumbangkan satu peratus, majikan satu peratus dan juga pihak pekerja pun satu peratus. Walhal di Kanada, kita dapati bahawa cara mereka *different*. *In fact, the workers, the management* dan juga pihak majikan *contribute more than the workers towards an employment insurance scheme*. So why is Malaysia not doing it? Saya harap Yang Berhormat Menteri menjawab sebab kalau kita katakan *it is social safety net*, ini bermaksud bahawa kerajaan ada satu *responsibility*, satu tanggungjawab untuk melindungi pekerja yang sekarang telah hilang kerja.

Tuan Yang di-Pertua, isu berkait ialah di Kanada kita dapati bahawa dalam tahun 70-an telah mengutip kadar tetap yang menyebabkan surplus meningkat sebanyak berbilion dolar. Dalam program mereka, mereka kata terlalu surplus. Macam EPF, macam SOCSO. *Too much of money*. Terlalu banyak wang. So, di Kanada mereka katakan *this is not fair to the workers and not fair to the management*. So mereka ambil satu formula baru, formula yang dikatakan *actuarial report for casting*. *Actuarial report for casting* dan ini ada dalam kita punya rang undang-undang. Kita ada.

Saya percaya *the role of actuarial report for casting is being under estimated here*. *It should be followed the Canadian system* dan saya percaya bahawa apakah *actual report for casting*. Ini adalah satu proses untuk pastikan *reserve system* bantuan pekerja di Kanada dapat bertahan selama tujuh tahun dan ini akan dikaji semula pada setiap tahun mengikut purata yang dibelanjakan pada tahun tersebut. Purata ini pula akan digunakan sebagai asas untuk kiraan median untuk tujuh tahun yang berikut. Jika angka ini menurun, kadar caruman bagi pekerja, majikan dan kerajaan akan diturunkan untuk tahun depan. So, *it's a function of that economic situation at that time*.

So kita dapati pendek kata, hanya duit yang diperlukan akan dikutip daripada pekerja dan bukan kadar yang telah ditetapkan dan akan menjadi beban yang berat ke atas pekerja dan majikan. So, *what you have is a value for money. A value for money. That is what they do in Canada. A value for money. Why are we not doing it? This is what is important. That's why* saya hendak bertanya kepada pihak kementerian, *what kind of the research, what kind of the consultation* telah berlaku untuk kita menggubal satu rang

undang-undang? Mengapa kita tidak belajar *from the best standard of Canada as well as of Vietnam for example.*

Saya mencadangkan kepada pihak Yang Berhormat Menteri supaya *actuarial report for casting* di bahas di Parlimen, diterima di Parlimen dan selepas itu boleh digunakan sebagai satu anggaran, satu *baseline* untuk tukar 0.1 ataupun 0.2 *depends on the condition of the day. Therefore, kalau kita- when we have economic growth, then you keep it at 0.2. When we have economic down turn, you bring it down.* Ini bergantung kepada *actuarial report for casting* dan *therefore there is no surplus. You don't keep billions of dollars in the account. Chances are very high. It will be abused.*

So, Tuan Yang di-Pertua, saya juga fikir, saya hendak jawab soalan Yang Berhormat tadi dan saya percaya bahawa pihak kerajaan harus memberikan *RM300 billion* daripada SOCSO sebagai satu suntikan kepada EIS sebagai *starting point.*

Saya juga hendak bangkitkan satu lagi isu, *one last point. Why are the wives of the employees being victimized?* Dalam pengecualian kita ada, kita ada beberapa pengecualian. Kita dapati bahawa *the spouse of an employer is victimized. She will not get any support. She will not get any support from EIS. This is unfair.* Ini *anti-women.* Ini *anti-women. Totally anti women. I am sure the Women's Ministry will make noise. I am sure they will not consulted otherwise they will said don't do it, take it out.*

Kita dapati di Malaysia, anak boleh kerja, boleh dapat bantuan. Adik-beradik boleh dapat bantuan. Ibu bapa boleh dapat bantuan tetapi *wife cannot get bantuan.* Ini tidak masuk logik. Langsung tidak masuk logik. *It is not forward thinking but backward thinking.* So saya harap kerajaan dapat *look at some of these recommendations* dan dengan harapan bahawa *we have a gold standard. Very high standard of the sistem perlindungan pekerja yang boleh kita banggakan.* Sekian, terima kasih.

## ■2120

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Sekijang.

### 9.20 mlm.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya ruang untuk sama-sama berbahas Rang Undang-undang Sistem Insurans Pekerjaan 2017 pada malam ini.

Dewasa ini kita sering kali diperkatakan mengenai revolusi perindustrian yang keempat ataupun *the fourth industrial revolution* atau ringkasnya IR4. Antara implikasinya terhadap pasaran buruh ia akan mewujudkan peluang pekerjaan yang baru tetapi pada masa yang sama turut menghapuskan pekerjaan tertentu yang menjadi tidak relevan akibat daripada automasi teknologi digital dan sebagainya. Ini telah pun berlaku dalam sektor perbankan di mana pekerja telah digantikan dengan teknologi digital dan industri teksi yang terjejas dengan kemunculan aplikasi *Uber* dan juga *Grab.*

Dalam konteks ini, pelaksanaan sistem insurans pekerjaan merupakan langkah yang amat tepat kerana ia menyediakan perlindungan kepada pekerja yang bakal terjejas ataupun *displaced*. Program penempatan pekerjaan semula termasuk latihan juga akan membantu pekerja tersebut beralih kepada pekerjaan ataupun industri yang baru. Saya ingin bangkitkan berkaitan dengan model caruman yang dicadangkan dalam rang undang-undang ini yang telah mendapat pelbagai reaksi daripada banyak pihak. Pihak majikan pernah mencadangkan pelaksanaan secara model *savings* yang mana pekerja dan majikan boleh mendapat balik caruman jika tiada tuntutan dibuat.

Selain itu baru-baru ini juga dicadangkan supaya skim insurans pekerja ini dilaksanakan dengan kadar caruman sebanyak RM1 daripada tiga pihak iaitu pekerja, majikan dan juga kerajaan. Saya ingin bertanya mengapakah pihak kementerian tidak menggunakan model yang dicadangkan oleh pihak yang berkepentingan tersebut memandangkan perkara ini telah dicadangkan sendiri oleh pihak berkepentingan dan seharusnya kementerian tidak akan menghadapi masalah untuk mendapatkan persetujuan mereka. Saya juga difahamkan bahawa terdapat cadangan supaya bayaran pampasan di bawah Akta Kerja 1955 ataupun ETLB dimansuhkan secara *grandfathering* setelah pelaksanaan SIP bagi mengurangkan kos yang perlu ditanggung oleh majikan.

*Grandfathering* boleh dilaksanakan dalam dua cara iaitu skim insurans pekerja ini, pertama hanya terpakai kepada pekerja diambil bekerja selepas tarikh kuat kuasa Akta Skim Insurans Pekerja ini. Manakala pekerja sedia ada kekal dengan sistem ETLB atau kedua memberi pilihan kepada pekerja sama ada hendak kekal dengan ETLB ataupun diliputi oleh skim yang akan kita luluskan pada hari ini. Saya mohon kepastian sama ada konsep *grandfathering* ini akan digunakan dalam pelaksanaan skim insurans pekerja. Saya khuatir jika *grandfathering* ini dilaksanakan, pelbagai isu pentadbiran dan penguatkuasaan akan timbul kerana ianya melibatkan berjuta orang pekerja.

Saya juga bimbang mekanisme ini akan dimanipulasikan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Oleh itu saya berharap pihak kerajaan boleh mempertimbangkan tentang perkara ini sebaik-baiknya. Merujuk kepada komposisi jawatankuasa insurans pekerja seperti yang diperuntukkan dalam fasal 8. Bilangan anggota penjawat awam ialah 9 orang manakala pihak pekerja, majikan dan anggota lain masing-masing 3 orang bagi setiap satu pihak. Mengapa bilangan penjawat awam lebih ramai. Komposisi jawatankuasa ini seolah-olah tidak seimbang dan *representative*. Saya minta menteri mengkaji semula keanggotaan jawatankuasa ini agar lebih menggambarkan semangat *tripartisme* yang seimbang antara kerajaan, pekerja dan juga majikan.

Selain itu saya juga meminta Menteri untuk menyatakan berapakah anggaran kos pentadbiran untuk pelaksanaan SIP ini bagi lima tahun pertama.

Tuan Yang di-Pertua, saya mempunyai persoalan yang perlu dijelaskan oleh pihak Menteri. Adakah pekerja berstatus kontrak juga turut sama perlu membuat caruman SIP ini. Mengikut rang undang-undang ini saya difahamkan pekerja kontrak yang tamat

perkhidmatan mereka tidak layak untuk menerima sistem insurans ini. Jadi bagi saya jika golongan ini perlu turut sama mencarum ke dalam SIP ini ianya adalah sesuatu yang tidak begitu adil bagi golongan pekerja kontrak ini memandangkan mereka tidak layak untuk menerima insentif skim ini.

Oleh yang demikian saya berharap pihak kementerian untuk memperincikan perkara ini agar kita tidak membebankan pihak yang tidak sepatutnya dibebankan. Seperti yang kita semua ketahui ramai pekerja berstatus kontrak ini tidak mendapat *benefit* ataupun faedah yang sama seperti pekerja berstatus tetap. Ada yang tidak mendapat *medical coverage*, ada yang tidak mendapat *dental coverage* dan ada juga sesetengah majikan yang menetapkan gaji bagi pekerja berstatus kontrak lebih rendah berbanding dengan pekerja berstatus tetap. Saya berharap menteri dapat menjelaskan perkara ini dalam jawapan nanti.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum ini dikhabarkan kutipan caruman untuk SIP ini akan dimulakan awal tahun hadapan manakala manfaatnya boleh diagihkan pada tahun 2019. Akan tetapi memandangkan kita sudah pun sampai ke suku akhir 2017 ini, saya khuatir majikan dan syarikat yang ada masih belum bersedia untuk melaksanakan perkara ini. Jadi saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, adakah pihak kementerian telah membuat *survey* tentang tahap persediaan majikan pada masa ini. Apakah langkah yang telah diambil oleh pihak kementerian bagi memberi penerangan tentang SIP ini kepada majikan-majikan yang ada terutamanya bagi syarikat-syarikat kecil yang tidak begitu maklum tentang prosedur dan dasar baru kerajaan ini.

Bagi saya selagi majikan belum benar-benar bersedia, saya berharap pihak kementerian dapat memberi sedikit ruang dan peluang tempoh masa untuk majikan-majikan ini memahami perkara-perkara ini terlebih dahulu. Sementara majikan mengambil langkah yang sepatutnya pihak kementerian pula terutamanya PERKESO perlu secara berterusan memastikan program penerangan dijalankan secara menyeluruh dan memberi fokus yang lebih kepada syarikat-syarikat kecil yang mengalami masalah seperti yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercadang untuk bercakap panjang saya kira cukuplah persoalan-persoalan yang saya bangkitkan tadi yang saya kira memang merangkumi perkara-perkara penting yang seharusnya pihak kementerian lihat dan perlu tekankan bagi memastikan perjalanan rang undang-undang baru ini yang sedang kita bahaskan ini dapat dilaksanakan nanti dan benar-benar menjaga kebijakan pekerja-pekerja kita.

Sebab saya pagi tadi dihadiri oleh beberapa orang rakan daripada *newb* yang turut menyatakan harapan mereka supaya isu-isu seperti ini terutamanya melibatkan kebijakan pekerja terutama apabila mereka diberhentikan dalam keadaan mereka tidak diberikan apa-apa pampasan dan sebagainya. Tetapi dengan adanya skim seperti ini nanti ia

akhirnya akan memberikan manfaat kepada mereka. Jadi Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Sekijang mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bukit Katil.

#### **9.27 mlm.**

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Ya, *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti mana rakan-rakan Ahli Parlimen yang lain saya ingin memulakan perbahasan pada malam ini dengan memberikan suatu gambaran ataupun *reality check*, dengan izin, kepada kementerian bahawa pemberhentian kerja ini sedang berlaku dalam suasana ekonomi yang kurang baik. Seperti mana yang dilaporkan atau dibahaskan oleh Yang Berhormat Sekijang tadi di sektor perbankan misalnya kalau kita tengok data-data yang ada di hadapan saya misalnya *Standard Chartered Bank* 11 peratus diberhentikan kerja, *CIMB* 11 peratus, *RHB Group* 15 peratus, dengan izin.

Malah kita dengar banyak laporan-laporan termasuk yang agak terkesan kepada saya ialah kilang roti *High-5* juga ditutup dan memberikan kesan sehingga ke hari ini dulu bagi selesaikan kes pembuangan kerja ini. Ini satu perkara yang cukup serius. Sebab itulah sistem insurans pekerjaan ini perlu dilihat dari aspek membantu dan memberikan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Klang tadi *social safety net*. Sudah pastilah bila berlaku pengangguran dan pemberhentian kerja ini akan memberikan beberapa implikasi sosial antaranya kita berhadapan dengan kesenjangan ekonomi antara kaya dengan yang miskin. Ada juga yang terlibat dengan masalah sosial, ada juga yang bunuh diri Yang Berhormat Menteri.

Ini merupakan perkara-perkara yang perlu dipandang serius oleh kerajaan. Cuma saya ingin kembangkan sedikit lagi poin ataupun perbahasan Yang Berhormat Klang iaitu meletakkan satu standard yang tinggi kepada apa yang disebut sebagai SIP ini atau Sistem Insurans Pekerjaan. Saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Menteri, dengan *contribution* daripada pekerja dan majikan sahaja yang semuanya berjumlah kalau tidak silap saya 0.4 peratus.

#### **■2130**

Apakah itu akan menjadikan Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) ini satu perkara ataupun *tools*, dengan izin, betul-betul efektif dalam memberikan jaringan keselamatan sosial kepada mereka yang diberhentikan kerja, mereka yang menganggur dan sebagainya. Ini kerana kita tidak mahu ibarat melepaskan batuk di tangga kalau ikut pepatah orang Melayu. Maknanya boleh kita buat sekadar untuk mungkin tujuan-tujuan tertentu tetapi biarlah buat dahulu kemudian kita fikirkan akibatnya kemudian.

Pada saya pendekatan yang seharusnya dilakukan adalah apabila kita buat sesuatu itu apatah lagi undang-undang yang baru, kita mesti meletakkan satu standard

yang cukup tinggi dalam konteks ini Yang Berhormat Menteri ialah ia mesti menjadi satu perkara yang betul-betul efektif dalam memberikan jaringan keselamatan sosial kepada rakyat yang terpaksa berdepan dengan keadaan ekonomi yang cukup membebankan.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi dasar atau polisi tentang pasaran pekerjaan ini, saya percaya Yang Berhormat Menteri juga maklum bahawa kita mempunyai dua pendekatan. Pertamanya ialah dasar yang aktif. Membantu atau menyediakan peluang-peluang, menyediakan satu platform untuk pencarian pekerjaan berlaku, latihan yang berterusan, *training and retraining* untuk memastikan kebolehpasaran rakyat ataupun mereka yang ingin mencari pekerjaan, mempromosikan beberapa perkara yang boleh menyebabkan mereka bermiaga sendiri dan sebagainya.

Juga dasar yang pasif seperti mana yang sedang kita bahaskan pada malam ini iaitu sistem insurans dan sebagainya. Jadi saya ingin tanya kepada kementerian, apakah ada suatu mekanisme agar kedua-dua perkara ini dapat digabungkan? Bagaimanakah itu akan beroperasi di bawah *purview*, dengan izin, kementerian? Dalam masa yang sama, kita berikan mereka dokongan dan sokongan dari segi *assistance*. Akan tetapi kalau tidak ada satu mekanisme yang berintegrasi untuk memberikan mereka ruang dan peluang mencari pekerjaan, ianya akan tidak menjadi lebih efektif di mana tujuannya bukan sekadar untuk memberikan dukungan buat sementara waktu tetapi juga melegakan mereka dalam usaha untuk mereka mencari peluang-peluang pekerjaan yang akan datang.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bangkitkan hal yang berkaitan dengan isu-isu yang sering dibangkitkan, antara yang dibangkitkan ialah yang perlu dibawa kepada Dewan ini ialah soal latihan kerja. Ada beberapa pihak yang membantah pelaksanaan SIP ini ataupun mengkritik. Mereka menganggap bahawa tidak diperlukan dan saya percaya kementerian ada jawapan. Ini kerana mereka menyatakan bahawa di sana ada satu tabung yang dipanggil sebagai Tabung Pembangunan Sumber Manusia (HRDF) yang diwujudkan di bawah kementerian Yang Berhormat.

Jadi kita ingin bertanya, saya ingin bertanya, sekiranya seseorang yang menganggur itu menerima latihan kerja melalui SIP ini berapa lamakah dia akan menerima latihan kerja sedemikian? Adakah HRDF ini ataupun Tabung Pembangunan Sumber Manusia ini akan diteruskan atau dibubarkan? Ataupun ia digabungkan secara bersama, secara integrasi di bawah tabung SIP ini? Ini satu perkara yang saya percaya perlu diberikan perhatian kerana ia menjadi satu alasan. Kalau itu berlaku, di bawah HRDF pun ada, di bawah SIP pun ada, jadi ia akan jadi satu perkara yang tidak disusun dengan baik dan efektif.

Kedua, persoalan yang saya bangkitkan ialah mengenai gaji bulanan anggapan. Ini saya percaya ada di dalam Jadual Ketiga Yang Berhormat Menteri yang merujuk kepada amaun gaji bulanan bagi setiap bulan yang baginya caruman telah dibayar atau kena dibayar dalam masa enam bulan berturut-turut. Sebaik sebelum bulan kehilangan

pekerjaan itu berlaku dibahagi dengan bilangan bulan yang baginya caruman telah dibayar ataupun kena dibayar. Jadi kita merasakan agak keliru dengan kenyataan ini.

Adakah ini bermaksud bahawa andaikan seseorang telah membuat caruman selama 12 bulan sebelum kehilangan kerja, adakah gaji anggapan ini merupakan jumlah gaji selama enam bulan sebelum dia menganggur, sebelum diberhentikan dibahagikan kepada 12 kemudian dibahagikan kepada 12 bulan ataupun bagaimana? Ini kerana di negara-negara yang lain misalnya- tadi dijadikan rujukan negara Vietnam, mereka menentukan elaun pengangguran itu sebagai 60 peratus daripada purata gaji bulanan enam bulan sebelum pengangguran. Di Korea Selatan misalnya Yang Berhormat Menteri, yang menentukan elaun harian pengangguran sebagai 50 peratus daripada purata gaji harian dalam tiga bulan sebelum pengangguran.

Oleh itu bukankah elaun mencari pekerjaan dan elaun pendapatan berkurang patut dikira berdasarkan purata gaji bulanan enam bulan sebelum pengangguran? Ini saya percaya Yang Berhormat Menteri boleh memberikan pencerahan kepada kita, kepada Dewan untuk meletakkan satu standard yang munasabah dan betul-betul menjadikan ia satu perkara yang efektif.

Saya juga ingin memberikan atau membangkitkan isu di sini iaitu mengenai pengangguran yang dinyatakan yang saya ulas sebelum ini. Bahawa ada yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Wangsa Maju misalnya tadi adalah soal *S/P capital* iaitu bantuan asas yang sebelum ini disebut oleh Yang Berhormat Klang RM300 juta dan sebagainya. Saya ingin tahu dari segi perbahasan yang berlaku di dalam kementerian. Oleh sebab kalau kita tengok pengalaman Australia oleh kerana Kerajaan Barisan Nasional konsisten dengan pelaksanaan GST. Kalau kita tengok di Australia misalnya, mereka menggunakan VAT itu yang sama dengan GST ataupun *Product Consumption Tax* untuk membiayai tabung ini, kalau tidak silap sayalah. Saya ingat Yang Berhormat Menteri boleh perbetulkan kalau saya salah tetapi itu mengikut bacaan yang kita baca. Oleh kerana itu berlaku dan dalam konteks yang sama dasar yang dikemukakan oleh kerajaan memerintah ini ialah untuk mengekalkan GST itu. Maka, apakah kemungkinan dana ini boleh dimanfaatkan untuk tabung ini? Seperti mana yang telah dilakukan oleh negara Australia.

Saya juga ingin menarik perhatian kementerian iaitu berkaitan dengan mereka yang-perlindungan SIP ini. Pada saya perlindungan SIP ini perlu diperluaskan kerana penjelasan ataupun definisi penganggur itu saya percaya ia tidak hanya tertakluk kepada definisi yang sedia ada sekarang ini. Misalnya mereka yang meletakkan jawatan ataupun hilang pekerjaan ini ada pelbagai sebab Yang Berhormat Menteri.

Pada saya misalnya, mereka yang mempunyai alasan diberhentikan kerja itu mempunyai alasan yang munasabah. Makna dia boleh *defend*, dengan izin, sebab dia diberhentikan kerja. Misalnya masalah disiplin, dia boleh *defend*. Masalah disiplin ini bukan disebabkan dia, disebabkan isu-isu yang lain. Maksud saya Yang Berhormat Menteri ialah

biarlah peletakan jawatan ini ataupun pemberhentian ini ataupun mereka yang dikenakan tindakan disiplin ini dianalisis berdasarkan *case-by-case basis*.

Misalnya kita tengok di Sweden, di United Kingdom dan sebagainya, mereka akan menerima faedah ini kalau mereka boleh *defend*, kalau diberhentikan kerja dan sebagainya. Jadi saya percaya dalam konteks ini, saya ingin supaya kita kembangkan konsep mereka yang diberhentikan ini agar ia tidak tertakluk kepada satu definisi yang sempit. Ia mesti dikembangkan supaya mereka yang mungkin dikenakan tindakan disiplin dan sebagainya tetapi boleh mempertahankan pemberhentian itu diberikan juga peruntukan dan perlindungan daripada dana ini.

Bersabit dengan perkara itu Yang Berhormat Menteri, saya ingin tanya kepada kementerian. Mereka yang dikenakan tindakan disiplin, mereka yang diberhentikan akibat daripada salah laku dan sebagainya, mereka telah pun mencarum, mereka telah pun membuat sumbangan tetapi mereka diberhentikan kerja atas alasan-alasan yang tadi. Misalnya dipecat atas salah laku dan sebagainya yang tidak layak menikmati faedah ini, apa akan jadi dengan wang yang dicarum itu ataupun wang yang disimpan ini? Apakah mereka akan dimasukkan di dalam satu *pool* yang khas, satu dana tabung yang khas ataupun dimanfaatkan untuk mereka yang lain? Ini saya percaya perlu diberikan penjelasan oleh Yang Berhormat Menteri.

Perkara yang seterusnya Tuan Yang di-Pertua ialah soal- saya ingin meminta pandangan Yang Berhormat Menteri di mana kita lihat SIP ini pada saya wajar juga ditawarkan kepada orang yang bekerja sendiri atas kesukarelaan mereka. Misalnya sekarang ini kalau kita lihat akibat daripada pemberhentian kerja di banyak tempat, ramai orang yang terlibat dalam perniagaan *online* misalnya. Mereka bekerja sendiri dari rumah.

#### ■2140

Ramai yang membawa ataupun membawa *Uber*, *Grab* dan sebagainya *e-hailing*, ramai juga yang menceburkan dalam bidang perniagaan sendiri. Jadi pada pendapat saya dalam keadaan itu sudah sewajarnya kementerian mempertimbangkan kelompok-kelompok masyarakat ini yang mereka bekerja sendiri tetapi mereka berminat untuk register, untuk masuk sebagai mencarum atas kesukarelaan mereka.

So, pada saya perkara ini, apakah mereka boleh buat seperti itu atau adakah diberi ruang di dalam undang-undang ini ataupun sebaliknya kerana pada saya itu perkara yang kita lihat sekarang ini ramai membuat tugas-tugas yang boleh cari makan. Boleh dapat sesuap nasi, “*Kais pagi makan pagi, kais petang makan petang*” tetapi mereka tidak ada satu *safety net*, dan apakah ini boleh diberikan manfaat faedah ini?

Misalnya kalau kita tengok di Ireland, dia ada satu sistem di mana yang bekerja sendiri itu berkemungkinan layak untuk menerima faedah pengangguran atas keadaan-keadaan tertentu. Misalnya mereka yang hanya bekerja tiga hari ke bawah dalam seminggu adalah di kira sebagai menganggur kerana tidak mempunyai pekerjaan sepenuh masa. Mereka yang membuat caruman insurans keselamatan sosial di sana mencukupi

sebagai seorang pekerja sebelum bekerja sendiri adalah layak menerima faedah pengangguran yang dikenali faedah pencari kerja, yang ini perkara-perkara yang kita boleh jadikan rujukan kerana pernah dilaksanakan di negara-negara yang lain.

Jadi untuk itu Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja perbahasan saya. Saya harap perkara-perkara yang saya bangkitkan akan dapat diambil perhatian dan dijawab oleh kementerian. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, tiga rakan itu, Yang Berhormat Pasir Gudang bangun hendak berucap? Silakan.

#### **9.42 mlm.**

**Dato' Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Terima kasih kerana memberikan saya peluang untuk menurut serta dalam Perbahasan Rang Undang-undang SIP 2017. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita di atas keprihatinannya kepada golongan pekerja dan tentunya kepada kementerian pelaksana, Kementerian Sumber Manusia di atas penat lelah dan jemu mereka dalam memastikan rang undang-undang SIP ini dapat dilaksanakan dan di bentangkan.

Saya yakin dengan rang undang-undang SIP ini kebanyakan golongan pekerja sangat merasa beruntung kerana mereka melihat satu pembelaan dilaksanakan kepada mereka oleh pihak kerajaan, yang pentingnya kepada saya ialah perkara ini seperti dinyatakan kawan-kawan lain tadi sepatutnya sudah lama kita laksanakan. Akan tetapi Malaysia sebagai sebuah negara yang sangat teliti dalam mengaplikasikan sesuatu dasar baru kita rasa perkara ini tentunya akan memberi pulangan yang sangat positif kepada golongan pekerja apabila mereka di berhentikan kerja.

Suka saya membawa kepada pihak kementerian bahawa hal ini juga janganlah sama sekali walaupun dengan jelas telah dinyatakan SIP ini akan memberi perlindungan kepada semua golongan pekerja dan tidak akan sama sekali pada satu masa nanti pihak majikan akan menyuarakan bahawa mereka tidak perlu lagi memberi, membayar pampasan pemberhentian pekerja seperti yang dikehendaki di dalam Akta Buruh. Kita yakin pihak majikan pun ada yang positif, ada yang negatif dalam hal ini tetapi apa yang perlu kita ambil maklum di sini dan semua pihak ialah tentang keprihatinan kementerian, kerajaan menolak tepi semua yang tidak bersetuju tetapi mengambil satu langkah berani dalam memastikan warga kita, rakyat kita terbaik.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil kesempatan di sini juga ingin mengucapkan setinggi tahniah kepada pihak SOCSO pihak PERKESO kerana di pilih sebagai agensi pelaksana, yang paling menarik yang saya lihat komponen di dalam SIP ini ialah tentang skop latihan yang bakal di lakukan kepada mereka yang memerlukan

pekerjaan ini dan juga *follow through*, adakah mereka ini akan dapat peluang pekerjaan yang seterusnya setelah mereka menjalani latihan-latihan yang disediakan. Ini adalah satu komponen yang sudah lama tertinggal, di dalam negara kita banyak pihak yang menyediakan latihan-latihan untuk pekerja-pekerja yang di buang kerja, yang hendak mencari kerja mencari kemahiran tetapi kita tidak ada sebuah agensi yang boleh memantau sama ada mereka ini benar-benar telah menjalani latihan dan di tempatkan di tempat kerja yang sewajarnya.

Kita tahu kadangkala bila mereka sudah berusia 40 tahun ke atas untuk mendapat pekerja semula bukanlah satu keadaan yang mudah, dengan cara sebegini bila ada *follow through*, dengan izin, kita pasti ianya dapat membantu pekerja dalam menjalani kehidupan mereka seperti biasa.

Kita tahu semasa kegawatan ekonomi faedah SIP akan bertindak sebagai penstabilan *automatic economic, an automatic stabilizer for the economy* dengan menyediakan pendapatan asas kepada pekerja yang kehilangan pekerja seterusnya menyokong perbelanjaan pengguna atau *consumer spending*. Ini akan membantu menstabilkan perniagaan dan aktiviti ekonomi dan perkara ini tentunya akan dapat memberi sedikit kelonggaran beban kepada pekerja-pekerja yang di buang kerja, sesungguhnya pelaksanaan SIP merupakan satu dasar yang akan memberi kesan positif yang signifikan secara jangka panjang kepada negara.

Pada peringkat awal pelaksanaan SIP perlu ringkas dan mudah, reka bentuk dan pelaksanaan SIP akan sepatutnya di kaji dan tidak tertutup termasuklah faedah ataupun kadar caruman yang diberikan.

Tuan Yang di-Pertua, bila kita sudah selesai dari sudut kadar dan sebagainya, kita juga berharap pihak kementerian tidak sama sekali akan terlepas pandang tentang nasib pekerja-pekerja yang bukan di buang kerja tetapi secara tidak langsung mereka di paksa berhenti kerja. Ini pun ada satu keadaan terutama sekali seperti bagaimana yang sahabat saya ada mengatakan tadi, Yang Berhormat Tebrau mengatakan tentang *sexual harassment*, ini adalah satu keadaan yang sangat sukar untuk dibuktikan dan kadang-kadang kerana sikap malu kerana keperluan-keperluan tertentu pekerja-pekerja ini mengambil sikap untuk berhenti sendiri. Jadi adakah mereka ini akan diberi peluang tentang nasib mereka kerana kalau kita lihat di buang kerja, tidak kepada mereka yang berhenti sendiri.

Kita menolak supaya tidak dicover mereka yang memilih untuk berhenti untuk mendapatkan pekerjaan yang lain dan sebagainya tetapi mereka yang tertindas secara tidak langsung ini mungkin bolehlah difikirkan. Begitu juga Tuan Yang di-Pertua, kita minta juga pihak kementerian melihat sendiri kalau tidak pada masa terdekat tetapi memberi ruang kepada mereka-mereka yang sepatutnya diberi perhatian kalau mereka ini di buang kerja oleh sebab tindakan-tindakan yang tertentu, perkara ini kita harap dapatlah di lihat secara teliti bila sampai masa dan ketika nanti.

Di harap juga dengan bantuan yang diberikan oleh SIP ini satu fenomena iaitu mewujudkan mentaliti yang tidak sihat dikalangkan pekerja sendiri dan yang menyebabkan *moral hazard* di kalangan pekerja dapat di atasi kementerian mestilah bersedia dengan keadaan ini supaya tidak dieksplotasi oleh mana-mana pihak sama ada oleh pihak pekerja ataupun pihak majikan sendiri. Itu sahaja yang ingin saya ingin sampaikan, saya dengan ini mengucapkan setinggi tahniah dan menyokong penuh kepada Rang Undang-undang SIP 2017. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Sungai Siput.

#### 9.49 mlm.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk menyokong Rang Undang-undang Sistem Insurans Pekerjaan dan saya hendak kata syabas kepada Yang Berhormat Menteri dan juga kepada kementerian yang telah kerja kuat dengan komitmen untuk bawa rang undang-undang ini.

#### ■2150

Akan tetapi saya hendak fokus sedikit berkenaan dengan *limitations*-nya. Walaupun saya setuju dengan undang-undang ini, ada beberapa *limitations*. Satu ialah *quantum* perlindungan. Apabila kita lihat kepada Jadual Ketiga, apa yang dikatakan ialah mereka, pekerja itu akan dapat 80 peratus daripada gajinya untuk bulan pertama, 50 peratus untuk bulan kedua, 40 peratus untuk tiga dan empat dan 30 peratus untuk lima dan enam. Apabila kita campur kesemua, ini hanya merupakan 2.7 kali gaji bulanannya. Di sini bukan satu yang amat besar, *it is quite a small compensation*.

Akan tetapi di Malaysia ini kita ada satu lagi pampasan untuk pekerja yang dibuang kerja di bawah Akta Pekerja 1955, di mana mereka katakan seorang pekerja yang bekerja 10 tahun akan mendapat 20 hari gaji untuk setiap hari bekerja. So, pekerja itu akan mendapat 200 hari gaji, lebih kurang tujuh bulan pampasan sebagai satu *lumpsum*. Apa yang diberi oleh SIP ini ialah satu tambahan.

Saya mahu syorkan kepada kementerian, selepas *fund* ini jadi lebih stabil dengan satu dana yang besar sikit, bolehkah *fund* ini diperluaskan sedikit? Oleh kerana jika di Malaysia kita tengok, antara pekerja yang dibuang kerja lebih kurang 40,000 setahun, hampir satu pertiga daripada mereka adalah daripada syarikat-syarikat yang menjadi muflis.

Oleh itu mereka tidak mendapat 20 hari gaji setahun kerja, mereka tidak dapat walaupun mereka harus dapat tetapi oleh sebab syarikat itu di bawah *liquidator*, mereka tidak dapat. So, saya hendak syorkan bolehkah kita memperluaskan skim SIP untuk membayar mungkin satu bahagian daripada apa mereka harus dapat di bawah akta kerja, mungkin 80 peratus daripada apa yang mereka harus dapat daripada Akta Pekerja tetapi tidak dapat oleh sebab majikan muflis, dibayar oleh dana yang baru ini. Pada masa yang

sama, kita pakai 46(2)(j), di mana dana SIP boleh dituntut daripada *liquidator*, bayaran pampasan di bawah Akta Kerja. So, ini satu *suggestion*, satu syor.

Satu lagi *limitations* adalah dengan seksyen 32, subseksyen (5) yang menyatakan bilangan caruman bulanan yang telah diambil kira bagi maksud menentukan syarat kelayakan tidak boleh diambil kira untuk apa-apa tuntutan bagi faedah berikutnya, ini kena dibaca bersama dengan Jadual Keempat.

Jadual Keempat dikatakan bahawa untuk tuntutan pertama, seorang pekerja mesti ada 24 bulan caruman, baru dia boleh dapat bantuan untuk enam bulan. Katakan pekerja itu dapat bantuan itu, dia kerja balik dan dibuang kerja kali kedua selepas bekerja di tempat baru, dikatakan tuntutan kedua. Dia perlu dapat 36 bulan caruman sebelum dia layak mendapat pampasan enam bulan lagi sekali. Jika dibuang selepas itu, tuntutan ketiga, dia perlu bekerja untuk 48 bulan sebelum dia mendapat, so ini *actually* adalah *double jeopardy*.

Satu, untuk tuntutan kedua, dia perlu lebih lama, kena carum lebih lama dan ikut seksyen 32 subseksyen (5), bilangan caruman yang diambil kira untuk tuntutan pertama tidak boleh diambil kira untuk tuntutan kedua. So, *I think they got to choose one or the other*. Katakan *you* perlu lebih banyak caruman untuk tuntutan kedua seperti di *Schedule* keempat, harus kita benarkan caruman yang diambil kira untuk tuntutan pertama pun diambil kira ataupun kita tidak mahu ambil kira itu, kita jangan ada *Schedule* keempat lah, hanya pakai seperti kelayakan untuk tuntutan pertama.

*I hope the Minister understands, it is a bit complicated tetapi it is double jeopardy sini. It makes it longer tetapi you cannot take into consideration the first period, it is already taken care off in the first application. So, saya harap ini saya ingat satu mungkin bila ini fund lebih stable dan kita tahu ia mampan, kita boleh longgarkan ini. Sekarang ini saya ingat tidak fair untuk seorang pekerja yang dibuang kerja kali kedua ataupun kali ketiga. Kelayakan, syarat untuk jadi layak, jadi lebih-lebih stringent.*

Satu lagi *limitations* dalam akta ini ialah tafsiran kehilangan pekerjaan. Ini dalam seksyen 30, di mana 30(1) subseksyen (b), habisnya tempoh kontrak perkhidmatan orang berinsurans di situ. Di Malaysia sekarang ada ramai orang B40 yang bekerja sebagai pekerja kontrak di sekolah-sekolah. *Cleaner* di sekolah, *security guards* di sekolah ataupun di hospital dan mereka semua ada kontrak selama tiga tahun sahaja. Apabila kontrak ini diperbaharui, mungkin mereka tidak akan dapat kerja balik, mungkin kontraktor pun ditukar, mereka akan hilang kerja. Akan tetapi ikut apa yang ditulis dalam 30(1)(b) ini nampaknya mereka tidak boleh memohon. So, saya rasa ini harus diperhalusi.

Saya tengok macam di 30(1)(a), kita ada satu seksyen yang lain, 30(2) yang *define* 30(1)(a) secara yang lebih mendalam. Saya rasa kementerian pun kena *define* 30(1)(b) secara yang lebih mendalam, mengatakan pekerja-pekerja kontrak di sekolah, pekerja-pekerja kontrak di hospital yang hilang kerja kerana kontrak tidak diperbaharui, mereka boleh memohon untuk skim ini, mereka layak. Satu lagi juga yang dibawa oleh Yang

Berhormat Bukit Katil ialah 30(1)(f), penamatkan kontrak perkhidmatan orang berinsurans disebabkan oleh salah laku.

Kawan-kawan saya di *union* memberitahu saya bahawa kadang-kadang majikan menggunakan alasan salah laku untuk membuang pemimpin pekerja, so ini pun kita kena harus ambil kira. Kita mesti ada sama dengan 32, kita mesti ada satu cara kita boleh halusi. So, jika mereka dibuang kerja atas alasan salah laku, kementerian kena tafsiran adakah betul-betul dia salah laku? Adakah betul-betul dia mencuri? Dia pukul *employee* kah? Okey, itu salah laku tetapi adakah ini alasan yang dipakai untuk buang seorang yang aktif menuntut hak pekerja? So, saya ingat ini penting untuk (b) dan (f), kita harus ada *qualifying*.

Saya juga hendak bawa satu isu lain di bawah seksyen 25, kuasa untuk melantik agen. Dikatakan di sini 25(1), pertubuhan boleh melantik apa-apa bilangan agen untuk memungut dan menerima bayaran caruman bagi pihak pertubuhan. Saya hairan kerana PERKESO ini sudah kutip caruman untuk enam juta pekerja, saya ingat dia tidak pakai agen dan sekarang SOCSO pun akan ambil skim ini. So, apakah perlunya kita ada agen? Adakah ini akan meningkatkan kos? Apakah kita akan bayar kepada agen? Kenapa SOCSO tidak boleh pakai caruman yang sama? Oleh kerana semua majikan yang akan ambil bahagian dalam skim ini sudah daftar dengan SOCSO, memang *list* semua ada dekat SOCSO. Nama-nama pekerja pun ada dekat SOCSO. So, ini bukan satu yang kita kena *register* sekali baru, ini semua memang semua di bawah SOCSO, ini mereka boleh juga didaftarkan dalam skim ini.

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]*

■2200

So, apa perlunya kita ada pihak yang ketiga yang kita kena bayar dengan skim ini dalam caruman ini? So, *I don't understand. Why are we creating jobs? You know?* Apakah sebabnya kita perlu ejen? Saya juga hendak tanya sedikit berkenaan dengan jumlah yang dianggarkan. *What is our expectation?* Berapa kita akan kutip? Kita tahu kita ada lebih kurang enam juta pekerja di bawah SOCSO. Katakan dengan gaji purata RM2,000 sebulan, kita akan dapat lebih kurang RM600 juta untuk dana ini dalam satu tahun dan tahun pertama- RM600 juta. Adakah ini anggaran kementerian? Dan jika kita anggarkan, kita ada 40,000 pekerja yang dibuang kerja tiap-tiap tahun daripada *calculation* kita pakai *estimate* ya RM2,000 gaji kita kali 2.7 kan? Kita bayar dia *the full amount* hanya lebih kurang RM216 juta.

So, kutipan RM600 juta bayaran setahun lebih kurang RM200 juta. Apakah anggaran kita untuk latihan? Dan apakah anggaran kita untuk menguruskan skim ini? Jika kementerian boleh bagi sedikit gambaran, *what is your estimate* berkenaan dengan semua ini? Hal ini kerana, orang di luar sana ada risau sikitlah. Duit sebanyak RM600 juta ini tidak akan diurus, ditadbir dengan baik. Itu satu kerisauanlah. Dan soalannya adakah ada

ketirisan melalui komisen pada ejen, melalui bayaran pada institusi latihan, *you know?* So, semua orang ada tanda soallah.

So, saya harap Menteri boleh jawab isu itu kerana isu-isu *governance* pun amat penting. Satu dana sebegitu besar RM600 juta setahun bagaimana ia akan dijaga? So, pada *overall*-nya, keseluruhannya saya sokonglah. Ini satu permulaan yang baik, *you know* dan saya sangat alu-alukannya. Akan tetapi ia perlu dimantapkan lagi *you know*, untuk dijadikan lebih seluruh dan mungkin dalam masa hadapan saya harap Menteri akan datang balik ke Dewan ini dan bentangkan langkah-langkah untuk menjadikan dia lebih mampat lebih luas. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Berapa orang lagi yang berhujah ini- ada 1, 2, 3, 4 orang. Pasang *turbo*. ‘Kasi’ laju. Sedar. Sekarang sudah pukul 10 malam.

Sila, Yang Berhormat Kuala Terengganu. Bukan, Yang Berhormat Kuala Selangor. Yang Berhormat Kuala Selangor. Pasang *turbo* ya.

#### 10.03 mln.

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera. Salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya dan mengizinkan saya untuk bahaskan usul Rang Undang-undang Sistem Insurans Pekerjaan 2017.

Tuan Yang di-Pertua, bila melihat kepada rang undang-undang ini, saya melihat kepada kegawatan ekonomi global dalam tempoh 1997 hingga 2016 sedikit sebanyak memberikan kesan kepada pertubuhan ekonomi negara.

Walaupun kadar pengangguran di bawah empat peratus sepanjang tempoh tersebut, namun bilangan pekerja yang diberhentikan yang dilaporkan ke Jabatan Tenaga Kerja (JTK) meningkat secara mendadak semasa krisis ekonomi. Dalam tempoh dua tahun sahaja krisis kewangan Asia mengakibatkan seramai 121, 222 orang hilang pekerjaan. Krisis subprima Amerika Syarikat pula melibatkan pemberhentian seramai 154,987 orang bagi tahun 2007 hingga 2009. Pada tahun 2015, seramai 44, 343 pekerja kehilangan pekerjaan yang antara lain berpunca daripada langkah automasi daripada sektor kewangan, perseteruan Malaysian Airlines Berhad, kejatuhan harga minyak mentah di pasaran dunia dan ketidakstabilan mata wang Ringgit.

Bagi tahun 2016 pula, seramai 37,699 orang pekerja kehilangan pekerjaan dengan majoriti pemberhentian berlaku dalam sektor pembuatan, perdagangan borong dan runcit, kewangan dan insurans takaful dan perlombongan serta pengkuarian. Pada masa itu saya berpendapat dengan pihak kementerian bahawa satu mekanisme perlu disediakan untuk membantu pekerja yang kehilangan pekerjaan.

Kementerian telah mewujudkan sistem sokongan seperti pendapatan sementara, latihan semula dan carian pekerjaan yang amat penting dalam fasa pemilihan bagi

mendapatkan pekerjaan baharu. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, bila merujuk kepada perkara tersebut, Malaysia sedang menuju bukan sebuah negara yang maju dan pembuatan tinggi pastinya kita akan terdedah kepada sebarang kejatuhan ekonomi dunia. Justeru saya melihat rang undang-undang ini iaitu Sistem Insurans Pekerjaan sebagai satu sistem yang dapat melindungi pekerja dan majikan jika berlaku kejutan domestik ataupun global.

Setelah meneliti isi kandungan Rang Undang-undang Sistem Insurans Pekerjaan, ia jelas memperlihatkan kesungguhan dan keprihatinan kerajaan terutama sekali menjaga kebijakan para pekerja swasta di negara kita. Rang undang-undang ini memperlihatkan dua komponen yang saya lihat penting iaitu insurans pekerjaan dan program Penempatan Pekerjaan Semula.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini terdapat 75 daripada 183 buah negara yang telah melaksanakan SIP dan sistem seumpamanya yang berasaskan insurans dalam pelbagai bentuk. Hampir semua negara maju termasuk 35 buah negara OECD, dengan izin, *The Organisation for Economic Co-operation and Development* dan beberapa buah negara membangun yang lain telah melaksanakan sistem ini. Beberapa buah negara maju telah melaksanakan sistem ini sejak awal abad kedua puluh seperti Perancis tahun 1905, Denmark tahun 1907 dan *United Kingdom* tahun 1911.

Bilangan negara yang melaksanakan sistem ini juga semakin meningkat terutamanya selepas *The Great Depression* pada awal tahun 1930-an dan perang dunia kedua khususnya di Eropah, Amerika Utara dan Amerika Latin. Antara negara Asia yang telah melaksanakan sistem ini termasuklah Jepun tahun 1947, China tahun 1986, Korea Selatan tahun 1995, Taiwan tahun 2003, Thailand tahun 2004 dan Vietnam tahun 2009 di Asia. Justeru itu, mengapa kita sebagai sebuah ahli anggota ASEAN tidak melaksanakan sistem ini? Sedangkan Jepun sebuah negara yang pernah dijadikan panduan dalam pelaksanaan Dasar Pandang ke Timur telah melaksanakannya lebih daripada 70 tahun.

Sebab itu pada hemat saya Tuan Yang di-Pertua, jika merujuk kepada perkara ini sudah sampai masanya saya memuji pendekatan yang dilakukan oleh kerajaan dengan mewujudkan Sistem Insurans Pekerjaan 2017. Jika dilihat daripada kadar caruman yang ditetapkan oleh pihak kementerian pada hemat saya mungkin ramai yang mempertikaikan kerana hanya 0.4 peratus sahaja iaitu nisbahnya 0.2 peratus dicarum daripada pekerja manakala 0.2 peratus dicarum oleh majikan berbanding oleh negara-negara seperti Thailand, 1.25 peratus, Vietnam, 3 peratus, Arab Saudi, 2 peratus dan Korea Selatan 2.15 peratus. Cuma saya mengharapkan nanti dalam pembentangan Bajet 2018 nanti, *insya-Allah* ada berita gembira untuk Sistem Insurans Pekerjaan khususnya daripada pihak kerajaan untuk membantu khususnya dalam memastikan ia dapat digerakkan.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya, antara objektif utama cadangan pelaksanaan sistem insurans pekerjaan ialah untuk menyediakan bantuan kewangan yang segera iaitu seawal tujuh hari selepas pengesahan hilang pekerjaan kepada pencarum

yang hilang pekerjaan. Selain daripada itu, objektifnya ialah untuk membantu pencarum yang hilang pekerjaan bagi mendapatkan pekerjaan baharu menerusi Program Penempatan Semula sama ada *mobility assistance* dan meningkatkan kebolehpekerjaan-*employability* pencarum yang hilang pekerjaan melalui program latihan dan juga latihan vokasional. Justeru itu, melihat kepada objektif SIP secara keseluruhannya, pada hemat saya terdapat banyak manfaat yang akan diperoleh oleh para pencarum dalam sistem insurans ini.

Antaranya ialah dapat mengurangkan tahap kesempitan kewangan yang akan dihadapi oleh para pencarum dan berupaya untuk mengelakkan tekanan khususnya konflik dalam keluarga. Sesuatu yang menyediakan apabila terdapat di antara individu yang hilang pekerjaan dan juga punca pendapatan terpaksa meminjam dengan *Ah long* bagi meneruskan kehidupan biarpun kadar faedah yang dikenakan oleh mereka sangat tinggi dan membebankan. Ibarat sudah jatuh ditimpa tangga begitulah nasib para pekerja yang hilang punca pendapatan disebabkan oleh tiada perlindungan seperti SIP ini.

#### ■2210

Berdasarkan statistik yang diperoleh menunjukkan pada tahun 2017 daripada Januari hingga Mei menunjukkan terdapat 263 kes melibatkan pinjaman *ah long* disebabkan oleh desakan hidup dan hilang punca pencarian rezeki dicatatkan. Perkara ini diperkuahkan dengan kenyataan daripada Ketua Penolong Pengarah Siasatan Jenayah Korporat dan Kewangan, Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Bukit Aman.

Selain itu, saya mempunyai keyakinan yang tinggi melalui sistem latihan yang akan disediakan di bawah skim insurans pekerjaan ini akan berupaya untuk menyediakan peluang pekerjaan yang lebih baik kepada pencarum, dan *insya-Allah* akan menjamin kelangsungan hidup mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan itu, syarikat...

**Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]:** Yang Berhormat Kuala Selangor. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Kuala Selangor, tadi Yang Berhormat Kuala Selangor sebut akan ada skim latihan dan sebagainya untuk pekerja yang berhenti itu dapat kerja baru. Akan tetapi soalan saya ialah yang pertama, berapa lama tempoh dia diberhentikan kerja, diberi latihan boleh mendapat kerja semula? Sebab- selepas itu, di mana pula kalau kerja itu, di mana pula? Jadi kerana itu, pada pandangan saya, pandangan daripada Yang Berhormat Parit Sulong tadi bahawa pekerja yang mendapat kerja baru, yang pertama kena bayar duit pindah. Keduanya, kena bayar pula kos tiga bulan sewa rumah di tempat baru yang dia akan pindah. Apa pendapat Yang Berhormat Kuala Selangor?

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Yang Berhormat Parit di atas pandangan beliau tadi. Saya lihat ada baiknya ia dapat dipertimbangkan oleh pihak Kementerian kerana khususnya dalam usaha untuk

memastikan SIP ini berjaya, mungkin pandangan daripada Yang Berhormat Parit itu boleh dijadikan sebagai satu landasan juga dalam menjayakan SIP ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai rumusannya saya melihat syarikat dan majikan juga tidak ketinggalan untuk menikmati banyak manfaat khususnya melalui SIP ini di mana dengan adanya peningkatan produktiviti di kalangan pekerja mereka dan pemberhentian pekerja juga akan lebih mudah diterima oleh pekerja. Paling penting pada hemat saya, perlindungan dan jaminan akan diberikan sekiranya mereka kehilangan pekerjaan, ia juga dapat mengurangkan keperluan simpanan, dengan izin, *precautionary savings*. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, Kuala Selangor menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kuala Krai.

#### **10.12 mlm.**

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin memberikan buah fikiran dalam membahaskan Rang Undang-undang *Employment Insurance System* ini ataupun Sistem Insurans Pekerjaan. Kita sudah dengar tadi bahawa cadangan untuk mewujudkan skim bantuan berhenti kerja ini telah lama dikemukakan. Sudah puluhan tahun malah negara maju sudah memulakannya agak lama. Mungkin kerana berlaku masalah di antara majikan-majikan dan juga dengan kerajaan kerana dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu, sebarang tambahan yang dikeluarkan oleh majikan untuk menampung apa juga pembayaran akan menjelaskan keuntungan mereka. Kemungkinan itu yang menjadi halangan.

Kemudian kita juga baru melaksanakan dasar gaji minimum yang sudah tentu juga akan menimbulkan kepada majikan satu masalah tetapi saya rasa tumpuan harus diberikan kepada pekerja-pekerja. Walaupun dalam masa dua, tiga tahun ini, beberapa skim dimulakan yang mungkin mengurangkan keuntungan tetapi untuk kakitangan dan pekerja-pekerja, motivasi yang mereka peroleh melalui beberapa perubahan dasar ini akan membantu produktiviti dan akhirnya akan menambah keuntungan kepada syarikat-syarikat. Jadi saya menganggap majikan-majikan dan syarikat seharusnya mengambil pendekatan yang mesra pekerja demi untuk kebaikan perniagaan mereka.

Oleh sebab itu saya agak terkejut juga apabila ada tersebar cadangan daripada pihak majikan yang berkepentingan untuk meminta supaya pelaksanaan skim ini ditangguhkan kerana dikatakan bahawa konsensus tidak dicapai dengan kementerian dan cadangan-cadangan yang dikemukakan setelah pembentangan kali pertama ditarik balik tidak diikuti oleh kementerian.

Soalannya, apa benda yang telah dibincangkan dalam konsultasi dengan pihak majikan ini? Kita di dalam Dewan ini, ingin juga mendengar daripada Yang Berhormat Menteri apa yang telah dicadangkan oleh majikan sehingga mereka mengeluarkan kenyataan hari ini bahawa mereka tidak bersetuju ia dilaksanakan. Saya rasa kita tidak

boleh bertangguh dalam hal ini. Kita kena jalankan dulu dalam masa yang sama, kita harus melihat apa yang menjadi kegusaran kepada pihak majikan.

Ini kerana kita mahu apabila ini dilaksanakan, semua pihak berlapang dada dan menganggap ini sebagai satu tindakan yang membawa kebaikan kepada semua pihak. Jadi kita harap, kita teruskan dan kami di sebelah sini, secara konsensusnya kesemua pihak di pihak pembangkang ini bersetuju ia dilaksanakan. Akan tetapi tentulah kalau boleh ada penambahbaikan lagi, saya rasa itu akan menjadi lebih menguntungkan kepada pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, antara perkara yang saya hendak sentuh iaitu apabila mereka ini berhenti kerja atas sebab-sebab ekonomi kah, lalu mereka boleh memasuki latihan untuk mendapatkan pekerjaan semula. Saya rasa ini satu ukuran yang baik untuk mengukur keadaan ekonomi kita. Kalaulah dalam masa enam bulan contohnya, setelah latihan itu ataupun dalam masa latihan itu masih tidak mendapat pekerjaan, ertinya keadaan ekonomi kita masih lembap. Peluang-peluang pekerjaan masih berkurangan. Akan tetapi kalau ramai di antara mereka yang hilang kerja ini dalam masa dua, tiga bulan selepas menjalani latihan yang disediakan oleh pertubuhan ini, ia menggambarkan sistem ekonomi kita semakin baik. Jadi salah satu ukuran daripada keadaan ekonomi kita ialah kadar *re-employment* ataupun mendapat kerja semula dalam tempoh enam bulan mereka kehilangan kerja.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, dalam rang undang-undang ini juga disebut bahawa jumlah maksimum yang dibayarkan untuk latihan kepada mereka yang hilang kerja ini ialah antara RM10 hingga RM20 maksimum sehari untuk latihan. Totalnya ataupun jumlahnya ialah RM4,000. Tadi Yang Berhormat Klang membangkitkan apa jenis latihan yang boleh kita dapat untuk tempoh enam bulan itu sebanyak RM4,000 kosnya RM4,000. ertinya latihan yang tidak sofistikated, terlalu murah, yang tidak menjamin suatu peningkatan kemahiran yang membolehkan mereka memperoleh pekerjaan.

Jadi saya hendak mencadangkan, ada disebut oleh Yang Berhormat Sungai Siput tadi, anggaran-anggaran pendapatan daripada tabungan ini supaya bayaran untuk latihan ini ditingkatkan supaya ia memberikan satu jenis latihan yang lebih baik, teknikal kah, vokasional kah atau pun latihan dalam kerja. Yang lebih sesuai supaya mereka mendapat pekerjaan yang lebih baik dan tidak dihadkan hanya kepada RM20 sehari. Kalau dalam sebulan mereka dilatih lebih kurang dalam 20 hari, baru RM400. Kalau enam bulan tempoh latihannya, baru enam kali empat RM2,400. Tidak sampai pun RM4,000. Jadi sedikit.

Oleh yang demikian, saya mengharapkan supaya ditambah baik skim latihan ini dan kita juga hendak tahu di mana mereka ini dilatih sama ada dilatih di bawah Skim Latihan 1Malaysia yang kita dengar tidak mendapat sambutan. Kemungkinan dari segi jenis latihannya kah, kualitinya, kita tidak tahu. Jadi saya ingin mendapat maklum balas daripada kementerian apa jenis latihan, di mana mereka akan dilatih.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, dalam rang undang-undang ini, tidak pula, bukanlah saya hendak menyuruh supaya diwujudkan satu peruntukan untuk membenarkan pertubuhan ini menubuhkan syarikat seperti yang telah kita bahaskan dalam Rang Undang-undang *Intellectual Property* yang lepas, sehari yang lepas ini iaitu setelah 13 tahun rang undang-undang ini ataupun undang-undang itu dibentuk, diminta pinda untuk membolehkan mereka menubuhkan syarikat. Dalam rang undang-undang ini tidak ada.

■2220

Apakah ditiadakan dengan tujuan dalam masa beberapa tahun akan datang dikemukakan pula cadangan itu kerana kalau dikemukakan hari ini saya yakin kita berasa khuatir bahawa ia akan menjadi suatu tempat di mana pertubuhan ini menjalankan perniagaan, lebih ditumpukan kepada perniagaan daripada memikirkan bagaimana mereka hendak membantu pekerja-pekerja yang hilang pekerjaan.

Jadi saya hendak mencadangkan supaya tidak sama sekali pada masa akan datang diusulkan supaya pertubuhan ini dibenarkan untuk membentuk syarikat. Cukuplah dengan apa yang ada dalam peruntukan, di mana mereka boleh mendapat faedah, *debenture* dan sebagainya untuk penampung pengurusan dan juga untuk membayar pampasan ataupun *benefit* kepada pekerja-pekerja.

Seterusnya, kita juga hendak bertanya kepada kementerian seperti yang sebut oleh Yang Berhormat Sungai Siput oleh sebab kita ada lebih kurang enam juta ataupun 6.5 juta pekerja-pekerja yang mungkin boleh masuk dalam skim ini dengan purata setiap pekerja lebih kurang RM10 sebulan pungutan carumannya. Ertinya 65 juta sebulan darabkan 12, lebih kurang hampir 800 juta. Ini satu jumlah yang besar sementara seperti yang dikira tadi, pampasan dengan kehilangan pekerjaan seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Kuala Selangor tadi, 37 ribu setahun dibahagi dengan 12 bulan, lebih kurang tiga ribu sebulan. Tentulah jumlahnya dengan purata pampasannya tadi itu hanya mencapai lebih kurang 200 juta. Jadi kita ada surplus, surplus yang cukup tinggi.

Saya ingin bertanyakan kepada Menteri, sama ada kedudukan ini boleh dianggap sebagai suatu yang mampan yang boleh bertahan yang menyebabkan tidak perlu Menteri menggunakan peruntukan dalam seksyen 18(3) iaitu menggunakan kadar perkiraan, dua, tiga atau empat tetapi kekal menggunakan *rate* pada Bahagian I sahaja kalau mengikut perkiraan kita itu. Ini yang sebenarnya menjadi *contention* ataupun menjadi persoalan yang dibangkit oleh persatuan majikan contohnya kerana mereka mengatakan mereka telah berbincang dengan kementerian tentang *rate* satu, dua, tiga dan empat. *Rate* satu dipersetujui tetapi *rate* dua, tiga dan empat itu menjadi perkara yang tidak dipersetujui.

Jadi apa sebenarnya yang tidak dipersetujui dan apakah perlu kita meletakkan pilihan dan membenarkan Menteri untuk membuat unjuran, kalau kita rasa dalam keadaan ini *rate* yang pertama itu sudah mencukupi untuk mendapatkan caruman daripada pekerja. Jadi, kita mengharapkan dengan surplus yang ada ataupun lebihan ini, kerajaan boleh

malah mengurangkan lagi peratusan caruman daripada pekerja supaya wang itu menjadi sebahagian daripada wang boleh belanja di kalangan para pekerja, masuk semula ke dalam pasaran. Jadi ini akan merancakkan lagi ekonomi. Kalau dalam satu keadaan ekonomi yang sangat merosot, pembuangan pekerja begitu berleluasa, kemungkinan *rate* yang pertama itu dikenakan semula.

Jadi saya ingin memohon penjelasan daripada Menteri, bagaimana mereka hendak menggunakan surplus itu dan sama ada kementerian menganggap ada surplus dalam hal ini. Oleh itu kalau ada surplus ini, saya rasa untuk memulakan perkhidmatan ini, seperti Yang Berhormat Klang mencadangkan, supaya kerajaan tidak menggunakan wang caruman ini untuk pengurusan di tahun yang pertama kerana itu akan mungkin menyebabkan Kumpulan Wang ini tidak dapat berada dalam suatu jumlah yang boleh memberikan pampasan kepada pekerja yang hilang pekerjaan.

Jadi satu jumlah yang perlu disumbangkan oleh kerajaan yang dicadangkan tadi 300 juta kita sokong, supaya ia menjadi satu modal awal kepada pertubuhan ini untuk melaksanakan urusan-urusan pentadbirannya supaya tidak terpaksa menggunakan wang yang dicarumkan. Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, kita melihat bahawa umur pekerja-pekerja yang akan dimasukkan dalam skim ini tidak melebihi 60 tahun. Ini sejajar dengan lain-lain tabungan seperti EPF, mungkin SOCSO lebih dari 60 tahun pun boleh dibayar.

Saya hendak bertanya, apakah kerajaan bercadang satu hari nanti dan kerana sekarang pun kita melihat *World Health Organization* (WHO) mengatakan umur 65 tahun pun masih muda, jadi terutama yang bekerja di SME, mereka kadang-kadang terpaksa bekerja lebih daripada umur 60 tahun untuk menampung kehidupan dengan EPF nya yang kecil sebagainya. Jadi, saya mungkin mencadangkan kita tidak terikat dengan apa yang berlakunya di KWSP dan lain-lain tabungan, supaya kita boleh menggalakkan ataupun memasukan kumpulan yang umur lebih daripada 60 tahun ini untuk mencarum dan mendapat kebaikan daripada skim yang telah disediakan ini. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Setiu.

#### 10.25 mlm.

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, pembentangan Sistem Insurans Pekerjaan atau SIP ini membuktikan bahawa kerajaan kita, Kerajaan Barisan Nasional sentiasa mengambil seberat sebenarnya nasib pekerja yang diberhentikan.

Sebenarnya, inilah yang ditunggu-tunggu oleh semua pekerja-pekerja yang dibela oleh MTUC. Jadi, kerana sebelum ini sebenarnya tiada pembelaan, bila tidak ada pembelaan sebelum ini, inilah langkah yang terbaik pihak kerajaan, menunjukkan komitmen kerajaan dalam memastikan ada pembelaan dibuat terhadap kumpulan pekerja. Cuma penyelesaian ini dibuat dalam jangka masa pendek sahaja. Dalam tempoh enam

bulan, persoalannya kalau lauh mereka ini yang dibuang kerja tidak dapat lagi pekerjaan baru, apa keadaannya?

Bermakna mereka akan tidak ada pekerjaan. Kenapa kita tidak boleh lanjutkan masa itu sehingga mereka dapat pekerjaan? Sebab kalau disebut oleh- oh! Sudah tidak ada. Dia kata kalau kutipan, kalau ada caruman maknanya akan ada surplus, boleh gunakan apa-apa wang yang diterima untuk membantu mereka ini sehingga mereka mendapat pekerjaan.

Saya rasakan ini merupakan satu cadangan yang baik. Kemudian kita lihatlah apa sebenarnya objektif akta ini, jadi banyaklah ya, hendak kira menyediakan bantuan segera kewangan kepada pekerja yang hilang pekerjaan, membantu pekerja yang hilang kerja untuk mendapatkan pekerjaan baru, menambah baik pekerjaan melalui *training* dan juga program vokasional. Untuk *training*, yang dibayar oleh pihak pertubuhan dinyatakan dengan jelas dalam seksyen 35 , jadi semua *training* vokasional dan sebagainya adalah yang dibayar oleh pertubuhan selepas permohonan dibuat.

#### ■2230

Jadi dalam begitu kebaikan SIP ini banyaklah kalau hendak dikira kebaikan, mengurangkan kesukaran pihak-pihak yang diberhentikan kerja, mengurangkan kemiskinan, mengelakkan konflik dalam keluarga kalau tidak kerja memang akan ada konflik. Kemudian ada lagi peluang yang lebih baik kerja yang sesuai, kemudian mengurangkan *stress*, bila tidak ada kerja memang stres lah dan mungkin ada timbul masalah kesihatan dan sebagainya. Secara sosialnya akan mengelakkan berlakunya kejadian jenayah dan sebagainya.

Saya ada sedikit persoalan dalam pada kita memperkenalkan SIP ini, adalah sedikit sebanyak daripada pihak majikan biasanya. Dia kata, kalau SIP diperkenalkan, ia akan meningkatkan kos. Kos akan lebih lagi, kos perniagaan. Jadi persoalan saya sama ada pihak kementerian menyatakan berapakah sebenarnya jangkaan peningkatan kos itu sendiri selepas SIP ini dilaksanakan? Persoalan kedua apakah sebenarnya pendirian kerajaan mengenai faedah pemberhentian yang sudah sedia ada dalam Akta Pekerja 1955 atau dikatakan *employment termination and lay off benefit*?

Adakah kerajaan akan memansuhkan ETLB tadi ataupun hendak dikekalkan? Itu persoalan saya sebab kalau tidak, mereka katakan ini akan menyebabkan kos berganda bermakna seolah kena bayar dua kali. Persoalan seterusnya mengenai caruman oleh pihak majikan dan pekerja ini kepada mereka yang tidak pernah membuat tuntutan macam mana? Adakah caruman boleh dipulangkan atau pun macam mana? Itu persoalan saya ada. Saya rasa setakat itu sahaja dan saya mohon menyokong.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Tuan Yang di-Pertua saya juga hendak membahas sedikit sahaja mengenai Rang Undang-undang SIP 2017. Fungsi penempatan pekerjaan semula yang dicadangkan dalam rang undang-undang ini telah pun dilaksanakan oleh *JobsMalaysia* dan satu 1MOC, dua badan di bawah Kementerian

Sumber Manusia sendiri. Begitu juga halnya dengan program latihan. Rang undang-undang ini mencadangkan program latihan untuk diberikan kepada pekerja kehilangan pekerjaan.

Soalannya, apakah perbezaan fungsi ini dengan fungsi sedia ada Pembangunan Sumber Manusia Berhad atau HRDF. Bukankah cadangan rang undang-undang ini melalui pewujudan program penempatan pekerjaan semula menyebabkan pertindihan fungsi antara PERKESO dan *JobsMalaysia* serta PERKESO dan HRDF.

Saya mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri mengenai perkara ini. Saya juga meminta Yang Berhormat Menteri menjelaskan sama ada pekerja yang telah menerima bayaran pampasan akibat pemberhentian sama ada di bawah Akta Kerja 1955 atau Skim Pemisahan Suka Rela VSS, MSS turut layak menerima faedah SIP ini.

Saya difahamkan pihak majikan meminta pekerja yang telah dibayar pampasan pemberhentian kerja tidak diliputi dalam pelaksanaan SIP. Di pihak pekerja sendiri, antara kerisauan utama mereka ialah SIP akan memudahkan pihak majikan membuang pekerja. Benarkah dakwaan itu? Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak kementerian untuk memastikan pemberhentian pekerja sewenang-wenangnya tidak berlaku. Rang Undang-undang ini memperuntukkan bilangan caruman minimum yang diperlukan untuk menerima faedah ialah 12 bulan. Adakah ini bermakna pekerja yang kehilangan pekerjaan pada tahun 2018 tidak layak menerima faedah SIP kerana belum lagi memenuhi tempoh minimum tersebut?

Mohon juga penjelasan Yang Berhormat Menteri dan Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Menteri.

#### **10.36 mlm.**

**Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Richard Riot anak Jaem]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada 14 orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam rang undang-undang dalam perbahasan Rang Undang-undang Sistem Insurans Pekerjaan 2017.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada kesemua 14 orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian kerana rata-rata telah menyokong penuh tentang Rang Undang-undang SIP ini. Terima kasih kepada kesemua yang telah mengambil bahagian. Bagi pihak Kementerian Sumber Manusia sememangnya kita amat berterima kasih kerana yang mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Sistem Insurans Pekerjaan 2017 kesemuanya telah memberi kepada sokongan. *In fact*, ada seorang memberi sokongan 100.1 percent. Jadi terima kasih kepada semua.

Beberapa perkara yang telah dibangkitkan dan saya mengikut giliran mereka yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan. Pertamanya iaitu daripada Tebrau. Tebrau

memulakan dengan membandingkan purata atau kuantum SIP kita dengan negara-negara lain. Beliau telah menyebut Bahrain 3 peratus; China 3 peratus; Jepun 1.5 peratus; Korea Selatan 22 peratus; berbanding negara kita, hanya 0.4 peratus iaitu 0.2 peratus daripada pekerja, dan 0.2 peratus daripada pihak majikan.

Tuan Yang di-Pertua dalam perkara ini, saya sememangnya inginkan kuantum ini dinaikkan. Akan tetapi sepertimana telah diutarakan Yang Berhormat sebentar tadi bahawa sebenarnya dengan kuantum yang 0.2 peratus ini dari pihak majikan dan 0.2 peratus dari pihak pekerja menjadikannya 0.24 peratus, ada juga sesetengah pihak yang menentangnya.

#### ■2240

Ada juga sesetengah pihak yang menentangnya. Maka *we have to start somewhere*. Jadi kerajaan telah menetapkan bahawa kita memadailah, kita bermula dengan 0.4 peratus jumlahnya iaitu 0.2 peratus daripada pihak pekerja dan 0.2 peratus dari pihak majikan.

Tuan Yang di-Pertua, dari itu saya pergi ke beberapa soalan dan perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tebrau iaitu pertama, beliau telah menanyakan bagaimana tuntutan dan pembayaran SIP akan dibuat. Yang Berhormat Tebrau masih ada di sini? Kadang-kadang saya terfikir kalau yang tidak ada di sini, saya tidak perlu jawab... *[Disampuk]* Ya, biasa saya buat, kalau yang tidak ada di sini saya tidak perlu menjawab sebab saya tadi sejak dari mula perbahasan saya tidak keluar dari Dewan. Jadi kalau semua setuju Tuan Yang di-Pertua, saya *skip* sahaja. Minta kebenaran Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, sila.

**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem:** Jadi Tuan Yang di-Pertua telah bersetuju bahawa saya akan *skip* dan kita akan menjawab secara bertulis. Ini stail kita.

Keduanya Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Hulu Langat. Saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Hulu Langat, beliau ada di sini kerana beliau sebagai seorang yang lama yang membela nasib para pekerja. Beliaulah yang menyokong, Yang Berhormat Hulu Langatlah yang menyokong 100 peratus Rang Undang-undang SIP ini. Terima kasih kepada beliau.

Jadi Yang Berhormat Hulu Langat yang telah menyatakan bahawa Rang Undang-undang SIP ini sangat hebat sekali, maka saya terus pergi ke Yang Berhormat Parit Sulong. Yang Berhormat Parit Sulong ada? Kalau semua tidak ada nanti tidak ada untuk saya menjawab, pun susah. Kalau datang nanti, kita akan balik. Yang Berhormat Parit Sulong banyak juga.

Selepas itu yang mencelah dari Yang Berhormat Parit Sulong, Yang Berhormat Mersing pun saya nampak tidak ada. Ini semua dah balik ini. Yang Berhormat Limbang pun mencelah, ada?... *[Disampuk]* Pun tidak ada. Selepas itu Yang Berhormat Merbok, terima kasih kepada Yang Berhormat Merbok, tidak ada juga. Keenam, Yang Berhormat

Klang ada. Terima kasih Yang Berhormat Klang kerana beliau pun akan mengambil bahagian dalam perbahasan di peringkat Jawatankuasa. Terima kasih Yang Berhormat Klang.

Yang Berhormat Klang telah menanyakan iaitu apakah peluang bagi pekerja yang telah berumur 40 tahun dan 50 tahun dan siapa yang akan membantu mereka mencari pekerjaan. Yang Berhormat Klang, jawapannya adalah seperti berikut. Sistem Insurans Pekerjaan ini akan memberikan bantuan kepada pekerja yang hilang pekerjaan termasuk bagi mereka yang berumur 40 tahun dan 50 tahun. Ada banyak peluang-peluang pekerjaan mengikut semua kategori umur yang boleh dipadankan kepada pekerja-pekerja tersebut.

Sekiranya mereka memerlukan *skill* atau kemahiran baru, sistem ini akan memberikan latihan bersesuaian yang diperlukan oleh pasaran pekerjaan yang akhirnya akan membolehkan pekerja ini kembali ke alam pekerjaan. Di Korea sebagai contoh, SIP menyediakan *wage subsidy*- 50 peratus dari gaji untuk enam bulan, kepada majikan yang menggaji pekerja berumur 45 tahun ke atas sebagai insentif. Insentif sedemikian boleh dilaksanakan di Malaysia seandainya kemampuan dana mencukupi. Buat masa ini dengan caruman sebanyak hanya 0.4 peratus iaitu 0.2 peratus dari pekerja dan 0.2 peratus dari pihak majikan, insentif sedemikian tidak mampu dilaksanakan lagi di negara kita ini.

Masih dengan Yang Berhormat Kluang yang menanyakan, Yang Berhormat Klang, maaf, sorry. Kluang ini bagi kita di Sarawak ini lain, ini *flying fox*. Apakah asas tempoh faedah Skim Insurans Pekerjaan (SIP) diberikan, hanya sehingga enam bulan. Lebih kurang mengikut apa yang telah saya jawab sebentar tadi iaitu asas bagi tempoh faedah SIP hanya diberikan sehingga tempoh hanya enam bulan adalah berdasarkan kajian *actuary* yang dibuat oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa atau *International Labor Organization* yang diterbitkan pada tahun 2015 setelah mengambil kira kemapanan dana dan purata tempoh menganggur sehingga 4.74 bulan mengikut laporan penyiasatan Tenaga Buruh oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Oleh yang demikian, tempoh sehingga enam bulan adalah dikira munasabah bagi seseorang yang kehilangan pekerjaan akan mendapat pekerjaan dalam tempoh tersebut.

Masih lagi dengan Yang Berhormat Klang, soalan yang diajukan, kenapa negara Vietnam boleh membayar faedah selama setahun, selama dua belas bulan. Tuan Yang di-Pertua, cadangan Yang Berhormat Klang supaya kadar faedah di dalam Rang Undang-undang Skim Insurans Pekerjaan mengikut seperti negara Vietnam perlulah mengambil kira kadar caruman yang ditetapkan oleh negara tersebut sebanyak tiga peratus sedangkan caruman di dalam Rang Undang-undang SIP kita hanyalah 0.4 peratus sahaja. Oleh yang demikian, kadar caruman yang dikenakan hendaklah sepadan dengan kadar faedah yang diterima supaya tidak menjelaskan kemapanan dana SIP.

Masih dengan Yang Berhormat Klang yang menanyakan apakah jenis latihan atau *training* yang akan diberi dengan RM4,000 dan siapakah akan *provide training*.

Jawapannya Tuan Yang di-Pertua, SIP akan membantu membiayai fi latihan sehingga RM4,000 untuk pencarum yang mengikuti latihan vokasional dan program latihan yang dapat meningkatkan kebolehkerjaan mereka. Ini adalah kerana kadar caruman 0.4 peratus tidak mencukupi untuk membiayai kos latihan yang tinggi. Kerajaan akan mengutamakan institusi latihan awam untuk melaksanakan program latihan kerana kos yang lebih rendah. Kerajaan juga akan menggunakan khidmat penyedia latihan swasta jika tiada latihan bersesuaian yang disediakan oleh institusi awam. Jenis latihan dan kos akan dikaji dari semasa ke semasa supaya ia lebih responsif kepada keperluan pasaran pekerjaan.

Yang Berhormat dari Klang juga menanyakan apakah penyelidikan dan perundingan yang telah dijalankan bagi menggubal rang undang-undang SIP. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, reka bentuk Sistem Insurans Pekerjaan di dalam Rang Undang-undang SIP adalah mengikut kajian oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa atau *International Labor Organization* yang diterbitkan secara interim pada tahun 2014 dan telah dibentangkan oleh pihak Kementerian Sumber Manusia pada tahun tersebut kepada pihak agensi kerajaan yang berkenaan seperti agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia, pihak majikan dan pihak pekerja sehinggalah versi muktamad kajian tersebut diterbitkan pada tahun 2015.

#### ■2250

Kajian ini telah digunakan dalam menggubal Rang Undang-undang SIP dengan mendapat input daripada *stakeholders* seperti pihak majikan dan pekerja melalui sesi libat urus sebanyak 78 kali iaitu 41 kali dengan pihak majikan dan 37 kali dengan pekerja sejak tahun 2010 sehinggalah tahun 2017. Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, lawatan ke luar ke negara-negara tertentu yang telah melaksanakan *employment insurance* seperti Korea Selatan, Jepun, Thailand dan sebagainya diguna pakai sebagai model untuk merangka undang-undang RUU SIP ini.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Yang Berhormat Menteri, boleh minta penjelasan? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana menjawab beberapa soalan yang telah saya bentangkan tadi. Saya fikir bahawa jawapan yang telah diberikan oleh pihak Yang Berhormat Menteri sebenarnya apa yang dipanggil *text book answers*. *Text book answers* untuk satu masalah yang besar yang berlaku di Malaysia. Pertama, kalau kita nampak daripada *personal experience* dan juga kajian yang telah dibuat oleh para akademik di Malaysia mengatakan bahawa memang susah untuk pekerja-pekerja yang berusia 40-an, 50-an untuk mendapat kerja dan saya telah memberi sebab, satu ialah mereka digantikan dengan pekerja daripada luar negara iaitu daripada Bangladesh ataupun Indonesia.

Kedua, *skills* pun sukar, bukan senang hendak belajar, ada proses dan *skills* yang baru datang itu ada di tangan anak-anak muda dan bukan dengan orang yang berumur 40-an dan 50-an. *So, therefore the answer that you are giving actually is not a representative what is happening in the real world.* Ada banyak juga kajian, termasuk kajian

daripada ILO yang jelas mengatakan bahawa *the approach to unemployment for those who are forties and fifties given the adjustment revolution is taking place now has to be different. So, therefore I'm not so convinced that the answer that* Yang Berhormat Menteri bagi tadi sebenarnya boleh mengatasi masalah yang kita hadapi di *labor market*, itu pertama.

Isu yang kedua berkait dengan mengapa Vietnam boleh memberikan pertolongan ataupun sokongan untuk 12 bulan? Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa sebab caruman mereka lebih tinggi daripada Malaysia. Itu memang betul, saya tidak menafikan caruman mereka itu lebih besar. Akan tetapi yang penting, yang kita lupa Yang Berhormat Menteri ialah ada di Vietnam *the full tripartite system actually operates. Tripartite system* di sana bermaksud, pihak majikan, pihak kerajaan dan pihak pekerja, ketiga-tiga *head stakeholders contributes* untuk *success of the employment insurance scheme* di sana. Akan tetapi di Malaysia, *we only have two*, di mana mereka ada tiga pihak yang *contributes*, yang sumbangkan untuk menjayakan EIS tetapi di Malaysia kita tidak ada sumbangan daripada pihak kerajaan.

*This is the big contributor* terhadap dana yang boleh dikumpul dan dana yang boleh digunakan. *So, therefore the answer is not so much that they are paying more, but the government too is also playing. In Malaysia, the government only takes in GST, but doesn't want to support social safety net.* Ini saya fikir adalah *answer, there is more, but I suggest* Yang Berhormat Menteri, demi kepentingan pekerja-pekerja yang akan kehilangan, saya cadang supaya kerajaan ulangkaji isu berkait dengan 12 bulan dan 6 bulan.

*Oleh sebab nobody is going to give- be trained in six months. I can assure you that. I used to be in academic before, I used to teach before and I can tell you dalam masa 6 bulan, bukan senang untuk belajar satu kemahiran yang baru, tidak senang. Khususnya if you are forty, fifty, not possible. Therefore, you are going to have a big unemployment of people who are now becoming the new poor, this is the big problem lah. So, saya fikir lebih baik jangan memberikan text book answers. We need answers that can solve the problem yang dihadapi oleh rakyat.*

**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem:** Terima kasih Yang Berhormat dari Klang. *I don't like the word, 'text book answers'.* Saya menyatakan demikian kerana di bawah HRDF, Pembangunan Sumber Manusia Berhad. Kita telah menunjukkan, kita telah membuktikan bahawa dalam masa 6 bulan kita boleh *reskill* seseorang. *You get what I mean?* Dalam masa 6 bulan kita telah membuktikan bahawa kita boleh *reskill one person*.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** *This must be a global record.*

**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem:** Okey, nombor dua tentang *tripartite*. Yang Berhormat Klang menyebutkan Vietnam. Akan tetapi di bawah Akta Induk, Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan iaitu Akta 4, Tahun 1969, *Employees Social Security 1969, which is Act 4*. Ia tidak ada menyebut tentang caruman yang diberikan oleh kerajaan.

Oleh kerana yang demikian, EIS ini adalah berpandu kepada Akta Induk ini, maka dengan itu saya harap Yang Berhormat jangan sekali-kali menuduh saya sebagai *text book answers. I know my job.*

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Yang Berhormat, *I'm not questioning your credibility...*

**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem:** *I know my job.*

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** ...Akan tetapi Yang Berhormat, *it shows that we are still dependant to the old formula when the world has already changed.* Dunia telah tukar tetapi pandangan kita, prinsip kita masih lama. *So, therefore it shows that we have to change for the times and the government also has to change for the times. I think this is a fair comment.*

**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem:** Ya, *I need to explain also, we are changing with the times. As I said, the Human Resource Development Fund, I can tell you in the last two years they have received so many international recognitions as far as reskilling and upskilling is concern, this is for you too... [Tepuk]* Ini kejayaan HRDF, kalau hendak pergi ke HRDF, cari bukti pergi sana.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Kalau benar mengapa *unemployment so high?*

**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem:** *What is it, what is it?*

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Mengapa pengangguran di Malaysia tinggi, 3.5 percent? *I think latest.*

**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem:** *Our unemployment rate? Our unemployment rate now stands at 3.4 which is lower than 4.0. Any country yang unemployment rate adalah di bawah 4 peratus adalah dianggap sebagai full employment. Do you know that?*

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Saya tahu Yang Berhormat, saya tahu sebab saya *used to teach economics.* Akan tetapi Yang Berhormat, kalau kita terima pandangan Yang Berhormat, *unemployment in Malaysia should be zero, not 3.4.*

**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem:** *No, there is no such thing in the world which has zero unemployment rate.* Ini pun tidak tahu pula. Okey, saya pergi ke Yang Berhormat Sekijang. *You better do your homework.* Yang Berhormat Sekijang- Tuan Yang di-Pertua minta maaf...

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, sila.

**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem:** Dia *emotional*, saya pun *emotional*. Saya pun manusia. Yang Berhormat...

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** *Emotional... [Ketawa]*

**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem:** Ya, *you are emotional, I am also emotional.* We are both human beings, you know that? Tuan Yang di-Pertua minta maaf, kalau dia garang, saya pun boleh garang... *[Ketawa]* Ya, *I mean it.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau begitu Yang Berhormat, saya pun nanti terikut garang... [Dewan ketawa] Sila teruskan... [Ketawa]

**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem:** *But, thank you very much* kerana Tuan Yang di-Pertua senyum, saya pun *cool down* tetapi tidak *cool down* dengan Yang Berhormat Klang itu.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Saya *your friend*, Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem:** Seterusnya, Yang Berhormat Sekijang telah menanyakan adakah pekerja kontrak yang telah tamat kontrak layak untuk mendapatkan faedah skim insurans pekerjaan?

Tuan Yang di-Pertua, pekerja kontrak yang telah tamat kontraknya tidak layak untuk mendapatkan faedah SIP. Pekerja yang tidak layak termasuklah antara mereka, peletakan jawatan secara sukarela, habisnya tempoh kontrak perkhidmatannya, penamatan kontrak atas persetujuan bersama, persiapan kerja mengikut terma kontrak perkhidmatannya, persaraan Orang Berinsurans, penamatan kontrak perkhidmatan disebabkan salah laku. Masih dengan Yang Berhormat Sekijang.

#### ■2300

Yang Berhormat Sekijang membangkitkan isu berkaitan *savings model*, *grandfathering*, komposisi Jawatankuasa Insurans Pekerjaan, kos pentadbiran bagi lima tahun dan usaha meningkatkan kesedaran majikan.

Tuan Yang di-Pertua, idea pelaksanaan SIP secara *savings model* sebenarnya diutarakan oleh pihak kementerian di peringkat awal *engagement* dengan *stakeholders* lagi. Setelah mendapatkan pandangan pakar *International Labour Organization*, kementerian berpandangan amat sukar untuk melaksanakan *savings model*. Setahu kita, hanya negara Chile sahaja yang mengamalkan *savings model* ini, tetapi ini pun digabungkan dengan dana pencen.

Antara faktor yang menyebabkan *savings model* tidak sesuai dilaksanakan termasuklah:

- (i) kuantum caruman iaitu *up front* sebulan gaji terlalu tinggi khususnya untuk pekerja;
- (ii) kesukaran pelaksanaan;
- (iii) pekerja hanya layak sekali sepanjang kitaran kerja;
- (iv) tiada nilai tambah bagi pekerja; dan
- (v) tiada elemen bantuan perkhidmatan pekerjaan dan latihan.

Mengenai *grandfathering*. *Grandfathering* tidak akan digunakan dalam pelaksanaan SIP. Bermula pada tarikh kuat kuasa rang undang-undang ini, pelaksanaan SIP akan terpakai kepada semua pekerja sedia ada mahupun yang baru. Pekerja yang diliputi pemakaian ETLB tetap berhak dari segi undang-undang kepada bayaran pampasan pemberhentian. *Grandfathering* boleh menimbulkan pelbagai masalah kerana

pelaksanaannya dijangka rumit berikutan definisi dan pemakaian yang tidak seragam serta melibatkan bidang kuasa dan undang-undang jabatan lain.

Mengenai keanggotaan Jawatankuasa Insurans Pekerjaan. Komposisi keanggotaan Jawatankuasa Insurans Pekerjaan dibentuk, ditentukan mengikut fungsi. Memandangkan SIP baru sahaja dilaksanakan di peringkat awal dan memerlukan koordinasi serta kerjasama pelbagai agensi awam, maka keanggotaan daripada penjawat awam mengikut fungsi yang berkenaan adalah penting. Kementerian tiada halangan untuk meminda komposisi jawatan ini agar ianya lebih seimbang apabila pelaksanaan SIP lebih stabil kelak.

Mengenai kos pentadbiran. Secara amnya, amalan antarabangsa menetapkan kos pentadbiran bagi skim keselamatan sosial hendaklah melebihi 10 peratus daripada kutipan caruman tahunan. Oleh itu, kos pentadbiran bagi lima tahun pelaksanaan SIP dijangka tidak melebihi RM45 juta pada tahun pertama iaitu pada tahun 2018 sehingga RM47.3 juta pada tahun kelima iaitu pada tahun 2022.

Kesedaran majikan. Tuan Yang di-Pertua, kementerian telah merangka satu pelan komunikasi yang komprehensif bagi meningkatkan kesedaran majikan mengenai SIP termasuk mengadakan *road show* di seluruh negara dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya terus pergi ke kawan saya Yang Berhormat Bukit Katil. Yang Berhormat Bukit Katil telah menanyakan adakah dengan caruman dari pekerja dan majikan, ia akan menjadi satu kaedah atau *tool* yang efektif untuk sistem jaringan keselamatan sosial kepada pekerja. Yang Berhormat Bukit Katil ada di sini. Terima kasih kawan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, SIP adalah merupakan salah satu kategori jaringan keselamatan sosial yang dapat membantu pekerja dan dapat mengukuhkan ekonomi negara dalam perspektif berikut. Pertama, sebagai *automatic economic stabilizer* semasa kegawatan dan peralihan ekonomi kerana disokong oleh *income security measure* dan Dasar Pasaran Buruh Aktif atau ALMP. Kedua, bantuan kewangan segera- tujuh hari selepas disahkan kehilangan pekerjaan, yang secara tidak langsung mengeluarkan mereka dari kesusahan dan kemiskinan melalui perbelanjaan pengguna yang menyumbangkan kepada aktiviti ekonomi berterusan. Ia juga dapat mengelakkan pengangguran jangka panjang yang secara tidak langsung mengurangkan isu sosial, ketegangan sosiopolitik dan jenayah dalam masyarakat.

Masih juga dengan Yang Berhormat Bukit Katil yang menanyakan bolehkah pekerja yang telah lama mencarum tetapi tidak pernah membuat tuntutan mendapatkan balik caruman beliau. Jawapannya, Yang Berhormat Bukit Katil, berdasarkan konsep *solidarity fund, pooling of resources and selling-off risk*, setiap tuntutan faedah SIP memerlukan sekurang-kurangnya 38 hingga 146 caruman daripada pencarum untuk membiayai tuntutan tersebut. Sekiranya cadangan ini dipertimbangkan, semua pencarum yang tidak pernah membuat tuntutan akan meminta caruman mereka dikembalikan. Bila

ini berlaku, konsep *solidarity fund* tidak lagi boleh dipakai dan sebaliknya akan menjadi *savings model* seperti KWSP.

Ini bermakna, Yang Berhormat Bukit Katil, pencarum yang kehilangan pekerjaan hanya layak dibayar faedah mengikut caruman sendiri iaitu RM190 kali 12 atau 24 atau RM7.90 atau kali 14 atau kali 24 iaitu antara RM22.80 hingga RM189.60 berbanding faedah di bawah SIP antara RM2,600 hingga RM14,400. Ini adalah model SIP yang selalu dicadangkan oleh MAF. Jika pencarum seumur hidup pun tidak akan berjaya menyamai faedah kewangan SIP dan ini belum termasuk bantuan carian kerja dan latihan.

Masih dengan Yang Berhormat Bukit Katil. Ada tiga lagi dari Yang Berhormat Bukit Katil. Mengenai apakah mekanisme gaji purata anggapan.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Jadual Ketiga perenggan 6 Rang Undang-undang SIP, gaji bulanan anggapan ialah suatu amaun yang sama dengan gaji dengan amaun gaji bulanan bagi setiap bulan yang baginya caruman telah dibayar atau kena dibayar dalam masa enam bulan berturut-turut sebaik sebelum bulan yang kehilangan pekerjaan itu berlaku dibahagi dengan bilangan bulan yang baginya caruman telah dibayar atau kena dibayar.

Yang Berhormat Bukit Katil juga menanyakan adakah HRDF di bawah Kementerian Sumber Manusia akan diteruskan atau digabungkan dengan pelaksanaan SIP. Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, latihan yang dikendalikan oleh HRDF atau dalam Bahasa Malaysia PSNB, Perbadanan Sumber Manusia Berhad, adalah untuk tidak lebih 20,000 majikan yang berdaftar sedangkan PERKESO mempunyai 430 majikan berdaftar dengan sejumlah pekerja seramai 6.6 juta. Cadangan untuk menggabungkan dana PSNB dan PERKESO buat masa ini tidak bersesuaian kerana kedua-dua agensi mempunyai mandat dan objektif yang berbeza di bawah undang-undang masing-masing.

Yang Berhormat Bukit Katil juga bertanya apakah ada mekanisme yang diwujudkan untuk membantu pekerja mencari pekerjaan. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, di bawah seksyen 44 ada memperuntukkan program penempatan pekerja semula dalam tempoh menunggu.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi dari Yang Berhormat Bukit Katil iaitu soalan yang berbunyi kenapa *spouse* seseorang pekerja tidak ditakrifkan sebagai seorang pekerja mengikut Jadual Pertama Rang Undang-undang SIP dan tidak boleh mencarum sebagai seorang pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, *spouse* sama ada seorang suami atau isteri yang bekerja dengan pasangannya tidak ditakrifkan sebagai pekerja di bawah Jadual Pertama Rang Undang-undang SIP berdasarkan kepada polisi keselarasan undang-undang dengan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 yang tidak meliputi *spouse* sebagai seorang pekerja.

■2310

Ini adalah kerana kemungkinan berlakunya konflik kepentingan daripada aspek penentuan kehilangan pekerjaan yang mana keterangan seseorang suami atau isteri yang bekerja dengan pasangannya sebagai majikan boleh dimanipulasikan untuk membolehkan pasangan tersebut mendapat faedah di bawah SIP.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Menteri, penjelasan mengenai isu yang dibangkitkan tadi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Menteri, saya nak minta penjelasan daripada Menteri mengenai *spouse*. Apakah *relationship spouse* itu dengan katakan pihak majikan. Bila kita ambil satu firma, kita dapati ada pekerja dan juga ada pihak majikan. *That is the relationship*. So kita dapati bahawa kalau *spouse* itu kerja di satu tempat, *spouse* itu kemungkinan besar adalah pekerja di dalam firma itu. So, *spouse* itu bukan datang untuk kerja sebagai *spouse*. *Spouse* itu dekat rumah tapi bila mereka datang kerja, mereka menjadi pekerja. So, *the definition* untuk *spouse* itu harus tukar daripada apa yang berlaku dalam rumah tangga di rumah dan juga apa yang berlaku, *the relationship in the house is different from relationship at the work place?*

*That is why I'm saying we need to move from the times.* Akan tetapi juga Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa *that could be a possible conflict of interest* tetapi dalam undang-undang, ibu boleh kerja dengan majikan yang sama, bapa boleh kerja, anak pun boleh kerja dan semua boleh mendapat sokongan daripada *employment insurance scheme*. Hanya yang tak boleh dapat ialah *spouse*.

*So, this victimizes the spouse* dan juga sekarang kita ada banyak undang-undang baru bukan sahaja di Malaysia tetapi di seluruh dunia yang telah memberi satu penerangan baru, *a new perspective about women's role in the house and also women's role in the workplace*. So therefore, saya minta kerajaan supaya selaraskan, tukar keselarasan itu *to update to what's happening today in the world*. Minta pandangan Menteri.

**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Klang. Itulah caranya, *that's the way we should be debating in this August House*. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya telah sebut bahawa ini adalah selaras dengan apa yang terkandung dalam RUU SIP ini adalah selaras dengan undang-undang yang ada di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969, terkandung di sini... [*Menunjukkan buku Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969*]. Walaupun demikian, cadangan itu baik dan kita akan cuba mengkaji. *That is the way we should be debating...*

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Terima kasih Menteri.

**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem:** Lepas itu, *I have eight, another four to go*. Sekejap. Yang Berhormat Bukit Katil dah lepas, Yang Berhormat Pasir Gudang ada? Okey, Yang Berhormat Pasir Gudang ada, terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Pasir Gudang.

Yang Berhormat Pasir Gudang telah menanyakan adakah mereka yang berhenti kerja secara sukarela layak menerima Program Penempatan Pekerjaan Semula.

Jawapannya Tuan Yang di-Pertua, bagi pemberhentian kerja secara sukarela oleh seseorang pekerja, tidak layak mendapat faedah SIP kerana ianya di atas pilihan beliau sendiri atau telah mendapat pekerjaan lain atau tidak ingin bekerja lagi. Ia tidak ditakrifkan sebagai kehilangan pekerjaan mengikut fasal 30 yang mana tuntutan bagi faedah di bawah Rang Undang-undang SIP hanya meliputi pekerja yang kehilangan pekerjaan.

Ini bermakna pekerja yang berhenti secara sukarela tidak layak mendapat faedah yang berupa faedah tunai. Bagi Program Penempatan Pekerjaan Semula, pertubuhan hanya akan memberi Program Penempatan Pekerjaan Semula kepada mereka yang telah kehilangan pekerjaan mengikut fasal 44. Oleh itu, pekerja yang telah berhenti secara sukarela boleh mendapat penempatan pekerjaan semula melalui program lain yang dijalankan oleh kerajaan seperti *JobsMalaysia* atau program lain yang seumpamanya yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan.

Yang Berhormat Pasir Gudang juga telah menanyakan adakah *follow up* selain selepas SIP. Untuk makluman Dewan yang mulia ini dan Tuan Yang di-Pertua, setiap pekerja yang mengikuti latihan akan dibantu dan dipantau sehingga mereka mendapat pekerjaan semula. Di samping itu, setiap penyedia latihan akan dinilai atau *ranking* dalam bahasa Inggeris berdasarkan bilangan atau peratusan pelatih mereka yang gagal mendapat pekerjaan iaitu masih menganggur dan akan dikaji semula penyertaan mereka daripada masa ke semasa.

Yang Berhormat Pasir Gudang juga menanyakan adakah melihat kepada kes penindasan oleh majikan atau pekerja yang terpaksa untuk berhenti bekerja atau *force out*. Jawapannya Tuan Yang di-Pertua, dalam kes kehilangan pekerjaan akibat penindasan atau pekerja dalam keadaan terpaksa berhenti kerja disebabkan gangguan di tempat kerja atau *force out* seperti gangguan seksual atau dipaksa menjalankan kerja-kerja yang membahayakan keselamatan dan kesihatan diri mereka, pekerja terlibat layak menuntut faedah di bawah Sistem Insurans Pekerjaan seperti yang diperuntukkan di bawah fasal 30(2). Dari Pasir Gudang, saya pergi ke Sungai Siput. Yang Berhormat Sungai Siput ada di sini? Okey, Yang Berhormat Sungai Siput ada. Terima kasih.

Yang Berhormat Sungai Siput telah menanyakan kenapakah kelayakan caruman SIP untuk mendapatkan faedah SIP dalam bahasa Inggeris, *loading factor* agak ketat. Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan syarat kelayakan caruman atau *contributing qualifying condition*, seseorang pekerja yang mula bekerja pada umur 18 tahun layak membuat tuntutan faedah maksimum antara lapan hingga 12 kali sepanjang kitaran kerja sehingga dia bersara pada umur 60 tahun. Syarat kelayakan tambahan yang agak ketat dikenakan bagi setiap kali tuntutan faedah SIP dibuat adalah berdasarkan amalan terbaik SIP di seluruh dunia yang bertujuan untuk menangani *moral hazards* dan *abuse* serta menentukan dana SIP mampan dan dapat bertahan lebih panjang tanpa menaikkan kadar caruman.

Yang Berhormat Sungai Siput juga menanyakan kenapakah perlu dilantik agen untuk memungut bayaran caruman bagi pihak PERKESO. Tuan Yang di-Pertua, pelantikan agen di dalam RUU SIP adalah suatu takrif yang merupakan bank-bank tempatan dalam menguruskan kutipan caruman dan bukannya agen bagi tujuan lain.

Seterusnya masih juga dengan Yang Berhormat Sungai Siput yang menanyakan peruntukan fasal 30 berkenaan kehilangan pekerjaan berkaitan habisnya tempoh kontrak di bawah Perenggan B dan penempatan kontrak disebabkan oleh salah laku hendaklah diperhalusi supaya dapat dipakai secara longgar.

Apakah penjelasan pihak kementerian berkenaan perkara ini. Terima kasih Yang Berhormat Sungai Siput. Jawapannya, takrifan kehilangan pekerjaan di bawah fasal 30 RUU SIP hendaklah dipakai selaras dengan undang-undang yang sedia ada terpakai bagi penamatan kontrak seperti Akta Kerja 1955 berkaitan penamatan kontrak atau pembuangan kerja secara salah di bawah Akta Perhubungan Perusahaan 1967.

Oleh yang demikian, takrifan kehilangan pekerjaan di bawah RUU SIP tidak boleh diberi taksiran yang lebih longgar yang mungkin akan bertentangan dan bercanggah dengan undang-undang yang berkaitan dengan kehilangan pekerjaan.

#### ■2320

Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, dalam aspek penentuan kehilangan pekerjaan PERKESO diberi kuasa untuk merujuk kepada mana-mana pihak berkuasa di bawah mana-mana undang-undang bertulis bagi penentuan kehilangan pekerjaan berhubung dengan tuntutan faedah bagi pekerja di bawah akta ini mengikut fasal 30.

Yang Berhormat Sungai Siput juga menanyakan berapakah anggaran pembayaran faedah SIP. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, berdasarkan caruman sebanyak 0.4 peratus iaitu 0.2 peratus dari majikan dan 0.2 peratus daripada pihak pekerja dengan simulasi kewangan pada siling gaji 4,000 diunjurkan kutipan caruman pada tahun 2018 adalah sebanyak RM479.5 juta dan pada tahun 2019 RM513.5 juta.

Jumlah pekerja yang kehilangan pekerjaan dan menuntut faedah SIP bagi tahun 2018 dianggarkan seramai 57,282 orang. Bagi tahun 2019 dianggarkan 97,141 orang. Manakala bayaran bantuan kewangan bagi tahun 2019 dianggarkan sebanyak RM468 juta. Kementerian Sumber Manusia menganggarkan lebih kurang 10 hingga 15 peratus pekerja yang kehilangan pekerjaan mungkin memerlukan latihan *reskilling* dan *upskilling* bagi membantu mereka beralih pada pekerjaan lain yang bersesuaian. Itu dari Yang Berhormat Sungai Siput.

Selepas itu Yang Berhormat Kuala Krai telah menanyakan Tuan Yang di-Pertua, beberapa soalan. Satu, apakah usul yang dicadangkan oleh pihak majikan semasa sesi konsultasi. Yang Berhormat Kuala Krai ada- ada? Ok sorry ini kawan baik. Apakah usul yang dicadangkan oleh pihak majikan semasa sesi konsultasi berhubung dengan pelaksanaan SIP.

Tuan Yang di-Pertua, usul yang dibangkitkan adalah berkaitan dengan kadar caruman dan pekerja yang tidak menerima ETLB dan pampasan di bawah perjanjian *collective* dari atau *collective agreement*. Walau bagaimanapun setelah sesi konsultasi dilaksanakan hanya penurunan kadar caruman daripada satu peratus kepada 0 peratus dipersetujui secara bersama pada prinsipnya oleh majikan dan pekerja.

Isu-isu lain yang dibincangkan tiada keputusan secara *consensus* dicapai. Masih dengan Yang Berhormat Kuala Krai yang menanyakan adakah dana SIP ini mampan dengan kadar caruman sebanyak kosong perpuluhan yang ditetapkan. Tuan Yang di-Pertua, dana SIP perlu dikumpulkan adalah semasa waktu keadaan ekonomi baik kerana memerlukan dana yang mencukupi bagi membayar faedah semasa ekonomi buruk dan pembuangan kerja secara besar-besaran.

Pengalaman negara seperti Korea Selatan yang melaksanakan SIP mulai tahun 1995, menunjukkan dana tersebut dapat menampung jumlah pembayaran faedah yang besar semasa krisis ekonomi ASEAN 1997-1998 yang berlaku. Selain daripada itu, bilangan yang akan datang menuntut mungkin tiga kali ganda kerana terdapat ramai syarikat kecil dan perusahaan mikro yang membolehkan pekerja yang tidak melaporkan pemberhentian pekerja mereka.

Berdasarkan kadar caruman 0.2 peratus daripada majikan dan 0.2 peratus daripada pekerja, dana SIP dijangka menurun dengan drastik bagi tempoh tiga tahun dari 2019 ke 2021 dan dana ini akan defisit pada kuota pada tahun 2021. Yang Berhormat Kuala Krai juga menanyakan apakah sumbangan kerajaan dalam dana SIP.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini kebanyakan modal di negara-negara yang melaksanakan SIP, kerajaan tidak menyumbang kepada dana SIP kecuali dalam kontingenensi di mana kerajaan akan menyalurkan peruntukan dalam bentuk geran atau pinjaman dari semasa ke semasa.

Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh ILO, bentuk caruman yang paling biasa adalah caruman *bipartite* kalau ada *tripartite* ini *bipartite* iaitu dua pihak iaitu daripada majikan dan pekerja sahaja. Dalam konteks SIP kerajaan telah menyalurkan RM122 juta kepada PERKESO sebagai pemberian bantuan interim sebelum pembayaran faedah SIP sepenuhnya boleh dibuat pada Januari 1 tahun 2019.

Semasa krisis kewangan Asia 1997-1998, kerajaan telah memperuntukkan RM550 juta dan semasa krisis subprima 2008-2009, RM650 juta telah dikeluarkan untuk membantu pekerja yang terjejas akibat pemberhentian kerja dan tidak mendapat bayaran pampasan daripada majikan mereka. Masih dengan Yang Berhormat Kuala Krai, adakah kerajaan akan mempertimbangkan tentang had umur 60 tahun ditambah untuk dicarum SIP. Jawapannya had umur 60 tahun yang ditetapkan buat masa ini adalah mengikut kadar had umur persaraan negara.

Pihak kerajaan perlu membuat kajian yang teliti sekiranya had umur 60 tahun ditambah untuk dicarum SIP kerana ia nya akan memberi kesan kepada kerajaan kepada

Kumpulan Wang Insurans Pekerjaan yang mempunyai objektif bagi memberi bantuan kewangan kepada golongan yang berproduktiviti tinggi dan mempunyai liabiliti kewangan bagi menampung perbelanjaan keluarga khususnya yang berumur antara 20 hingga 40 tahun apabila mengalami kehilangan pekerjaan.

Yang Berhormat Setiu telah membangkitkan isu berkaitan peningkatan kos pemansuhan ETLB dan caruman yang tiada tuntutan. Tuan Yang di-Pertua, menurut SMB Co. 74 peratus daripada lebih 600 ribu majikan adalah majikan mikro yang menggaji lima pekerja dan ke bawah. Berdasarkan gaji purata pekerja sebanyak RM1,000 seorang, kos yang perlu ditanggung oleh majikan bagi lima orang pekerja ialah RM114 setahun. Kadar caruman 0.2 peratus merupakan kadar terendah berbanding negara-negara lain seperti Thailand – 1.25 peratus, Vietnam – 3 peratus.

Oleh itu peningkatan kos menjalankan perniagaan adalah sangat minimum. Peningkatan kos adalah sangat kecil berbanding faedah ekonomi yang akan dinikmati oleh pihak industri khususnya melalui peranan SIP sebagai penstabil dan perangsang ekonomi lebih-lebih lagi jika berlaku kegawatan ekonomi pada masa hadapan dan bergantung kepada kemapanan dana, kerajaan boleh memperkenalkan faedah dan insentif khas kepada majikan.

#### ■2330

Mengenai pemansuhan ETLB dan amalan negara lain, buat masa ini kerajaan akan mengekalkan ETLB. Saya ulang, kerajaan akan mengekalkan ETLB. ETLB adalah hak pekerja yang sedia termaktub dalam undang-undang perburuhan dan merupakan penghargaan kepada perkhidmatan atau *long service* seseorang pekerja pada satu-satu majikan.

ETLB adalah tanggungjawab majikan semata-mata. Oleh itu, cadangan untuk memansuhkan ETLB atas alasan SIP dilaksanakan adalah kurang wajar kerana SIP adalah tanggungjawab bersama pekerja dan majikan. Negara seperti Thailand, Republik Korea, Jerman, Perancis dan United Kingdom masih mempunyai faedah penamatan walaupun SIP ataupun skim-skim yang setara telah dilaksanakan. Vietnam sedang memansuhkan pembayaran pampasan seperti ETLB ini secara beransur-ansur.

Mengenai memulangkan caruman yang tiada tuntutan, SIP adalah insurans sosial yang berasaskan konsep *solidarity fund, pulling of resources, sharing of risk* dengan pendekatan *define benefit*. Berdasarkan konsep ini, setiap kali tuntutan faedah SIP memerlukan sekurang-kurangnya 38 hingga 146 caruman daripada pencarum lain untuk membayai tuntutan tersebut.

Oleh itu, walaupun caruman telah dibayar tetapi tiada tuntutan dibuat, caruman tersebut tidak akan dipulangkan. Konsep SIP mementingkan kebijakan pencarum dan mempunyai nilai tambah bagi memberi faedah maksimum kepada pencarum. Dana SIP memerlukan dana yang mencukupi bagi membayar faedah semasa keadaan ekonomi buruk dan pembuangan pekerja secara besar-besaran. Bilangan pekerja yang menuntut

bantuan SIP boleh meningkat sehingga tiga kali ganda terutamanya ketika kemerosotan ekonomi.

Sekiranya dana SIP berkembang dan mantap, pelbagai penambahbaikan boleh dibuat untuk faedah pencarum iaitu majikan dan pekerja termasuk kadar penggantian pendapatan yang lebih tinggi, tempoh faedah lebih daripada enam bulan terutamanya kepada pekerja yang berusia dan sebagainya.

Yang Berhormat Sungai Siput, Yang Berhormat Setiu, maaf ya. Dari Yang Berhormat Setiu saya pergi kepada Yang Berhormat Sungai Siput. Yang Berhormat Sungai Siput telah menanyakan kenapakah kelayakan caruman SIP untuk mendapatkan faedah SIP atau *loading factor* agak ketat? Ini saya telah jawab. Maka Tuan Yang di-Pertua ...

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Yang Berhormat Menteri, Kuala Krai.

**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem:** Okey Yang Berhormat Kuala Krai.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Tadi saya tidak bercadang untuk mengganggu kerana Yang Berhormat Menteri sedang lancar memberikan jawapan. Saya hendak bertanya balik, penjelasan Yang Berhormat Menteri tadi itu bahawa setiap tuntutan ini akan memerlukan *equivalent of 146* caruman, begitu lebih kurang. Ertinya kalau setahun itu ada 50,000 yang dibuang kerja, ia kalau didarab dengan 146. Itu sudah kira 6 juta atau 7 juta. Ertinya ada defisit. Jadinya begitu.

Saya hendak bertanya sama ada kementerian atau kerajaan bersedia untuk mengenakan peratus caruman yang berbeza mengikut umur. Ini kerana tadi dikatakan kalau kita tambah 60 tahun, ertinya kita sudah mengurangkan atau pun membayar ganjaran kepada orang yang kurang produktif berbanding dengan umur yang lebih muda.

Apa kata kalau diberikan atau dikenakan suatu peratusan yang berbeza macam insurans biasa kalau umur itu meningkat, premiumnya ataupun carumannya lebih tinggi. Apakah ini tidak boleh kita *emulate* dalam SIP. Terima kasih.

**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai. Kita harus membezakan. Perbezaan harus dibuat di antara SIP dengan insurans-insurans biasa. Oleh yang demikian kita masih berpendapat bahawa peratusan yang telah disediakan oleh kita adalah peratusan yang harus kita ikuti. *Because private insurance company is totally different from SIP.* Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir itu sahaja. Sekali lagi bagi pihak Kementerian Sumber Manusia saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya kesemua mereka 14 orang Ahli Yang Berhormat yang telah menyokong. Tidak seorang pun membantah Rang Undang-undang SIP ini. Terima kasih kepada semua dan kalau ada cadangan, pandangan daripada Yang Berhormat yang bernas kita akan ambil maklum. Sekiranya ada soalan-soalan atau isu-isu yang tidak sempat saya jawab, saya akan cuba menjawabnya secara bertulis. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) mempengerusikan Jawatankuasa]*

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[Fasal-fasal 1 hingga 17 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

#### Fasal 18 [Pindaan] -

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sila Yang Berhormat Klang.

**11.38 mlm.**

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya telah mencadangkan supaya kita mengikut konsep apa yang dipanggil *tripartite system* diguna pakai dalam sistem insurans pekerja. Saya telah cadangkan dan saya baca sini, *the amendment*, pindaan hendaklah terdiri daripada satu caruman yang dibayar oleh kerajaan, satu caruman yang kena dibayar oleh majikan dan satu caruman yang kena dibayar oleh pekerja.

Rasional ataupun logik untuk membuat cadangan ini ialah kerajaan mesti mengambil berat, mesti mengambil tanggungjawab untuk memberi perlindungan pekerjaan. Sistem *social security* yang mana-mana negara harus ada tanggungjawab kerajaan. Tadi Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa kita ada tanggungjawab bersama. Apakah makna tanggungjawab bersama? Makna tanggungjawab bersama ialah semua *stake holders* iaitu pihak kerajaan, pihak pekerja dan pihak majikan *contribute*, menyumbangkan untuk menjayakan dana yang kita panggil SIP.

Akan tetapi di sini, di Malaysia kita aneh sedikit. Tanggungjawab bersama hanya melibatkan pihak majikan dan pihak pekerja. Tiba-tiba kerajaan hilang. Akan tetapi di lain-lain negara kita dapat bahawa kerajaan di sini menjadi *regulator*. Bukan *contribute of money*. Akan tetapi di Vietnam, negara yang dipanggil *less developing country* dan juga di Kanada *advance country, they have a standard*.

**■2340**

Mereka, kerajaan sendiri yang bayar. *One percent* dia bayar terhadap semua pekerja. Majikan satu *percent*, pekerja satu *percent*. So saya cadang supaya kita amalkan konsep yang dikatakan oleh kerajaan sendiri iaitu tanggungjawab bersama untuk di-success-kan ataupun untuk menjayakan. Terdapat sistem yang boleh mempertahankan

dan juga melindungi pekerja. *This is what we want. So therefore, the government, must play as role.* Kerajaan mesti bertanggungjawab dalam hal ini. Kerajaan tidak boleh swastakan masalah *social security* kepada pihak pekerja dan juga pihak majikan. *Then therefore, the government has no role to play.*

So saya khuatir orang di luar fikir kerajaan tidak ada peranan dalam hal ini. Oleh kerana itu, saya cadangkan supaya kerajaan juga menyumbangkan *0.2 percent* sama seperti pekerja dan juga kepada pihak majikan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagai mana yang tertera di dalam kertas pindaan oleh Yang Berhormat Klang yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Ya, Yang Berhormat Pasir Puteh.

#### **11.41 mlm.**

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya menyokong apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Klang kerana memandangkan ini adalah juga satu *contribution* yang boleh diberikan oleh kerajaan untuk membantu pihak pekerja dan juga pihak majikan.

Jadi apabila kerajaan memberikan sumbangan ini, maka takungan wang yang ada dalam tabung ini akan lebih banyak dan *contribution* yang boleh diberikan oleh tabung ini kepada pekerja-pekerja yang diberhentikan kerja itu boleh ditambah. Banyak lagi perkara-perkara yang boleh dibantu. Sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, boleh dilakukan apabila tabungan itu ditambah. Jadi, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Kuala Krai.

#### **11.42 mlm.**

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga sependapat dengan Yang Berhormat Klang dan juga Yang Berhormat Pasir Puteh bahawa kerajaan dalam hal insurans pekerjaan ini tidaklah terhenti sekadar menjadi tukang kutip sahaja. Mengutip sumbangan, mengatur pembayaran dan sebagainya. Jadi sebagai *social network* tadi, sebagai melindungi pekerja-pekerja kita, kerajaan sepatutnya ada sahamnya di situ. Ada sumbangannya yang bermakna. Ini boleh membantu dana ini dan juga pada masa akan datang dengan kemapanan yang ada, boleh kita nilai semula ganjaran yang lebih baik diberikan kepada pekerja yang hilang pekerjaan dan juga melanjutkan tempoh mungkin daripada enam bulan kepada satu tempoh yang lebih panjang apabila mereka mencari pekerjaan yang baru misalnya kepada 12 bulan. Jadi saya mohon menyokong.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Langat.

**11.43 mlm.**

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sudah hendak balik, terpanggil pula tengok Yang Berhormat Klang punya cadangan. Cadangan yang baik. Kalau boleh kerajaan menyumbang itu perkara yang baik. Walaupun hanya per anum yang menyumbang kepada skim ini melalui kerajaan tetapi ia juga tidak menjadi permasalahan kalau kerajaan menyertai sumbangan ini untuk memperkuuh dan memantapkan tabung yang dianggap sebagai tabung kebajikan yang perlu ataupun dilihat sebagai penyertaan kerajaan itu sebahagian daripada penyumbang utama dalam program SIP ini. Saya kira itu pandangan saya. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Setiu.

**11.44 mlm.**

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya memang membantah pindaan ini. Ini kerana kalau kita lihat, kalau disebut tentang kehilangan pekerjaan, dia berdasarkan kepada kontrak. Kontrak pekerjaan. Jadi kalau kerajaan masuk, tidak ada kontrak pekerjaan antara pihak-pihak dengan kerajaan. Jadi pembayaran ini sebab, bermakna diinsuranskan itu kerana pihak-pihak yang terlihat sahaja yang sepatutnya mencarum. Bermakna kalau kita hendak libatkan pihak-pihak lain, adalah tidak munasabah sekali. Tidak pernah ada tiga pihak yang terlibat kecuali kerajaan itu pun ada kontrak dengan pihak-pihak majikan ataupun dengan pihak yang diinsuranskan pekerja itu tadi. Itu sahaja. Terima kasih.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Yang Berhormat Setiu, mohon penjelasan sedikit sebelum duduk.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Setiu sudah duduk, ya.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Dia boleh bangun balik.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sila, Yang Berhormat Menteri.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Setiu ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Setiu sudah habis, ya. Habis, ya.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Yang Berhormat Tenggara, bertenang, Yang Berhormat Tenggara.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Krai duduklah.

**11.45 mlm.**

**Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Richard Riot anak Jaem]:** Okey, ini giliran Menteri untuk menjawab.

Tuan Pengerusi, usul pindaan iaitu mengenai fasal 18 yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Klang dan mencelah ada tiga orang Yang Berhormat.

Jawapan daripada kita ialah berbunyi seperti berikut. Majoriti negara yang mempunyai Skim Insurans Pekerjaan atau skim serupa melaksanakan caruman secara *bipartite, not tripartite* atau dua pihak iaitu pekerja dan majikan. Walaupun kerajaan bukan pihak yang mencarum, kerajaan kita telah pun memperuntukkan sebanyak RM122 juta untuk tujuan pembayaran faedah interim SIP mulai tahun 2018. Kerajaan juga telah menyalurkan peruntukan yang besar kepada agensi awam yang terlibat dalam pelaksanaan SIP seperti *JobsMalaysia* dan institusi-institusi latihan kemahiran awam.

Oleh itu Tuan Pengerusi, kerajaan tidak perlu mencarum dalam dana ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Klang dalam kertas pindaan hendaklah disetujukan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujukan]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

### USUL

#### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**11.47 mlm.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 92 dan dengan persetujuan Tuan Yang di-Pertua, saya mengemukakan usul untuk menghentikan kuat kuasa Peraturan Mesyuarat 12 iaitu bagi membolehkan Majlis Mesyuarat menamatkan perkara yang patut diselesaikan pada hari yang berkenaan juga dan selepas ini Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi pada hari Khamis, 26 Oktober 2017”.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan]:**

Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) mempengerusikan Jawatankuasa]*

### Fasal 18 [Pindaan] -

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

**■2350**

**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem:** Maafkan saya, Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon mencadangkan pindaan berikut. Pindaan kepada fasal 18 rang undang-undang iaitu:

- (a) pindaan kepada subfasal 2 yang melibatkan pemotongan perkataan Bahagian 1;
- (b) subfasal 3 menggantikan seperti yang berikut, Menteri boleh mengkaji semula kadar caruman selepas mengambil kira kemapanan kumpulan wang;
- (c) keseluruhan sub fasal 4 dipotong;
- (d) subfasal 5 dinomborkan semula menjadikan sub fasal 4;
- (e) subfasal 4 yang baru dipinda menjadikan seperti yang berikut:
  - (i) perkataan “walau apapun subseksyen 3 dan 4” digantikan dengan “walau apapun subseksyen 2”;
  - (ii) dengan memotong perkataan “Bahagian 1, Bahagian 2, Bahagian 3 dan Bahagian 4” dalam subklaus 4(A);
  - (iii) dengan memotong perkataan “mengikut mana-mana yang berkenaan” dalam subklaus 4(A);
  - (iv) dengan memotong perkataan “Bahagian 1, Bahagian 2, Bahagian 3 dan Bahagian 4” dalam subklaus 4(B) dan memotong perkataan “mengikut mana-mana yang berkenaan” dalam subklaus 4(B).

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam Kertas Pindaan

oleh Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas.

**Datuk Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Ya, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Tebrau.

#### **11.52 mlm.**

**Datuk Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Terima kasih kepada Tuan Pengerusi. Saya menyokong pindaan dalam Jawatankuasa Rang Undang-undang Sistem Insurans Pekerjaan 2017. Ini adalah kerana pihak kerajaan telah mengadakan sesi *engagement tripartite* bersama pertubuhan majikan dan kesatuan pekerja pada 10 Ogos tahun ini. Tahniah kepada kerajaan dan semua pihak majikan dan pekerja, menyokong caruman pada kadar 0.4 peratus dengan nisbah 0.2 peratus masing-masing di sumbang oleh majikan dan pekerja. Konsensus yang dicapai itu, kerajaan hanya ikut *gentlemen's agreement* sahaja.

Tuan Pengerusi, tadi saya difahamkan bahawa Yang Berhormat Kuala Langat mengarut sahaja, bahawa caruman SIP 0.4 peratus bukan dicipta oleh MCA. Ini yang saya hendak tegaskan. Ia merupakan keputusan bersama yang dihasilkan oleh mesyuarat *tripartite*, Yang Berhormat Kuala Langat jangan mengelirukan rakyat. Adakah Yang Berhormat Kuala Langat tahu bahawa Yang Berhormat Kelana Jaya sendiri, juga daripada pihak PKR, pada bulan Ogos mengutuk SIP itu dan mempertikaikan kenapa kerajaan mahu kutip begitu banyak caruman. Yang Berhormat Kelana Jaya kata, *no justification for government to collect such money*.

Nampaknya bukan MCA berbeza pandangan dengan kerajaan ataupun Kementerian Sumber Manusia, bahkan yang bercanggah pendapat adalah sesama Ahli-ahli Parlimen PKR sendiri. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Krai.

#### **11.54 mlm.**

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Ya, terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Tenggara kena bertahan sikit lagi ya. Saya juga berpandangan bahawa dalam hal ini, pindaan ini hanya meletakkan satu kadar potongan sahaja. Kalau kita lihat adalah Bahagian 1 atau *Part 1* daripada Jadual Kedua itu. Kalau kita lihat di bahagian lain, Bahagian-bahagian 2, 3 dan 4 itu dipotong. Ertinya, hanya meninggalkan satu kadar. Namun begitu, 18(3) memberikan kuasa kepada Menteri untuk mengkaji semula kadar caruman selepas mengambil kira kemapanan kumpulan wang. Kalau sebelum ini dalam rang undang-undang yang asal, *guidelines* ini sudah ada untuk dilaksanakan oleh Menteri.

Walaupun ianya hanya boleh dibuat selepas tiga tahun pelaksanaan dan boleh dipinda setiap tiga tahun paling cepat. Akan tetapi tanpa Jadual Bahagian 2, 3 dan 4 ini, kita tidak pasti apakah *guidelines* yang akan digunakan oleh Menteri untuk menetapkan

kadar yang baru. Paling tidak, jadual yang lama kita sudah ada satu garis panduan yang kita boleh nampak, dalam keadaan sesuatu peningkatan, kita sudah nampak jumlah yang akan dikenakan. Akan tetapi kalau tidak ada satu jadual seperti yang asal, maka ini akan mendedahkan para pekerja dan majikan kepada *whims and fancy's of the Minister*, dengan izin.

Ya, menjadi *guessing game*. Macam sekarang ini, setiap hari Rabu kita ada *guessing game, what is the price of petrol next day*. Jadi bagi saya, saya tidak pasti apa kebaikan di situ. Jadi, kalau inilah yang menjadi perkara yang tidak mencapai *consensus* di antara pihak majikan dan kementerian, saya rasa saya tidak pasti apa yang dituntut oleh majikan kalau *rate* yang asal itu ditolak. Jadi, apakah yang sebenarnya yang dituntut oleh majikan? Kalau boleh Menteri berikan gambaran dalam konsultasi itu, apakah yang sebenarnya diminta oleh majikan sehingga mereka hari ini, seperti mana yang dibawa oleh Yang Berhormat Tebrau, gembira apabila kadar 2, 3 dan 4 itu ditiadakan.

Ertinya, kalau Yang Berhormat Tebrau gembira, ertinya apa yang dituntut oleh majikan telah diberi layanan yang baik oleh kerajaan. Jangan salahkan saya kalau saya membuat andaian ini, tidak ada *mala fide*. Akan tetapi kalau itulah yang dikatakan, maka ertinya kita ada sesuatu perkara yang belum dapat didedahkan di dalam Dewan ini yang saya mohon kalau boleh Yang Berhormat Menteri menceritakan apa dia. Bukan kita tidak bersetuju apa yang dituntut, cuma kita hendak tahu *what it is*. Daripada tadi lagi kita tak tahu apa yang di konsultasi kan

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Tebrau bangun, hendak bagi jalan Yang Berhormat?

**Datuk Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Yang Berhormat Kuala Krai, saya fikir tadi saya telah sebut dengan jelasnya bahawa 0.4 itu bukan dicadangkan oleh MCA. Ia sebenarnya kadar yang dipersetujui di dalam mesyuarat ataupun perbincangan *tripartite* antara kerajaan, majikan dan pekerja. Oleh itu, kami hanya minta bahawa kadar yang sudah dipersetujui oleh tiga pihak itu kita ikut sahaja, bukan cadangan baru. Saya harap bahawa jangan kelirukan rakyat.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Kita tengok *Hansard*, saya tidak sebut MCA langsung pun, saya sebut Yang Berhormat Tebrau sahaja. Jadi, di sini saya tidak sebut apa-apa parti, saya tahu mungkin Yang Berhormat Tebrau mewakili suara daripada majikan.

Akan tetapi yang kita hendak tahu dalam Dewan ini, apa yang dibawa oleh majikan, itu sahaja. Kalau ialah hanya satu *rate* itu tadi, mengapa apabila dibentangkan asal tadi, kementerian meletakkan *rate* yang kedua, ketiga dan keempat itu, apa sebab? Tentulah ada sebab. Saya merasakan kementerian pun ada juga hak untuk menentukan mengikut apa yang dipandang baik oleh kerajaan, tak semestinya apa yang majikan sebut, itu sahaja yang hendak diikut. Oleh sebab itu saya daripada awal lagi meminta Yang

Berhormat Menteri mendedahkan apa yang dibincangkan dalam konsultasi itu supaya kita nampak trend pemikiran majikan dalam hal ini. Itu sahaja Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

■2400

**12.00 tgh. mlm.**

**Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Richard Riot anak Jaem]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Tebrau, terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai. Saya ingin menjelaskan bahawa kerajaan telah memutuskan bahawa kita hanya mengambil dalam Jadual Kedua iaitu *part 1* sahaja. Ini bererti *part 2*, *part 3* dan *part 4* kita akan tarik balik atau mansuhkan. Itu penjelasan daripada saya, bukan dari Yang Berhormat Tebrau, bukan daripada MCA. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia dalam kertas pindaan hendaklah disetujukan.

*[Pindaan dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]*

*[Fasal 18 seperti yang dipinda jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Fasal-fasal 19 hingga 86 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

#### **Fasal 87 [Pindaan]-**

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Klang.

**12.03 tgh mlm.**

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya bangkit isu ini ataupun lontarkan isu ini dan saya baca *the proposal*, cadangan. Perkataan hendaklah disertakan dengan laporan aktuari dengan perkataan, “*hendaklah dibentang dan dibahas di Parlimen pada setiap tahun untuk meluluskan kadar caruman yang baharu untuk tahun seterusnya*”. Logik ataupun rasional untuk melontarkan isu ini ialah saya percaya bahawa Parlimen merupakan *custodian of public fund*. Parlimen merupakan satu Dewan yang mulia ini adalah *custodian* ataupun penjaga dana awam.

Oleh kerana ini, kita ada harap kita ada dana awam. Oleh kerana selalunya kita ada banyak skandal di Malaysia, skandal 1MDB, skandal FELDA, semua GLC maka, *there must be an over side body* dan Parlimen diberi tugas untuk menjaga dana awam ini. Khususnya kita dapati di Vietnam. Di Vietnam, saya baca dalam bahasa Inggeris Tuan Pengerusi, “*The unemployment insurance fund has a huge surplus, estimated at nearly 2.5 billion at the end of last year.*” Ini *2.5 billion surplus fund at the end of 2016*. So, Parlimen bermesyuarat dan juga telah *mandate* kepada kerajaan.

Saya baca apa *mandate* itu, “*The Vietnamese Government said it has agreed to cut half the coverage of unemployment insurance by employers to 0.5 percent of their salary fund to free up more funds for expansion and raising competitiveness.*” So, oleh kerana ada banyak *surplus* *2.5 billion surplus*, maka Parliment telah membuat satu keputusan iaitu untuk kurangkan *0.5 percent from whatever percent to 0.5 percent* supaya satu, pekerja boleh *spend more money to the economy* dan juga pihak majikan boleh *upgrade* dia punya *capital equipment* dan sebagainya. *But the point is* Parliment telah membuat *decision* itu sebab di Vietnam walaupun satu kerajaan komunis, Parliment ada kuasa untuk menjaga dana di sana. Mereka boleh terima pandangan orang lain dan membuat keputusan demi kepentingan pekerja mereka.

Oleh kerana itu, kita boleh belajar daripada Vietnam, di mana Parliment juga ada tugas, bukan *rubber stamp* sebab selalu orang kita di Malaysia—“*oh! Ini Parliment rubber stamp*”. So, kita beri tugas kepada Parliment, Dewan yang mulia ini supaya mengambil satu, terima *recommendation*, laporan dan sebagainya dan buat satu ketetapan bahawa Parliment memberi sokongan. Ini mesti dibuat setiap tahun. Untuk itu satu jawatankuasa boleh dibentuk, *Select Committee* boleh dibentuk untuk menjaga ataupun pantau isu berkait dengan *Employment Insurance Scheme*. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas pindaan oleh Yang Berhormat Klang yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Sungai Siput.

#### **12.05 tgh mlm.**

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Saya berdiri untuk menyokong apa yang dibawa oleh Yang Berhormat Klang. Dalam akta yang kita sedang bincangkan, sekarang kenaikan dalam kadar caruman boleh dibuat oleh organisasi dengan Yang Berhormat Menteri sahaja, tidak perlu dibawa ke Parliment. Saya rasa untuk ubahsuai sedikit, untuk dibawa ke Parliment sebelum kadar caruman daripada majikan dan pekerja ditingkatkan ataupun dikurangkan, itu saya ingat ada satu yang baiklah untuk Parliment demokrasi. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

**Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Richard Riot anak Jaem]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Kesan daripada cadangan pindaan kepada fasal 18 dan Jadual Kedua yang telah saya sebutkan sebentar tadi, sebarang pindaan pada kadar caruman akan perlu dibahaskan di Parliment. Oleh itu, cadangan pindaan pada fasal 87(1), fasal 87(2) dan fasal 87(2)(a) serta cadangan mengeluarkan fasal 87(2)(c)(i) tidak lagi berbangkit.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Klang dalam kertas pindaan hendaklah disetujukan.

*[Pindaan dikemukakan bagi diputuskan; dan tidak disetujukan]*

*[Fasal 87 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Fasal-fasal 88 hingga 90 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

#### **Jadual [Pindaan]-**

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

**12.07 tgh mlm.**

**Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Richard Riot anak Jaem]:** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan pindaan berikut. Satu, pindaan kepada Jadual Kedua iaitu:

- (i) perenggan dua dipinda seperti berikut. Caruman hendaklah dikira berdasarkan gaji bulanan dan hendaklah pada kadar yang berikut.
- (ii) pemotongan perkataan Bahagian I kadar caruman
- (iii) Bahagian II, Bahagian III dan Bahagian IV dalam Jadual Kedua dipotong.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan pindaan berikut. Satu, pindaan kepada Jadual Ketiga iaitu:

- (i) perenggan lapan Jadual Ketiga digantikan seperti yang berikut.  
“8. Gaji bulanan anggapan yang dinyatakan dalam perenggan enam bagi setiap bulan ialah amaun yang dinyatakan dalam jadual ini yang hendaklah bersamaan dengan kadar caruman yang dibayar atau kena dibayar bagi bulan itu mengikut Jadual Kedua.”
- (ii) perkataan “Bahagian I gaji bulanan anggapan” digantikan dengan “Gaji bulanan anggapan”; dan
- (iii) Bahagian II, Bahagian III, dan Bahagian IV dalam Jadual Ketiga dipotong.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Masalah ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas pindaan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia yang telah dibentangkan sekarang terbuka untuk dibahas.

*[Tiada Perbahasan]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia di dalam kertas pindaan hendaklah disetujukan.

*[Pindaan dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]*

**[Jadual seperti dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]**

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sila, Yang Berhormat Menteri.

■2410

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Jadual 1 kita belum bawa lagi Tuan Pengerusi. Jadual 1 kita belum bawa lagi, terus dua tiga sahaja yang pinda tadi, satu tidak ada. Buka balik *Hansard*.

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

**[Majlis Mesyuarat bersidang semula]**

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Pendidikan (Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan) dan diluluskan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi, hari Khamis 26 Oktober 2017.

**[Dewan ditangguhkan pada pukul 12:14 tengah malam]**